

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
- Rang Undang-undang Istana Negara (Elaun-elaun Diraja) (Pindaan) 2003	(Halaman 19)
- Rang Undang-undang Institut Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2003	(Halaman 23)
- Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara (Pindaan) 2003	(Halaman 77)
- Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003	(Halaman 91)
USUL:	
Menangguhkan Bacaan Kali Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang Di Bawah peraturan Mesyuarat 62	(Halaman 17)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 17)
USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:	
AKTA TABUNG ANTARABANGSA BAGI PEMBANGUNAN PERTANIAN 1992	
Sumbangan Dana Tambahan Malaysia Kepada Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian Sebanyak USD250,000	(Halaman 104)
AKTA KAWALAN PERTUKARAN WANG 1953	
(i) Peraturan-Peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi ke atas Dana yang Direpatriasi oleh Bukan Pemastautin) (Pindaan) 2002	
(ii) Peraturan-Peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi ke atas Dana yang Direpatriasi oleh Bukan Pemastautin) (Pindaan) (No. 2) 2002; dan	
(iii) Peraturan-Peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi ke atas Dana yang Direpatriasi oleh Bukan Pemastautin) (Pembatalan) 2002 diluluskan	(Halaman 105)
AKTA KASTAM 1967	
(i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2003; dan	
(ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.2) 2003	(Halaman 112)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Majlis Perubatan Malaysia (MMC) Tidak Menyiasat Aduan Seorang Pesakit Kanser – Tuan Tan Kok Wai (Cheras))	(Halaman 114)
Masalah Insinerator Di Broga - Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)	(Halaman 115)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
"	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
"	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
"	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
"	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
"	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
"	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
"	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
"	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
“	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
“	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
“	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A., S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

Yang Berhormat	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)

Yang Berhormat	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
“	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
“	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
“	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
“	Tan Sri Dato' Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
“	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
“	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
“	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
“	Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
“	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
“	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
“	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
“	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
“	Tan Sri Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
“	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
“	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha

Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd. Izhar bin Hashim
Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

JURUBAHASA SERENTAK

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Mazidah binti Mohamed
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

BENTARA MESYUARAT

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 26 Jun 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]

mempengerusikan Mesyuarat

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan kemasukan versi tercemar ubat-ubatan dan bahan kimia dari Jerman, Bayer AG yang didakwa membekalkan ubat-ubatan yang dicemari dengan HIV yang berisiko menyebabkan wabak AIDS ke beberapa negara Asia termasuk Malaysia dan nyatakan kes yang dapat dikesan daripadanya, sekiranya ada.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, ubat Bayer AG dari Jerman yang dimaksudkan ialah ubat faktor lapan. Ubat factor *eight* adalah ubat yang diperlukan oleh pesakit *hemophilia* iaitu pesakit yang tiada faktor ini dalam darah untuk membekukan darah apabila terjadi pendarahan. Pengeluar ubat ini telah mengesahkan bahawa kejadian ini terjadi sebelum Jun 1985.

Pada masa itu doktor, ahli sains, pengilang dan pesakit *hemophilia* sedang berhadapan dengan dilema iaitu risiko mendapat jangkitan virus yang belum pernah diketahui dengan menggunakan teknologi yang belum dibuktikan lagi iaitu kaedah penggunaan haba yang boleh menjejaskan keselamatan dan keberkesanan ubat penyelamat nyawa itu.

Walau bagaimanapun, semenjak Jun 1985, hanya ubat yang melalui kaedah penggunaan haba telah dibekalkan. Kementerian melalui proses pendaftaran ubat akan memastikan semua ubat-ubat didaftarkan setelah dipastikan selamat, berkesan dan berkualiti. Pendaftaran produk farmaseutikal yang mengandungi racun berjadual yang bermula pada tahun 1985 di bawah peraturan-peraturan kawalan dadah dan kosmetik 1984.

Keluaran 'factor eight' adalah merupakan produk yang dikelaskan sebagai produk racun berjadual dan tiga permohonan telah dikemukakan kepada pihak berkuasa kawalan dadah oleh pembekal pada tahun 1987. Produk-produk ini didaftarkan dalam tahun 1989. Pengeluar telah menggunakan kaedah penggunaan haba untuk proses 'diaktivasi' virus. Terdapat juga keluaran baru yang melalui dua peringkat diaktivasi iaitu kaedah pertama menggunakan *solvent* atau *detergent* dan kedua menggunakan haba di peringkat akhir.

Produk-produk yang termasuk dalam golongan ini dikawal ketat dan syarat pendaftaran yang dikenakan terhadap produk-produk ini adalah seperti berikut:

- Setiap kelompok mesti mematuhi keperluan badan kesihatan sedunia ataupun WHO
- Setiap kelompok yang diimport mesti disertakan *batch realist certificate* dari pihak berkuasa negara pengeluar.
- Setiap kelompok mesti disertakan sijil mengesahkan darah atau plasma yang digunakan dalam lot pengeluaran telah diuji dan

didapati negatif dari HIV antibodi dan hepatitis dan penderma yang berisiko tinggi tidak diterima.

- Setiap kelompok disertai dengan sijil analisa.

Mengikut maklumat yang diperolehi dari Pusat Darah Negara terdapat sebelas orang pesakit *hemophilia* telah dijangkiti HIV semasa itu iaitu sebelum tahun 1985 dan tidak dapat dipastikan bagaimana mereka dijangkiti kerana semasa itu kebanyakan pesakit *hemophilia* mendapat infeksi yang dihasilkan penderma darah dan semasa itu HIV belum dikesan di Malaysia.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan di atas jawapan yang begitu jelas. Ada beberapa kejadian menunjukkan kita di negara ini dengan beberapa peristiwa yang merunsingkan seperti baru-baru ini produk daripada Australia yang ditarik balik daripada pasaran negara ini dan kejadian yang menimpa seorang *actress* daripada Singapura apabila ia menggunakan produk perubatan daripada negara China yang diedarkan oleh 'Health.....' dengan mengaitkan enam kematian di seluruh Asia. Soalan tambahan saya, apakah pemantauan yang dibuat secara berterusan oleh Kementerian Kesihatan bagi memastikan setiap versi produk kesihatan yang dipasarkan di negara sentiasa selamat digunakan. Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedia maklum dan orang ramai pun sedia maklum tentang masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi pemantauan ini adalah pemantauan berterusan di mana sama ada melalui pemeriksaan di farmasi-farmasi ataupun kedai-kedai ubat dan pada masa yang sama juga kita mempunyai peruntukan-peruntukan undang-undang yang cukup untuk menarik balik produk seperti yang dikatakan daripada Australia itu dalam tempoh 24 jam iaitu dengan serta merta kita boleh menarik balik produk-produk tersebut dan itulah kuasa yang telah kita gunakan untuk menarik balik produk-produk daripada Australia apabila kita dimaklumkan produk itu tidak selamat lagi digunakan.

Jadi kita sentiasa memantau produk yang dipasarkan di sini dan pada masa yang sama juga semua produk yang dibenarkan di negara kita yang daripada luar negara kita sentiasa juga mengkaji ataupun melihat tentang pembangunan-pembangunan terkini di negara-negara pengeluar itu sendiri.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menghuraikan apakah langkah-langkah kawalan terhadap ubat-ubat seperti *beta-agonist* yang pada masa kini kes penyalahgunaan *beta-agonist* adalah berleluasa dan semasa pengimportan ubat *beta-agonist* ini, bolehkah pihak *pharmacy* di bawah Kementerian Kesihatan kawalkan kehendak negara kita ini melalui maklumat-maklumat daripada pihak *pharmacy* kerana *beta-agonist* ini sepatutnya digunakan untuk mengubati, merawat pesakit *asthma* dan kita tahu berapa kuantiti kita perlu supaya kita kawalkan kuantiti yang boleh diimport, ini akan dapat mengawal pihak penternak khinzir daripada dapat peluang menggunakan ubat *beta-agonist* yang mana ini adalah satu ubat yang *cancer-causing*.

Yang kedua adalah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah dua soalan Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Chang See Ten: Tentang ubat, ini pun tentang ubat, ubat atau makanan yang mana mengandungi *steroids* yang banyak, yakni bila salah makan akan mendatangkan *kidney failure* dan ini adalah perkara penting bagi Kementerian Kesihatan. Saya harap mendapat jawapan bagaimana kita boleh mempertingkatkan kawalan terhadap ubat-ubat yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, iaitu berkenaan dengan *steroids*. *Steroids* sama ada dalam makanan atau dalam ubat-ubatan, itu memang dilarang kecuali adalah melalui preskripsi seorang pakar. Jadi, memang isu itu tidak timbul. Jadi, memang orang ramai harus ingat bahawa pengambilan *steroids* membahayakan kesihatan mereka.

Berkaitan dengan *beta-agonist* ini, suka saya memaklumkan di Dewan ini bahawa dalam penggunaan *beta-agonist* ini, kita telah berjaya bersama-sama dengan Kementerian Pertanian mengawal penggunaannya. Tetapi apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah *beta-agonist* ini memang kita tahu bahawa ianya digunakan bagi tujuan perubatan, tetapi ia telah disalahgunakan dengan dimasukkan dalam makanan kita dan makanan ternakan untuk memastikan bahawa daging itu nampaknya lebih tanpa sebarang lemak.

Jadi, kita haruslah tahu bahawa daging yang tidak ada lemak itu, *limb medial*, sebenarnya mudah dihasilkan melalui penggunaan *beta-agonist*, itu adalah perkara penting dan memang ianya diseludup masuk ke dalam negara, jadi bukan melalui *pharmacy* ianya dibeli, tetapi kita terus membuat pemantauan bersama dengan Kementerian Pertanian dan kita telah berjaya membanteras masalah ini dan masih lagi ada juga satu, dua kes yang selalu kita lihat dan kita mengambil tindakan mahkamah terhadap mereka.

2. **Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) berikutan tindakan tegas menentang pencerobohan Iraq oleh askar Amerika, British dan Australia, adakah tindakan tersebut menjejaskan perhubungan dua hala dengan negara-negara tersebut, jika ya, apa tindakan untuk memulihkannya; dan
- (b) adakah kementerian sedar Amerika bertindak balas melarang rakyatnya melawat Malaysia kerana suara lantang kita membantah tindakan pencerobohan di Iraq. Apakah tindakan kementerian mengenai masalah itu.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat telah meluas atau *broad-based* dengan izin, yang antara lain meliputi bidang ekonomi, perdagangan, pendidikan, keselamatan, kebudayaan serta politik.

Hubungan tersebut saling memberi manfaat kepada kedua-dua negara walaupun Malaysia dan Amerika Syarikat mempunyai perbezaan pendapat mengenai isu-isu tertentu. Perbezaan-perbezaan tersebut tidak seharusnya mengancam hubungan tersebut yang telah dijalinan sekian lama dan telah membawa manfaat bersama.

Tuan Yang di-Pertua, pendirian Malaysia menentang pencerobohan ke atas Iraq adalah berasaskan prinsip serta kepercayaan kita terhadap undang-undang antarabangsa dan bukannya berasaskan sikap anti Amerika. Hakikat ini telah diterangkan dengan jelas kepada Kerajaan Amerika Syarikat. Sebagai negara yang percaya dan sentiasa memperjuangkan hak kebebasan bersuara, Amerika Syarikat tidak seharusnya mengecam atau menghukumkan negara-negara yang tidak bersependapat dengannya.

Kerajaan Malaysia sama sekali tidak bersetuju dengan penjelasan bahawa *travel advisory* yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Amerika Syarikat hanyalah untuk memberi nasihat kepada rakyat negara tersebut mengenai keadaan di Malaysia, memandangkan bahawa *travel advisory* tersebut tidak mencerminkan keadaan keselamatan sebenar di negara kita Malaysia. Sehubungan dengan itu, Duta Besar Amerika Syarikat telah dipanggil oleh Kementerian Luar Negeri dan beliau telah dimaklumkan mengenai rasa tidak puas hati kerajaan terhadap ketidaktepatan *travel advisory* tersebut dan supaya ianya ditarik balik.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri ini juga telah mengaturkan satu taklimat khas kepada semua ketua perwakilan asing di Malaysia pada 22 Mei 2003 untuk memberikan gambaran tepat mengenai keadaan keselamatan di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan dan soalan tambahan. Memang saya menerima hakikat bahawa perhubungan di antara G-to-G (Government to Government), dengan izin, adalah penting tetapi tidak kurang pentingnya perhubungan ekonomi kita dengan masyarakat *business people* di Amerika, dengan izin.

Jadi, kadang-kadang kita *suffer from unfortunately* daripada PR *failure*, perhubungan antarabangsa kerana liputan media yang kadang-kadang menunjukkan Malaysia sangat negatif.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, apakah tindakan kerajaan supaya kita punya kelemahan penyebaran antarabangsa ini boleh diatasi dan memperbaiki lagi persepsi pandangan masyarakat bukan kerajaan di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lutar. Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, usaha kita di Kementerian Luar Negeri dalam mengeluarkan keputusan dan juga maklumat-maklumat yang memperbetulkan khususnya perkara-perkara yang diberi gambaran oleh media-media asing, yang telah dengan tujuan tertentu untuk mencerminkan keadaan yang tidak begitu selamat di negara kita.

Walau bagaimanapun, usaha kita akan terus dan juga ada kesan dalam memberikan gambaran-gambaran bahawa negara kita Malaysia masih selamat untuk pelancong dan juga untuk pelaburan-pelaburan dan pada masa kini, kita masih melihatkan bahawa banyak lagi syarikat-syarikat yang masih menunjukkan minat untuk melabur di negara kita dan kita akan terus berusaha memberi gambaran dan juga membanteraskan mana-mana pihak yang terus memberi gambaran-gambaran yang negatif terhadap negara kita.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kita telah membuat rancangan untuk terus menggambarkan selain daripada bahawa negara kita Malaysia ini bukan untuk pelancongan sahaja, kita akan juga menekankan bahawa iklim-iklim untuk pelaburan adalah sihat dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Peperangan di Iraq sudah menjadi sejarah. Walau bagaimanapun, saya ingin melalui Dewan yang mulia ini, hendak melahirkan rasa penghargaan, rasa kekaguman dan syabas kepada rombongan MERCY Malaysia yang diketuai oleh Dr. Jamilah [*Tepuk*] yang dengan rombongannya, untuk kegiatan perubatan dan juga bantuan kebajikan hingga pasukan ini tertembak.

Jadi, pasukan Dr. Jamilah ini telah pun berani mengorbankan diri dan keselamatannya dan ini amat membanggakan rakyat Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia ini, saya rasa kerajaan harus memberikan penghargaan kepada warganegaranya yang membuat jasa di peringkat antarabangsa, bukan mudahlah, keberaniannya dan keikhlasannya.

Jadi, saya berharap dan apa pertanyaan saya, ada atau tidak Kementerian Luar Negeri berura-ura untuk memberikan penghargaan kepada Pasukan MERCY Malaysia yang diketuai oleh Dr. Jamilah ini dan apakah bentuknya penghargaan sebagai tanda penghormatan dan rasa bangga kita kepada pasukan ini.

Dia bukan datang hendak berperang ataupun hendak menyusahkan orang lain, tetapi hendak membantu dan menolong dan ternyata hasil bantuan dan pertolongannya itu memberikan kebaikan kepada rakyat Iraq yang menderita dalam peperangan dan sekali gus memberikan nama baik dan nama harum kepada negara Malaysia di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang mengetuai Kerajaan Barisan Nasional di peringkat negara ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading yang telah mengeluarkan perasaan kekaguman dan perasaan kebanggaan beliau atas usaha-usaha Pasukan MERCY dari Malaysia, rakyat Malaysia yang telah melibatkan diri dan juga yang telah menggadaikan nyawa dalam keadaan berperang semasa pencerobohan di Iraq. Dan mereka memang telah banyak

baktinya kepada khususnya memulihkan semula kebanyakan kemudahan-kemudahan kesihatan dan juga hospital yang luar dari kawasan-kawasan yang ada kemudahan-kemudahan yang mencukupi.

Dan mereka telah berusaha dengan sedaya upaya mereka dan berjaya dapat memberikan rawatan kepada yang memerlukan khususnya dalam keadaan yang begitu rumit dan juga dengan bekalan perubatan dan kemudahan yang berkurangan.

Bagi makluman Yang Berhormat bagi Sri Gading juga, kalau tidak silap saya, kedua-dua pemimpin MERCY itu juga telah dianugerahkan oleh negara kita Pingat Jasa Negara yang membawa gelaran Dato' pada Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam bulan Jun baru-baru ini. Inilah salah satu cara kita memberi penghargaan kepada usaha mereka dan juga kepada pihak-pihak tersebut.

Kepercayaan kerajaan dan juga menerusi Kementerian Luar Negeri kepada pihak pasukan ini juga telah memperuntukkan lebih kurang RM6 juta untuk bekalan perubatan untuk mereka terus memberikan khidmat dalam pemulihan, khususnya keadaan rakyat di Iraq selepas pencerobohan yang lalu.

Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 3 – Yang Berhormat Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian) tidak hadir]

[Soalan No. 4 – Yang Berhormat Tan Sri Hajah Zaleha binti Ismail (Gombak) tidak hadir]

5. **Tuan Hassan bin Mohamed [Besut]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) siapakah pembekal komputer bimbit kepada sekolah-sekolah. Apakah benar pembekal komputer tersebut milik syarikat anak Perdana Menteri.
- (b) berapakah jumlah komputer bimbit tersebut yang dibekalkan dan berapakah harganya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd.

Khair: Tuan Yang di-Pertua, terdapat sepuluh pembekal komputer bimbit kepada sekolah pada tahun 2002 untuk kegunaan tahun 2003. Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) APEX Communications Sdn. Bhd.
- (ii) IGIV Technology Sdn. Bhd.
- (iii) Metronics Engineering Sdn. Bhd.
- (iv) MHS Resources Sdn. Bhd.
- (v) Mimos Smart Computing Sdn. Bhd.
- (vi) Nuinfra Consolidated Sdn. Bhd.
- (vii) Primabumi Sdn. Bhd.
- (viii) Saluran Fajar Sdn. Bhd.
- (ix) SJA Trade & Services Sdn. Bhd.
- (x) Stack Integrator Sdn. Bhd.

Berdasarkan profil yang dikemukakan oleh setiap syarikat, tiada nama anak Perdana Menteri. Saya ulangi, tiada nama anak Perdana Menteri yang tersenarai sebagai pemilik atau Lembaga Pengarah bagi mana-mana daripada sepuluh syarikat berkenaan.

Perkara kedua ialah bilangan komputer bimbit kepada sekolah-sekolah untuk kegunaan tahun 2003 adalah sebanyak 48,639. Harga seunit komputer bimbit adalah antara RM5,500 hingga RM5,800 bergantung kepada jenama.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Lain nampak Yang Berhormat bagi Bachok pagi ini. *[Ketawa]* Terus, silakan Yang Berhormat bagi Bachok.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Boleh saya tanya? Boleh ya? Mengikut maklumat yang saya terima, guru-guru yang menerima komputer bimbit ini tidak diberi satu kursus khas untuk mengendalikan teknologi canggih. Kemudiannya, didakwa bahawa perisian komputer yang dibekalkan adalah mengandungi perisian yang lama, tidak *updated*. Dan yang ketiganya, *laptop* yang dibekalkan itu didapati begitu sensitif. Dari sudut pengurusannya ataupun dari sudut *maintenancenya*, dikatakan memakan belanja dan mungkin tidak sampai setahun ia akan memerlukan satu usaha untuk pemulihan semula. Minta penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab pun rasa gerun juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya ingat personaliti Bollywood baru. *[Ketawa]* Oleh itu, *salute* saya kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat, sebenarnya mengenai dengan *courseware* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, itu yang saya faham, *courseware* ini kita gunakan bagi mata pelajaran atau subjek Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. Manakala, *courseware* ini yang dibangunkan oleh enam buah syarikat yang dilantik secara runding terus oleh Kementerian Pendidikan. Ini yang kita lakukan.

Jadi, dari pemilihan pelantikan ini, kita berdasarkan kepada mereka yang mempunyai pengalaman dan juga teknologi yang lebih canggih, itu harapan kita. Kita bukan mengambil daripada pihak syarikat yang menghasilkan *courseware* ini secara sumberono. Kita tidak pernah melakukan itu.

Jadi, kalaulah komen Yang Berhormat mengenai dengan *courseware* itu tidak mencukupi dan sebagainya, saya berharap Yang Berhormat boleh bagi komen kepada kita supaya ini menjadi garis panduan dan di mana kesilapan itu. Itu saya menyanjung tinggi kepada Yang Berhormat tetapi apa yang kita lakukan ini, kita senantiasa memantau pegawai itu, khususnya di peringkat daerah kepada negeri dan negeri selalunya memberi laporan kepada kami mengenai penggunaan *courseware* tadi.

Mengenai dengan *laptop* yang kita bekalkan kepada sekolah-sekolah itu, dari segi *maintenance*, ini termasuk *maintenance*, kita memperuntukkan sebanyak RM10,000 untuk setiap sekolah menengah dan RM5,000 untuk setiap sekolah rendah yang menyediakan kemudahan tadi dan dengan harapan sekiranya ada masalah, peruntukan ini boleh digunakan termasuk keselamatan *laptop* itu sendiri di mana kita minta pihak sekolah mewujudkan bilik yang ada *grille* dan sekolah bertanggungjawab dari segi keselamatan. Kita juga mengizinkan sekolah membuat rundingan dengan guru, ada juga yang bawa balik ke rumah tetapi untuk persediaan mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan komputer yang ditempah, saya dengar lebih kurang 48,000 unit bernilai antara

RM5,500 hingga RM5,800 seunit. Bermakna, jumlah kesemuanya memakan belanja ratusan juta ataupun puluhan juta. Yang saya hendak tahu ialah, apakah jenama-jenama komputer *laptop* ini dan adakah komputer-komputer ini buatan tempatan seperti Mimos dan sebagainya ataupun ianya adalah yang diimport dari luar negara?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Oleh kerana ini memerlukan huraian yang terperinci, begitu spesifik sekali, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat, saya akan hantar nama-nama yang Yang Berhormat pohonkan itu secara bertulis. Saya beri jaminan dalam hal ini, komputer-komputer yang kita bekalkan itu selalunya mendapat kelulusan daripada pihak bahagian pembekalan kita sama ada ia boleh dipakai ataupun tidak. Walau bagaimanapun, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat, saya akan senaraikan nama-nama jenama itu secara bertulis. Terima kasih.

6. **Puan Hajah Sukinam Domo [Batang Sadong]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan yang diambil terhadap syarikat yang masih mengambil pekerja asing tanpa izin.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan yang didapati mengambil pendatang tanpa izin sebagai pekerja mereka. Melalui pindaan terhadap Akta Imigresen yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2002, hukuman yang boleh dikenakan terhadap mereka yang menggaji ataupun melindungi pendatang tanpa izin adalah seperti berikut:

- (a) seksyen 55B(1) memperuntukkan jika mengambil seorang pekerja atau lebih, didenda di antara RM10,000 hingga RM50,000 bagi setiap pekerja;
- (b) seksyen 55B(3) memperuntukkan jika mengambil pekerja lebih daripada lima orang, dikenakan hukuman penjara di antara enam bulan hingga ke lima tahun dan disebat tidak lebih daripada enam sebatan;
- (c) seksyen 56(B)(bb) memperuntukkan kesalahan di bawah seksyen 56(1)(d) iaitu jika melindungi pendatang tanpa izin, didenda di antara RM10,000 hingga RM50,000 bagi setiap orang yang dilindungi dan jika lebih daripada lima orang yang dilindungi, dikenakan hukuman penjara di antara enam bulan hingga ke lima tahun dan sebat tidak lebih daripada enam rotan. Tindakan undang-undang juga akan diambil terhadap pegawai-pegawai syarikat. Mengikut Akta Imigresen, mereka tidak dibenarkan mengambil pekerja-pekerja asing atau disenarai hitam. Terima kasih.

Puan Sukinam Domo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Setiausaha Parlimen tadi. Saya ingin bertanya, apakah kesan atas tindakan ataupun undang-undang ini kepada majikan-majikan dan juga masalah yang kita hadapi berhubung dengan pekerja asing tanpa izin. Sebab kita dapati masih terdapat begitu ramai pekerja asing tanpa izin yang ditangkap dan dihantar balik dan sebagainya, dan kita dapati ada juga syarikat-syarikat yang mungkin tidak berdaftar ataupun di bidang-bidang lain seperti ladang kelapa sawit. Saya difahamkan, ramai pekerja di situ adalah pendatang tanpa izin. Apakah kesan kepada undang-undang ini terhadap isu ataupun masalah pekerja asing tanpa izin? Sekian.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, tindakan kerajaan dalam menguatkuasakan Akta Imigresen (Pindaan) 2002 ini untuk mengenakan hukuman yang keras terhadap kesalahan imigresen yang menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan banyak negara. Walau bagaimanapun, melalui perbincangan sama ada di peringkat dua hala atau serantau, mereka memahami keadaan dan keresahan negara kita, pertama sekali kita ingin menjaga keselamatan, ketenteraman dan juga kestabilan negara kita.

Di antara sektor-sektor yang terlibat terutama sekali sektor pertanian seperti kelapa sawit dan lain-lain lagi, ini juga sedang kita buat kajian mendalam supaya pengambilan pekerja-pekerja asing dalam sektor ini lebih dapat dirancahkan pada masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Masih terdapat syarikat yang masih mengambil pekerja asing tanpa izin dan bila pemeriksaan dan serbuan oleh pihak imigresen atau polis dijalankan, pekerja-pekerja ini disembunyikan bagi mengelakkan dari tangkapan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah kementerian masih menimbang kelonggaran bagi pekerja-pekerja asing tanpa izin ini yang menyerah diri untuk pulang ke negara asal. Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Terima kasih atas pertanyaan itu. Kerajaan akan meneruskan tindakan-tindakan terhadap pekerja-pekerja asing tanpa izin ini dan apabila mereka menyerah diri, kerajaan akan memastikan supaya mereka pulang ke negara mereka dan memastikan syarat-syarat pekerja untuk datang ke Malaysia itu diikuti dan mereka akan diberi peluang untuk bekerja dalam negara ini. Terima kasih.

7. **Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah Malaysia bagi memperkukuhkan ASEAN sebagai blok rantau dalam menghadapi cabaran globalisasi sebagaimana EU.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua sedia maklum, kerjasama telah sekian lama dan akan terus menjadi tulang belakang hubungan luar Malaysia. Oleh yang demikian, Malaysia menyokong penuh kerjasama ASEAN dan sentiasa terus memberi penekanan supaya kerjasama ini dipertingkatkan demi kemajuan dan perkembangan ekonomi serta kestabilan masa hadapan rantau ini.

Malaysia akan terus bekerjasama dengan rakan-rakan ASEAN dalam memperkukuhkan semangat persaudaraan, mempertingkatkan integrasi serantau, meningkatkan daya saing dan berusaha ke arah mengurangkan perbezaan antara negara-negara ASEAN. Ini dapat dilihat dari inisiatif-inisiatif yang diambil oleh negara kita Malaysia dalam menjayakan projek-projek di bawah Program Initiative for ASEAN Integration (IAI), dengan izin. Malaysia sejak beberapa tahun yang lepas telah menganjurkan pelbagai program latihan dan teknikal khas melalui Malaysian Technical Corporation Programme (MTCP) untuk negara-negara Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam.

Kemampuan ASEAN untuk membincangkan isu-isu penting yang perlu ditandatangani dengan segera telah terbukti semasa Mesyuarat Khas Ketua-ketua Negara Kerajaan ASEAN mengenai SARS yang telah diadakan di Bangkok pada 29 April 2003 di mana semua ketua negara dan kerajaan negara-negara ASEAN telah turut bersama-sama dalam menangani ancaman SARS.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memperkukuhkan ASEAN sebagai satu kerjasama serantau yang berjaya dan bagi mencapai tahap kerjasama yang diidamkan, ASEAN mempunyai wawasan tersendiri dan pelan tindakan yang bersesuaian yang menumpukan ke arah pencapaian objektif-objektif ASEAN iaitu Wawasan ASEAN 2020 dan Hanoi Plan of Action. Wawasan ASEAN 2020 merupakan satu wawasan ASEAN untuk menjadikan sebagai satu rantau yang terdiri dari negara-negara Asia Tenggara yang hidup dalam keadaan aman damai, stabil dan mewah berlandaskan konsep rakan pembangunan yang dinamik dan terdiri dari satu komuniti masyarakat penyayang.

Dalam mencapai Wawasan ASEAN 2020 ini, ASEAN berpanduan kepada satu rangka kerja bagi semua kerjasama yang dilaksanakan oleh ASEAN yang dikenali sebagai Hanoi Plan of Action. Di antara kerjasama yang wujud dan langkah-langkah yang diambil oleh ASEAN bagi mempertingkatkan keutuhan sebagai sebuah organisasi serantau yang berwibawa ialah mewujudkan kerjasama dalam bidang-bidang politik dan keselamatan, ekonomi dan kewangan dan kerjasama dalam bidang sosial dan pembangunan.

Sehubungan dengan itu, ASEAN buat masa ini sedang mempertimbangkan ASEAN Economic Community (AEC) dan ASEAN Security Community (ASC) dalam usaha untuk memperkukuhkan lagi ASEAN sebagai satu badan kerjasama serantau yang kuat dan berpengaruh. Di antara kerjasama penting ASEAN yang boleh dibanggakan di dalam menghadapi cabaran ekonomi masa kini ialah mewujudkan Kawasan Bebas ASEAN (AFTA), Kawasan Pelaburan ASEAN (ASEAN Investment Area).

Tuan Yang di-Pertua, di samping kerjasama dalam bidang-bidang yang disebutkan tadi, ASEAN juga turut menjadi forum bagi perbincangan mengenai isu-isu yang dianggap sensitif dalam suasana yang tidak formal di kalangan pemimpin-pemimpin negara ASEAN. Ini termasuk ASEAN Regional Forum (ARF) yang menjadi forum bagi perbincangan isu-isu mengenai sekuriti di Asia Pasifik atau keselamatan di Asia Pasifik yang melibatkan perbincangan di antara ASEAN dan negara-negara besar di dunia.

Berbagai-bagai usaha juga dilaksanakan oleh ASEAN untuk mengukuhkan lagi hubungan kerjasama iaitu ASEAN dengan negara-negara Timur iaitu China, Jepun, Republik Korea melalui program ASEAN + 3. Di samping itu juga, tahap kerjasama ASEAN dengan India yang telah ditingkatkan berikutan sejak kemuncak ASEAN-India yang telah diadakan di Brunei pada tahun 2002.

Pada keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, teras kerjasama ASEAN dalam bidang ekonomi dan kewangan yang menumpukan ke arah *nation-building* dan pembangunan ekonomi hanya berjaya dicapai dengan adanya suasana yang aman di rantau ini, yang dikecapi dengan usaha selari yang diterajui oleh ASEAN dalam bidang politik dan keselamatan. Kejayaan yang dicapai oleh ASEAN dalam pelbagai bidang telah diakui dan mendapat perhatian masyarakat antarabangsa sehingga terdapatnya beberapa buah negara di luar ASEAN di rantau ini telah menyatakan keinginannya untuk menyertai ASEAN. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Tambun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju atas pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kejayaan ASEAN. Dalam konteks soalan saya, saya membandingkan ASEAN dengan EU, di mana terdapat *gap* yang begitu luas, dan kita dapat lihat bahawa ASEAN sekarang ini mengambil tindakan secara terasing dengan negara ASEAN secara *bilateral* dan FTA. Kemudian kita dapati sensitiviti yang luar biasa dan meluap-luap, umpamanya antara Malaysia dengan Singapura dan masalah Myanmar. Tidakkah ini menunjukkan bahawa dalam perkembangan ASEAN terdapat halangan-halangan untuk ia dapat meningkat dengan lebih mantap lagi?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tambun. Memang benar ini nampaknya dari luar bahawa ia adalah satu-satunya cabaran terhadap kekukuhan ASEAN dalam menangani masalah-masalah dalaman dan juga masalah serantau. Dalam mesyuarat atau forum yang baru diadakan dalam bulan ini di Phnom Penh menunjukkan bahawa dalam ASEAN ini, matlamat, tujuan dan keinginannya atau *the political will* untuk menyelesaikan masalah-masalah bersama masih wujud, dan dalam usaha untuk memberikan kesedaran bahawa apa yang melibatkan, walaupun kita nampaknya dalam menghadapi cabaran ekonomi, sekuriti atau politik serantau ini, tetapi yang pentingnya, negara-negara dalam ASEAN ini masih dapat berbincang dan memberikan penerangan dan akhirnya mendapat persetujuan untuk memberi keutamaan-keutamaan kepada perkara atau isu-isu yang seharusnya ditangani bersama oleh semua ahli ASEAN.

Dan begitu juga untuk menuju ke arah satu komuniti ekonomi, ada juga cadangan dalam ASEAN Corporation dan khususnya dalam ASEAN + 3, kita telah ada cadangan-cadangan antara negara-negara ASEAN dan juga negara-negara yang berdialog dengan ASEAN untuk mewujudkan misalnya, ASEAN Bond yang boleh menjadi sebagai satu permulaan bagi kita bekerjasama dalam bidang ekonomi dan juga menuju ke arah satu *economic community* yang dapat memperkuat lagi

pertumbuhan atau memberikan sandaran kepada negara-negara ahli ASEAN yang masih memerlukan *drive* atau *impetus* untuk membangunkan ekonomi mereka.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Yang Berhormat bagi Sib. Ha, Yang Berhormat bagi Sib.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kesan ahli ASEAN di mana mereka telah menandatangani perjanjian bilateral dengan negara lain? Contohnya, Singapore dan Amerika Syarikat, Singapore dan Australia, ditambah pula sekarang ini Thailand pun sudah menandatangani perjanjian *free trade agreement* dengan negara China. Apakah kesannya untuk satu kumpulan ekonomi di rantau ini? Saya fikir ini kurang sihat, tambahan pula ada kemungkinan Eropah sudah mewujudkan EU, Amerika Utara dan Amerika Selatan telah ada NAFTA, ada kemungkinan ASEAN *will take the lead* untuk mewujudkan satu kumpulan ASEAN Union. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sib. Memang pada masa ini belum ada ura-ura untuk mewujudkan satu kesatuan seperti European Union, tetapi usaha untuk mempertingkatkan kerjasama ekonomi dan pembangunan ekonomi rantau ini memang diwujudkan dan telah diberikan penekanan dalam usaha-usaha kerjasama di antara negara-negara ASEAN.

Satu perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Sib tadi bahawa kita lihat negara Thailand dan Singapura telah membuat *bilateral agreement* mengenai *free trade zone* atau *free trade area* dengan pelbagai negara. Ini memang kalau dilihat secara kasar akan kemungkinannya mencabar kerjasama antara negara-negara ASEAN di rantau ini, tetapi kita perlu lihat dalam keadaan di mana ekonomi sesuatu negara itu adalah bergantung kepada cara atau strategi sesebuah negara itu mengambil tindakan supaya ekonomi mereka dapat dipertahankan.

Ini adalah satu perkara yang negara kita masih mempertimbangkan, dan kita juga akan mengadakan cara-cara di mana ini adalah satu *alternative track* bagi mengatasi masalah atau kerumitan dalam perjanjian WTO, dan ini adalah satu cara mereka yang merasai bahawa rundingan atau perjanjian atau persetujuan dalam WTO telah melambatkan dan tidak akan meyakinkan ekonomi mereka. Jadi mereka ini akan terus mengambil satu usaha selain dari mengambil satu *track* sahaja dalam *trade agreement* atau perjanjian usaha *trade* mereka. Mereka juga mengambil langkah-langkah mereka sendiri untuk mendapatkan perhubungan atau *free trade agreement* dengan negara-negara yang mereka anggapkan penting untuk ekonomi mereka.

8. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah garis panduan pihaknya ke atas pelantikan Ketua-ketua Eksekutif dan CEO agensi dan anak-anak syarikat milik kerajaan dan nyatakan juga kaedah-kaedah yang digunapakai oleh kerajaan bagi tujuan pelantikan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut. Tuan Yang di-Pertua, garis panduan, kaedah dan kriteria yang diguna pakai dalam urusan pelantikan Ketua-ketua Eksekutif dan CEO bagi agensi dan anak-anak syarikat milik kerajaan, dibuat berdasarkan kepada latar belakang, kelayakan dan pengalaman yang dimiliki oleh calon berkenaan yang bersesuaian dengan aktiviti utama syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, penglibatan calon dalam aktiviti kegiatan sampingan, prestasi pengurusan syarikat-syarikat yang pernah dikendalikan sebelum ini serta sumbangan yang telah diberikan kepada kerajaan atau masyarakat setempat juga diambil kira dalam pelantikan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sama ada pelantikan mereka ini setimpal dengan gaji, elau

(*perks*) yang diterima oleh mereka berdasarkan kepada pengalaman, kelulusan yang mereka miliki, dan adakah Kementerian mengadakan temu duga bagi calon-calon CEO/ Ketua Eksekutif tersebut sebelum dilantik? Dan berapa kalikah lapisan temu duga itu dibuat? Sejauh manakah Kementerian memantau prestasi CEO ini dan inovasi mereka kerana terdapat juga mereka yang menjalankan projek-projek yang agak berlebihan selain daripada sejauh mana kes-kes CEO yang dilantik ini membelakangkan Lembaga Pengarah yang juga dilantik oleh kerajaan? Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang setiap pelantikan CEO bagi syarikat-syarikat yang pegangan sahamnya dimiliki oleh kerajaan adalah sentiasa setimpal dengan gaji yang mereka terima dan kebolehan yang mereka ada. Sebenarnya bagi pelantikan setiap CEO yang kerajaan mempunyai pegangan saham terbesar dalam sesebuah syarikat, sama ada kerajaan boleh lantik terus ataupun secara temu duga. Jadi, ada dua cara iaitu pelantikan terus ataupun secara temu duga.

Mereka sentiasa dipantau oleh kerajaan, dengan sebab itu pelantikan mereka adalah untuk tempoh dua tahun. Dalam tempoh itu, kerajaan akan melihat prestasi mereka. Jikalau prestasi mereka baik, cemerlang dan memuaskan, maka kemungkinan akan disambung, tetapi kalau kemungkinan prestasi mereka tidak baik, tidak cemerlang, maka akan ditamatkan.

Kes-kes CEO membelakangkan Lembaga Pengarah, setakat ini tidak berbangkit kerana bukan sahaja Lembaga Pengarah malah kerajaan sendiri iaitu MKD sentiasa memantau mereka supaya mereka sentiasa melaksanakan dasar dan juga cita-cita kerajaan dalam menguruskan sesebuah syarikat supaya syarikat itu dapat memenuhi kehendak kerajaan, iaitu meraih keuntungan dan juga menjaga kepentingan strategi kerajaan. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, pada kebiasaannya Menteri juga yang ingin melantik bakal CEO sesebuah syarikat kerajaan, bagaimana jika Lembaga Pengarah ingin juga melantik? Menteri dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah bercanggah di dalam pemilihan ini. Siapakah yang membuat keputusan agar seseorang itu dilantik sebagai CEO?

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Seperti yang saya sebutkan tadi, bagi syarikat-syarikat di mana kerajaan mempunyai pegangan ekuiti terbesar, maka ini adalah hak kerajaan melalui Menteri Kewangan melantik CEO ini. Bagi syarikat di mana kerajaan tidak mempunyai pegangan ekuiti yang besar, iaitu pegangan yang kecil, maka Lembaga Pengarah akan melantiknya. Jadi dalam hal itu, saya rasa tidak berlaku percanggahan kerana bagi syarikat yang sahamnya besar, dimiliki oleh kerajaan, Menteri akan lantik. Bagi yang kecil, Lembaga Pengarah akan melantiknya.

Satu lagi perkara, Yang Berhormat bagi Mambong, saya ingin mengingatkan bahawa bagi syarikat-syarikat kewangan, latar belakang seseorang calon mesti disahkan dahulu oleh Bank Negara Malaysia, lepas itu barulah lantikan dibuat oleh Menteri.

Bagi syarikat-syarikat yang bukan kewangan, Menteri lantik, lepas itu profil CEO dihantar untuk rekod oleh ROC. Ini adalah untuk memastikan bahawa rekod-rekod mereka tersimpan dengan baik dan dapat dipantau pergerakan mereka dalam menguruskan syarikat-syarikat kerajaan ini. Terima kasih.

9. **Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah sebabnya walaupun begitu ramai pembeli telah ditipu, sehingga hari ini kerajaan masih enggan memperkenalkan suatu undang-undang untuk mengawal pembangunan projek-projek komersial.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan menyedari bahawa ramai pembeli telah menghadapi kesukaran atau masalah yang dibangkitkan atau disebabkan oleh pembelian projek-projek komersial. Sehubungan dengan ini,

pihak kerajaan sedang dalam proses mengkaji satu undang-undang untuk mengawal pembangunan projek-projek komersial.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, jawapan sedang kaji itu, saya sudah banyak kali dengar sejak saya dipilih tahun 1999. Jadi, ini bukanlah satu sikap yang proaktif dan saya berharap - Yang Berhormat Menteri, kerusi pun sudah mara ke hadapan – boleh ambil satu tindakan yang proaktif, beritahu apakah sebabnya kita sudah merdeka 46 tahun tetapi masih hendak melindungi pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab dan bukan membela nasib pembeli-pembeli yang telah ditipu.

Jadi, saya kurang faham apakah lojiknya dan bukan sahaja itu, soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, pertanyaan.

Tuan Kerk Kim Hock: ...ialah bahawa apabila undang-undang digubalkan. Bilakah saya tidak tahu. Bolehkah Menteri menjamin bahawa hak pembeli benar-benar boleh dijaga seperti kes ini yang saya banyak kali dedahkan – *Project Malaysia China Light Industrial City* di mana seorang pemaju asal projek ini yang mempunyai gelaran Dato' begitu terang-terang mengutip wang daripada pembeli sebanyak RM22 juta, tetapi dia menggunakan lesen palsu, disahkan oleh kementerian sendiri. Hampir setahun, bila orang tanya, baru beri jawapan. Saya telefon, saya beri *e-mail* kepada penguat kuasa baru dapat jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Siasatan polis juga telah diberi kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sehingga hari ini, dekat lima tahun, Dato' ini boleh pergi ke sana-sini, di Melaka, orang ingat dia ada *cable* kuat. Jadi, apakah sebabnya? Menteri tahu kes ini. Tidak ada tindakan langsung diambil terhadap pemaju asal ini yang telah secara terang-terangan melanggar undang-undang.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, soal kerajaan hendak melindungi pemaju yang tidak bertanggungjawab itu, tidak tepat sekali. Sama ada pemaju ataupun sesiapa sahaja kalau dia melanggar undang-undang ataupun dia tidak jujur, ikhlas, cuba menipu, kerajaan tetap ambil tindakan. Sama ada dari segi penipuan, polis boleh mengambil tindakan dari segi *commercial crime* dan sebagainya.

Bagi undang-undang yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka, saya ingin mengingatkan Yang Berhormat bagi Kota Melaka bahawa selama ini projek-projek komersial, ia tidak ditakrif di bawah Akta Pemaju Perumahan di mana kementerian saya adalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bukan kementerian komersial.

Walau bagaimanapun, saya memang sangat prihatin dan sentiasa hendak mengambil inisiatif bagaimana boleh menolong pembeli-pembeli kedai ataupun unit komersial. Dalam pada itu saya akan cadangkan kepada Jemaah Menteri kalau sekiranya Jemaah Menteri rasa kementerian saya boleh dikembangkan lagi, boleh dibesarkan lagi, selain daripada perumahan, boleh juga jaga unit-unit komersial ataupun ada agensi lain yang lebih sesuai kerana ini komersial, saya punya kementerian perumahan ini – bolehkah undang-undang digubal untuk mengawal semua bangunan komersial.

Saya memang sanggup, boleh pikul tanggungjawab kalau sekiranya dipersetujui oleh kerajaan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih,.....

Tuan Kerk Kim Hock: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, dia sudah jawab, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah jawab, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *Sit down you.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk.

Tuan Kerk Kim Hock: Apa gunanya saya tanya, dia tidak mahu jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah cukuplah, Yang Berhormat. *[Disampuk]* Dia sudah jawab setakat itu, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka, cukuplah. *[Disampuk]* Yang Berhormat bagi Kota Melaka, cukup. Ya, Yang Berhormat bagi Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *Sit down. [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *Thank you. [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, silakan soalan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Saya tahulah memang perumahan ini banyak masalah, terutama rumah tergendala. Saya hendak minta kerajaan mengkaji balik syarat yang dikenakan kepada pemaju. Sekarang ini bayaran 10% mesti dibayar waktu kita hendak membeli rumah. Dia sudah kenakan 10% mesti bayar. Tanah kosong pun kena 10%.

Selepas itu, banyak masalah timbul rumah tergendala. Boleh atau tidak kerajaan dalam undang-undang ini masukkan syarat setelah rumah siap 50% dibuat oleh pemaju, barulah pembeli dikenakan bayaran 10%. Maknanya, sudah nampak, "Ah, sudah separuh, sudah hendak siap". Bermakna, ada keyakinan dan kalau ada masalah pun tidaklah pembeli rugi. Sekarang ini pembeli rugi, tempat saya banyak berlaku.

Yang kedua, boleh tidak disyaratkan juga pemaju ini, yang menjadi masalah ialah orang yang berpendapatan rendah hendakkan rumah murah. Bila satu projek perumahan besar dibuat, dia tak buat rumah murah. Dia buat rumah yang mahal dahulu. Saya tahulah, mungkin ada masalah tertentu, tetapi saya tengok ada syarikat yang begitu besar tetapi dia buat rumah mahal lebih awal. Jadi rumah murah ini, selepas projek diluluskan, beberapa tahun tidak dibuat-buat rumah murah. Boleh tak disyaratkan juga bahawa bila diluluskan lesen rumah mahal buat tetapi peratus mesti dikenakan kepada pemaju 30 peratus atau 40 peratus atau 50 peratus mesti rumah murah dibuat sekali sama-sama dengan rumah mahal. Kalau boleh dikenakan syarat untuk menyelamatkan pembeli. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya selepas pindaan Akta Pemajuan Perumahan yang telah diluluskan oleh Parlimen dan telah dikuatkuasakan baru-baru ini, dia punya Surat Perjanjian Jual Beli telah pun diubahsuai iaitu dijadikan lebih adil kepada pembeli iaitu tiap-tiap peringkat *progress payment* dibuat itu dia ada pengawalan dan penyeliaan. Kalau kita ingat bagi pemaju siap 50 peratus dia jual tidak semestinya mereka siap juga kalau sekiranya undang-undang itu tidak cukup lengkap dari awal sampai akhirnya.

Sekarang ini dengan pindaan akta ini, saya lebih yakin bahawa setiap enam bulan ada kawal selia kerana laporan *progress report* itu diwajibkan kepada pemaju supaya kita tahu apa sudah berlaku pada setiap projek dan lagi pun syarat-syarat lain telah ketat di mana pemaju tidak boleh senang-senang hendak ambil wang keluar daripada HDA akaun dan sebagainya. Sekarang kita ada satu keberkesanan yang lebih baik dari segi pengawalan.

Bagi rumah murah ataupun rumah kos rendah, saya juga faham ada masalah. Kadang kala pihak kerajaan negeri bagi kelonggaran kepada pemaju yang tertentu sehingga mereka membina rumah yang kos lebih tinggi dahulu. Lepas itu, rumah kos rendah itu dia minta pula kelonggaran untuk ubahsuai menjadi kos sederhana atau sederhana tinggi.

Walau bagaimanapun, saya akan memastikan semua Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri akan ikut kita punya dasar bahawa jangan tolak ansur iaitu dia kena ikut kuota rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah yang kita tetapkan.

Saya juga ambil keizinan ini bahawa Yang Berhormat bagi Kota Melaka, saya tak sengaja tak mahu jawab kerana sudah panjang lebar. Saya sudah *miss* bahagian itu.

Dia tanya pasal komersial. Saya jawab pasal komersial. Ini kalau perumahan, setiap pemaju termasuk yang kes itu, saya tahu dia diambil alih oleh *receiver* dan pemaju kita memang jadikan - kalau saya kata kalau dia tipu, kementerian saya sentiasa akan pastikan polis dan juga penguat kuasa undang-undang mengambil tindakan. Tetapi saya juga minta surat itu nanti serah kepada saya. Saya akan siasat.

Tuan Kerk Kim Hock: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup, Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: [Menyampuk]

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ambil perhatianlah, jangan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Itupun dia hendak tolong jawab Yang Berhormat. Sudah Yang Berhormat, cukup. Duduk, duduk.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka punya.....

Tuan Kerk Kim Hock: [Menyampuk]

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka sudah banyak kes bagi saya. Saya rasa semuanya diambil tindakan.

Tuan Kerk Kim Hock: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup. Cukup Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: [Masih menyampuk] [Dewan riuh]

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat Menteri, cukuplah, cukuplah. Tak payah sentuhlah. Dia dah sudah itu.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Kota Melaka dia saja.....[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Duduklah. Duduklah.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya sudah ambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah. Dua, dualah duduk.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ini pun bagi sahajalah.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Masih menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah. Duduk dua dua. Senang.

10. **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan jururawat yang lulus dari Pusat Latihan Jururawat di seluruh negara mengikut bumiputera dan bukan bumiputera pada tahun 2002. Sekiranya bilangan ini tidak cukup, adakah kerajaan merancang untuk menambahkan Pusat Latihan Jururawat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan keluaran jururawat dari institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2002 adalah seramai 1,731 orang iaitu 1,682 bumiputera dan 49 bukan bumiputera.

Sementara keluaran jururawat masyarakat adalah seramai 1,248 orang iaitu 1,223 bumiputera dan 25 bukan bumiputera. Berdasarkan kepada keperluan Kementerian Kesihatan dan negara, jumlah keluaran jururawat pada masa ini masih belum mencukupi.

Bagi tujuan meningkatkan keluaran pelatih, Kementerian Kesihatan telah mengenal pasti empat Kolej Sains Kesihatan Bersekutu di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Kementerian juga telah mendapat kerjasama beberapa institusi latihan swasta untuk melatih calon-calon Kementerian Kesihatan dalam program *outsourcing* yang telah bermula pada tahun 2001.

Bagi mengatasi kekurangan pelatih bukan bumiputera dalam bidang kejururawatan, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan program promosi kerjaya anggotanya sains kesihatan bersekutu di seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa jawapan soalan lisan selesai.

[Masa bagi Pertanyaan Jawab Lisan telah selesai]

11.08 pagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan tentang usul yang dibawa oleh saya di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia dah jawab, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Bolehkah saya dapat sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Penjelasan, di dalam itu sudah ada.

Puan Chong Eng: Mengapa..... sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat. Sudah beri jawapan itu cukuplah.

Puan Chong Eng: Mengapa keselamatan awam tidak menjadikan suatu perkara tertentu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, dah jawab itu.

Puan Chong Eng: dan tidak perlu disegerakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tak tahu. Dah jawab itu Yang Berhormat. Tahulah dia bincang nanti. Dah jawab, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Datuk tidak boleh kata tak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu penjelasan dah ada. Hendak hurai macam mana lagi? Dah beri penjelasan, Yang Berhormat tak puas hati. Sampai bila pun tak puas hati, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya rasa keselamatan awam ini adalah sangat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya akui tetapi dah jawab macam itu, tak boleh, tak bolehlah Yang Berhormat. Itu dah peraturan. Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Tetapi ini tidak pernah diberi penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah. Jawapan itu saya tak hendak ulang Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Berilah sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Dah beri. Yang Berhormat sendiri sudah baca itu. Jadi tak payahlah saya hendak membaca lagi dan sebagainya.

Puan Chong Eng: Ya, itulah. Saya kurang jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak payahlah Yang Berhormat. Jelaslah itu Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Boleh jelaskanlah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak payahlah Yang Berhormat. Dah bagi dah tu.

Puan Chong Eng: Saya rasa kalau jenayah yang begitu serius, berat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya hendak jelas pun serupa itu juga Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Bukan menjadi perkara yang serius. Apakah perkara yang serius?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Itu.....

Puan Chong Eng: Semua tanya..... sangat risau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya dah jawab. Kita dah jawab, dah mengikut peraturan, cukup Yang Berhormat. Sila duduk.

Puan Chong Eng: Kalau tanya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ahli Parlimen Wanita dalam Dewan ini, mereka pun risau

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Dah jawab Yang Berhormat. Dah.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat boleh cakap lain-lain masa, tempat yang lain Yang Berhormat. Cukup. Ini dah dijawab mengikut peraturan Yang Berhormat. Ini dah ikut peraturan Yang Berhormat. Sila duduk, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk Yang Berhormat *[Ketawa]*. Duduk Yang Berhormat. Saya tak hendak jawab apa lagi Yang Berhormat. Ini dah jelas dalam ini dah ada ini, perkara yang dibawa polis dan sebagainya. Nak jawab macam mana lagi Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua,

Puan Chong Eng: *[Masih menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat. Jangan berdegil Yang Berhormat *[Dewan riuh]*. Hendak lawan saya, tak ada apa Yang Berhormat? Tak ada memberi makna apa-apa. Ya, sila duduk Yang Berhormat. Saya minta duduk. Terima kasih.

USUL-USUL

MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 62

DAN

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Demutualisasi (Bursa Saham Kuala Lumpur) 2003, Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 2003 dan Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 2003 yang dijadualkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sebagai No. 5 hingga NO. 13 ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat akan datang.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Usul satu lagi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai Rang Undang-undang No. 1 hingga No. 4 dan usul-usul No. 14, 15 dan 16 yang dijadualkan dalam Aturan Mesyuarat hari ini dibahas dan diselesaikan dan selepas ucapan-ucapan penangguhan, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

11.09 pagi.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut Peraturan Mesyuarat, terang-terang sekali saya nampak ada urusan banyak yang dibawa oleh pembangkang. Ini bermakna, kita boleh buat satu usul seolah-olah ini semua tidak wujud.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Dah, kita ada urusan kerajaan Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak demokratik langsung, saya tahu tetapi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini urusan kerajaan, dalam peraturan sudah ada Yang Berhormat, kita utamakan urusan kerajaan.

Tuan Kerk Kim Hock: Peraturan itu urusan kerajaan didahulukan tetapi dia tidak kata bahawa urusan pembangkang itu semua tidak boleh naik langsung. Jadi dia bercanggah dengan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, urusan kerajaan jadi keutamaan....

Tuan Kerk Kim Hock: Didahulukan tetapi tidak bermakna urusan lain itu dinafikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa cara lain lagi untuk selesaikan Yang Berhormat ?

Tuan Kerk Kim Hock: Saya datang dari DUN Melaka, memang tidak pernah berlaku di mana taktik yang digunakan ialah bahawa mereka jadikan tidak kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, cukuplah, isi sudah keputusan.

Tuan Kerk Kim Hock: Atau peraturan mesyuarat boleh berbuat demikian. Ia didahulukan sahaja bukan kata.... kemudian tangguhkan Dewan. Ini salah dari dari prinsip....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, sedangkan urusan kerajaan kita tidak dapat selesai, apatah lagi yang lain Yang Berhormat!

Tuan Kerk Kim Hock: Ini tidak, masa baca usul itu dia kata dihabiskan, kemudian tangguhkan Dewan, seolah-olah ini semua tidak wujud. Tidak boleh didahulukan...saya setuju urusan kerajaan didahulukan tetapi tidak boleh kata dihabiskan kemudian tangguhkan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa Yang Berhormat, ini sudah diluluskan.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak betul!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Kita tengok kemudian Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Mana boleh, salah. Maksud saya usul itu salah, kandungannya salah. Di Melaka apa yang dibuat ialah ia habiskan urusan kerajaan kemudian dia buat tidak ada kuorum cuma tenggelam dengan sendiri urusan pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ini sudah diputuskan. Duduk Yang Berhormat!

Tuan Kerk Kim Hock: Saya tahu, tetapi bolehkah saya minta jelaskan sama ada usul itu betul atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah hendak ditanya Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Walaupun amalan di sini, tetapi memang salah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang ini sudah diputuskan pada

Tuan Kerk Kim Hock: Okey, saya kata keputusan itu salahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, itu terpulang tetapi itulah keputusan yang kita buat Yang Berhormat setakat ini.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu kemudian, saya tidak beri jaminan, setakat inilah keputusan yang kita buat. Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ISTANA NEGARA (ELAUN-ELAUN DIRAJA) (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.12 pagi

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Istana Negara (Elaun-Elaun Diraja) (Pindaan) 2003 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, silakan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada subseksyen 3 (2) Akta Istana Negara (Elaun-Elaun Diraja) 1982 (Akta 270) perlu dibuat selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 28 Mei 2003 bagi menjelaskan bahawa elaun dan keistimewaan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua pada Akta 270 hanya merujuk kepada bekas Raja Permaisuri Agong yang menjadi balu kerana suami baginda mangkat semasa memegang jawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan pindaan kepada subseksyen 3 (2) Akta 270 itu berkuat kuasa mulai November 2001.

Tuan Yang di-Pertua, maksud "balu" dalam subseksyen 3 (2) Akta 270 yang sedia ada tidak jelas sama ada ianya merujuk kepada Raja Permaisuri Agong yang menjadi balu semasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam pemerintahan atau termasuk juga bekas Raja Permaisuri Agong yang menjadi balu selepas tamat tempoh pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu semasa bekas Raja Permaisuri Agong menjadi Permaisuri Negeri.

Ini bermakna, peruntukan dalam subseksyen 3 (2) Akta 270 tidak mensyaratkan bahawa untuk membolehkan faedah dalam subseksyen itu diberikan kepada seseorang bekas Raja Permaisuri Agong, baginda mestilah telah menjadi balu kerana suami baginda mangkat semasa memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong. Ini bermakna, subseksyen 3(2) Akta 270 meliputi juga bekas Raja Permaisuri Agong yang menjadi balu selepas tamat tempoh pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu semasa baginda menjadi Permaisuri Negeri walau apapun gelaran baginda di negeri yang berkenaan. Ini tidak selaras dengan peruntukan akta terdahulu iaitu Akta Pencen Khas (Raja Permaisuri Agong) 1979.

Cadangan pindaan dibuat adalah bagi mengekalkan maksud yang terkandung dalam Akta Pencen Khas (Raja Permaisuri Agong) 1979, Akta terdahulu yang telah dibatalkan yang memperuntukkan bahawa kemudahan hanya diberi kepada seseorang Raja Permaisuri Agong yang menjadi balu atas kemangkatan Yang di-Pertuan Agong semasa masih memegang jawatan.

Peruntukan seksyen 2 Akta Pencen Khas (Raja Permaisuri Agong) 1979 berkenaan berbunyi seperti berikut:-

“Seksyen 2 – Jika Yang di-Pertua Agong mangkat semasa masih memegang jawatan, maka hendaklah diberi kepada balu baginda, Raja Permaisuri Agong, suatu pencen berjumlah RM3,000 sebulan dan elaun-elaun serta keistimewaan-keistimewaan seperti dinyatakan dalam Jadual.”

Cadangan pindaan ini hanya merujuk kepada subseksyen 3(2) Akta 270. Subseksyen 3(2) Akta 270 adalah merupakan peruntukan tambahan kepada subseksyen 3(1) yang memperuntukkan tambahan kepada elaun bulanan di bawah subseksyen 3 (1) iaitu pemberian elaun bagi penyenggaraan kereta, penggajian seorang pemandu, dan seorang kakitangan istana, pemberian sebuah kereta dan tempat kediaman seperti peruntukan dalam Jadual Kedua kepada Akta 270 berkenaan. Walau bagaimanapun, pemberian bagi seumur hidup elaun bulanan sejumlah RM4,500 kepada bekas Raja Permaisuri Agong mengikut subseksyen 3(1) Akta 270 masih dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang telah tamat tempoh pemerintahan akan kembali ke negeri masing-masing dan baginda berdua akan menikmati kemudahan-kemudahan tersebut di atas yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan di samping kemudahan yang disediakan oleh kerajaan negeri yang berkenaan sebagai Sultan dan Permaisuri Negeri. Berbeza dengan keadaan di mana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mangkat semasa dalam pemerintahan di mana balu kepada baginda akan kembali ke negeri dan tidak akan menjadi Permaisuri Negeri.

Bagi memenuhi keadaan ini, maka Rang Undang-undang Istana Negara (Elaun-Elaun Diraja) (Pindaan) 2003, telah dibacakan kali pertama di Dewan Rakyat pada 18 Jun 2003 yang lalu. Peruntukan utama Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:-

Fasal 1 memperuntukkan tajuk ringkas akta dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 3 (2) Akta 270. Di bawah peruntukan baru yang dicadangkan bagi subseksyen itu, jika Yang di-Pertua Agong mangkat semasa memegang jawatan, hanya konsortinya yang memegang jawatan Raja Permaisuri Agong semasa kemangkatan Yang di-Pertua Agong itu akan menerima elaun serta keistimewaan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Akta 270 bagi seumur hidupnya di samping elaun bulanan yang kena dibayar di bawah subseksyen 3 (1) Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Istana Negara (Elaun-Elaun Diraja) 1982 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sri Gading.

11.18 pagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah dan menyokong Rang Undang-undang ini.

Sebagai Raja yang telah berjasa termasuk Permaisurinya, wajarlah segala keistimewaan dan kemudahan diberi sebagai penghormatan negara kepada Raja yang menjadi payung kepada pemerintahan negara ini. Jadi saya berharap elaun-elaun yang tertentu itu kena semak jugalah dari hari ke hari, dari masa ke semasa untuk

disesuaikan kerana almaklum, keadaan kehidupan ini, kadang-kadang kos sara hidup akan meningkat dan sebagainya, jadi sesuai dengan penghormatan dan segala penghargaan kita kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong maka Permaisurinya tidak boleh kita kecualikan dan penghormatan yang berterusan harus kita beri kepada Raja kita sebagai tanda kasih sayang dan penghargaan kita kepada Duli Tuanku. Itu satu perkara.

Jadi saya harap elaun itu dapat disemak untuk disesuaikan dengan taraf seorang yang bergelar Permaisuri, maka kadar itu harus ditingkatkan dari masa ke semasa dengan disemak keadaan sara hidup bagi satu-satu masa. Jadi saya menyokong penuh atas Rang Undang-undang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat dan selepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh jawab.

11.21 pagi.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Gading dan mewakili pandangan Parti Islam Se Malaysia (PAS) ingin menyatakan sokongan kami yang berterusan kepada institusi raja berperlembagaan yang ada dalam peringkat negara dan juga peringkat negeri-negeri yang ada dalam negara kita ini. Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan-kerajaan yang diperintah oleh PAS iaitu Kelantan dan Terengganu adalah kerajaan-kerajaan yang seperti juga di tempat-tempat yang lain menghormati dengan sepenuhnya institusi kesultanan dan raja-raja Melayu walaupun tidak dapat dinafikan, ada perasaan bahawa kadang-kala prinsip raja berperlembagaan itu kadang-kala tidak dihormati sepenuhnya oleh beberapa pihak dalam beberapa negeri kita ini.

Oleh itu, saya amat bersetuju dengan pandangan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading menyokong rang undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, walaupun kita memikirkan bahawa untuk menunjukkan sokongan UMNO kepada kaum wanita, yang membawanya ialah menteri yang menjaga hal-ehwal keluarga dan wanita. Tetapi, tidak apalah kerana usul ini, cadangan dan rang undang-undang ini adalah untuk menunjukkan sokongan kita kepada institusi raja berperlembagaan, kita menyokongnya.

Begitu jugalah tentang untuk kita senantiasa menyemak elaun dan kemudahan yang diperolehi oleh keluarga diraja khususnya Agong dan permaisurinya kerana kita tidak mahu, orang-orang yang terutama dalam negara ini, terpaksa terlibat dalam perniagaan balak dan sebagainya, kerana hendak menampung kedudukan kewangan mereka.

Jadi, dengan elaun yang diberikan, dengan elaun yang senantiasa disemak, ianya akan menjaga lagi institusi raja ini supaya tidak dilihat oleh rakyat sebagai terlibat dalam unsur-unsur perniagaan, mengganggu kadang-kala ataupun terlibat dalam pemerintahan kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

11.22 pagi

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Tumpat kerana telah memberikan sokongan kepada pindaan ini, kerana menjadi asas kita bahawa institusi yang tertinggi ialah institusi diraja. Kita masih mengambil kira jasa-jasa yang telah disumbangkan oleh bekas-bekas Permaisuri Agong. Saya ingin menjelaskan Bil ini memang dibentangkan di bawah Jabatan Perdana Menteri kerana ia terletak di bawah Bahagian Istiadat yang memang di bawah *tradition* atau bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri, bukannya di bawah Kementerian Keluarga dan Pembangunan Wanita.

Kedua-dua Yang Berhormat nampaknya mengambil berat mengenai kajian semula elaun-elaun yang telah diberi supaya dikaji daripada semasa ke semasa. Sukalah saya nyatakan bahawa memang pun kerajaan sentiasa mengkaji elaun-elaun

yang telah diberikan kepada bekas-bekas Raja Permaisuri Agong. Sebagai contoh, kalau mengikut Akta Pencen Khas Raja Permaisuri Agong tahun 1979, mereka hanya dapat RM3,000 tetapi hari ini kita telah naikkan mendapat elaun bulanan sebanyak RM4,500 seumur hidup buat setakat ini. Yang akan datang, kalau perlu dikaji, kerana kos ekonomi yang tinggi, mungkin kita akan buat kajian yang baru.

Di samping itu juga, suka juga saya nyatakan bahawa selain daripada mendapat elaun bulanan RM4,500 seumur hidup, bekas-bekas Permaisuri Agong juga sewaktu suaminya menjadi Yang di-Pertuan Agong, akan menerima elaun bagi penyelenggaraan kereta, pengajian seseorang *driver* dan seorang kakitangan istana sejumlah RM2,950.87 atau mereka boleh memilih kereta atau jumlah wang pukal, elaun kereta sebanyak RM250,000 dan tempat kediaman. Kalau tidak hendak ambil rumah yang disediakan oleh kerajaan dan juga kakitangan yang disediakan oleh kerajaan, boleh memilih selain daripada tempat kediaman tanpa sewa di rumah kerajaan yang disenggarakan oleh kerajaan atau jumlah wang pukal. Ertinya, boleh ambil wang cash, elaun rumah sebanyak RM750,000. Jadi, itu sahaja yang saya jelaskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 2 dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.28 pagi

Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan mengadakan peruntukan bagi fungsinya berhubung dengan mekanisme pengawalseliaan dan penguatkuasaan di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini dibentangkan adalah untuk meminda dan mengukuhkan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Akta 555 supaya semua kursus yang dijalankan oleh IPTS termasuk kursus di bawah program kerjasama dengan IPT dalam dan luar negara serta kursus profesional oleh badan profesional dapat dikawal selia oleh akta ini.

Semasa akta ini ditubuhkan lagi, memang menjadi niat kerajaan supaya akta ini mengawal selia penubuhan dan penawaran semua kursus di IPTS. Definisi Institusi Pendidikan Tinggi Swasta sendiri dalam Bahagian I Akta ini, merujuk kepadanya sebagai institusi yang menawarkan semua jenis kursus pendidikan tinggi dan pendidikan jarak jauh termasuk yang dikendalikan secara bergabung, bersekutu atau bekerjasama dengan IPT lain atau badan-badan profesional sama ada di dalam atau luar negara.

Ini juga bermakna, bahawa sijil, diploma atau ijazah yang dimaksudkan dalam akta ini harus merangkumi sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan oleh IPTS itu ataupun oleh IPT lain serta badan-badan profesional yang bergabung, bersekutu atau bekerjasama dengan IPTS itu. Definisi sijil, diploma dan ijazah dalam akta ini perlu menjelaskan hakikat ini. Oleh itu, pindaan kepada akta ini perlu dibuat bagi mengelakkan kekeliruan dan bagi membolehkan IPTS menjalankan kursus-kursus yang pelbagai sesuai dengan usaha menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2003 mempunyai 7 fasal.

Fasal 1 rang undang-undang ini mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan berkuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda takrif diploma dan ijazah dan memasukkan takrif sijil ke dalam Akta 555. Takrif diploma dan ijazah dipinda supaya tidak terhad kepada diploma atau ijazah yang dianugerahkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Swasta sahaja.

Fasal 7 mengandungi peruntukan pengesahan. Peruntukan ini mengesahkan perbuatan yang dilakukan sebelum permulaan kuat kuasa pindaan yang dicadangkan ini berhubung dengan sijil, diploma dan ijazah yang tidak dianugerahkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta itu sendiri.

Pindaan lain dalam Akta 555, yang tidak diperkatakan dengan khusus merupakan pindaan berbangkit, akibat pindaan yang dibuat kepada takrif diploma dan ijazah dalam fasal 2.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Tahun 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

11.31 pagi

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk membahaskan pindaan kepada Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Tahun 1996 Akta 555.

Tuan Yang di-Pertua, memang adalah hasrat pihak Kerajaan Barisan Nasional terutama Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan di negara kita ini, supaya negara Malaysia akan dapat menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Jika kita dapat berjaya memajukan bidang pendidikan sebagai sumber pendapatan baru negara dengan peningkatan kualiti pendidikan di negara kita ini, generasi muda di negara kita ini akan dapat menerima manfaat melalui usaha murni Kerajaan Barisan Nasional. Pada kali ini, pindaan ini adalah untuk memantapkan kawalan kepada IPTS dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan transformasi ekonomi negara daripada ekonomi yang berasas produk dan intensif buruh kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan, bidang pendidikan negara kita boleh dimajukan untuk menjadi sumber pendapatan baru negara. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, permintaan

terhadap perkhidmatan pendidikan nampaknya tidak berkurangan, sebaliknya kelayakan akademik semakin diutamakan dalam era k-ekonomi di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang kita perlu ambil perhatian iaitu pada masa sekarang para penduduk negara asing tidak berminat untuk mempelajari sesuatu yang boleh dibaca dalam buku teks daripada universiti-universiti tempatan, kerana kita ada masalah. Para pensyarah universiti-universiti tempatan awam dan swasta perlu mengambil perhatian ini supaya membabitkan diri dengan lebih efektif dan aktif dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Kita adalah kurang dalam hal ini. Saya ingin mengambil peluang ini mengesyorkan kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk mencapai matlamat kita, untuk menjadikan negara kita pusat kecemerlangan dalam pendidikan, kita perlu mengadakan peruntukan yang lebih banyak untuk aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, walaupun ketika negara masih menghadapi kelembapan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, setiap universiti tempatan awam atau swasta, perlu diwajibkan menganjur sekurang-kurangnya satu persidangan antarabangsa atau *international conference* berkaitan dengan satu topik penyelidikan yang khusus setiap tahun dan para pensyarah universiti berkenaan harus digalakkan untuk membentangkan kertas-kertas penyelidikan dalam persidangan antarabangsa tersebut. Insentif kewangan boleh diberikan kepada para pensyarah berdasarkan bilangan kertas penyelidikan yang dibentangkan dalam persidangan antarabangsa dan juga diterbitkan dalam jurnal-jurnal akademik yang bertaraf dunia.

Pada kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, negara kita hanya mampu muncul sebagai penyumbang ilmu pengetahuan, sekiranya aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan terus digalakkan. Para penuntut asing hanya berminat untuk mengikuti kursus-kursus di peringkat pengajian tinggi di negara penyumbang ilmu pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini, saya sendiri pun sentiasa ditanya oleh orang lain bahawa sejak beberapa tahun ini terdapat ramai orang menerima gelaran Dr. (Kehormat) dan ini adalah terdiri daripada orang-orang yang tidak fasih dalam Bahasa Inggeris. Ada yang tanpa pengetahuan dalam Bahasa Inggeris yang diberikan gelaran Dr. (Kehormat), diberikan oleh universiti-universiti swasta dari Amerika Syarikat dan lain-lain. Saya diberitahu mereka dapat melalui cara pembelian yang diaturkan oleh ejen universiti swasta. Pada masa sekarang, kadang-kadang kita dapati ada seseorang yang kita kenal selama ini memang dia bukan seorang doktor dalam apa bidang pendidikan, tetapi tiba-tiba dia diberikan gelaran Doktor Kehormat dan ini adalah satu perkara kita perlu mempertingkatkan kawal selia ke atas hal ini.

Ada seorang kawan saya, dia sangat berminat hendak mengetahui tentang hal ini dan menulis surat kepada Kementerian Pendidikan di Amerika Syarikat dan bertanya bahawa ada seseorang yang dapat gelaran Doktor Kehormat itu daripada sebuah universiti di Hawaii. Jawapan daripada Kementerian Pendidikan di Amerika Syarikat mengatakan tiada wujud universiti ini di Amerika Syarikat. Dia tidak dapat akreditasi daripada Kementerian Pendidikan Amerika Syarikat dan dia memberitahu, nama universiti ini cuma didaftarkan sebagai sebuah syarikat di Amerika Syarikat. Perkara ini, kalau kita tidak kawal kemungkinan satu hari nanti kita akan mendapati lebih ramai orang akan mendapat gelaran Doktor Kehormat di masyarakat kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang ada orang yang dapat Doktor Kehormat dan saya harap dengan kawalan ini kita dapat membezakan siapa yang dapat Doktor Kehormat yang tulen dan siapa yang bukan tulen. Kalau tidak, ia akan mengelirukan masyarakat negara kita ini dan ini akan menjejaskan imej baik Kerajaan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, macam mana hendak membezakan tulen dan tidak tulen. Macam mana hendak membezakan?

Tuan Chang See Ten: Saya hendak tanya Menteri Pendidikan, nanti dapat jawapan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, hendak tanya Menteri, baik.

Tuan Chang See Ten:bagaimana kita boleh mengatasi dan menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang dalam bidang pendidikan, selama ini kita dapati kerana pada masa sekarang ramai mahasiswa dan mahasiswi lepas tamat pengajian, menganggur, tiada kerja.

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Tadi Yang Berhormat bercerita tentang mereka yang mendapat gelaran Doktor Kehormat dari syarikat-syarikat swasta amat menarik dan saya bersetuju dengan beliau bahawa tidak sepatutnya perkara-perkara ini kita biarkan berlaku di negara kita.

Yang saya hendak minta penjelasan atau minta persetujuan daripada Yang Berhormat, adakah beliau juga bersetuju bahawa di negara kita ramai orang yang mendapat gelaran Profesor tetapi dia bukan seorang ahli akademik dari mana-mana universiti dan gelaran Profesor ini juga diberi oleh syarikat atau Institusi Pendidikan Tinggi Swasta. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sebenarnya gelaran Profesor ini hanya diberikan kepada mereka yang sememangnya bertauliah, mereka yang berkhidmat di institusi pengajian tinggi atau di akademik awam. Adakah Yang Berhormat bersetuju yang ini perlu *diregulate* orang yang dipanggil Profesor ini sebab ini mengelirukan rakyat. Terima kasih.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih. Cadangan daripada Yang Berhormat bagi Tuaran pun baik. Ini memang ada orang yang diberikan gelaran Profesor. Saya ada seorang kawan memberitahu saya, ada seorang yang mendapat gelaran Profesor dari sebuah universiti di negara China dan dalam satu majlis, pengerusi majlis lupa sebut nama Profesor Kehormat, selepas itu dia dijemput untuk memberikan ucapan. Dalam ucapannya, mula-mula dia tegur dan berharap lain kali pengerusi majlis perlu sebut Profesor kerana dia punya Profesor adalah dari Negara China, ini gelaran Profesor.

Untuk tidak mengelirukan orang ramai, kawalan dalam hal ini pun amat penting kerana jika tidak perkara ini pun akan mengelirukan kita sebagai wakil rakyat. Kalau tidak sebut, hormat dia, kalau sebut, kita tahu latar belakang mereka. Macam ada yang dari United States of Amerika Syarikat, mereka tidak faham bahasa Inggeris, bagaimana mereka boleh dapat Ph.D daripada Amerika Syarikat? Ini satu perkara. Saya khuatir nanti kemungkinan saya tidak ada peluang untuk membahaskan dalam akta yang satu lagi, Akta Lembaga Akreditasi Negara, bolehkah Yang Berhormat.....

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

Tuan Chang See Ten:benarkan, saya pun hendak sentuh tentang akreditasi sama sekali.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak benarkan Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beginilah, sekarang apa yang kita bincang....

Tuan Chang See Ten: Okey, kalau segera, saya ada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpukan ucapan terhadap perkara ini.

Tuan Chang See Ten:sedikit teks tentang pindaan Akta Lembaga Akreditasi Negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuan bangun.

Tuan Chang See Ten: Okey.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Ini yang mendapat pelbagai gelaran, yang mendapat *Doctorate* ataupun Profesor. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa banyak peluang ini diberi melalui internet dan mengatakan bahawa *do you want a degree?* Hendak dapatkan *degree* yang cepat? Hendak dapatkan Ph.D dengan cepat melalui internet dengan hanya membayar dan sebagainya, kita boleh dapat. Tetapi kita tidak tahu sama ada institusi itu atau universiti itu benar-benar wujud ataupun tidak, tetapi ia dalam internet dan ramai rakyat di negara kita ini terperangkap dan akhirnya orang ini boleh dapat sijilnya dengan *title*, dan dia akan gunakan sijil itu. Adakah Yang Berhormat bersetuju yang kerajaan kita perlu *regulate* supaya benda-benda seperti ini tidak berlaku daripada berleluasa di negara kita? Terima kasih.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini pun satu cadangan yang amat baik kerana kita pun perlu kawal dari segi internet pun boleh dapat ijazah. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada orang dapati ada yang dapat *Doctorate* Kehormat melalui pembelian, pada masa sekarang ada orang yang lebih pandai, dia tidak mahu ambil *Doctorate* Kehormat, dia pergi beli *Bachelor of Art*, *Bachelor of Science* atau *Masters*. Sekarang pun ada di kalangan masyarakat kita yang berbuat demikian, sebab itu bagaimana kita hendak kawal hal ini?

Saya ada seorang kawan, dia benar-benar tamat pengajian di Universiti Teknologi Malaysia dapat *Degree in Civil Engineering* dan lepas itu dia dapat biasiswa belajar *Master in Construction Management*, dengan izin, di Universiti Singapura dan selepas itu kerana dia mendapat keputusan yang baik, dia diberikan peluang untuk meneruskan pengajian tiga tahun lagi. Dia buat *Masters* dua tahun, tiga tahun lagi buat *Ph.D* dalam *Construction Management* dan dia berjaya.

Baru-baru ini saya dapat kad dari dia dan dia memang buat tesis dan disemak di universiti negara asing dan dia benar-benar dapat. Berapa tahun dia belajar sampai dia cakup, sekarang dia tidak letak Doktor walaupun dia memang memegang *Phylosophy Doctorate* yang benar punya, yang tulen. Tetapi dia yang benar tidak mahu tulis, tulis nama dia sahaja, *degree* dia pun semua tidak tulis. Sudah sampai tahap ini kerana sudah banyak, susah hendak bezakan orang yang benar-benar ada *qualifications* sampai dia tidak mahu letak dia punya *Doctorate*. Bukan dia seorang yang saya nampak tetapi orang lain pun sama. Dia cakap sekarang susah, lebih baik saya jangan tulis *Doctorate*. Kalau negara kita hendak maju, bukan maju dalam hal ini. Ini satu perkara yang amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya baru mengatakan, kita dapati ada masalah yang mahasiswa dan mahasiswi bila tamat belajar di institusi pengajian tinggi terutama mereka yang dalam bidang sastera, susah dapat kerja. Mengapa? Adakah selama ini dalam jurusan pendidikan kita, kita lebih memberikan penekanan kepada subjek-subjek sastera sampai kita sudah mempunyai lebih banyak tenaga kerja yang dalam subjek sastera yang mana tidak selaras dengan permintaan pasaran. Jika kita hendak melangkah kepada k-ekonomi daripada p-ekonomi, jika kita tidak kawal dalam bidang kursus yang diberikan dan kita memberikan lebih galakan kepada pelajar-pelajar kita dalam peringkat sekolah menengah supaya lebih bertumpu kepada subjek sains dan teknologi, kemungkinan besar kita akan menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja yang mahir dalam IT dan *hi-tech* terutamanya. Dalam hal ini, ini satu perkara yang saya harap dapat jawapan daripada Menteri Pendidikan tentang bagaimana kita boleh menangani masalah ini.

Dengan kata-kata demikian, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tambun.

11.50 pagi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana membentangkan rang undang-undang bagi membolehkan IPTS mengadakan pengajian peringkat sijil. Kita tahu pelajar-pelajar yang lulus SPM ada yang dalam 'grade' zon yang hendak buat diploma pun tidak cukup syarat. Hendak buat ijazah tidak cukup syarat, jadi dengan adanya kelulusan ini mereka boleh membuat pengajian di peringkat sijil kemudian meningkat lagi ke peringkat diploma dan seterusnya di peringkat ijazah.

Ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan mengenai dengan IPTS ini. Pertama sekali Yang Berhormat Menteri, kita dapati terdapat IPTS tidak menjaga syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Akreditasi Negara. Banyak IPTS yang mengambil pelajar yang tidak cukup syarat. Ini pengalaman saya dengan PTPTN. Ada IPTS sampai beribu pelajar yang tidak cukup syarat. Jadi macam manakah yang patut kita buat, adakah kita hendak biarkan IPTS ini terus melakukan perkara tersebut ataupun mereka mesti diberi *warning* ataupun diminta tutup.

Kerana saya lihat kalau pengusaha ini tidak ada kredibiliti jadi tidak guna pun kita adakan institusi sebegitu kerana dari segi pendidikan ini pengusaha mesti orang yang mempunyai kredibiliti tinggi, *concept of trust* untuk mengadakan pengajian lebih tinggi kerana kita lihat ada IPTS yang ditubuhkan semata-mata atas konsep *bottom line* iaitu untuk mendapat keuntungan.

Kita tahu IPTS perlu kepada *financial feasibility* atau *viability* tetapi itu bukan menjadi fokusnya. *Bottom line* adalah untuk melahirkan graduan yang berprestasi tinggi jadi ini satu isu yang ingin bangkitkan kerana saya menghadapi masalah dengan pihak berkenaan. Cuba bayangkan satu keluarga yang telah letak anak di IPTS tersebut kemudian didapati tidak cukup syarat, tidak dapat pinjaman terpaksa keluar dari IPTS tersebut.

Kedua mengenai dengan IPTS, ada lebih kurang 700 lebih di seluruh negara. Saya tidak tahu macam mana

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuaran.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuaran ini aktif pula ya.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Masalah tadi yang ada pelajar yang masuk ke IPTS dan akhirnya dia tidak layak. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada di antara pelajar ini yang sebenarnya mereka memohon ke IPTA tetapi memang tidak layak dan tidak dapat. Dan tiba-tiba pula pelajar ini mendapat surat daripada IPTS tertentu mengatakan yang mereka ditawarkan tempat di IPTS yang tertentu dan mereka menerima tawaran dan dia masuk.

Apabila dia masuk, dia diterima oleh IPTS tetapi apabila dia memohon pinjaman seperti PTPTN dan sebagainya, dia tidak layak dan kadang-kadang yang menjadi mangsa ialah orang-orang kita macam wakil rakyat. Ada juga saya sendiri telah membantu beberapa orang sehingga memberi tambang dari Sabah ke sini dan akhirnya dia balik. Takkan wakil rakyat memberi belanja kepada dia sampai bila-bila.

Jadi ini menyusahkan dan yang menjadi persoalan di sini, bagaimanakah IPTS ini mendapat senarai nama pelajar yang memohon ke IPTA yang ditolak ini? Bagaimana perkara ini boleh berlaku? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana IPTS dapat senarai itu saya tidak dapat jawab. Saya percaya IPTS mempunyai *connection* mereka dan saya rasa itu bukan satu perkara yang salah. Tempat di IPTA terhad, kemudian IPTS mempunyai kemampuan yang dinamik dari segi pemasaran. Bila mereka dapat senarai, mereka *offer* kepada pelajar. Jadi terpulang kepada pelajar untuk terima atau tidak. Kalau mereka tidak dapat masuk ke IPTA, tentulah lebih baik mereka masuk ke IPTS. Tapi kalau hendak masuk IPTS, kita mesti

pastikan yang kursus-kursus yang ditawarkan dilulus oleh Lembaga Akreditasi Negara. Kalau tidak dia jadi rugi. Bermakna, pelajar mesti *check* dahulu sama ada pengajian di IPTS tersebut dapat kelulusan atau tidak, bukan semua pusat pengajian ini lulus, ada sembilan pusat pengajian mungkin tiga atau empat. Jadi pelajar perlu *check*.

Dari segi pinjaman yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya boleh bagi jaminan kalau cukup syarat akan dapat. Yang saya cakap tadi kerana tidak cukup syarat. Bermakna, IPTS telah melakukan satu kesalahan, mengambil pelajar yang tidak cukup syarat. Kalau dari segi LAN, menetapkan tiga kredit, mereka ambil orang yang hanya ada satu kredit atau tidak ada kredit untuk masuk ke IPTS.

Jadi pada pandangan saya satu tindakan tegas mesti diambil. Bukan setakat amaran kalau berterusan buat begitu mesti dikeluarkan. Macam satu IPTS ini sampai seribu lebih, tidak cukup syarat, ini sungguh dahsyat. Tentulah ada ibu bapa yang cukup duit yang anaknya terus belajar dengan tanpa syarat dan ini akan menurunkan kualiti dan kecemerlangan IPTS tersebut.

Kedua mengenai dengan *standard* IPTS ini. Macam manakah pihak kementerian ataupun Jabatan Pendidikan Swasta meluluskan sesuatu IPTS. Sekarang ini ada tujuh ratus lebih. Tentulah Jabatan Pendidikan Tinggi Swasta perlu mengaudit ke atas IPTS-IPTS tersebut. Seperti mana saya nyatakan tadi, sebahagian besar IPTS meletakkan kolej ini sebagai *business bottom linenya*. Kita tahu untuk membuka kolej ini memerlukan kos tinggi. Itu sebabnya pengusaha kadang kala dia bising penaja tidak bagi duit kerana mereka mengharapkan penaja membiayai pelajar baru dan dia ada perolehan, ada pendapatan dia. Kalau penaja tidak bagi dia, dia tidak ada duit. Hanya IPTS ditaja ataupun dibangunkan oleh pihak swasta yang mempunyai kewangan yang besar baru mampu untuk melaksanakan pembangunan IPTS yang cemerlang dan *sustainable*.

Jadi di sini tentu Yang Berhormat Menteri tahu mengenai dengan *standard of the campus* dia. Kita kasihan tengok kampus-kampus, orang duduk tepi-tepi jalan, tepi-tepi kaki lima, tidak nampak imej pendidikan. Yang penting bukan imej, kemudahan supaya pelajar jadi pelajar. Ada perpustakaan, tempat belajar, tempat membaca, tempat duduk untuk berbincang. Tambahan sekarang sistem belajar lebih pada *interaction*, bukan semata-mata kita ambil buku, kita duduk satu sudut baca. Yang itu tidak cukup dalam konteks untuk melahirkan golongan intelektual, memerlukan kepada *interaction* antara student dengan *lecturer* dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan ini yang mesti kita lihat.

Kemudian dari segi pensyarah, oleh kerana tidak ada banyak duit, jadi pensyarah pun kurang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Temerloh.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat bagi Tambun. Saya setuju kalau IPTS itu sebuah kolej yang tidak mampu hendak lahirkan pelajar-pelajar yang baik ataupun tidak memenuhi syarat. Saya bersetuju pihak berkuasa Kementerian Pendidikan boleh ambil tindakan tutup dan sebagainya. Tetapi Yang Berhormat, ada juga kolej-kolej swasta ini yang punyai kemudahan yang cukup dan dapat melahirkan pelajar-pelajar yang baik dan cemerlang. Saya berpendapat IPTS seperti ini kementerian harus memberikan *support* dengan izin. Pasal saya melihat pendidikan ini sebagai satu industri. Selain daripada melahirkan pelajar yang cemerlang, mendidik anak-anak kita untuk dapatkan ilmu tetapi kita juga harus melihat perkembangan pendidikan ini sebagai satu industri.

Saya kira IPTS seperti ini kementerian harus memberikan sokongan, memberikan *support* dan setakat ini saya tidak nampak lagi ada usaha ini yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat, malah saya rasa untuk memudahkan pelajar untuk menetapkan mana IPTS yang *standard* atau tidak, saya berpendapat elok juga kita mengadakan sistem *ranking* yang menepati kepada satu *standard*, kita letak *ranking*, satu atau dua atau tiga.

Ini membolehkan bakal pelajar tahu, dia hendak pergi yang IPTS kelas mana. Kemudian di samping itu juga, tentulah IPTS ini tahu *standard* dia kelas 'D' katakan, dia hendak masuk kelas 'C', kelas 'B', kelas 'A', tetapi kalau kita buat *ranking* begitu, ini jadi sistem itu lebih sistem *laissez-faire*, sistem *open market*, jadi *information* ini akan lebih tersebar dan semua orang tahu dan ini UNITEN apa ini, kelas ini, kemudian kolej ini ada kelas kedua, kelas ketiga, jadi orang tahulah kalau kelas itu rendah dia tidak pergi.

Kadang kita dengar nama kolej itu, saya ada senarai nama kolej, ada dalam beg saya, kita dengar nama kolej itu pun tidak begitu canggih, jadi saya harap pihak kementerian dari segi nama pun minta, bila dia buat permohonan itu tengok dari segi nama itu biar *standard* sedikit dari segi nama-nama, tambah kalau negeri-negeri di Kelantan, Terengganu nama dia lagi tidak canggih, tidak *confident* pun kita hendak hantar anak kita ke situ.

Jadi, dalam proses kelulusan ini, kita harap pihak Jabatan Pendidikan Tinggi Swasta supaya melihat kepada banyak perkaralah, perkara kepakaran, kewangan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Di sini ada dua Ahli Yang Berhormat yang bangun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya dari Kelantan, saya tidak tahu nama universiti yang dikatakan tidak canggih di Kelantan, kalau boleh Ahli Yang Berhormat bagi Tambun beri satu dua contoh, nama yang dikatakan tidak canggih itu, mana tempat yang tidak canggih itu, baris di atas atau baris di bawah.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya ada senarai, ini saya akan beri senarai kepada Ahli Yang Berhormat, mungkin beliau sebagai Ahli Parlimen PAS boleh syorkan kepada pengusaha untuk meletak nama yang lebih canggih lagi. Saya tengok sensitif sangat PAS ini.

Bila sebut tidak canggih, kaitkan dengan parti dia, terus berdiri, hah itulah rupa PAS. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Bharu.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin merujuk kepada nama tidak canggih yang disebut di Kelantan juga, bukan soal sensitif atau tidak sensitif, kita berbincang soal besar, soal pendidikan swasta yang menjadi masalah seperti yang disebutkan oleh Tambun. Tetapi bila memberi contoh kepada negeri Kelantan, seolah-olah negeri Kelantan, dengan tidak menyebutkan nama-nama, saya rasa kalau hendak sensitif pun boleh juga, kita rasa sensitif sebab dengan menyebut Kelantan, dengan tidak memberi contoh dan nama seperti ini, saya rasa ini bukan satu penghinaan, satu omong-omong kosong sahaja.

Adakah negeri-negeri lain tidak ada nama-nama yang tidak canggih, yang juga patut disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tambun. Sebab saya sangat menghormati Tambun sebenarnya, tetapi kali ini kalau begini cara Tambun berhujah, saya rasa sebahagian daripada penghormatan saya barangkali kurangnya sedikit, minta sebut nama, satu atau dua sila sebut seperti yang diminta oleh Kubang Kerian. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya ada senarai Yang Berhormat seperti yang saya katakan tadi ya. Kalau Yang Berhormat kata amat menghormati, hari ini Yang Berhormat tidak hormat pun tidak mengapalah Yang Berhormat, itu tidak jadi masalah, hormat atau tidak bukan kepada ukuran Yang Berhormat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya ada senarai, saya kata tadi, saya menyentuh secara umum, nama itu tidaklah perlu sangat, saya kata termasuklah Kelantan dan Terengganu. Jadi, saya ada senarai itu, 700 lebih, saya beri kepada Ahli Yang Berhormat dan di negeri lain pun ada, bukan setakat Kelantan dan Terengganu dan saya katakan termasuk Kelantan dan Terengganu, dan saya boleh berikan kepada Ahli Yang Berhormat dan Ahli Yang Berhormat boleh tengok nanti senarai itu dan Yang Berhormat nampak pun apa Yang Berhormat tahu, *standard* dari segi nama itu kita rasa *standard* itu tidak tinggi, kalau tinggi tidak tahu, tetapi dari segi nama itu, saya katakan tadi, namanya itu tidak *standard*. Jadi, itu yang saya katakan bila dalam proses permohonan kelulusan itu, nama itu tidak elok sedikit, kita rasakan tidak elok, minta supaya diperelokkan.

Saya bercakap ini dari segi soal kelulusan, saya berharap Jabatan Pendidikan Tinggi Swasta, dalam proses kelulusan ini tengok secara keseluruhan, dari segi tahap kepakaran pendidikan yang ada oleh pengusaha, lepas itu dari segi kampusnya, dari segi modal, kerana kalau tidak ada modal pun tidak boleh, tambah lagi dalam zaman sekarang ini, saya lihat bukan kita hendak perkecilkan sesiapa, kadang-kadang ada seorang *businessman* yang kaya, dia cari seorang dua orang, orang Melayu ini, guna nama orang dia buka.

Pada hal duit tidak berapa, dan orang Melayu ini yang syok dengan ada *business* terima dan ini terjadi, yang kolej-kolej tutup banyak kes macam itu.

Kemudian dari segi pensyarah

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan bangun. Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tunggu sekejap Yang Berhormat, biar saya jalan sedikit lagi. [Ketawa]

Dari segi pensyarah ini, saya katakan tadi, kadangkala duit tidak cukup, jadi pensyarah pun lebih kurang sahaja dan di samping itu, seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah tadi, saya minta Jabatan Pendidikan Tinggi Swasta, kita kaji betul-betul, pasal saya tidak tahu macam mana sistem yang dibuat, kadang-kadang jawatan yang diberi kepada pensyarah itu memang besar, adakah cukup syarat untuk mendapat gelaran yang besar.

Jadi macam mana orang ini jadi *provost*, profesor? Macam mana syaratnya? Adakah pihak kolej itu sendiri diberikan kuasa untuk membuatnya ataupun pihak kementerian ada syarat-syarat yang ditentukan? Dan kalau pun ada syarat, siapakah yang memberi kelulusan? Adakah setakat pihak kolej swasta sahaja ataupun dikemukakan kepada kementerian untuk kementerian proses pula dan meluluskan?

Yang seterusnya mengenai dengan iklan Yang Berhormat Menteri, kadang-kadang kita lihat dalam iklan, dia tunjukkan kampusnya elok, dia tunjukkan produk-produknya elok dan kemudian ada pinjaman PTPTN dan sebagainya, jadi akhirnya bila pelajar masuk tidak seperti yang diiklankan, siapakah yang menetapkan iklan ini, adakah pihak kolej boleh menetapkan iklan sesuka hati mereka.

Saya berpendapat pihak kementerian perlu *control* perkara ini kerana macam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kalau mana-mana pemaju hendak membuat iklan perlu meminta kelulusan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, begitu juga dari segi kolej swasta ini saya percaya perlu memohon kelulusan daripada kementerian supaya fakta-fakta yang diberikan itu betul, nanti kita tengok jelas, pelajar boleh mendapat pinjaman daripada agensi-agensi tertentu tetapi sebenarnya pengajian yang ada kelulusan LAN hanya ada beberapa, yang majoriti tidak ada, ini pelajar jadi tertipu. Ya, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Tambun. Dalam dua isu yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, iaitu yang pertama dalam soal modal, dalam soal *working capital*, sama ada cukup ataupun tidak kepada pengusaha IPTS, oleh sebab jika sekiranya ini tidak *diregulate* dan apabila terjadi kolej ini ditutup, apakah perlindungan yang dibuat,

perlindungan terhadap pelajar-pelajar, misalannya dia baru habis tahun satu, tiba-tiba kolej ditutup oleh kerana masalah *working capital*, apakah perlindungan terhadap pelajar, ke manakah perbelanjaan yang telah dibuat, itu satu.

Yang kedua, dalam iklan tadi, oleh kerana kalau iklan ini tidak *diregulate*, kolej boleh membuat dakwaan kononnya dia ini menawarkan kursus misalnya ianya *twinning* dengan satu IPTA dan ini sudah berlaku. Saya telah mengurus ada tiga orang pelajar, dia bersekolah di satu kolej di Sarawak dan kononnya kursus itu dia *twinning* dengan USM dan UPM dan sebagainya, dan akhirnya apabila dia selesai tahun satu, rupanya dia tidak ada *twinning* pun dan dia tidak boleh terus mengambil sama ada ijazah ataupun diploma.

Jadi, apakah kita patut mengambil tindakan terhadap kolej-kolej yang seperti ini, yang mendakwa memberi iklan yang salah, ini boleh dikatakan satu penipuan. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai yang ditutup ini, sebenarnya saya pun memang hendak membangkitkan isu ini kerana ada berlaku di negeri Perak sendiri, kolej yang ditutup, saya dapati kementerian ada memainkan peranan supaya pelajar daripada kolej tersebut ditukar pergi ke kolej lain, bermakna peranan itu ada dijalankan tetapi sebahagian daripada pelajar akhirnya terus keluar daripada sistem itu. Jadi, ini saya rasa biar kita kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Mengenai dengan iklan ini saya sudah sentuh kerana saya sendiri pun tidak tahu mekanisme yang disediakan oleh pihak kementerian, adakah pihak kementerian yang mengawal dan sekiranya kolej tidak mengikut peraturan, boleh dikenakan sebarang tindakan, itu saya tidak tahu, saya ingat Yang Berhormat Menteri akan menjawab tadi.

Saya ada nama kolej di sini, Institut Pendidikan Lanjutan Flamingo. Hah itu. [Ketawa] Ya, namanya Institut Pendidikan Lanjutan Flamingo. Kita dengar pun tidak begitu, Institut Astin, Institut Kreatif Alif.

Ini baru sedikit ini, itu yang saya maksudkan, 'Flamingo' ini kita kalau di Kuala Lumpur, Flamingo Night Club. Hah, saya ada banyak lagi ini, jadi bukan saya bercakap main-main sahaja Yang Berhormat ya, kerana saya katakan saya ada dia punya senarai itu.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, Kubang Kerian bangun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tidak mengapalah, sudahlah Yang Berhormat, cukuplah itu, tidak ada isunya tidak ada pun. Sudah cukuplah. Dia rasa sensitif, buat apa hendak sensitif, benda tak ada sebab apa hendak sensitif. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Gelang Patah tadi, sesuatu institusi mempunyai maruah dan dilihat tinggi apabila institusi melahirkan produk-produk, bukan setakat *graduate* yang berkualiti tetapi produk dari segi penghasilan analisis dan pendidikan.

Kadang-kadang kita tengok Harvard. Kita pergi ke kedai-kedai buku, Harvard Economic ada di situ. Kemudian kita tengok Oxford dan sebagainya. Saya lihat dalam konteks negara kita, kita menghadapi krisis ekonomi pada tahun 1997-1998 dan kemudian kita melakukan pembetulan melalui pelbagai cara ekonomi, cara fiskal, *monetary* dan sebagainya. Tetapi dari sudut akademik, kita nampak di kedai-kedai buku itu tidak banyak penulisan.

Jadi, apa yang kita nampak satu episod dalam sejarah yang berlaku dalam negara kita yang sepatutnya kita boleh belajar daripada sejarah tersebut untuk memperkasakan lagi dari segi kedudukan ilmu pengetahuan kita itu hilang kerana pensyarah kita baik awam mahupun swasta tidak banyak menghasilkan buku akademik dan sebagainya yang kita boleh baca.

Apa sebab berlaku begitu? Adakah *lecturer* kita setakat pergi *lecture*, cakap dan habis ataupun kita mesti meningkatkan mereka kepada *level* yang lebih tinggi, kepada *level* yang boleh menghasilkan penyelidikan dalam bidang-bidang tertentu yang begitu tinggi, sampaikan peringkat dunia antarabangsa memanggil kita dalam banyak forum untuk kita bercakap? Sekarang tidak banyak yang dipanggil. Orang tidak iktiraf pencapaian kita. Bila tidak iktiraf, orang tidak memandang tinggi kepada *academic excellence* negara kita. Sesetengah orang dipanggil sebagai konsultan pula daripada macam-macam badan. Mereka adalah pensyarah daripada universiti-universiti yang membuat *research analysis* untuk negara-negara tertentu.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apa sebabnya negara kita ini dari segi universitinya tidak menghasilkan perkara-perkara begitu dan apakah, dengan izin, *practical measures* yang patut kita buat? Bila kita ada satu universiti yang cemerlang, akan melahirkan sekeliling yang cemerlang. Tidak kita menumpu kepada buku dari luar. Kadang-kadang kita tengok buku dari luar. Buku dari luar ini macam-macam dia kata, di sini *excellent*, di sini tidak *excellent* dan akhirnya kita pakai cakap orang. Cakap kita sendiri kita tidak pakai. Cakap orang luar ini, dia tidak berdasarkan *research* di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ada dua perkara sahaja lagi. Pertama, saya sebut mengenai standard pendidikan negara kita ini. Saya hendak bertanya, satu dari segi *content* pengajian kita. Adakah *content* ini berubah-ubah mengikut keperluan masa? Sebab *concern* saya apabila pelajar kita keluar daripada universiti, sebahagiannya tidak diterima bekerja walaupun dalam bidang-bidang ekonomi, kewangan dan sebagainya. Adakah kerana *gap knowledge* mereka? Apa yang mereka perolehi daripada universiti adalah isu-isu lama.

Masa saya belajar dulu, Hacharan Singh, tiap-tiap tahun itulah *lecture notes* dia. Bawa macam mana, Tuan Yang di-Pertua? [*Menunjukkan satu lipatan kertas*] Macam ini sahaja *lecture note* dia. *Lecture note* itulah dia bawa selama 4-5 tahun, daripada baru menjadi buruk. Jadi, *content* dia macam itu juga.

Dunia ini sudah berubah, macam-macam orang sudah bercakap tentang *emotional intellect*, tentang macam-macam, IT, *accounting* dan macam-macam lagi. Ini masih lagi yang itu sahaja. Saya bimbang kalau perkara ini berlaku kerana bila kita bercakap dengan pelajar-pelajar universiti ini – Ahli-ahli Parlimen kita banyak pendedahan dengan pelajar universiti dan oleh kerana saya dalam bidang ekonomi, saya lebih *competent* bercakap dengan mereka dalam bidang ekonomi dan kewangan.

Bila kita bercakap itu, dia tidak boleh bercakap tentang apa yang berlaku sekarang, tentang teori-teori *statesmen* atau teori-teori yang baru ini tidak ada. Dia masih lagi *Cairne*, *Fredman* dan teori-teori yang lama. Bila kita bercakap tentang konteks ekonomi, *supply and demand*, itu sahaja yang dia tahu. Saya tidak tahu, saya tidak berada di universiti tetapi daripada percakapan kita dengan graduan dan pelajar-pelajar kita, kita nampak standardnya begitu.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini saya ikuti siaran langsung daripada Universiti Putra Malaysia. Ada satu majlis rasmi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Adakah ini masuk dalam canggih atau tidak canggih, dia sebut hari itu, “Universiti Pertanian Malaysia”, Tuan Yang di-Pertua, berulang-ulang kali. Selepas itu bila ditegur, dia angkat tangan atas kepala, dia minta maaf, dia kata ini “Universiti Pertama Malaysia”. [*Ketawa*] Jadi, salah lagi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak canggih, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat bagi Tambun.

Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Niat jahatlah itu. Tidak payah saya komenlah. Saya balik kepada isu yang saya bangkitkan tadi. Saya akui saya tidak tahu kerana saya bukan berada di universiti. Saya berteraskan kepada hubungan saya dengan pelajar-pelajar dan graduan. Kita ada beribu-ribu pelajar yang kita temui, Ahli Parlimen kita berbincang dalam banyak forum, kita dengar begitu

standardnya. Bukan sahaja ekonomi, dalam bidang kewangan, *banking* dan bidang-bidang lain pun kita lihat standard yang macam itu.

Saya ada jumpa graduan dalam sesi dialog, bercakap dengan saya, "Kita ini, Dato', mesti mewujudkan masyarakat madani." Saya kata, "Bagus!" Saya tanya, "Apa dia masyarakat madani?" Dia pun tidak tahu. Saya tanya, "Bilakah wujudnya konsep masyarakat madani? Apa bezanya di antara konsep yang dibuat oleh Stout, Mills dan juga oleh Hoops?" Dia pun tidak tahu. Apa bezanya antara konsep madani western dengan konsep madani Islam? Dia pun tidak tahu.

Ini yang saya maksudkan, adakah *standard of content* di universiti itu berubah-ubah mengikut keperluan sekarang ini? Dalam konteks itu pula, adakah kita membuat perbandingan pula antara universiti kita di negara-negara lain tentang *content* itu sama ada mencapai tahap yang diperlukan peringkat global?

Kedua mengenai dengan *standard of education* ini. Saya hendak bangkitkan tentang soal *ranking* universiti. Saya dengar, dulu saya ada dapat maklumat, sekarang ini maklumat tidak ada, mungkin saya tidak dapat maklumat tersebut, Universiti Malaya umpamanya merupakan universiti yang terdahulu di negara kita ini dan yang terbaik. Pada masa lalu, ia di tahap yang tinggi. Saya gunakan kalau tidak silap saya, tiga tahun lalu di antara *Asia's top ranking university*, ia jatuh nombor 27.

Macam manakah pandangan kita terhadap perkara ini? Dalam konteks kita hendak menzahirkan satu kaedah yang cukup baik, Malaysia sebagai pusat kecemerlangan, sekurang-kurangnya di peringkat rantau ini, dengan interaksi antara rakyat Malaysia dengan rakyat di luar hendak melahirkan satu *growth center* ataupun *educational hub* untuk rantau ini.

Dari segi soal *ranking* ini, macam mana usaha kerajaan kita supaya *ranking* kita ini tinggi? Apabila orang sebut Universiti Malaya, macam orang sebut, sekarang ini macam Universiti Harvard kah, itu lainlah. Yang peringkat-peringkat di sini.

Tuan Ramli bin Ibrahim: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kota Bharu bangun ya.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Saya tertarik hati dengan penjelasan Yang Berhormat bagi Tambun mengenai jatuhnya *ranking* Universiti Malaya seperti yang disebut tadi, sebab dalam perbincangan saya dengan ahli-ahli akademik Universiti Malaya, termasuk juga Academic Association, dengan izin, beliau menyalahkan kerajaan sebab di antara alasan yang diberi ialah kerana soal autonomi universiti misalnya, tidak ada kebebasan dalam mengemukakan pandangan dan pendapat baru universiti, campur tangan ahli politik dalam pengurusan universiti terlalu banyak, termasuk soal-soal perancangan merangka mata pelajaran baru, semua ini sudah tidak wujud lagi di Universiti Malaya atau di universiti-universiti lain di negara kita jika dibandingkan dengan zaman-zaman penjajah dahulu.

Malah di zaman penjajah dahulu pun barangkali soal autonomi universiti, kebebasan universiti ini, diberi satu penghargaan yang tinggi, tetapi sekarang ini suasana ini sudah tidak ada. Ini di antara rungutan-rungutan yang selalu kita dengar daripada ahli-ahli akademik, profesor-profesor dan termasuklah bekas-bekas profesor yang berada di Universiti Malaya. Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Tambun, apakah rungutan-rungutan dan pandangan-pandangan seperti ini yang dikemukakan oleh ahli akademik ada alasan dan munasabahnyanya dengan situasi yang ada sekarang ini. Minta penjelasan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bercakap perkara ini tetapi saya tidak mempunyai autoriti bercakap mengenai perkara ini kerana saya bukan terlibat. Tetapi pada fahaman saya, Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap tentang *educational autonomy*, saya percaya tidak ada halangan. Yang Berhormat ada maklumat, saya ada maklumat.

Sebenarnya dalam negara kita ini ada, dengan izin, *two flows of information*. Maklumat yang saya perolehi okey, maknanya, *the flow of information* pada saya itu terdiri daripada orang-orang yang rasa okey. Jadi, Yang Berhormat mungkin bertemu dengan orang yang tidak okey, jadi *flow of information* itu pergi kepada Yang Berhormat

itu tidak okey. Dia keluar dari universiti, *frust* dan sebagainya atas apa sebab, berjumpa Yang Berhormat dia kata, universiti itu tidak okey. Jadi, Yang Berhormat akan kata tidak okey, saya kata okey.

Tetapi saya lihat, saya membuat perbandingan negara kita bukan dalam *education*, dalam banyak bidang, pencapaian negara kita ini tinggi. Dalam konteks kemerdekaan yang pendek ini, kita dapat naik tangga daripada negara yang lebih 170 negara, kita berada pada hiraki sosial yang paling rendah, kita dapat naik pada hiraki tinggi. Minta maaf kalau saya bercakap, ada orang marah. Kerajaan hantar saya pergi ke Geneva, mesyuarat tentang WTO baru-baru ini. Sekarang ini ada sistem *Special and Depressor Treatment* (SDT). Orang Barat hendak buat sistem yang dipanggil *graduation exercise*. *Graduation* ini, negara-negara membangun yang telah mencapai tahap tinggi hendak jadikan negara maju dan kita tergolong di situ.

Macam mana kita capai ini, kalau tidak ada kebebasan untuk kita menyuarakan apa yang perlu untuk negara. Jadi, daripada segi pendidikan, saya percaya jikalau orang itu datang, dia kata, ekonomi yang ada sekarang ini bentuknya kita hendak adakan di sini. Mengapa kerajaan hendak tolak, kalau daripada segi ekonomi pun kita pakar, mengatakan dunia kita boleh ajar, takkan yang Malaysia kalau ada kepakaran yang begitu sahaja. Tetapi kalau ada orang yang memainkan *political economy*, itu tentu tidak boleh, kalau *political economy* yang berbentuk negatif. Saya percaya mana-mana kerajaan di dunia, mana-mana parti di dunia pun dia tentu tidak bersetuju. Jadi, saya harap masalahnya begitu. Tetapi saya tidak ada *authority*, tetapi berdasarkan kepada apa yang kita lihat, kita buat berbanding secara *relative* dan *comparative*, ini yang telah kita capai.

Jadi, daripada segi *ranking* tadi, seperti mana saya minta kepada Yang Berhormat Menteri, macam mana *approach* kita. *Ranking* ini bermakna banyaklah *ancillary matters*, daripada segi *contentnya*, daripada segi *lecturer*, dari segi macam-macam. Kita tidak mahu ambil *mentality* kampus menjadi halangan kepada pencapaian. Saya ambil balik dalam konteks pembangunan pendidikan di India, berjuta *graduate* yang diiktiraf dunia sebagai *world class*. Dalam satu *environment* negara yang mempunyai satu bilion manusia yang cukup miskin. Miskin ini Tuan Yang di-Pertua, miskinlah, makan satu hari dua kali. Miskin kita ini rumah murah kerajaan beri. Tetapi miskin di India ini, makan satu hari dua kali, duduk tidur di kaki-kaki lima. Macam budaya kucing. Anak-anak duduk di situ, tidur, subuh-subuh emak pergi cari makan. Kemudian anak menangis tunggu emak datang bawa makanan. Itu dia kemiskinan di sana. Kemiskinan sampai seorang jual *body* dia bila mati nanti supaya dapat duit itu untuk diberi kepada anaknya makan, tetapi dalam sistem yang miskin itu lahir *first-class students*.

Kampusnya tidak elok, yang mungkin di Hyderabad dan Banglore dan tempat-tempat lain, tetapi kalau kita tengok di New Delhi, kampus tidak elok, rumah kedai yang usang. Kita tidak percaya di rumah kedai yang usang itu di dalamnya terdiri daripada *first-class people*. *Lecturemya* yang bersungguh-sungguh hendak membangunkan rakyat dia yang berkualiti tinggi, *studentnya* belajar bersungguh-sungguh. Jadi, kita tidak mahu kampus menjadi alasan. Alasannya adalah manusia itu sendiri, sama ada manusia itu *capable* atau tidak *capable*. Masalah kita, kadang-kadang kita lihat di kalangan *lecturer* dan juga *student*, kita tidak ada apa yang kita panggil *negative capability*. *Capability* kita untuk berhadapan dengan suasana hari ini. Suasana dunia ini bukan semua positif dan *friendly* kepada kita. Suasana ini, sebagai kita manusia yang ada sikap dan nilai-nilai mahukan kesenangan, dunia ini menjadi satu yang begitu negatif kepada kita, tetapi kemampuan kita untuk menghadapi itu tidak ada. Pelajar *excellent* di India ambil 12 jam hingga 18 jam belajar, *lecturer* sampai tengah malam ajar *students*.

Saya buat analisis, mungkin tidak menyeluruh tetapi ramai, beribu *student* saya tanya, pelajar Cina belajar enam jam tolak *lectures* dengan *tutorials*, pelajar Melayu dua, tiga jam. Saya tanya satu-satu. Bila saya berjumpa *students* sebagai pengerusinya kerana hasrat kita, kita bukan lihat daripada segi warna politik kita tidak ada. Kita lihat hasrat kita, rakyat Malaysia ini mesti *prevail* di dunia antarabangsa. Saya tanya tiap-tiap orang. Kalau 500 saya tanya, "Belajar berapa jam?" Itulah *result* yang saya dapat. Saya beritahu Majlis Perwakilan Pelajar, kita lihat politik dalam

konteks buat satu *survey* di universiti, buat *survey* di kalangan *students* di sana, berapa jam pelajar belajar. Hasil daripada *survey* ini beri kepada kerajaan. Inilah dia sumbangan terbesar Majlis Perwakilan Pelajar kepada melahirkan bangsa yang dipanggil bangsa Malaysia yang dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Saya beritahu kepada semua Majlis Perwakilan Pelajar.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tambun. Saya 110% bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Saya ingat kita di Malaysia ini ada sedikit tanda-tanda terlalu *rigid* daripada segi memberi syarat-syarat kelulusan IPTS mesti ada padang bola, mesti ada bangunan yang tinggi-tinggi, mesti ada kelengkapan *gymnya*, mesti dengan segala kemudahan. Barangkali ini *mentality* kita yang belum berubah, saya ingat Yang Berhormat. Pada hal kalau kita lihat universiti-universiti, kolej-kolej yang terkenal, Yang Berhormat sebut di India, itu negara yang miskin, saya setuju sangat. Negara maju, ambil misalnya Imperial College di UK, satu bangunan yang cukup *simple*. Mengapa kita perlu mesti ada padang? Padang menjadi syarat untuk lulus lesen IPTS. Saya ingat *mentality* ini perlu diubah, Yang Berhormat.

Di Dublin saya pergi tengok, kita hantar anak-anak kita banyak belajar *medicine* di situ, *college* yang terkenal di Dublin, a *simple building*. Tidak ada bangunan yang mencakar langit, mesti ada rumah kedai tidak boleh. Saya tengok banyak kolej swasta di luar negeri, di UK, di Scotland, di Amerika saya takut hendak pergi, kena *check* teruk, tetapi yang pentingnya ialah apa yang kita hendak keluarkan daripada kolej itu.

Di sini saya ingat ada *tendency* kita hendak pentingkan *form* itu, bukan *substance*, bukan kualiti yang kita hendak *produce*, tetapi kita hendak ia mesti ada bangunan yang besar, mesti ada padang, mesti tanah 10 ekar paling kurang. Ini saya ingat satu daripada masalah yang terlalu *rigid*, saya ingat kita perlu berubah. Saya hendak cadangan kepada kementerian, saya mungkin tidak berpeluang hendak bercakap. Saya kira ini satu perkara yang penting kalau kita hendak lahirkan banyak kolej-kolej yang berkualiti dan kalau kita betul-betul mempunyai *vision* yang jelas, hendak jadikan *education*, pendidikan sebagai satu industri di negara ini. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dengan persetujuan Ahli Yang Berhormat bagi Tambun, saya mohon minta jalan untuk tambah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh minta penjelasan?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Saya mohon penjelasan, juga sebagai tambahan. [Ketawa] Memandangkan kerajaan selaku pemerintah, mampu hanya mengubah atau membuat sesuatu dalam soal infrastruktur dan *institutional framework*, sedangkan perkara-perkara Yang Berhormat bagi Tambun ketengahkan adalah soal-soal *mindset* yang pembentukannya adalah lebih kepada faktor-faktor budaya dan genetik dan sebagainya. Maka di sini apakah pula peranan yang boleh dimainkan oleh kerajaan selaku pemerintah, memandangkan kerajaan di Malaysia ini, kalau dalam bidang pendidikan, berhabis-habisan sudah dicurah dalam soal infrastruktur dan *institutional framework*? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Temerloh dan Yang Berhormat bagi Kangar. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Temerloh bahawa infrastruktur itu bukan sebagai faktor kritikal. Ia penting tetapi bukan kritikal, dan padang bola bukan sebagai suatu hiasan kepada pembangunan pendidikan.

Kemudian, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kangar mengenai dengan kemampuan kerajaan membangunkan infrastruktur dan perkara yang berbentuk *institutional*, dan tidak melihat kepada soal *culture*. Kita bercakap tentang soal pendidikan, jadi perkara-perkara ini saya hendak sentuh dan saya sudah sentuh tadi.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, dalam pengalaman saya yang bukan besar sangat, bila pelajar masuk ke kindergarten atau ke sekolah rendah, kita ajar dia

A, B, C dan sebagainya. Kita tidak membina karakter sebenarnya. Saya berbalik kepada pengalaman saya melihat di Jepun, macam mana *character development* menjadi faktor penting dalam pembinaan individu. Daripada tabika umur lima tahun – tabika pada umur empat tahun atau lima tahun - dia ajar hingga sampai ke peringkat yang semacam ini [*Membongkokkan sedikit badan untuk menunjukkan gerak badan yang dimaksudkan*]. Dia ajar. Maknanya, bila kita lalu, ada 500 budak - kita ini *foreigners*, kita tidak tahu - macam ini. Bukan guru kata, “*Hait!*” Tidak ada. Dia telah diajar karakter itu, ini dia *value* kita. Kemudian pergi ke bilik air macam mana? Dia ajar pada umur empat tahun, lima tahun. Masuk ke muzium bawa buku - budak kecil - ini tulis.

Jadi mereka diajar bahawa masa itu penting. Pergi ke muzium bukan macam kita - tengok sahaja. Kadang-kadang bila kita keluar balik, “Apa seronok?” “Tidak ada apa”. Dia budak kecil, *kindergarten*. Diajar mesti ada *notebook*, tulis. Bila balik, bercakap kepada kelas. Itu *character development*, yang kita panggil sebagai *social capital*. Saya lihat, oleh kerana kita bercakap mengenai pendidikan, pentingnya *social capital*, bukan sahaja kepada pendidikan tetapi *social capital* ini penting dalam pembangunan negara, dalam semua bidang. Ini yang utama – *the development of social capital*.

Dari segi kita sebagai manusia menekankan kepada *intellectualism*, *productivity*, *excellence*, *love for the nation*, dengan izin, dan sebagainya, jadi bila kita jadi Ahli Parlimen hasil daripada produk kita, *we want to achieve excellence* dan *productivity*, kita hendakkan itu. Itu dia hasil *social capital* yang dibina dalam diri kita ini. Maknanya, kita akan menjadi *by-product* kepada sistem itu ke mana sahaja kita pergi. Kita pergi persidangan antarabangsa, *we want to prevail*, kita hendak bercakap, sebelum kita pergi kita buat *research*, kita mahu di sana. Jika kita hadir dalam satu *conference*, kita hanya duduk sebagai orang yang diam bisu, kita merasa malu. Itu dia *social capital* yang mesti kita bina dalam masyarakat kita. Dan di mana hendak dibina? Melalui sistem pendidikan. Tidak ada sistem lain. Kita harap kepada ibu bapa. Baru-baru ini saya berbincang dengan Jabatan Pendidikan Negeri, kita buat motivasi kepada ibu bapa, ibu bapa diajar mendidik anak. Saya kata kita mesti hasilkan manual kepada ibu bapa untuk mendidik anak tidak ada. Ibu bapa kita sesetengahnya itu tidak ada *standard*. Dia pun tidak tahu, anak dia lebih pandai daripada dia, takkan dia hendak ajar anak dia? Jadi, kita adakan *manual*, *manual* kepada ibu bapa, beri kepada seluruh negara kita.

Ini dia cara kita hendak mendidik anak kita supaya ibu bapa dapat memainkan peranan. Kita mengharapkan ibu bapa memainkan peranan tetapi kita tidak bagi *tools* kepada dia untuk memainkan peranan. Jadi, hasilnya, bila kita pergi ke universiti dapat belajar. Kemudian saya bertanya kepada Menteri – saya ingat Menteri Pembangunan Usahawan - saya kata, “Mengapa di peringkat *entry point* universiti, pelajar bumiputera dan bukan bumiputera pencapaiannya sama. Keluar dari universiti – *exit point*, yang bukan bumiputera prestasi tinggi, pencapaiannya tinggi manakala yang bumiputera pencapaiannya rendah. Apa pasal?”

Kata dia, sebab - seperti yang dicakapkan oleh Yang Berhormat bagi Temerlohlah – dia pergi masuk MRSM, masuk matrikulasi, *environmentnya friendly*, *environmentnya* elok untuk dirinya – *first-class lecturers*, *first-class facilities*, dibuatkan jadual *prep* dan sebagainya - dalam *environment* itu, dia keluar jadi bagus. Dalam sains kita buat eksperimen ke atas tikus dan sebagainya, kita bagi beberapa *environment*. *Environment* ini diberi kepada Bumiputera, dia *excellent*, masuk universiti *resultnya excellent*. Bila masuk universiti, *it is a laissez-faire system* – masing-masing punya hal. Guru *first-class* yang mengajar tadi sudah tidak ada, *first-class facilities* sudah tidak ada. *He is on his own*, termasuklah *negative capability*. Bila *negative capability*, kita ada sikap. Tadi senang, hendak senang dan sebagainya, belajar dari *form one* sampai matrikulasi, *environment* senang, tiba-tiba di universiti, *environmentnya* berlainan. Ada orang bukan Bumiputera, muka *lecturemya* nampak garang, *facilitiesnya* tidak cukup, biliknya sebilik untuk dua orang, tilam koyak, macam-macam. *Environmentnya* sudah menjadi *hostile* kepada dirinya.

Jadi, *negative capability* tidak ada untuk berhadapan dengan suasana itu. Akhirnya, *result* dia tidak seberapa, belajar dia kurang. Saya berpegang kepada

konsep *social capital* ini sebagai faktor kritikal dalam pembangunan negara, bukan pendidikan sahaja. Pendidikan ini sebagai penjana kepada melahirkan manusia yang mempunyai kekuatan *social capital* ini. Tetapi yang akan mendapat hasil daripadanya adalah negara ini.

Akhir sekali, saya hendak menyentuh tentang soal *international recognition*. Saya tahu saya mendapat jawapan tempoh hari, ada universiti yang kita iktiraf – universiti luar yang kita iktiraf - orang pun buat kepada kita macam itu. Tetapi kita bercakap dalam konteks cita-cita kita, cita-cita hendak menjadikan Malaysia *center of educational excellence*. Jadi tentulah ada dia punya *networking* dan *networking* ini kita tidak boleh biarkan begitu. Kita mesti minta, kita mesti cari.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke beberapa negara, dia nampak saya dari Malaysia, dia seronok. Dia cakap Melayu sedikit kepada saya. Maknanya dia pernah belajar di Malaysia. Ada belajar di UIA. Kerja di mana? Jadi pelayan restoran. Saya tanya, “Pasal apa?” “Kelulusan tidak diiktiraf oleh negara luar”. Jadi, macam mana kita hendak tarik orang daripada dunia luar datang ke sini?

Saya berpendapat, walaupun jawapan yang saya dapat, maknanya masing-masing buat, dia kira *recognition* ini terpulang kepada negara tersebut, tetapi oleh kerana cita-cita itu besar, saya percaya kita mestilah ada unit atau *team* kita untuk *market* kita punya *product*, untuk *discussion*. Kita adakan *discussion* dengan negara lain, terutamanya negara Islam. Negara Islam sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, inilah masa terbesar sekali untuk rakyat Malaysia pergi ke sana. Saya pergi dengan beberapa orang Ahli Parlimen, dengan pembangkang saya pergi, atas tugas saya pun saya pergi.

Tuan Yang di-Pertua, orang sudah getik dengan Amerika dan dengan dunia Europe. Walaupun raja-raja dan pemerintahnya masih ada hubungan dengan negara Eropah atau Amerika atas sebab pragmatik, sebab mereka bergantung kepada wang daripada Amerika dan Europe untuk membangunkan negara mereka. Kalau wang ini tidak datang, tidak ada pembangunan, rakyat jatuhkan dia, dia jatuh. Itu dia dari segi *pragmatism*nya, tetapi dari segi realiti rakyat, orang sudah getik, sudah benci kepada Amerika dan Europe.

Mereka melihat kepada negara sebelah sini, dan bila negara sebelah sini, kitalah negara Islam. Indonesia negara Islam, tetapi Indonesia tidak mencapai tahap kapasiti secara *international recognition*. Malah orang Indonesia pun hendak datang belajar ke sini. Jadi, ini masanya. Inilah masanya untuk kita panjangkan tangan kita, *outreach* kita punya produk ini, universiti kita. Kita pergi ke luar berbincang dengan orang, pergi jumpa, bawa Yang di-Pertuan Agong. Dalam soal hendak dapatkan semua ini, semua orang mesti terlibat: Yang di-Pertuan Agong pergi main peranan, Menteri main peranan, Menteri pergi, Ahli Parlimen pergi, dapat *recognition*. Satu negara bagi satu *recognition* kepada universiti kita pun sudah besar pencapaian kita, dan orang akan datang ke sini.

So, kita dapatkan *recognition* ini. Di Timur Tengah *recognition* kita dapatkan, di tempat lain. Tambah di Timur Tengah, bukan *standard* sangat belajar dia. Bidang dia pun bukan *standard*. Hendak bangun ekonominya macam kita. Tetapi orangnya tidak ada kapasiti kerana ilmu tidak ada. Ilmu itu ada di sini dan mereka iktiraf, kadang-kadang kita di Parlimen, kita kata Bangladesh besar.

Saya bukan hendak cakap besar. Bila saya pergi ke persidangan antarabangsa, orang Bangladesh, Ahli Parlimen mencium tangan saya. Ini cerita betul. Orang pandang kepada kita. Jadi inilah *time* kita.

Seorang Ahli: Oh!

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Janganlah oh! Oh, pulak. Apa oh, oh, benda betul. Maknanya saya yang pergi, bukan dia kata saya ini pembangkang. Ini dia tak tahu. Saya Ahli Parlimen Malaysia. Bermakna dia hormat kita termasuk pembangkang sekali. Tak payah oh, oh. *[Ketawa]*

Jadi ini masanya. Kita buat *outreach* program kita ini. Kita pergi ke banyak negara - kita buat. Bila orang iktiraf kita, barulah pelajar itu senang. Macam kitalah,

awal tadi saya kata mana-mana pelajar yang hendak masuk IPTS tengok dahulu pengajiannya diluluskan oleh LAN atau tidak.

Serupa juga pelajar luar negara ini. Dia tak datang sini untuk seronok belajar. Dia datang kerana universiti kita ini diiktiraf di luar negara. Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua sumbangan saya dalam perbahasan ini dapat memberi kebaikan. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tumpat.

12.41 tgh.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga terlibat secara ringkas dalam perbahasan mengenai pindaan kepada Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta. Sebagaimana yang kita maklum Tuan Yang di-Pertua, memang keseluruhan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sudah tentu berminat kerana sokongan kita yang tinggi terhadap peningkatan dunia pendidikan dalam negara kita ini.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bandau. [Ketawa] Okey, gangguan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Kali ini kita telah pun mempunyai suatu bidang pendidikan di pihak swasta yang secara ringkasnya dipanggil IPTS. Sebagaimana yang kita juga sedia maklum bahawa Islam memandang tinggi kepada pendidikan, malah sejarah pendidikan Islam masih lagi dianggap sebagai terulung dengan contoh IPTS yang paling terkenal ialah Universiti Al-Azhar di Kaherah, Mesir sendiri.

Jadi, ini menandakan bahawa penghormatan kita terhadap pendidikan di mana-mana sekali pun, oleh sesiapa sekali pun adalah amat tinggi. Dalam negara kita juga parti-parti politik utama negara kita banyak juga melibatkan tokoh-tokoh pendidikan. Tidak dapat dinafikan bahawa UMNO sendiri, orang-orang yang utama yang terlibat daripada dalamnya adalah di kalangan guru-guru Melayu. PAS sudah tentulah melibatkan para ulama, pemimpin-pemimpin, pendidik-pendidik yang terlibat dalam bidang pendidikan Islam yang ada ketika itu.

Tetapi apabila kita dengar perbahasan daripada beberapa Ahli Yang Berhormat hari ini sudah tentu jelas menandakan bahawa dunia IPTS secara khususnya dan mungkin dunia pendidikan dalam negara kita menghadapi suatu krisis yang tertentu yang mana banyak teguran telah kita dengar daripada pihak Yang Berhormat termasuklah daripada pihak *Backbenchers* kerajaan sendiri.

Ini saya fikir adalah suatu tanda bahawa dunia pendidikan dan pengendalian pendidikan mestilah diberikan keutamaan yang lebih oleh pihak kerajaan khususnya oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Kita mendengar tadi tentang nama-nama universiti. Saya pun boleh bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap sebelum ini bahawa setengah-setengah nama universiti-universiti ataupun IPTS dan IPTA itu agak tidak sesuai digunakan.

Contoh tentang ini dapat kita lihat bukan sahaja di kalangan universiti atau IPTS yang baru, tetapi saya agak kecewa bahawa IPTA-IPTA yang sudah lama wujud pun ditukar nama-nama mereka. Seperti contoh kita dengar Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sebutkan tadi Universiti Putra Malaysia yang mana nama daripada tahun 50-an dan 60-an ialah Kolej Pertanian, Maktab Pertanian dan kemudian Universiti Pertanian yang saya fikir nama itu baik tidak perlu ditukar tetapi ditukar.

Begitu juga suatu institusi yang lebih terkenal Tuan Yang di-Pertua, yang ditubuhkan dalam tahun 1930-an ataupun awal lagi iaitu di Tanjung Malim, Institusi Perguruan Sultan Idris ataupun Maktab Perguruan Sultan Idris. Tiba-tiba ditukar kepada Universiti Pendidikan dan sebagainya. Saya rasa agak nostalgia terhadap nama-nama tersebut dan saya fikir tidak perlu ditukar.

Begitu juga MARA Institute of Technology (ITM) ditukar kepada Universiti ITM dan sebagainya. Saya fikir adalah pertukaran-pertukaran nama yang tidak perlu. Mujur sekalilah Tuan Yang di-Pertua, bahawa Universiti Malaya tidak mengambil keputusan

untuk menukar nama kepada Universiti Malaysia hanya kerana Malaya tidak lagi wujud sebagai nama kepada negara kita ini.

Soal nama ini, saya setuju dan saya fikir tidak perlu dirujuk kepada mana-mana negeri sebab kalau diambil contoh negeri Kelantan, saya fikir nama-nama kebanyakan daripada IPTS itu sangat-sangatlah baik dan cantik sekali seperti KIAS (Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail) seperti ITD (Institut Teknologi Darul Naim) dan juga nama-nama tempat seperti Nilam Puri sebagai lembah ilmu di Kelantan itu adalah nama-nama yang amat baik dan tidak perlu ditegur secara khusus oleh mana-mana Ahli Yang Berhormat yang bercakap tentang nama-nama universiti ataupun IPTS dalam negara kita ini.

Secara keseluruhannya kita dengar bahawa minat tentang pendidikan di kalangan parti UMNO sendiri akhir-akhir ini meningkat sehinggakan ada tokoh-tokoh UMNO yang mencadangkan ada suatu universiti yang khusus untuk penyelidikan (*Research University*).

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya gembira dan menyokong pandangan Yang Berhormat Menteri menolak cadangan tersebut dengan mengatakan bahawa cadangan itu adalah tidak munasabah dan tidak boleh dipakai.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak bagi jalan?

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta jalan sedikit, hendak minta penjelasan tentang dua perkara iaitu satu berkenaan dengan penubuhan universiti Tuan Yang di-Pertua.

Di Kelantan, tiap-tiap kali pilihan raya selalu ada orang datang untuk berjanji menubuhkan universiti di Kelantan. Ini sudah sejak tahun 80-an bahkan satu tapak kampus telah diambil di Bachok. Pagar besi yang mengelilingi tapak tersebut telah runtuh tetapi universiti belum lagi terbina.

Pada tahun 1999, Yang Berhormat Mulia bagi Gua Musang pun ada berjanji hendak buat universiti. Sekarang daripada Ketua UMNO Negeri Kelantan ada juga berjanji hendak buat universiti. Apa komen Dato' terhadap janji-janji ini?

Yang kedua berkenaan dengan nama tadi, saya tidaklah sensitif sangat. Saya cuma hendak berkongsi dengan Ahli Yang Berhormat bagi Tambun. Mana satu yang tidak canggih tadi supaya kita boleh tukar macam Dato' sebutkan tadi. Yang Berhormat sebut tadi KIAS, adakah kita kena tukar jadi 'KAIS'. Itu pasal dia tak canggih. Minta komen Dato' sikit.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang kedua itu saya fikir sudah pun terjawab. Yang pertama tentang janji untuk mewujudkan universiti kerajaan di Kelantan. Saya sendiri amat maklum tentang betapa tidak wujudnya sebuah pun universiti penuh di negeri Kelantan itu.

Malangnya Tuan Yang di-Pertua, di Kelantan kita akui ada kampus Universiti Sains Malaysia iaitu Fakulti Perubatan. Saya ingin mengambil kesempatan mencadangkan supaya asas kampus Fakulti Perubatan Universiti Sains Malaysia itu dijadikan sebagai permulaan untuk diwujudkan sebuah universiti yang selengkapnya di negeri Kelantan itu. Sebabnya ini satu lagi keanehan dalam dunia pendidikan tinggi dalam negara kita. Bukan sahaja USM tetapi beberapa kampus lain dan UIA pun mempunyai kampus perubatan di Kuantan, Pahang.

Ini saya fikir suatu strategi pendidikan yang tidak canggih mengikut istilah Ahli Yang Berhormat bagi Tambun dan tidak *logical* dari segi perkiraan logistik biasa pengendalian pentadbiran sesebuah institusi pengajian tinggi. Sebabnya sesuatu kampus untuk ilmu perubatan sahaja dipisahkan daripada keseluruhan universiti itu sendiri adalah suatu yang tidak menguntungkan pelajar-pelajar dan tidak menguntungkan universiti dari segi yang saya sebutkan tadi pembahagian pensyarah-pensyarahnya, guna sama perpustakaan-perpustakaannya, makmal-makmalnya dan kemudahan-kemudahan lain.

Jadi daripada kita mengekalkan sikap diskriminasi terhadap negeri Kelantan yang tidak memberikannya satu pun universiti awam, saya fikir masanya sudah sampai kerajaan dan kementerian ini untuk mewujudkan universiti kalau tidak pun baru seratus peratusnya menggunakan Kampus Perubatan Universiti Sains Malaysia sebagai permulaan mewujudkan sebuah universiti di negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan akhir-akhir ini minat yang amat tinggi untuk mewujudkan universiti tentang pemikiran Perdana Menteri, universiti tentang kajian bangsa Eropah, saya fikir ini adalah menandakan di satu pihak minat di kalangan ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO untuk mengkaji dengan lebih mendalam pemikiran seseorang tokoh yang ada di kalangan mereka dan tentang bangsa Eropah yang mereka anggap sebagai ancaman yang amat merbahaya kepada negara dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pemikiran Perdana Menteri, saya fikir adalah agak aneh untuk sekali lagi kita memberi suatu pengkhususan ilmiah kepada pemikiran seorang tokoh yang begitu. Kalau kita biasa dengan perjalanan universiti dan kajian-kajian universiti, bukan sahaja pemikiran Perdana Menteri, tetapi pemikiran ramai tokoh yang ada dalam negara ini dijadikan bahan kajian.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya minta setengah minit sahaja. Kalau ganggu Dewan pun, minta maaf. Pasal unta itu, pemikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, setiap kali Persidangan UMNO sejak saya Tingkatan 6, saya masih ingat, saya duduk belajar lagi, setiap kali dia berucap di Perhimpunan UMNO, ada disebutkan unta. Katanya sekarang bukan zaman lagi naik unta, sekarang naik kereta. Tiap-tiap tahun, sudah 20 tahun. Adakah unta ini termasuk dalam bidang kajian pemikiran Dato Seri Dr. Mahathir.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Itu yang saya bimbang dan saya fikir kalau hendak dikaji sebab itu kita tidak perlu menolak, kita kaji betul-betul dengan objektif mengikut kaedah-kaedah ilmiah pemikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Selain daripada unta, diberi juga contoh dalam kata-kata hikmah beliau iaitu tentang betapa katanya dalam dunia politik ini tidak perlu menggunakan perkataan 'Islam' dalam parti politik.

Katanya pengajaran yang beliau terima datang tidak kurang hebatnya daripada Perdana Menteri Turki sendiri yang memberitahu beliau, katanya iaitu bahawa Turki dan Parti AK yang memerintah tidak menggunakan istilah 'Islam' dalam parti politik kerana mengetahui bahawa kalau menggunakan istilah 'Islam' dan jika kerajaannya melakukan sesuatu kesilapan, ianya akan menjejaskan nama baik Islam itu.

Saya tidak tahu siapa yang hendak menyelewengkan sesiapa. Sebabnya sesiapa sekalipun yang mengikuti sejarah dunia, khususnya mengikuti sejarah negara Turki akan tahu bahawa semenjak 80 tahun yang lalu lagi iaitu dalam tahun 1924, apabila Mustapha Kamal Atatürk menjadi pemerintahnya, beliau mengisytiharkan bahawa Turki adalah negara sekular dan perkataan Islam bahasa Arab diharamkan daripada negara Turki itu malah untuk azan pun tidak boleh dilakukan dalam bahasa Arab mesti dilakukan dalam bahasa Turki.

Jadi tidak timbul soal mana-mana pihak pun boleh mewujudkan parti politik atas nama Islam, persatuan atas nama Islam, kelab atas nama Islam, gerakan atas nama Islam dan sebagainya. Akan tetapi Perdana Menteri kita dalam satu pemikirannya yang hendak ditonjolkan dan diterima oleh rakyat mengatakan bahawa itulah yang dimaklumkan kepada beliau oleh Perdana Menteri Turki sendiri.

Tuan Ramli bin Ibrahim: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Jadi, ini saya fikir adalah perkara yang perlu kita jadikan bahan kajian untuk kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua: Hmm.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Mengenai Mustapha Kamal Ataturk. Di antara yang diharamkan oleh Mustapha Kamal Ataturk mengikut kajian saya ialah termasuk menyimpan janggut, memakai jubah, memakai serban, juga menggunakan istilah-istilah 'Arah' serta menghina ulama-ulama Arab di Turki. Adakah ada persamaan di antara Mustapha Kamal Ataturk dengan pemikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia sekarang ini yang juga tidak kurangnya lantang dalam soal kritikan-kritikan seperti itu. Minta pandangan Yang Berhormat Tumpat sebab setahu saya Tumpat ini seorang pengkaji yang terkenal di negara kita.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Saya fikir dalam institut pengajian Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad itu bolehlah dimasukkan tokoh-tokoh sekular yang sehaluan dengan beliau seperti Mustapha Kamal Ataturk itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin supaya kita mengambil perhatian tentang konsep IPTS yang mana dalam aktanya dalam tahun 1996, antara lain memasukkan kelonggaran-kelonggaran kepada syarat-syaratnya yang berbeza dengan IPTA. Kelonggaran-kelonggaran daripada segi jumlah pelajar, peratusan pelajar dan kelonggaran daripada segi penggunaan bahasa-bahasa penghantar. Saya ingin bertanya kepada kementerian tentang keadaan jumlah pelajar yang ada, peratusan pelajar yang ada, bidang-bidang ilmiah yang diikuti oleh pelajar-pelajar yang ada ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tumpat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat bagi Tumpat, saya ingin Yang Berhormat memberi penjelasan dan juga Setiausaha Parlimen akan memberi penjelasan – pihak Menteri iaitu soalan saya tentang minta Menteri Pendidikan menyatakan komponen kaum pelajar di Malaysia Multimedia University. Jawapan yang diberikan di sini Yang Berhormat bagi Tumpat ialah jumlah pelajar - 12,875. Pelajar bumiputera hanya 4,550 iaitu lebih kurang 30%.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Tumpat, kenapa? Adakah tidak ada pelajar-pelajar yang layak masuk ke universiti itu, tidak ada kelulusan yang cukup, atau adakah kerana pelajar bila sebut sahaja Universiti Multimedia, dia gerun dengan yuran yang akan dikenakan dan kemiskinan keluarga. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah usaha kerajaan untuk menyeimbangkan supaya tidak kekal 30% lebih kurang bumiputera dalam Universiti Multimedia.

Yang kedua, saya ingin bertanya, Kelantan ini memang kena ada universiti sebab saya dua penggal berada di Kelantan, saya lihat sikap rakyat Kelantan terhadap pelajaran berlainan daripada sikap rakyat Pulau Pinang negeri saya dan Kedah. Di mana setiap kali di sana itu hari Jumaat terutamanya, saya dijemput oleh ibu bapa iaitu bila anak mereka hendak mengambil SPM, hendak ambil STPM, hendak mengambil peperiksaan universiti, mereka buat sembahyang hajat. Sembahyang hajat buat makan lima, enam talam kemudian panggil kita untuk sembahyang hajat kerana anak mereka hendak mengambil peperiksaan. Ertinya ibu bapa di Kelantan begitu *concerned* tentang anak mereka hendak masuk periksa dan sebagainya.

Saya duduk di Kedah sekarang sudah satu penggal, tidak adapun ibu bapa panggil sembahyang hajat kerana anak hendak masuk periksa. Sembahyang hajat kerana kerbau hilang, motosikal hilang, jenis macam itu. Jadi Kelantan pemikirannya tumpuan kepada pendidikannya begitu tinggi. Saya dapat bezakan. Jadi....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Mohamad bin Sabu: Jadi minta Tumpat.....

Tuan Yang di-Pertua: Jangan minta penjelasan, adalah.....

Tuan Mohamad bin Sabu: Minta penjelasan yang sesuai

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Kedah, adakah berkenaan dengan apa-apa yang diucapkan.....

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, ya, jadi tadi hal Kelantan yang disebutkan tadi perlu satu universiti. Minta penjelasan sedikit, Tumpat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang nombor satu pun tidak bersangkut, yang nombor dua pun tidak bersangkut. Apa yang diucapkan oleh Tumpat itu adalah berlainan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada Kuala Kedah. Saya hendak mengaitkan pandangan Kuala Kedah tadi dengan apa yang disebut oleh Tambun iaitu jelas bahawa walaupun ada yang kita tidak sepenuhnya bersetuju dengan Tambun, tetapi keadaan ekonomi sesebuah wilayah atau negara di mana beliau bandingkan India dengan Malaysia dan sebagainya. Ini jelas Tuan Yang di-Pertua bahawa Indonesia misalnya walaupun kita perlekehkan kampus-kampus mereka, bangunan-bangunan mereka, tetapi hasil-hasil penyelidikan mereka, fakulti-fakulti perubatan mereka, penerbitan-penerbitan, buku-buku ilmiah mereka, industri penterjemahan buku-buku yang mereka lakukan, saya yakin jauh lebih hebat daripada kita.

Begitu juga India dalam bidang pendidikan IT, sudah diakui oleh seluruh dunia bahawa Bangalore itu adalah merupakan salah satu pusat IT yang terbesar di dunia. Begitu juga dalam negara kita, walaupun Wilayah Selangor, Kuala Lumpur dan sebagainya....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan atau tidak? Ya, sila.

Datuk Napsiah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan. Saya mendengar Yang Berhormat mengatakan begitu banyak dikeluarkan bahan-bahan penyelidikan (*research*) dan sebagainya, juga penemuan-penemuan daripada Indonesia. Begitu juga Malaysia insya-Allah, bila penduduk kita mencecah angka 250 juta. Insya-Allah. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak ada penjelasan tu, dia bagi penerangan pula.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ya, itu penerangan. Jadi yang saya hendak tujukan tadi ialah bahawa keadaan ekonomi Indonesia berbanding dengan Malaysia, India berbanding dengan Malaysia walaupun lemah, pendidikannya adalah tinggi. Begitu jugalah Kelantan dengan wilayah-wilayah yang maju berbanding dengan ekonomi di seluruh negara ini, tetapi dalam bidang pendidikan tidak dapat dinafikan mempunyai sejarah kecemerlangan pendidikan yang agak lama berbanding dengan kebanyakan negeri-negeri yang ada dalam tanah air kita. Begitu jugalah....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup, pukul satu dah ya. Minta sambung sebelah petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**].

2.30 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis kita disambung semula. Ya, Tumpat. Silakan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahaskan berkenaan dengan Rang Undang-undang (Pindaan) kepada IPTS. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita dengar perbahasan di sebelah awal pagi ini, yang kita hendak dan ingini berlaku dan wujud dalam dunia pendidikan dalam negara kita ialah suatu keadaan pendidikan yang cemerlang, suatu pencapaian yang tinggi dalam bidang pendidikan. Dalam perhatian kita dan melihat kepada pengakuan Yang Berhormat bagi Tambun bahawa kedudukan Universiti Malaya di Asia pun jatuh ke tempat ke-27 tadi.

Dalam perhatian saya, negara-negara yang dunia pendidikannya maju, adalah seperti juga negara-negara yang bidang sukannya maju iaitu daripada dua jenis, sama ada negara-negara itu bebas seperti di Amerika Syarikat, di Britain dan di Perancis, bebas, maka, kecemerlangan wujud dalam bidang pendidikan, dalam bidang sukan dan sebagainya. Keduaanya, kalau negara itu autoritarian ataupun diktator ataupun komunisme seperti di China, Rusia, contoh-contoh sebelum tahun 1990 yang lalu, juga bidang pendidikannya, penyelidikannya, sainsnya maju dan cemerlang. Sebab itu, Rusia mendahului Amerika Syarikat, keupayaannya menghantar manusia ke angkasa lepas.

Tetapi, kalau masyarakat itu tidak begitu bebas, tidak begitu diktator, maka gagal dunia pendidikannya. Saya fikir kita terpaksa berada di tempat yang ketiga itu. Walau bagaimanapun, dalam sejarah kita kalau kita kaji, bapa kemerdekaan kita, agaknya faham tentang keadaan ini. Dengan sebab itu, walaupun negara ini dari segi politiknya dikawal, *dicontrol* dan ada undang-undang yang ketat, tetapi untuk kampus dan universiti diwujudkan konsep autonomi untuk kampus dan universiti, memberikan kebebasan untuk mendidik, untuk mengajar.....

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Haa, Padang Terap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ooh ya, hendak jalan, sila.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Tumpat. Kebelakangan ini, kita nampak seolah-olah institusi pendidikan telah dijadikan sebagai tempat mencari keuntungan. Jadi, persaingan hebat berlaku di antara institusi-institusi pendidikan yang ada di negara kita ini. Apabila ada persaingan, masing-masing mahu mendapat ramai bilangan pelajar khususnya, IPTS. Oleh sebab itulah, ada di antara IPTS yang menerima pelajar yang dari segi kecemerlangannya rendah, kerana mereka mahu mendapat yuran dan sebagainya dan kita dapati juga kenyataan-kenyataan yang menyatakan bahawa persediaan-persediaan pun tidak begitu mencukupi. Jadi, hasil daripada itu, keluaran daripada sesetengah IPTS ini agak rendah dia punya mutu dan mereka sukar mendapat pekerjaan bila keluar, malangnya, mereka telah menanggung hutang. Jadi, itulah satu fenomena yang saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tumpat. Itu yang pertama.

Yang kedua, campur tangan politik dalam institusi pendidikan cukup ketara sekarang ini sehingga ada universiti yang pelantikan TNCnya dan sebagainya, mesti ada campur tangan politik. Sebagai contoh Universiti Malaya umpamanya, sampai sekarang ini, Timbalan Naib Canselor masih belum dilantik oleh kerana ada unsur-unsur campur tangan politik. Adakah ini satu perkembangan yang sihat? Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang kedua tidak payah jawablah Yang Berhormat, ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Pendidikan Tinggi Swasta ini, itu IPTA. Yang pertama.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu, saya akan menjelaskan Tuan Yang di-Pertua, pandangan dan permohonan penjelasan oleh Yang Berhormat bagi Padang Terap tadi tentang masalah IPTS yang mana oleh kerana bertujuan untuk mengaut keuntungan yang berlebihan, terpaksa mengorbankan kecemerlangan pendidikan, akhirnya menjadikan lulusan-lulusan IPTS tersebut tidak mendapat pekerjaan. Itu, saya akan sentuh juga Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan campur tangan politik itu, saya melihat dari sudut autonominya, pentingnya autonomi untuk kampus IPTS dan juga IPTA tetapi, oleh kerana kita tumpu IPTS, autonomi ini mesti dipulihkan, dikembalikan.

Melalui autonomi in sahajalah, ianya akan boleh membawa kepada pemulihan kecemerlangan akademik yang akan dicapai oleh IPTS-IPTS yang akan dalam negara

ini. Jika ada sekatan, jika ada kawalan, jika ada tekanan politik dalam pelantikan-pelantikan jawatan-jawatan, maka sudah tentulah ianya akan menjejaskan autonomi dan dengan terjejasnya autonomi, terjejasnya kebebasan, akan menjejaskan kecemerlangan akademik yang ingin kita capai. Kita lihat contoh yang berlaku baru-baru ini yang mana sebuah persidangan antarabangsa telah terpaksa dibatalkan oleh kerana ugutan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, mengarahkan anggota staf universiti-universiti yang pensyarahnya dijemput terlibat, supaya tidak ke persidangan seminar tersebut dengan ugutan, diambil tindakan disiplin, jika itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyebutkan tentang perlunya kawalan dan seliaan oleh kementerian mengenai kemasukan pelajar-pelajar ke IPTS-IPTS. Dalam soalan saya yang timbul, yang datang hari ini tentang jumlah pelajar-pelajar IPTS dan IPTA digabungkan di universiti IPTS dan IPTA dalam negeri antara bumiputera dengan bukan bumiputera.

Maka jumlah bumiputera dalam IPTA dan IPTS ialah 149,557, manakala jumlah bukan bumiputera ialah 159,250. Maknanya jumlah bukan bumiputera melebihi bumiputera dengan kadar sekitar 10,000 pelajar kesemuanya. Ini saya tidak tahu adakah ini merupakan matlamat yang ingin kerajaan capai ataupun bukan sedemikian. Kita sebagaimana yang Tuan Yang di-Pertua maklum, ingin supaya peluang pendidikan di buka kepada semua pelajar dan warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan untuk ke universiti, IPTA dan IPTS tempatan, tetapi jika dengan jumlah ini dan pembahagian peratusan begini bermakna terdapat bumiputera yang terhalang daripada hasrat untuk menyertai IPTS dan IPTA, maka ia adalah merupakan suatu suasana dari keadaan yang amat malang sekali.

Begitu jugalah dari konsep bumiputera dan bukan bumiputera dari segi pengendalian universiti-universiti swasta IPTS ini. Kebanyakan daripada IPTS adalah dipunyai oleh bumiputera dan dari sudut parti-parti politik pula ada yang dikuasai oleh UMNO di bawah KUB seperti UNITAR dan ITTAR berbanding dengan yang di bawah MCA seperti Universiti Tuanku Abdul Rahman. Perbezaannya, saya fikir, sekali lagi adalah amat jelas KUB sudah pun bertukar tangan dan universiti, IPTA dan IPTS di bawahnya dalam keadaan terumbang-ambing manakala kita tahu UTAR atau universiti Tuanku Abdul Rahman semakin hari semakin banyak maklumat tentangnya dan semakin besar dana kewangan untuk menjadikannya suatu IPTS yang besar dan berjaya nampaknya.

Ini saya fikir agak sekali lagi mendukacitakan kerana ianya memberikan gambaran bahawa dalam dunia pendidikan bukan sahaja kalangan pelajar-pelajar jumlah bumiputera lemah berbanding dengan kadar pembahagian nisbah penduduk dalam negara ini, pengawalan dan penguasaannya di peringkat atasan sekalipun yang diwakili oleh parti-parti politik terbesar yang menjadi kerajaan pun nampak bahawa ada sedikit kesongsangan yang wujud dalam dunia pendidikan ini. Ini saya harap Menteri di Kementerian Pendidikan mengambil perhatian yang amat besar kerana ia memberikan implikasi-implikasi yang tidak baik terhadap kita semua.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan dalam konteks kita mewujudkan autonomi, dalam konteks kita tidak memaksa pengawalan yang begitu ketat terhadap IPTA dan IPTS yang ada dalam negara ini, bahawa diwujudkan suatu badan yang mungkin bernama "Majlis IPT" yang mana ada cabang-cabangnya seperti majlis IPTS, majlis IPTA supaya ada suatu bentuk kawalan sendiri, atau *self-regulation*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, di kalangan tuan punya atau pemilik-pemilik sama ada kerajaan, NGO atau badan-badan yang berminat untuk terlibat dalam dunia pendidikan untuk sama-sama mencari kecemerlangan dalam bidang pendidikan, untuk menolak ciri-ciri kawalan yang ketat yang akan membantutkan perkembangan kecemerlangan pendidikan dalam negara kita ini.

Jadi, saya fikir satu caranya ialah melalui terwujudnya majlis IPTA, majlis IPTS yang mana payungnya adalah majlis IPT yang mana ianya bukan semestinya berada di bawah mana-mana satu kementerian atau jabatan tetapi lebih berbentuk suatu badan, suatu suruhanjaya misalnya yang autonomi yang boleh memikirkan dan merancang perkembangan pendidikan tanpa tertakluk kepada kepentingan mana-mana satu pihak ataupun kedudukan mana-mana satu presiden parti politik yang kali ini menjadi presiden universiti tertentu, kemudian apabila berlaku rebutan kuasa dalam parti politik

itu terpaksa bertukar di situ dan menjejaskan masa depan anak-anak kita dari semua kaum untuk mencapai tahap pendidikan yang terbaik dalam negara kita ini.

Majlis ini juga boleh mengadakan perancangannya untuk melakukan penilaian - kita dengar tadi dalam negara kita Universiti Malaya nombor 27. Majlis IPTA ini boleh membuat kajian tiap-tiap tahun tentang penarafan (*rating*) untuk tiap-tiap IPTA dan IPTS yang ada dalam negara kita. Maknanya ada satu laporan tahunan oleh Majlis IPT ini yang meletakkan *benchmark* - dengan izin - asas-asas tertentu, ciri-ciri tertentu untuk meletakkan tahap pencapaian masing-masing IPTA atau IPTS yang ada dalam negara ini supaya wujud suatu perlumbaan yang sihat di kalangan pendidik-pendidik dan institusi-institusi pendidikan dalam negara ini untuk mencapai kecemerlangan dalam negara kita. Ini saya fikir adalah salah satu daripada cara untuk mengelakkan kita daripada dikawal dengan begitu ketat oleh pihak kerajaan yang akan menjejaskan kecemerlangan akademik dalam negara kita.

Jadi, ini Tuan Yang di-Pertua, beberapa pandangan dan saranan yang saya ingin majukan dalam perdebatan mengenai rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Bandau.

2.45 ptg.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang bagi kita untuk menyumbangkan sepatah dua dari segi pembentangan perbahasan rang undang-undang di meja mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya dunia pendidikan ini telah banyak berubah khasnya dalam dekad yang lalu ini. Kita melihat bahawa bukan sahaja di negara-negara yang telah maju tetapi begitu juga di negara-negara yang sedang membangun, khasnya di dalam negara-negara yang dahulunya begitu konservatif dari segi perubahan sistem pendidikan ataupun isi kandungan (*contents*) sektor tersebut seperti Australia, New Zealand dan seterusnya pun begitu banyak berubah. Ia berubah kerana tekanan faktor-faktor seperti globalisasi, perkembangan dalam sains dan teknologi, ICT dan seterusnya kursus-kursus yang berdasarkan kepada kajian ekonomi yang telah banyak mengubah, mengambil perhatian kepada perkembangan di peringkat global, khasnya faktor-faktor globalisasi dan seterusnya.

Kita di Malaysia begitu juga pengalaman khususnya semenjak tahun 1996 pada masa akta pertama perubahan dalam sektor ini dibentangkan sampailah sekarang. Nampaknya pada kali ini satu lagi perubahan pada akta asal yang pada mulanya telah pun dibentangkan. Pihak saya sendiri mengambil bahagian dalam perbahasan pada tahun 1996 pada masa Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta dibentangkan pada tahun tersebut. Maka atas dasar itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh perubahan-perubahan yang dicadangkan khasnya yang dicadangkan dengan melalui perubahan-perubahan kepada Fasal 2 yang membolehkan meminda takrif diploma dan ijazah dan dimasukkan takrif sijil dalam Akta "*triple five*" ataupun 555.

Ini adalah amat dialu-alukan walaupun barangkali sebenarnya para institusi khasnya institusi-institusi IPTS telah lama menunggu akta ini dibentangkan, kerana beberapa perkara yang boleh disebut sebagai "*the grey areas*" pada waktu itu dan akta yang sedia ada tidak dapat menampung keperluan-keperluan tersebut dari segi pelaksanaan, misalnya faktor-faktor *distance learning*, dengan izin, telah lama pun dibentangkan dan di bawah akta yang sedia ada belum mencukupi untuk Kementerian Pendidikan memberi gambaran yang sebenarnya mengenai perkembangan sektor tersebut, bahkan bagi pengusaha program-program tersebut. Jadi, ini adalah dialu-alukan.

Tujuan negara kita ialah untuk membentuk negara Malaysia sebagai satu pusat pendidikan cemerlang di rantau ini dan kita berpendapat bahawa melalui akta-akta yang telah pun dibentuk dan diperbaharui dari masa ke semasa, ini telah membantu bagi negara kita untuk menuju ke matlamat tersebut. Namun demikian, sememangnya seperti yang saya katakan tadi beberapa perkara yang masih belum kemas dan dengan adanya perubahan melalui rang undang-undang ini ataupun akta

ini, maka kita percaya mana yang disebut sebagai “grey areas” itu dapat dibereskan secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya ingin menyentuh khususnya perkataan ‘sijil’ iaitu seperti Yang Berhormat Menteri telah pun bentangkan tadi, ia bermakna sijil profesional yang diberi oleh badan-badan profesional ataupun kursus-kursus profesional yang dikendalikan mahupun melalui IPTA, kerjasama dengan IPTS ataupun daripada seberang laut. Hanya masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, kita minta pihak Menteri terus menjelaskan sebab sijil ini begitu luas sekali. Bagaimanakah kaedahnya nanti untuk menapis kursus-kursus profesional supaya apa yang dibekalkan itu memang sijil-sijil ataupun kursus-kursus bertaraf sijil yang boleh diterima sebagai bermutu.

Memang sekali gus ada implikasi kepada Lembaga Akreditasi Negara dan saya melihat bahawa rang undang-undang yang akan dibentangkan ada kaitan sekali gus dengan perkara ini. Namun demikian, ini belum lagi diperjelaskan sepenuhnya setakat manakah sijil-sijil, berapa lebar, luas skop, sijil-sijil profesional ini yang akan dapat dibenarkan untuk dikendalikan oleh pihak IPTS dan bagaimana pula dengan taraf dan soal akreditasi program-program tersebut.

Dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada rang undang-undang seterusnya ini, saya rasa antara *backlog* yang timbul dalam sektor ini asasnyanya yang berkaitan dengan peranan IPTS ialah soal akreditasi. Maka sekali gus untuk membincangkan soal-soal sijil barangkali ratusan atau ribuan sijil-sijil yang dibekalkan di seluruh dunia melalui institusi-institusi yang terkenal dan kalaulah pihak IPTS di negara kita ingin menawarkan ini melalui *distance learning*, dengan izin, ataupun usaha sama, maka perlu ada satu kawalan dan penelitian yang sebenar supaya sijil-sijil ini bukan sahaja diiktiraf, tetapi ia bersesuaian dengan isi kandungan keperluan majikan-majikan di negara kita.

Saya berharap bahawa pihak kementerian barangkali dalam membentangkan rang undang-undang seterusnya akan menekankan perkara ini. Dalam soal memberi akreditasi ini juga Tuan Yang di-Pertua, pasti ada masalah yang berkaitan dan saya rasa apabila timbulnya soal pemberian akreditasi kepada sijil-sijil profesional dan seterusnya yang bukan bertaraf diploma atau ijazah, maka perlulah juga memberi perhatian kepada masalah-masalah yang dihadapi di peringkat LAN, kerana antara masalah ialah begitu masih lewat sekali di peringkat LAN untuk menyiapkan pengiktirafan program-program yang dipohon oleh pihak swasta, yang diserahkan kepada pihak LAN apatah lagi permohonan untuk meminta sijil-sijil ini diberi akreditasi.

Jadi pihak kita memohon supaya tugas yang diberi kepada LAN itu diperkemas dengan lebih luas lagi, ditambahkan kakitangan supaya tidak melewatkan program-program yang dipohon kepada pihak LAN untuk mengkaji dan memberi pengiktirafan yang sebenar. Kalau sijil diserahkan kepada pihak LAN dengan begitu luas dan banyak, maka saya takut Tuan Yang di-Pertua bahawa ini akan melewatkan lagi proses di peringkat LAN kecuali tambahan tenaga dan penambahan kakitangan sokongan di tempat tersebut. Ini tidak boleh dipesongkan daripada soal apabila memberi pengiktirafan kepada sijil-sijil sesuai dengan perubahan kepada Fasal 2 di dalam akta yang sedang dibincangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara yang sama juga, saya minta pihak Menteri untuk menjelaskan kedudukan *distance learning* khususnya pada masa-masa lampau. Ini telah dikatakan bahawa sedang dalam perhatian kementerian. *Distance learning* yang bertaraf Master, Ph.D, Ijazah Sarjana Muda dan seterusnya sijil-sijil, misalnya sijil yang diberi oleh *TAFE Colleges*, di Australia, LCCI dari London, Pitman Courses semua ini dibekalkan oleh pihak institusi tempatan. *Where is the limit*, dengan izin, dari segi *range of programmes* and sijil yang akan perlu dibenarkan atau diberi pengiktirafan nanti? *There is a lot of work* dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya perkara yang berkaitan ialah soal yang telah pun disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang lebih awal berbicara daripada saya iaitu sekali lagi berkaitan dengan soal Lembaga Akreditasi Negara, di mana saya katakan tadi tempoh untuk memproses itu lewat ataupun masih lama, walaupun ada jaminan-jaminan tertentu bahawa apabila selepas penyerahan diberi jaminan berapa bulan, dia akan

mendapat laporan pertama, kedua dan ketiga. Namun masih lagi banyak kelewatan dan seterusnya, ini menyusahkan pihak IPTS yang telah bersedia untuk menawarkan kursus-kursus tersebut.

Saya sarankan di sini bahawa diperluaskan barangkali para konsultan dan para pensyarah-pensyarah dan Profesor-profesor yang digunakan untuk menapis program-program ini. Sering kali kita dengar Profesor yang mempengerusikan jurusan tersebut dalam *sabbatical* dan seterusnya dan ini melambatkan program-program kelulusan dan sekali gus ada akibat negatif kepada kumpulan sektor swasta di dalam perkara ini.

Saya rasa lebih banyak para akademik yang terlibat dan saya melihat ramai mereka ini telah sedia dilantik dan terdapat elaan tambahan misalnya yang bertugas sebagai *consultant* untuk menapis kursus-kursus yang disebutkan seterusnya. Masih juga terdapat rayuan-rayuan di mana bukan juga disebut pilih kasih, tetapi untuk mempercepatkan program, perlu ada *network* dan kita sedia maklum dari dahulu saya pernah menyentuh ada *packing order* kadang-kadang terlalu ramai kawan-kawan, para *academia*, maka mereka yang sudah pergi ke swasta itu, kalau *contact* bagus, sering kali diberi cepat-cepat kerana *network* itu kuat dan ada aduan seperti ini, saya harap ini tidak betul dan tidak begitu luas tetapi mintalah pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini demi memberi satu gambaran yang telus kepada perkembangan sektor pendidikan swasta.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi tentang perkembangan swasta di mana perkembangan pendidikan swasta kelihatan beberapa kolej yang begitu maju dan kolej-kolej pula yang dimiliki oleh suku kaum bumiputera kelihatan tidak maju. Saya rasa ini adalah akibat daripada *free market*, dengan izin. Itu sebagai gambaran *dynamism* atau *sector*, dengan izin, di mana mereka yang bekerja keras, mereka yang *network* kuat, mereka yang mutunya tinggi menjadi automatik tarikan kepada pelajar-pelajar dan seterusnya. Sebagaimana kerajaan hendak *intervene*, pada masa yang sama memberi kebebasan yang luas adalah satu dilema dan saya rasa bukan senang bagi pihak kerajaan untuk memilih satu tahap, di mana mahu kawal pada masa yang sama dan menggalakkan *competition* pada masa yang sama. Namun demikian pihak kementerian bolehlah memberi kami penjelasan yang lebih luas dan mudah bagi kita untuk memberi penjelasan kepada rakyat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan yang lain tadi menyentuh soal akreditasi apabila dibincangkan dalam peringkat ijazah dan Doktor Falsafah. Saya ingin menyokong apa juga yang telah disentuh dalam perkara ini dan memohon pihak kementerian dan kerajaan keseluruhan untuk memberi satu penelitian sebab betul Tuan Yang di-Pertua pada tahap sekarang ini, Doktor Falsafah ramai orang dapat *title* doktor yang tidak menentu dari mana kedoktoran tersebut. Ada yang dapat dua tiga doktor, *doctor square* (Dr^2), *doctor to the power of two* (Dr^2), *to the power three* (Dr^3), dengan izin, dan dia mencemarkan sektor kepujian di dalam pendidikan ini.

Bagi kami yang ada kedoktoran tulen memang begitu sakit hati selain daripada memberi gambaran yang tak baik, kita buat tesis sampai empat tahun, begitu *defend* dengan panel antarabangsa dan lepas pada itu tesis hendak kena disemak dan ada pula sekarang ini universiti-universiti di luar negeri mengumpul pengalaman, buat satu esei, lima ribu perkataan dan dapat kedoktoran. Tidak ada kawalan dalam sektor ini. Saya rasa ini penting untuk diberi perhatian.

Tadi Doktor Falsafah yang *honorary* biasanya diberi oleh universiti-universiti atas sumbangan asal....

Datuk Napsiah binti Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tunggu sekejap Tuan Yang di-Pertua, sumbangan-sumbangan para bekas pelajar yang telah menjadi menteri dan mereka beri *Honorary Degree* Kedoktoran. Tiada masalah, biasanya itu dibuat (dr), doktor ertinya dia punya *honorary*. Tetapi ada orang yang sengaja beli atau buat dengan cara

yang *market* melalui pasarannya kononnya mendapat satu doktor falsafah dan dipakai secara terbuka. Pihak kementerian harus mengambil perhatian dalam perkara ini. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

Datuk Napsiah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya agak tertarik dengan apa di katakan oleh Yang Berhormat tadi terutamanya mengenai Ph.D-Ph.D yang sekarang ini yang di katakan *Ph.D to the power of two (Ph.D²)*, *to the power of three (Ph.D³)*. Saya ingin mendapat penjelasan agaknya berapa ringgit agaknya Tuan Yang di-Pertua, Ph.D-Ph.D ini dan dari mana mereka ini memperolehnya? Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat. Memang luas khususnya didapati dari seberang laut dan saya pun dua bulan yang lalu terima satu surat daripada *European International University* menawarkan kerana kadang-kadang nama kita keluar dalam Ph.D begitu dan dia tawar 5000 pound untuk dapat satu Ijazah Doktor Falsafah dari Mexico ataupun daripada Moscow dan seterusnya.

Kebanyakan ini adalah dari pasaran-pasaran *degree mail* dengan izin, daripada luar negara kita. Dan malangnya di peringkat swasta ada orang ini beli ataupun dengan menghadiri satu kursus singkat sahaja dan secara terbuka menggunakannya di depan nama-nama mereka. Maka saya rasa perlulah pihak kementerian barangkali membuat satu daftar doktor-doktor falsafah ini supaya siapa yang pakai nama doktor itu serahkan *scroll* dan tesis dan minta pengiktirafan.

Biasanya sebagai tambahan pihak kita di sini JPA scholar, kita akan pergi ke universiti yang diiktiraf oleh kerajaan di seberang laut. Jadi barangkali buat satu daftar pemegang-pemegang Doktor Falsafah supaya sektor ini tidak jatuh pangkat seperti mana dikatakan oleh ahli yang awal ada yang malu hendak tulis Degree Ph.D kerana begitu banyak yang palsu. Kita tidak mahu gambaran itu Malaysia banyak Ph.D palsu.

Jadi saya mintalah pihak kementerian seperti rakan-rakan lain memberi perhatian pada perkara ini asasnya pada cadangan supaya membuat satu daftar barangkali pemegang-pemegang Doktor Falsafah supaya memberitahu boleh pakai ataupun tidak seperti pemegang-pemegang 'Datuk' daripada Sulu. Ada kenyataan kerajaan bahawa itu kalau dari Sulu itu tidak diiktirafkan seperti begitu. Jadi sektor ini tidak diceburi dan tidak dirosakkan, nanti budak-budak muda yang ingin ke peringkat Ph.D melihat begitu senang dapat Ph.D, boleh membeli maka mereka tidak akan bekerja keras ke tahap tersebut kerana boleh beli dari *open market*, daripada pasaran gelap.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa komen lagi tetapi barangkali saya tundakan itu kepada perbincangan di bawah rang undang-undang yang seterusnya. Hanya satu perkara sahaja iaitu apabila perubahan kepada Fasal 2 ini dan 7 dan di situ perkataan "sijil" terdapat yang begitu luas sekali dan bagaimana pula dengan *access*, dengan izin, para pelajar yang ingin mengikuti program-program ini dan sokongan terus daripada pihak PTPTN iaitu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dari segi sokongan kepada pelajar-pelajar kita yang mendapat kursus-kursus profesional ini yang akan diiktirafkan bukan sahaja melalui akta ini tetapi melalui Lembaga Akreditasi Negara.

Kita berharap bahawa apabila penapisan dan semuanya itu telah selesai bahawa sokongan kerajaan kepada anak-anak bumiputera khasnya termasuk dari luar bandar yang ingin memenuhi profesional *qualifications*, dengan izin, diberi sokongan juga dari segi pinjaman seperti pinjaman yang dibekal melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

Saya rasa ini sangat penting untuk membolehkan khususnya para pelajar di luar bandar untuk mengambil bahagian di dalam mendapat kelulusan-kelulusan profesional yang dibekalkan mahu pun melalui IPTA ataupun IPTS tetapi khasnya program-program pendidikan daripada luar negeri yang akan dibekal ataupun usaha sama, melalui proses gabungan, sokongan dengan pihak IPTS sebab ini sangat penting. Misalnya sijil profesional dari segi *Institute of Marketing*, dan seterusnya.

Bagaimana program-program ini bukan sahaja diiktirafkan tetapi sekali gus bagaimana ia boleh diikuti dan dituruti, diambil bahagian oleh para pelajar kita melalui sokongan-sokongan dana yang sedia ada.

Kita harap sokongan dana itu bukan sahaja bagi *degree-degree* yang ada di dalam negara kita tetapi sekali gus juga pada program-program yang penting yang diberi pengiktirafan dan perkenan kepada kerajaan khususnya dari sumbangan-sumbangan sektor-sektor tertentu di dalam negara kita.

Saya melihat juga Tuan Yang di-Pertua, mengenai komen yang terakhir bahawa dari segi jawapan Setiausaha Parlimen Pendidikan kelmarin dan pecahan daripada para graduan yang sedang mencari kerja daripada 43,000 yang berdaftar dengan Jabatan Sumber Manusia, melihat bahawa 16.9% adalah daripada golongan graduan ataupun kelulusan dalam program ICT yang nampaknya ia yang tertinggi.

Jadi kita sebenarnya terkejut, ini adalah satu sektor yang paling dinamik di dalam sektor-sektor yang sedia ada sekarang tetapi nampaknya ada begitu banyak sekali yang belum dapat pekerjaan daripada sektor ini dan saya rasa dalam hal inilah perlu pihak Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Pembangunan Sumber Manusia membuat satu tumpuan, perhatian yang terfokus supaya walaupun pada masa yang sama *open market*, dengan izin, para pelajar boleh pilih, pandailah pakar-pakar sahaja tengok mana sektor yang akan berkembang pada masa akan datang dan pilih kesukaan mengikut nasihat ibu bapa.

Saya rasa pada masa yang sama pihak kementerian harus juga memberi gambaran dan prioritas kepada sektor-sektor yang dijangka penting bagi negara dan atas dasar itu memberi insentif-insentif yang sedia ada supaya membantu ibu bapa dan para pelajar memilih sektor-sektor yang mereka percaya sektor yang mempunyai masa depan yang cerah.

Itulah dalam konteks ini melihat bahawa 16.9% daripada golongan lepasan ICT amat mengejutkan. Mintalah pihak kementerian meninjau dalam perkara ini kenapa sektor informasi teknologi antara yang paling aktif ini amat sukar mahu *absorb*, dengan izin, para pelajar kita yang lepasan jurusan dalam bidang ini.

Atas perkara demikian saya sokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh, ramainya yang hendak berucap, boleh saya beri 20 minit seorang, ya. Saya jemput Bagan yang lama tak dengar, sila Bagan.

3.10 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2003.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menanya, universiti yang ditubuhkan oleh parti politik seperti Universiti Tunku Abdul Rahman yang ditubuhkan oleh MCA dan universiti yang ditubuhkan oleh MIC, iaitu Asian Institute of Medicine, Science and Technology (AIMST).

Memandangkan kedua-dua universiti ini juga menerima bantuan kewangan dari kerajaan, apakah mereka dianggap sebagai universiti awam atau universiti swasta.

Yang kedua, apakah Kementerian Pendidikan mempunyai apa-apa garis panduan untuk mengawal selia dana yang dikumpulkan oleh kedua-dua universiti ini.

Mengikut satu laporan, iaitu *Bernama* pada 29 Mei tahun ini, MIC menubuhkan sebuah syarikat yang dinamakan AIMST Sendirian Berhad, untuk mengumpul dana daripada orang ramai.

Tindakan ini sebenarnya mencabuli Akta Syarikat. Selain dari itu, Fasal 2(d) *Article of Associations* atau syarikat tersebut, melarangkan sesebuah syarikat Sendirian Berhad untuk mengutip derma dan wang daripada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kami ada membuat satu carian di Suruhanjaya Syarikat Malaysia di mana AIMST Sendirian Berhad, dia mula-mulanya ditubuhkan pada tahun 1999, Oktober 18 dan nama lamanya ialah Safe Multimedia Sendirian Berhad.

Tahun 2000 Julai 6, ia telah ditukar kepada nama baru iaitu AIMST Sendirian Berhad dan di dalam *Article of Associations*, Fasal 2(d) - "*Any invitation to the public to deposit money with the company for fixed periods or payable at calls whether bearing or not bearing interest is prohibited.*"

Jadi, jelasnya AIMST Sendirian Berhad dilarang untuk mengutip derma dari orang ramai untuk tujuan universiti yang saya maksudkan tadi.

Sebenarnya, sekiranya kerajaan membenarkan syarikat persendirian untuk mengumpul dana dan derma dari orang ramai, maka ia juga membuka pintu kepada sesuatu syarikat untuk menjalankan penyelewengan kerana kuasa terhadap sesebuah syarikat adalah tertakluk kepada tangan pengarah syarikat

Tuan S.G. Sothinathan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada apa Yang Berhormat?

Tuan S.G. Sothinathan: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak minta jalan ya. Ya, ada yang hendak minta jalan Yang Berhormat

Tuan Lim Hock Seng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Teluk Kemang.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa pencarian itu boleh dibuat oleh sesiapa sahaja dan pencarian itu pun kita boleh buat atas apa-apa nama sahaja syarikat yang ada, tetapi kita kena tahu apakah aktiviti yang dilakukan oleh badan-badan berkenaan, seperti Yang Berhormat nyatakan tadi, dan sebelum buat carian dekat ROC, lebih elok kalau kita buat carian sendiri, mengetahui apakah sesuatu institusi melakukan dan bagaimana ianya dilakukan, selepas itu baru kita buat carian untuk menentukan sama ada syarikat itu terlibat dalam pengurusan atau pengendalian syarikat tersebut.

Tetapi Yang Berhormat tidak buat apa-apa, cari satu syarikat dan menuduh yang bukan-bukan di Dewan ini, seolah-olah Yang Berhormat sahaja yang tahu. Tetapi manakala kerajaan telah pun meluluskan penubuhan universiti ini dan pada masa yang sama juga telah pun meluluskan pengutipan derma.

Tetapi badan yang mengendalikannya ialah Maju Institute of Educational Development, satu badan yayasan pendidikan untuk membantu kaum India dalam bidang pendidikan dan juga masyarakat am Malaysia.

Tetapi Yang Berhormat seolah-olah walaupun tahu atau tidak tahu, saya tidak tahu tetapi seolah-olah tidak mahu dengar apa-apa, dan tidak mahu tahu apa-apa, tetapi membuat satu carian tentang satu Syarikat AIMST. Memang AIMST Sendirian Berhad memang wujud, tetapi itu adalah sebuah syarikat pengurusan yang mengendalikan pengurusan syarikat, pengurusan universiti sahaja, tetapi ia tidak terlibat dalam pengendalian pengurusan kutipan dana.

Jadi, Yang Berhormat tidak tahu membezakan di antara pengutipan derma tentang yayasan yang ditubuhkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat apa?

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, ya itu saya hendak tanya soalnya, tidak tahu sama ada apa yang dijalankan tetapi membuat fitnah yang tidak betul ini, semua bercakap bohong ini. [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, minta dia

Tuan S. G. Sothinathan: Saya minta Yang Berhormat tarik baliklah, jangan buat fitnah-fitnah ini, kalau tidak boleh buat, tidak boleh memajukan pendidikan dalam masyarakat Malaysia, diam sahajalah, jangan bercakap yang bukan-bukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Seorang Ahli: Marah.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, carian syarikat ini bukan saya sengaja yang cetak, ini satu pencarian yang begitu tebal, semua lengkap, pada mulanya Memorandum of Associations save Multimedia Sendirian Berhad, lepas itu ditukar nama kepada AIMST.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, bukan AIMST yang akan mengendalikanlah, janganlah cakap AIMSTlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, janganlah macam itulah Yang Berhormat.

Tuan S.G. Sothinathan: Jangan cakap carianlah, janganlah bodoh-bodoh di sinilah.

Tuan Lim Hock Seng: Bagi saya jelaskan dahululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan macam itulah Yang Berhormat.

Tuan S.G. Sothinathan: Jangan cakap yang bodoh di Dewan ini, Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, jangan macam itulah!

Tuan S. G. Sothinathan: Saya sudah beritahu Maju Institute of Educational Development, yang menjalankan tugas itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Teluk Kemang, Teluk Kemang.

Tuan S. G. Sothinathan: Bukan AIMST, apa you kena bangkitkan AIMST lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Teluk Kemang. Ya Teluk Kemang, sila duduk Teluk Kemang.

Tuan S. G. Sothinathan: Tidak tahu fakta, jangan bercakap fasal itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Teluk Kemang, saya harap kementerian yang berkenaan menjawab ya. Ya, ini ada orang lain pula yang bercakap, susahlah.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, ya, cakap sama yang belakang itu supaya dia boleh satu jawapan kepada soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana satu syarikat Sendirian Berhad, ia dilarang untuk mengutip derma.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Hmm, cukuplah yang itu.

Tuan Lim Hock Seng: Hah itu, dan sekiranya syarikat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi itu, hendak mengutip derma, maka ia perlu menukar dari sebuah *limited company to that of a holding company where public contributions can be handled by a trust fund*. Tetapi ini bukan satu *public holding company*.

Tuan S. G. Sothinathan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, hendak beri jalan Yang Berhormat? Kalau hendak beri jalan, saya beri. Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Lim Hock Seng: Boleh, boleh, saya beri dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah, sila.

Tuan Lim Hock Seng: Dia boleh menjelaskan persoalannya.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, beliau

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Buat soalanlah Yang Berhormat, jangan membuat penjelasan yang terlalu panjang.

Tuan S. G. Sothinathan: Tetapi kita tidak boleh membiarkan seseorang Ahli Yang Berhormat terus berbohong di Dewan ini. Saya telah jelaskan bahawa pengutipan derma itu dijalankan oleh Maju Institute of of Educational Development,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat tidak berhak untuk membuat penjelasan macam ini, Yang Berhormat.

Tuan S. G. Sothinathan: Buat apa Yang Berhormat sentiasa hendak buat teguran tentang AIMST ini. AIMST ini tidak ada kaitan dengan pungutan derma.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah, cukup. Saya harap kementerian yang berkenaan akan menjawab, Yang Berhormat.

Tuan S. G. Sothinathan: Dan kita tidak boleh membiarkan perkara yang seumpama ini diulangi sesuka hati, oleh kerana dia mempunyai ruang untuk bercakap ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, kementerian yang berkenaan akan menjawab. Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan S. G. Sothinathan: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, kementerian yang berkenaan akan menjawab ya.

Tuan Lim Hock Seng: Saya ingat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dia kata itu bohong, tetapi apa yang saya baca semua adalah dalam surat-suratan ini, adakah ini dipanggil bohong?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak tahu, Yang Berhormat!

Tuan Lim Hock Seng: Atau sesuatu orang kerana ada niat yang lain, maka hendak mengelirukan atau hendak *defend* mempertahankan tujuan-tujuan syarikat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Hmm, cukuplah Yang Berhormat, yang lain pula ya.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, kerana kuasa terhadap sesebuah syarikat adalah tertakluk kepada tangan pengarah syarikat dan syarikat ini hanya ada tiga orang pemegang sahamnya yang utama, kuasa tertakluk kepada ketiga-tiga orang inilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta kementerian menjawablah Yang Berhormat, sama ada betul ataupun tidak.

Tuan Lim Hock Seng: Dan ia tidak perlu *accountable* kepada pihak kerajaan atau *accountable* kepada pihak MIC ataupun para penderma. Sekiranya perkara ini dibenarkan apakah kerajaan juga akan membenarkan lebih syarikat swasta untuk mengumpul dana untuk sekolah ataupun institut pengajian yang lain, sesiapa sahaja boleh menubuhkan sesebuah syarikat sendirian berhad dan merayu kepada orang

ramai supaya memberi derma. Suatu hari nanti, bila derma itu telah terkumpul, maka ia kata saya hendak membuat sebuah sekolah. Bolehkah kerajaan membenarkan praktis ini?

Sehubungan dengan itu, Presiden MIC telah menyatakan bahawa kerajaan akan memperuntukkan RM50 juta kepada AIMST iaitu AIMST. Saya ingin bertanya sama ada peruntukan RM50 juta ini juga akan masuk ke akaun AIMST ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan masalah ini semata-mata hendak menjaga derma dan dana yang disumbangkan oleh orang ramai untuk tujuan tertentu sahaja dan bukan hendak mensabotaj atau mengkreditkan parti-parti yang ada tujuan untuk menubuhkan sesebuah kolej atau universiti-universiti untuk rakyat di negara ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Aman dahulu.

3.20 ptg.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini untuk menyokong satu rang undang-undang untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

Saya rasa pemindaan ini adalah dibuat oleh kerana kita di Malaysia ini berhasrat untuk menentukan Malaysia menjadi pusat pendidikan bagi seluruh dunia tetapi di sini saya ingin mengingatkan kementerian tentang beberapa perkara.

Pertama, saya harap kualiti pendidikan yang disumbangkan oleh kita kepada rakyat dunia ini adalah kualiti yang tinggi. Pertama, saya minta kolej-kolej swasta ataupun universiti-universiti swasta mempunyai cukup tenaga pengajar yang berijazah ataupun sekurang-kurangnya mempunyai diploma.

Yang kedua, untuk menentukan kualiti ini dipertahankan pada setiap masa, saya minta kementerian menubuhkan satu jemaah nazir supaya memantau universiti-universiti dan sekolah-sekolah swasta ini, bukan sahaja dari segi nisbah pensyarah kepada pengajar tetapi juga duduk di bilik darjah dan mendengar kuliah supaya tenaga pengajar ini mempunyai satu standard yang boleh diperakukan dan boleh dipercayai oleh kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang seterusnya saya juga minta pensyarah kita ini mempunyai latihan perguruan. Pada masa sekarang hanya cikgu yang mengajar di sekolah rendah dan sekolah menengah sahaja yang diberi latihan perguruan, padahal latihan perguruan ini sangat berguna kepada semua orang yang ingin menjadi tenaga pengajar tidak kira sama ada mereka mengajar di sekolah rendah, sekolah menengah ataupun di peringkat universiti. Ini adalah oleh kerana apabila mereka telah didedahkan kepada sistem pendidikan, cara mengajar, kaedah mengajar, mereka akan menjadi pensyarah yang lebih berkaliber, pensyarah yang lebih berkualiti dan pensyarah yang lebih efektif. Apabila kita mempelajari kursus di maktab-maktab perguruan ataupun di institusi tinggi perguruan, kita diajar tentang bidang kognitif, bidang efektif, bidang psikomotor dan seterusnya. Macam mana kita hendak memandu seseorang pelajar itu supaya dia menjadi lebih matang dan bernilai apabila beliau keluar daripada institusi pendidikan tinggi ini?

Tuan Yang di-Pertua, kalau seorang pensyarah itu tidak didedahkan cara-cara mengajar, kita mendengar ada di antara mereka yang mengajar dan mengawal murid dengan cara kuku besi. Mereka tidak mahu mendengar murid yang ada idea yang lain. Mereka minta semua murid mengikuti arahan mereka sahaja. Ada juga pensyarah yang sentiasa minta dipuji. Kalau penuntut tidak memuji mereka, mereka marah dan mereka menjadikan murid itu sebagai mangsa mereka. Kata mereka, "Saya akan menentukan kamu nanti gagal dalam kursus saya ini". Ada juga pensyarah yang sombong oleh kerana mereka baru mempunyai *a Master's Degree* ataupun *a Ph.D* dan mereka menggunakan kuliah-kuliah atau kelas-kelas mereka untuk mendedahkan berapa hebatnya mereka semasa belajar di universiti dahulu.

Ada juga yang sentiasa, untuk mengawal murid-murid mereka, mengatakan, “*I am going to fail you.*” “Saya akan menggagalkan kamu”. Ada juga yang menyalahgunakan kedudukan mereka sebagai guru dan sebagai pensyarah. Apabila menyalahgunakan kedudukan mereka, mereka minta dipuji, mereka minta itu, mereka minta ini dan mereka akan mendampingi murid-murid yang *handsome* sahaja ataupun kepada murid perempuan yang cantik sahaja. Yang tidak senonoh itu diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, ini pernah terjadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Memang tidak patut begitu, Yang Berhormat. Memang tidak patut buat begitu, Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Lim Donald: Memang tidak patut,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Lim Donald: tetapi ini adalah perkara yang terjadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya telah menjadi seorang pendidik, Pengetua Sekolah Menengah Gred A, dan saya juga pernah melihat ini terjadi dan juga saya pernah berbincang dengan pensyarah-pensyarah di kolej ataupun di universiti yang lain dan ini adalah sesuatu yang kita mesti awasi.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan cara yang begitu saya harap kita di Malaysia ini tidak mengeluarkan sijil-sijil yang tidak ada nilai di mana nilainya berkurangan ataupun nilainya lebih sedikit sahaja daripada kertas sampah.

Untuk IPTA dan juga IPTS ini, oleh kerana saya takut tidak ada peluang bercakap nanti.....

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, Selangau. Hendak bagi jalan?

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya agak terperanjat sedikit mendengar hujah-hujah dari Yang Berhormat bagi Sri Aman. Selama ini saya fikir tiada seorang guru yang tidak mahu anak murid mereka berjaya tetapi oleh kerana beliau lebih banyak pengalaman dari saya, barulah saya tahu guru ini ataupun pensyarah ini macam-macam kerenahnya.

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Sri Aman di mana setelah anak kita lulus SPM atau STPM, mereka tidak dapat belajar di universiti kerajaan ataupun IPTA. Mereka kena pilih untuk belajar di IPTS. Walau bagaimanapun, oleh kerana agregat Bahasa Malaysia mereka tidak dapat kredit atau kurang daripada 6 atau 5 dan kadang-kadang 7, apabila mereka *graduate* dan mempunyai diploma katakan, kemudian mereka memohon kepada pihak swasta atau kerajaan, jadi dia hendak tanya, oleh sebab Bahasa Malaysia dia tidak kredit, walaupun dia lulus dalam diploma, dia masih menggunakan SPM.

Jadi, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Sri Aman sama ada perkara ini benar atau tidak. Sekian, terima kasih.

Tuan Jimmy Lim Donald: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan kawan baik saya, Yang Berhormat bagi Selangau, kalaulah kita memohon pekerjaan di jabatan-jabatan kerajaan, memang dari masa ke semasa mereka menggunakan kredit dalam Bahasa Malaysia, tetapi saya harap jabatan kerajaan, oleh kerana kita dari sekarang telah mementingkan semula Bahasa Inggeris, kita melihat si pemohon itu dari segi kepakaran dan kebolehan di bidang-bidang lain dan bukan sahaja dari segi penguasaan Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan. Oleh kerana saya tidak tahu sama ada saya akan diberi peluang bercakap dalam bil-bil yang seterusnya, jadi saya di sini ingin juga memohon di IPTA dan IPTS supaya pensyarah-pensyarah yang ada mempunyai Diploma Pendidikan diberi insentif. Berilah dia pergerakan gaji, mungkin dua pergerakan ataupun satu pergerakan supaya semua pensyarah ini ada motivasi untuk mendapatkan diploma dalam bidang pendidikan.

Dan juga kalaulah mereka hendak menjadi Naib Canselor di Universiti Malaya kalau dia mempunyai Diploma Pendidikan, beri dia keistimewaan apabila kita melihat biodata-biodata mereka. Kalau kita ada insentif yang begini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa lebih ramai lagi pensyarah kita akan menyuburkan diri mereka dengan mengambil diploma ataupun ijazah dalam bidang pendidikan.

Juga Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah kementerian kita ini akan mengambil langkah untuk meyakinkan penuntut-penuntut dari luar negara kita. Saya harap mereka bekerja rapat dengan *embassy-embassy* kita, duta-duta kita di luar negara untuk memberi taklimat kepada murid-murid yang di negara-negara itu. Kita boleh gunakan satu model ialah model British Council. British Council mengadakan perpustakaan dan juga pegawai-pegawai supaya sesiapa sahaja yang hendak belajar di England diberi taklimat yang cukup tentang universiti-universiti yang ada, kursus-kursus yang ada dan juga macam mana *climate* yang ada di England, dan apabila pelajar pergi ke sana mereka sudah tahu apa yang harus dibuat dan tidak harus dibuat dan apakah persediaan yang perlu dibuat oleh mereka.

Juga Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah kementerian ini juga bekerjasama dengan pegawai-pegawai hadapan kita seperti orang imigresen dan polis supaya mesra dengan murid-murid yang akan datang ke negara kita dan juga tidak menyalahgunakan kuasa mereka. Oleh kerana dari masa ke semasa kita mendengar orang yang menyalahgunakan kuasa mereka mengatakan "*Saya boleh cop passport kamu ataupun saya boleh memberi kelonggaran untuk belajar, tetapi kita cop passport kamu di hotel itu, hotel ini.*" Saya haraplah kementerian kita bekerjasama supaya kita mendidik pegawai-pegawai hadapan kita supaya mereka juga tidak menyeleweng, supaya mereka ada nilai-nilai yang murni, supaya ibu bapa dari luar negara tidak khuatir tentang keselamatan, keselesaan anak-anak mereka yang belajar di negeri Sarawak ini - bukan Sarawak, di Malaysia. Saya ini orang Sarawak.

Juga saya harap kementerian ini dapat menggalakkan IPTA, IPTS kita, lebih lagi IPTS kita mengadakan kursus-kursus yang dapat dipasarkan, yang dapat digunakan. Sekarang saya nampak IPTS kita mengadakan kursus ICT ataupun pengurusan, pengurusan, pengurusan oleh kerana kursus ini saya nampak tidak begitu menggunakan pelaburan yang begitu banyak dan tidak memerlukan tenaga pelajar yang begitu mahir, begitu pandai. Tetapi apabila penuntut-penuntut keluar mendapat diploma, mendapat ijazah, sijil mereka, ijazah mereka, tidak begitu laku. Kalau dijual tidak begitu laris.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga harap kementerian ini dapat bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan supaya *educational tourism* juga dapat dijalankan dengan lancar agar kita dapat menikmati lebih tukaran wang asing masuk ke negara Malaysia kita ini. Dengan harapan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi Kepong.

3.35 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: 20 minit sahaja ya.

Dr. Tan Seng Giaw: 20 minit, saya akan tetap kepada 20 minit. Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini perlulah kerana kita mesti memastikan sijil, diploma dan ijazah yang didapati di IPTS adalah bertaraf tinggi dan berkualiti. Di sini saya hendak mengatakan bahawa walaupun saya setuju kita mesti ada kawal seliaan yang cukup untuk memastikan IPTS kita termasuk universiti swasta boleh mencapai satu tahap yang tinggi tetapi yang penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, di dalam IPTS kita, sekarang kita ada 17 universiti awam, 16 universiti swasta, termasuk 4 cawangan universiti-universiti seberang laut. Saya nampak di dalam universiti swasta kita, IPTS kita yang hampir 700, bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat ini berapa bilangan IPTS dan berapa universiti swasta.

Di sini bukan sahaja kita hendak adakan rang undang-undang seumpama ini. Sebenarnya Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta mestilah ada peruntukan untuk memastikan kakitangan akademik di dalam IPTS ini adalah bertaraf tinggi. Yang kedua, memastikan pelajar-pelajar yang diambil oleh institusi ini adalah benar-benar mempunyai syarat-syarat *of a good student*. Dan yang ketiga, kita mesti memastikan di dalam IPTS ini ada kemudahan-kemudahan, punca-punca termasuk penyelidikan. Ketiga-tiga syarat ini mestilah dimasukkan di dalam rang undang-undang seumpama ini. Saya nampak itulah kelemahan sebab di IPTS termasuk di universiti swasta seseorang pensyarah adalah di dalam satu tahun memberi syarahan sampai 630 jam satu tahun. Walhal kalau kita banding dengan IPTA, universiti awam, pensyarah-pensyarah memberi syarahan, bekerja tidak sampai 240 jam satu tahun. Ini bermakna, di IPTS tidak ada peluang bagi pensyarah-pensyarah, Profesor-profesor untuk membuat penyelidikan, tidak ada.

Kalau sesebuah universiti itu tidak ada penyelidikan, ini tidak akan mencapai satu tahap yang tinggi. Apatah lagi hendak mencapai taraf dunia, sebab hasrat dan tujuan matlamat Akta Pendidikan 1996 ialah mewujudkan pusat kecemerlangan pendidikan terutamanya di rantau ini. Tetapi saya tidak nampak macam mana kita boleh capai.

Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat bagi Padang Terap. Hendak beri jalan?

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di IPTA sendiri pun sekarang ini oleh kerana beban syarahan itu terlalu banyak, maka ramai pensyarah di IPTA sendiri pun kurang membuat penyelidikan. Minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Padang Terap itu memang betul. Cakap yang betul, kerana beliau ialah seorang Profesor juga yang mempunyai pengalaman yang cukup dalam hal ini, terutamanya di universiti awam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah itu, betullah itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Betullah itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Betul. Memang betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Padang Terap itu yang ikhlas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, dengan izin, *good academic staff, good students and good facilities and resources including research*. Setiap buah institusi, universiti, mesti mempunyai Naib Canselor yang cukup hebat, dan di 17 universiti awam kita nampak semuanya dilantik kerana faktor politik – *political appointees*, dan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, kita nampak bukan sahaja *standard* universiti kita tidak begitu tinggi, kita mesti berusaha untuk mempertingkatkan lagi.

Saya beri satu contoh, sekarang kita nampak di satu senarai di sini, rankingnya sekarang di Asialah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini IPTS Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: IPTS saya tahu. Itu saya akan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ini IPTS.

Dr. Tan Seng Giaw: saya akan..... ini ada berkaitan, yang seterusnya saya akan memperjelaskan sebab apa saya hendak tunjukkan ini.... satu dua ayat sudah cukup, dua ayat sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang di Asia, universitilah, termasuk universiti swasta, *Kyoto University*, itu bukan *public*, *Kyoto University* swasta juga, swasta juga - kebanyakan universiti bertaraf tinggi itu swasta, termasuk *Harvard*, *Cambridge*, itu swasta belaka, Tuan Yang di-Pertua, bukan terkeluar dari apa yang dibincangkan sekarang. Tidak, jauh sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Universiti Malaya, ia tidak masuk Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, ya, saya cakap Universiti Malaya kerana pada satu ketika di tahap Asia itu ia No. 11, tetapi jatuh dengan cepat. Sekarang No. 47. *The Kyoto University* yang pertama sekarang, tetapi walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, maksud saya, setakat ini di Malaysia hanya IPTA sahaja yang mampu mencapai satu tahap yang tinggi. Kalau daripada atas ke bawah, terutamanya Naib Canselor mempunyai tahap yang tinggi, termasuk penemuan-penemuan penyelidikan kertas yang dicetak (*published*) di dalam majalah-majalah akademik yang diiktiraf oleh antarabangsa sebab, Tuan Yang di-Pertua, yang terpenting sekalinya, banyak *articles*, *publications* ialah di peringkat tempatan sahaja, tidak diiktiraf oleh antarabangsa.

Yang kedua, seorang Naib Canselor mesti mempunyai kualiti pengurusan yang tinggi dan kedua-dua syarat inilah yang mesti dipatuhi. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Sungai Petani, bolehkah beri saya tahu, semua VC's sekarang itu mematuhi syarat-syarat ini?

Beberapa Ahli: Tidak, tidak.

Dr. Tan Seng Giaw: Dan ini termasuk sekarang kita ada 16 universiti swasta di mana kita tetapkan satu pengiktirafan ataupun penakrifan di sini – ditakrif diploma, ijazah, sijil dan sebagainya. [*Berhenti seketika sambil memandang ke arah Tuan Yang di-Pertua*] Masalah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada apa-apa masalah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus kan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, ya, ya. Sebenarnya saya ada banyak lagi yang hendak saya cakapkan semasa kita membincangkan "Akreditasi" – akreditasi. Saya tahu dia hantar satu surat. [*Merujuk kepada nota yang dihantar oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan kepada Tuan Yang di-Pertua*] Nota akreditasi?

Tuan Yang di-Pertua ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: [*Ketawa*] Jangan cakap macam itu Yang Berhormat, tidak kena-mengena.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak kena-mengena?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus kan Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Satu lagi Yang Berhormat bagi Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Padang Terap, sila.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Apabila kita menyentuh tentang *ranking* universiti kita yang semakin jatuh, adakah Yang Berhormat bagi Kepong sedar bahawa antara Naib Canselor yang dilantik itu, sebuah buku pun dia tidak tulis. Maknanya dari segi penyelidikan dia tidak buatlah. Bagaimana?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Padang Terap sekarang ini nyata yang betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: IPTS Yang Berhormat, IPTS.

Dr. Tan Seng Giaw: IPTS ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: IPTS itu, dia pun tahu IPTS juga. Kita ada 700 kolej sekarang atau lebih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Datang ke IPTS Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, berminat dengan IPTS sekarang. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Baru kini berminat ya?

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan baru ini, yang cakup dalam *ranking* itu kebanyakannya IPTS, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus, terus Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu, saya hendak Yang Berhormat menumpukan perhatian kepada IPTS yang benar-benar boleh mencapai tahap dunia. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1994, bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berminat dengan universiti swasta dan ditubuhkan satu institusi dipanggil *Sepang Institute of Technology*, dan *Sepang Institute of Technology* ini ia hendaklah ada *twinning* dengan lima buah universiti yang terkemuka di dunia, termasuk di Amerika Syarikat, dan tapaknya pada mulanya adalah terletak di *Bedford Business Park* di Jalan Klang Lama.

Tetapi malangnya, saya nampak, mungkin ada faktor-faktor yang tertentu, *SIT (Sepang Institute of Technology)* bagi dia tahulah... *SIT* ini bukan awam Tuan Yang di-Pertua, ini swasta, *SIT* ini pada mula-mula hendak ditubuhkan untuk mencapai satu tahap yang tinggi di dunia dan bertapak di *Bedford Business Park* di Jalan Klang Lama tetapi saya pun tidak tahu mengapa kolej ini dipindah daripada *Hong Leong* kepada *Lions Group* dan sekarang tidak nampak tahap yang tinggi. Sebab itulah saya hendak Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, apakah yang terjadi kepada *SIT*? Apa masalah? Matlamat yang pertama kali itu hendak tinggi sehingga ke langit. Sekarang jatuh ke bumi. Itu masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun. Masa Yang Berhormat tak lama Yang Berhormat, ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dah habis dah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Bolehlah sikit lagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, ada satu peribahasa Urdu – ‘*Nak-udar Khaire-he Nak-Udur Khaire-he*’. Ke langit tidak, ke bumi tidak. Minta ulasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan berpantun sudah ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sungguh kawat yang dibentuk, ikan di laut yang dihalang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ada 20 minit lagiakah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada lebih kurang 4 minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: 4 sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak ada masa sudahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, pihak kerajaan sudah membenarkan IPTS untuk membuat promosi pendidikan di luar negara dan apakah terjadi dengan promosi ini? Pihak kerajaan juga menyediakan tabung pinjaman IPTS berjumlah RM200 juta dikendalikan oleh Bank Industri dan Teknologi untuk Program Komputer Teknologi Maklumat Kejuruteraan dan Perubatan dan sebagainya, apakah terjadi dengan tabung ini? Pihak Kementerian Pendidikan juga sudah mengadakan Pameran Pendidikan Malaysia ke luar negara. Sebenarnya saya ada banyak lagi hendak dibincangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa tidak mengizinkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa tidak mengizinkan. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menekankan bahawa kebanyakan institusi termasuk *International Medical University* dan sebagainya mengambil pelajar-pelajar, bagi sayalah, kadang kala tidak cukup kualitinya, standard dan syarat-syarat tidak cukup, kerana dia hendak untung sangat tidak mahu rugi dan sebab itulah dia ambil yang kurang berkualiti pun dia ambil. Hendak kaut laba dengan siku ini.

Sebab itulah saya khuatir, saya bimbang beberapa tahun akan datang, kita akan dapat graduan-graduan termasuk dari IMU yang kurang berkualiti, kerana bukan sahaja kita hendak sijil yang baik, diploma yang baik yang cukup standardnya, ijazah yang baik. Kita mesti kira dari segi adakah mereka apabila keluar daripada universiti-universiti awam dan IPTS ini dapat kerja sebab sekarang pun kita ada beribu-ribu graduan yang tidak dapat kerja yang perlu dilatih semula.

Berjuta-juta ringgit dibelanjakan untuk melatih para graduan yang keluar daripada universiti dan kita tidak mahu beribu-ribu graduan daripada IPTS tidak ada bekerja. Akhir sekali saya pun tahulah, hendak berhenti saya. [Ketawa]

Kita mesti memestikan semua kursus di dalam IPTS dan juga IPTA mencapai satu tahap yang tinggi sehingga mereka bukan sahaja boleh mencari kerja di Malaysia bahkan juga boleh keluar negara untuk mendapatkan kerja. Itulah hasrat kita. Tuan Yang di-Pertua, misalnya di negara China sekarang ini ada 480,000 yang keluar untuk belajar di luar negara dan hanya 150,000 yang kembali ke negara China.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa cukup sudah. Saya berharap sistem pendidikan, kurikulum dan subjek-subjek yang diajar di IPTS kita boleh mencapai satu standard yang tinggi supaya tenaga pelajar kita ini bukan sahaja boleh mencari kerja di dalam negara kita bahkan juga di luar negara. Sekian, terima kasih. [Tepuk]

3.55 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak panjang, cuma beberapa perkara yang hendak saya sebutkan di bawah perbahasan Akta IPTS ini. Yang pertama sekali dari segi standard yang diberikan oleh pihak LAN terhadap IPTS dalam konteks untuk melihat penyertaan lebih ramai bumiputera khususnya orang Melayu untuk mengikuti sama sesi pengajian yang ditawarkan di IPTS.

Pada pandangan saya satu halangan besar yang dilihat ialah melebar luasnya penggunaan bahasa Inggeris di peringkat IPTS. Perkara ini sebenarnya tidak boleh dipersalahkan kepada pihak IPTS kerana kalau mengikut Akta IPTS 1996, memberi kelonggaran kepada IPTS memakai penghantar bahasa Inggeris secara meluas dan boleh mengabaikan penggunaan bahasa Melayu ataupun bahasa Kebangsaan.

Mungkin relevannya Fasal 41 cerai 3 dalam Akta IPTS ini memberi satu kekuatan kepada semua IPTS yang ada di dalam negara yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi sebanyak 16 buah semuanya ini, maka pada pandangan saya sekiranya pihak kerajaan tidak membuat sesuatu yang terbaik bagi membolehkan pendaulatan bahasa Melayu di IPTS ini sudah pasti makin ramai peluang ataupun makin banyak peluang itu terbuka untuk pelajar-pelajar daripada luar negara ataupun bukan Melayu.

Kita merasai pada masa depan, projek untuk IPTS mendaulatkan bahasa Inggeris ini satu perkara yang dianggap selari dengan arus kemajuan dunia dalam era globalisasi. Namun dalam projek untuk menuju ke sana yang dianggap seiring dengan pendekatan Dasar Pembangunan Wawasan (DPW) kita, Wawasan 2020 ianya melangkaui masa 17 tahun ke depan lagi.

Jadi, dalam proses itu, mungkin suatu bimbingan yang munasabah harus dipertimbangkan di IPTS bagi memberi ruang kepada pelajar Melayu mengikuti sesi pengajian di IPTS dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Apa yang kita dapati sekarang mungkin kurang 10% atau 10% sahaja penyertaan semua pelajar-pelajar di seluruh universiti IPTS dalam negara kita ini daripada kalangan bumiputera ataupun Melayu.

Ini suatu jurang yang begitu jauh berbanding dengan bukan Melayu. Dalam hal ini, satu daripada aspek yang dilihat sebagai halangan ialah masalah penggunaan pengantar bahasa utama di IPTS. Mungkin ini pada pandangan kerajaan, bumiputera harus bersaing dan membuat persiapan yang lebih awal sebelum menyertai IPTS, memasuki IPTS melalui kurikulum pendidikan di peringkat sekolah-sekolah ataupun di mana-mana sekolah yang dianjurkan sama ada oleh swasta ataupun oleh kerajaan dengan langkah menguasai bahasa Inggeris ini lebih awal.

Sebagaimana langkah terbaru kerajaan untuk menguatkuasakan penggunaan bahasa Inggeris dalam Matematik dan Sains, mungkin ini satu daripada jawapan. Tetapi dalam konteks sekarang apabila didapati jurang yang begitu jauh di antara jumlah pelajar bumiputera dengan bukan bumiputera sudah pasti ianya memberi satu nilai yang boleh dikatakan berada pada kedudukan yang tidak berani untuk bersaing apabila jaraknya begitu besar.

Oleh kerana itu saya cuba memberi pandangan supaya pihak kerajaan menerusi LAN ataupun menerusi Kementerian Pendidikan sendiri yang memantau IPTS ini boleh memberi suatu syarat-syarat khusus supaya beberapa subjek utama yang membentuk satu-satu disiplin profesion pengajian itu, supaya diajar terus dalam bahasa Melayu.

Kalau di peringkat sekolah, penggunaan bahasa Inggeris dikuatkuasakan dalam mata pelajaran Matematik dan Sains, mungkin IPTS mesti mewajibkan semua pelajarinya mendapat kelulusan gred 'B' dalam mata pelajaran Bahasa Melayu untuk memastikan bukan setakat pelajar bumiputera terus mahir dengan penghantar bahasa ibundanya, malah rakyat yang bukan bumiputera daripada warganegara Malaysia tidak ketinggalan malah tidak menjadikan bahasa Melayu ini sebagai bahasa pinggiran yang sudah pasti tidak mencerminkan nilai patriotisme warganegara itu sendiri.

Kalau mengikut apa yang saya diberi maklum, mata pelajaran Bahasa Melayu ini terus diajar di IPTS, namun seperti mana yang saya sebutkan tadi, perlu ada beberapa subjek teras atau mata pelajaran teras yang membentuk disiplin pengajian kepada jurusan mana-mana sekalipun – mungkin akauntan, ekonomi ataupun ilmu perniagaan - mesti ada yang diajar dalam bahasa Melayu supaya warganegara kita lepasan IPTS ini tidak kekok untuk melaksanakan pengurusan dan pentadbiran apabila mereka bekerja dengan masyarakat yang lidahnya penghantar bahasa Melayu. Ini satu daripada cabaran yang saya rasa perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Yang penting untuk kita lihat pada masa depan bahawa sekiranya asas ini dikekalkan atau tidak dibuat suatu pendekatan untuk mengubah, maka rakyat dalam negara kita akan duduk dalam dua keadaan. Satu pihak akan sedia berdepan dengan cabaran semasa dan satu pihak lagi akan terus kekal dengan asas-asas yang telah dibentuk oleh zaman penjajah dahulu iaitu mereka yang tidak berani atau tidak mampu untuk bersaing dalam pasaran terbuka di bidang pekerjaan mahupun dalam bidang kemajuan ekonomi.

Maka oleh itu, mereka akan terus terperosok dalam arus pembangunan dan langkah untuk memajukan golongan bumiputera khususnya terserap sama dalam kancah kemajuan ekonomi dan akan lambat untuk kita lihat kejayaan mereka. Maka asas ini saya lihat pada pandangan ke depan perlu diperbaiki. Sekiranya langkah-langkah itu belum diambil, maka harus dibuat perubahan-perubahan yang tertentu oleh pihak kerajaan menerusi syarat-syarat yang akan ditentukan sebelum IPTS ini mendapat status pengiktirafan LAN.

Yang kedua, adakah benar beberapa IPTS yang dianjurkan oleh pihak-pihak berkuasa negeri mengabaikan syarat-syarat Lembaga Akreditasi Negara? Yang terbaharu saya dengar ialah Kolej IKIP di Pahang yang dikatakan tidak mendapat kelulusan LAN dalam melaksanakan program pendidikan mereka. Dalam kolej ini katanya kurikulumnya tidak memenuhi syarat. Adakah benar dakwaan tersebut? Pada satu peringkat, Kolej IKIP Pahang baru-baru ini membuat rombakan besar dan kononnya orang kanannya sendiri terpaksa meletak jawatan kerana masalah-masalah dalaman yang sedikit sebanyak ada kaitan dengan penyediaan satu produk IKIP ini iaitu pendidikan.

Itu satu persoalan yang mungkin pihak kerajaan boleh menjawab. Sekiranya tidak dapat jawab, tidak apa, saya cuma kemukakan untuk perhatian sahaja tetapi dari sudut persoalan pokok saya tadi, kolej-kolej yang diwujudkan oleh kerajaan-kerajaan negeri, kita dapati di Melaka pun ada, di Perak, di Selangor, di Pahang termasuk kami di Kelantan pun memang ada. Adakah pemerhatian khusus pihak Lembaga Akreditasi Negara bagi memastikan supaya spesifikasi ataupun pengkhususan jurusan pendidikan yang ditawarkan itu semuanya memenuhi syarat-syarat yang telah dikemukakan. Ini satu daripada perhatian supaya kita melihat walaupun IPTS itu sendiri satu sudut lain, tetapi yang dikuasai oleh kerajaan negeri atau kerajaan sendiri pun perlu diselarikan sama supaya masyarakat meyakini keupayaan dan kewibawaan pendidikan yang dianjurkan oleh pihak kerajaan negeri itu sendiri.

Kemudiannya kita melihat sedikit apa yang berlaku di IPTA. Isu-isu yang berlaku mungkin boleh diberikan perhatian juga oleh pihak LAN. Di antaranya ialah masa yang diambil oleh pelajar-pelajar kita di peringkat Sarjana dan di peringkat Pengajian Falsafah ataupun *Doctorate* kita dapati lama. Lama maksudnya bukan tertakluk kepada keupayaan pelajar itu yang tidak mampu untuk menghabiskan dalam tempoh yang singkat, tetapi banyak *red tape* yang berlaku di peringkat pentadbiran untuk membolehkan sesuatu kelulusan diberikan.

Seorang kawan saya yang melaksanakan program Ph.D di universiti tempatan terpaksa mengambil masa lapan tahun untuk mendapat *title* sebagai *Ph.D holder*. Ini satu isu yang kita yakin dalam arus persaingan di antara IPTA dan IPTS, apabila IPTA begitu sekali mengambil masa bagi mendapatkan satu taraf akademik seperti ijazah *Doctorate*, maka ia satu daripada imej yang tidak baik kepada institusi akademi kerajaan. Apakah sebenarnya perkara-perkara sebegini diberi perhatian dalam peringkat penelitian pihak LAN? Apakah ianya diberi penelitian dan pemerhatian khusus? Sekiranya diberikan perhatian, perhatian itu seharusnya dapat memperbaiki suasana yang ada supaya sahabat-sahabat kita ataupun pensyarah-pensyarah kita

yang mempunyai masalah keluarga, yang mempunyai *constraints* dari sudut masa untuk meninggalkan negara bagi meneruskan pelajaran mendapat peringkat Ph.D di luar negara, maka mereka terpaksa ataupun mengambil minat untuk menghabiskan pengajian mereka di universiti tempatan.

Akan tetapi, apabila itu yang telah pun mereka hadapi, sudah pasti menggerunkan. Ramai juga pensyarah-pensyarah kita yang sudah pencen tetapi belum mendapat kedudukan *Associate Professor (AP)*. Ini adalah kerana ada beberapa tapisan yang mungkin bersifat pentadbiran ataupun beberapa syarat akademik yang terlalu ketat atau terlalu susah untuk mereka lalui, sehingga mereka juga merasakan tidak apalah pencen tanpa status AP, sebagai pensyarah biasa pun tidak apa, sedangkan mereka telah berkhidmat dan memberi sumbangan yang begitu banyak serta melahirkan ramai anak murid di universiti-universiti tempatan.

Apabila keadaan sedemikian berlaku di peringkat IPTA, maka kemungkinan akan ada tenaga-tenaga pensyarah kita atau Profesor kita yang meninjau peluang untuk mengajar di IPTS kerana mereka yakin mudah atau mendapat keyakinan dari sudut jaminan gaji dan sebagainya. Maka ruang sebegini seharusnya ditutup kerana kita sayang sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah kerajaan sendiri, betapa banyaknya kerajaan menghabiskan belanja bagi melahirkan seorang yang bertaraf Profesor sedemikian, tetapi di penghujung perkhidmatan, mereka melompat ke IPTS memberi khidmat kepada IPTS. Ini satu perkara yang saya yakin, kerajaan juga tidak mahu kejadian yang seumpama itu.

Demikian juga ada beberapa syarat yang saya perhatikan di peringkat universiti ini yang memberi kesulitan kepada pelajar untuk belajar. Misalnya seorang yang dahulunya di peringkat Sarjana Muda untuk mendapat peluang belajar di peringkat Master's Degree, tetapi disiplinnya berlainan. Dulu dianya adalah daripada Universiti Al-Azhar yang mana disiplinnya Usuluddin. Bila balik ke universiti tempatan untuk mengikuti pengajian Master's Degree dalam Jurusan Sains Sosial ataupun dalam Psikologi misalnya, maka dia dibebankan dengan kursus-kursus prasyarat dahulu sebelum masuk ke kursus penuh. Kursus prasyarat itu ialah kursus awal kemantapan teori dan ilmu-ilmu teras. Walaupun kita yakin ia telah pun ada syarat asasnya, pemegang Sarjana Muda, tetapi hendak *through* ke pengajian Master's Degree, tidak boleh kerana dia tukar *discipline*. Maka, hendak masuk kepada *discipline* baru, ada yang universiti ini mengenakan prasyarat yang begitu ketat sehingga dia terpaksa mengalah dengan cabaran yang ada kerana tidak cukup masa dan sebagainya, kerana mereka telah mengajar sebagai guru, lima, enam tahun. Tetapi, ini suatu perkara yang perlu diberi perhatian untuk diselesaikan, supaya mereka yang telah menjadi guru, walaupun guru itu mengajar pengajian agama tetapi tidak menghalang atau menyusahkan untuk mereka menguasai bidang psikologi yang memang di sudut *relevancy* dengan profesion perguruan itu sendiri.

Jadi, perkara-perkara ini saya ingat perlu kita beri perhatian sama kepada apa yang berlaku di peringkat IPTA supaya IPTA kita ini tidak mengenakan syarat-syarat yang semberono, yang menghalang kepada kemajuan akademik dalam negara kita itu sendiri, yang pada masa yang sama, ianya kena lihat juga cabaran yang dihadapi daripada perkembangan IPTS yang begitu pesat. Ini kerana, Akta IPTS ini betul-betul yang kita wujudkan, sebenarnya untuk memberi satu persaingan yang sihat sekiranya ianya dikendalikan dengan sebaik mungkin. Oleh kerana itu, saya yakin dan percaya, peranan LAN ini, satu daripada segmen penting bagi memajukan pendidikan dalam negara. Terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Melaka dan lepas itu, Batu Gajah dan Setiausaha Parlimen boleh menjawab.

4.12 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Menteri Pendidikan telah mengisytiharkan di satu Sidang Kemuncak Pendidikan Malaysia 2003, bahawa matlamat kerajaan ialah untuk menarik 50,000

orang pelajar asing ke Malaysia, IPTS dan IPTA sebelum tahun 2010. Beliau juga mengatakan bahawa kerajaan bercadang untuk menubuhkan, dengan izin, *Education Promotional Officers* di beberapa negara seperti China, Vietnam supaya kita dapat bersaing dengan Singapura. Beliau juga telah mengatakan bahawa untuk mencapai sasaran itu, kerajaan akan mengecualikan pelajar asing daripada mengambil beberapa subjek yang diwajibkan dahulu.

Saya ingin menanyakan satu soalan di sini. Apakah ini bermakna bahawa kerajaan telah menukarkan matlamat asas kita iaitu menjadikan Malaysia sebagai satu *International Center of Excellence* (Pusat Kecemerlangan Akademik Antarabangsa) itu ke Pusat Pendidikan Serantau (*Regional Educational Hub*)? Oleh kerana nampaknya, dengan pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri itu, tekanan ialah ke atas menjadikan Malaysia sebagai satu Pusat Pendidikan Serantau dan bukan matlamat asal iaitu sebagai satu Pusat Kecemerlangan Akademik Antarabangsa.

Jadi, saya harap satu jawapan yang memuaskan boleh diberikan walaupun pada sesi ini, kita sudah banyak bertengkar. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pening, tidak apalah, saya masih boleh jadi *sparing partner*. Kalau kita hendak menarik pelajar asing ke Malaysia, saya rasa ada dua faktor yang penting iaitu yang pertama ialah kita mesti meningkatkan kualiti universiti kita dan juga kita mesti memastikan kecemerlangan akademik IPTS dan juga di IPTA. Saya sekadar contoh sahaja, ingin memberikan satu contoh di sini, di mana pada tahun 60-an, Universiti Malaya adalah salah satu universiti yang begitu masyhur dan selalu tempatnya adalah di dalam lingkungan kedudukan 10 di rantau ini, di Asia Pasifik.

Tetapi, baru-baru ini ada kajian yang mengatakan bahawa kedudukan Universiti Malaya telah jatuh ke tangga ke-47 daripada 77 buah universiti di rantau ini. Saya masih ingat apabila saya menuntut di Monash University, kalau orang berkata kepada saya bahawa Monash University adalah satu universiti yang bertaraf tinggi, saya tidak berasa begitu pada tahun 80-an. Tetapi, hari ini kalau belia-belia yang telah pergi dapat tempat di Monash University berkata dengan saya, "*Wah, you went to a top school university*". Saya pun hairan. Tetapi, ini menunjukkan bahawa Universiti Monash mutunya telah meningkat, mendapatkan satu imej yang baik. Tetapi, adakah sebuah universiti tempatan itu, sama ada IPTA, IPTS dapat ditingkatkan?

I think in Malaysia, walaupun kita punya bangunan jadi lebih tinggi seperti Twin Towers, tetapi *standard* universiti jatuh. EPF dividen pun jatuh. Terbalik dia jalan. *Direction* semua salah. Bangunan jadi tinggi, universiti *standard* lagi turun, EPF dividen pun turun. Ini bukan pembangunan yang kita hendak lihat di Malaysia. Saya juga ingin mencadangkan di sini bahawa, kalau kita benar-benar hendak menjadikan Malaysia sebagai satu *Regional Educational Hub* ataupun satu *International Center of Excellence*, polisi kerajaan mestilah begitu jelas sekali.

Saya masih ingat tahun lalu apabila sebelum atau menjelang Perhimpunan Agung UMNO, satu isu telah diperbesarkan, didiskriminasikan oleh Pemuda UMNO, di mana mereka telah memperkatakan bahawa jumlah bumiputera di IPTS begitu kurang dan mereka meminta supaya kerajaan mengenakan polisi kuota.

Yang pertama, saya telah kata bahawa jumlah yang telah dibagikan oleh Pemuda UMNO itu memang mengelirukan dan saya bergembiralah bahawa Menteri Pendidikan telah menyangkal angka-angka yang diberikan oleh Pemuda UMNO itu, sebagai salah. Memang angka itu adalah agak tinggi juga. Tetapi, tiap-tiap kali apabila ada orang menyuarakan supaya polisi kuota dilaksanakan terutamanya sekali apabila dia datang daripada UMNO atau Pemuda UMNO, ini akan merisaukan, bukan sahaja pelajar-pelajar tetapi juga pengusaha-pengusaha IPTS.

Jadi, saya minta supaya kerajaan akan buat satu polisi atau membuat satu pengisytiharan yang begitu jelas dan tegas bahawa dalam Malaysia, *no more quota policy for IPTA* dan kuota polisi tidak akan dilaksanakan bila-bila masa pun untuk IPTS. Satu polisi yang jelas.

Yang keduanya, kalau saya pergi *overseas*, kalau orang tanya saya, bagaimanakah *standard* universiti IPTA atau IPTS di Malaysia, memang saya kata bagus. Tetapi, ada satu soalan kalau orang tanya saya, saya susah hendak jawab. Mengapakah di Malaysia, universiti perlu ditubuhkan oleh parti-parti politik? Mengapa?

Ini memang satu soalan. Ini menunjukkan bahawa soalan yang saya kata, saya tidak boleh jawab, saya tidak bagi justifikasi ialah bahawa, parti-parti politik perlu atau hendak atau terpaksa menubuhkan universiti sendiri oleh kerana polisi kerajaan, dan bagaimana kita boleh meyakinkan orang luar negara bahawa kerajaan memang begitu komited kepada keadilan dan juga polisi pendidikan yang baik.

Ini semua akan menjadi satu gambaran yang terburuk. Satu lagi, pada tahun 70-an, masyarakat komuniti begitu berhasrat supaya satu universiti Cina yang bernama Merdeka Universiti boleh ditubuhkan, tetapi malangnya satu keputusan mahkamah telah dibuat dan hasrat mereka tidak dapat dicapai iaitu untuk menubuhkan Merdeka Universiti. Baru-baru ini, UTAR telah ditubuhkan dan saya, kalau tidak silap ada baca satu laporan di mana seorang pemimpin MCA telah berkata ini sebagai [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*]. Bagaimana hendak buat *translation*? Boleh Tuan Yang di-Pertua tolong? Yang [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] dalam bahasa Cina bahawa itu 'bunga besi tidak akan berbunga'. Tetapi, maksudnya *finally it can happen. What is important has happened*. Tetapi ini bukan hasrat masyarakat Cina.

Jadi, ini zaman baru. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kata kepada saya, "Yang Berhormat, dahulu susah kita hendak buat *open house* di mana Agung sendiri akan hadir". Saya setuju. Ini semasa zaman yang baru, ada banyak perubahan, saya setuju. Tetapi, saya kata kerajaan juga mesti mengakui bahawa itu memang adalah hasrat komuniti Cina dan saya rasa ia tidak bercanggah dengan polisi kerajaan dan ia tidak akan membawa kesan-kesan buruk terhadap apa-apa perhubungan di antara kaum dan saya bercadang supaya kerajaan mengambil satu langkah yang berani dan meminda akta. Saya kalau tidak silap, difahamkan bahawa keputusan mahkamah ialah atas penubuhan universiti itu bercanggah dengan AUKU.

Saya minta supaya kerajaan mengambil langkah yang berani sememangnya dalam era globalisasi ini kita memang patut mengubah strategi dan polisi pendidikan kita. Saya kata pindalah AUKU kalau itu menjadi penghalang supaya hasrat masyarakat Cina boleh tercapai. Ini bukan masa berpolitik, saya tidak mahu lagi hari ini pening, tetapi memang saya juga minta supaya kerajaan menubuhkan satu *education commission on the quality of higher education* supaya kita boleh memastikan standard universiti kita bukan sahaja di IPTA dan juga di IPTS dapat ditingkatkan dan memang untuk meningkatkan universiti kita bukan sahaja di IPTA dan IPTS, kita harus adakan satu *education commission* ini harus menghasilkan satu *blueprint* untuk bukan sahaja mengekalkan dan juga meningkatkan standard kita.

Untuk mencapai tujuan itu, matlamat itu saya rasa ada dua faktor yang penting yang telah saya sebutkan tadi iaitu salah satunya ialah a *quality university*. Untuk mencapai a *quality university* saya masih ingin mengulangi di sini bahawa meritokrasi yang benar haruslah dilaksanakan. Saya sudah bercakap tidak kurang daripada dua, tiga kali bahawa mengakuilah bahawa sistem meritokrasi yang telah dilaksanakan untuk IPTA ini bukanlah sistem meritokrasi yang benar. Saya khuatir sangat bahawa dahulu kalau orang bumiputera boleh menganggap polisi dahulu itu kuota polisi tetapi mereka anggap dan terima polisi kuota itu sebagai satu *affirmative policy* yang bila masanya sampai boleh diubah. Tetapi kalau meritokrasi ini telah dianggap sebagai meritokrasi sistemnya benar, tidak ada satu hari pun kita boleh tukar.

Kalau itulah polisi yang kerajaan ingin melaksanakan, saya kata itu satu perkara lain tetapi *you have trapped yourself forever*, tidak boleh kerajaan walaupun satu hari kerajaan tahu ini bukan satu sistem yang benar dan ingin mengubah *we have no excuse to* ubah. Oleh kerana memang itu meritokrasi macam mana hendak ubah?

Saya tahu bukan sahaja saya kata bercakap untuk perbincangan atau mencari *political mileage*. Setiap kali sebelum saya berucap di Parlimen berkenaan isu-isu sensitif saya membuat teks, saya bercakap dengan kawan-kawan saya yang datang daripada golongan bumiputera. Saya bercakap dengan ikhlas, saya pun takut hendak bercakap *on sensitive issues*, saya cuba dan setiap kali saya dapat sambutan yang baik baru saya timbulkan di Parlimen dan saya akan bangkitkan di sini.

Ramai orang berkata dengan saya, kita tahulah Yang Berhormat, itu sebenarnya bukan satu sistem yang baik, bukan satu meritokrasi sistem yang benar. Jadi, saya minta sahaja kalau kerajaan merasa perlu diteruskan, itu perkara lain kita

boleh bahas, tetapi jangan *trap yourself forever*, dengan mengatakan menegaskan bahawa ini memang adalah meritokrasi yang benar. *You can come with all sorts of argument*, dengan izin, tetapi saya kata kalau saya dapat satu sahaja *all your argument falls flat* iaitu buka semua peluang kursus meritokrasi kepada bukan bumiputera tidak boleh atau tukar bumiputera semua mengambil STPM atau semua orang mengambil STPM, pun tidak boleh.

Saya *test* kepada kawan-kawan saya bumiputera, dengan cara baik mereka menjawab ikhlas kepada saya. Jadi, saya minta supaya jangan kata ia adalah meritokrasi yang benar kalau bukan. *I don't want you to trap yourself*, saya bercakap dengan ikhlas, walaupun ini mungkin Yang Berhormat akan menganggap ia sebagai satu *point* politik yang saya ingin utarakan untuk mengambil *political mileage* tetapi *I say sometimes there are things beyond politics that you and I must be sincere about*.

Saya betul-betul kata sebab itu semalam saya telah berkata di depan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya faham dan terima dari segi Perlembagaan kita bahawa "*special rights*" *is right* tetapi kalau kita setiap kali menegaskan dia sebagai *right* orang yang jadi jutawan ada berbilion ringgit terus akan meminta supaya *scholarship* diberikan kepada anaknya oleh kerana ia satu hak. Kalau kerajaan menegaskan sebagai satu peluang, peluang sudah dapat orang yang kaya raya tidak akan lagi meminta supaya *scholarship* diberikan kepada anaknya.

Point kedua saya telah mengatakan Tuan Yang di-Pertua, bahawa kalau itu sentiasa menegaskan kepada soal hak akhirnya seorang pun boleh menghapuskannya walaupun ini akan menjadi hasrat pemimpin-pemimpin UMNO sendiri. Saya baca laporan akhbar di mana Perdana Menteri sendiri mengatakan beliau menghadapi satu dilema, *Mahathir's dilemma* yang kedua iaitu susah hendak meyakinkan golongan bumiputera supaya betul-betul menghapuskan tongkat mereka.

Saya akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, katakan jangan gunakan tongkat, kalau seorang berpenyakit kita katakan buang tongkat-tongkat itu, dia ingat dia betul sakit, psikologi dia ingat dia ada tongkat. Saya kata orang Melayu tidak perlu tongkat, orang ini bukan orang bodoh, bukan lemah, yang orang Melayu perlukan ialah satu peluang dan *affirmative policy* saya kata memang wujud di Amerika, di Canada, tidak salah kalau menerima bantuan daripada kerajaan ekoran pelaksanaan *affirmative policy*, tetapi kerajaan harus memberitahu mereka, ini adalah satu peluang oleh kerana faktor sejarah, golongan bumiputera memang perlukan peluang.

Kalau saya rasa semua kaum di Malaysia boleh memandang daripada sudut perspektif yang baru, oleh kerana zaman sudah berubah, saya begitu yakin walaupun kita mempunyai pendapat yang berbeza dari segi politik tetapi kita ada banyak *areas* yang mana kita boleh bersatu padu dan betul-betul berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai satu negara yang betul-betul aman, harmoni dan yang baik untuk semua orang. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

4.27 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut membahaskan pindaan kepada Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

Kementerian Pendidikan mempunyai objektif yang amat baik berwawasan untuk memastikan pada tahun 2005 kita akan mendapat pelajar dari luar negara seramai 50,000 orang, di mana ia akan membawa pendapatan sebanyak RM1.5 bilion, tetapi yang saya amat risau wawasan dan objektif ini tidak akan tercapai, sebab kalau kita boleh baca dalam surat khabar baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, terdapat empat orang lagi pelajar dari negara China, mereka telah atau terpaksa pergi ke *Tribunal Consumer* untuk mendapatkan tuntutan mereka. Keempat-empat orang pelajar ini telah didaftarkan di sebuah kolej di mana kursus *nursing*, dengan izin, tidak diluluskan oleh Lembaga Akreditasi.

Jadi, masalah ini bukan kali pertama yang timbul, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong langkah-langkah yang diambil oleh kementerian di mana menjalankan

pendaftaran semula kepada IPTS yang telah diberi permit untuk mengambil pelajar dari luar negara, saya menyokong garis panduan yang diberikan oleh kementerian memastikan bahawa setiap kolej atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta ini mempunyai *International Office* menjaga kebajikan pelajar di mana laporan dikemukakan kepada pihak Jabatan Imigresen setiap suku tahun.

Tetapi apakah ini langkah yang efektif kerana apabila pelajar luar negara ini mempunyai masalah, mereka menulis kepada Yang Berhormat Timbalan Pendidikan iaitu Yang Berhormat bagi Seremban - ia ada hadir - empat orang pelajar ini telah menulis kepada kementerian, surat terus kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Yang Berhormat bagi Seremban, tetapi tidak dijawab. Mereka tidak ada lain cara untuk memastikan masalah mereka dapat didengar, mereka terpaksa pergi ke *Consumer Tribunal*, dengan izin.

Jadi Consumer Tribunal telah menjatuhkan hukuman ke atas kolej ini dan mengehendaki mereka membayar kembali kesemua yuran RM10,000 kepada empat orang pelajar ini. Apakah kita perlukan publisiti sebegini? Ini boleh dielakkan kalau kementerian telah bertindak segera dengan mendengar atau berjumpa dengan pelajar sebaik sahaja mereka menerima aduan. Itu yang paling efektif untuk mengelakkan *bad publicity* ini. Tidak payah pergi hantar misi ke negara China. Surat khabar ada menyiarkan yang Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat bagi Seremban, hendak hantar misi ke negara China, kali ini hendak pergi ke Shanghai pula untuk tarik pelajar dari negara China datang bawa *income*. Saya sokong, tetapi kita tidak payah misi-misi ini semua kalau kementerian ada menjalankan penguatkuasaan dan bertindak dengan segera apabila pelajar dari negara China ini menghadapi masalah. Bukan negara China sahaja tetapi dari lain-lain negara. Saya dimaklumkan ada 105 buah negara. Jadi inilah saya rasa paling efektif kita dapat memastikan publisiti buruk ini tidak akan berulang.

Sebelum ini, tahun 2001 saya pernah bangkitkan kes Kolej Pertama, Perak. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya rasa amat fasih. Ketika saya bangkitkan, saya terima tuduhan pula dari *back-benchers* mengatakan saya pergi bantu orang dari negara China. Warga Malaysia tidak bantu, sekarang saya kata reputasi negara. Tetapi selepas saya bangkitkan, tidak ada apa tindakan yang diambil oleh kolej, berulang kembali *second chapter* Kolej Pertama. Masalah yang sama ke atas pelajar dari negara China. Saya difahamkan mereka sekarang ini *second chapter* pelajar ini telah dipindahkan ke kolej yang lain. Saya ingin tahu, mengapa tindakan tidak diambil walaupun perkara ini telah dibangkitkan di dalam Dewan? Jadi saya juga hendak tahu apa tindakan akan diambil ke atas kolej yang baru-baru ini telah dijatuhkan hukuman - dengan izin - untuk mengembalikan bayaran dan apa tindakan ke atas Kolej Utama Perak?

Satu perkara lagi ialah berkenaan dengan pelajar dari negara China lagi. Saya harap kementerian boleh ambil perhatian sebab saya terima banyak aduan daripada mereka. Kes tadi saya mengatakan empat orang pelajar dari negara China, setiap kali apabila mereka balik ke kolej ini, mereka berkata: "Saya hendak pindah untuk belajar di kolej yang lain". Kolej itu akan minta pasport lepas itu *pass* pelajar mereka akan dibatalkan. Mereka diberi masa tujuh hari untuk meninggalkan negara. Ini salah satu kes yang saya terima. Dia kata lepas batalkan *pass* pelajar, mereka dikembalikan pasport, mereka tinggal beberapa hari sahaja, tidak boleh buat apa-apa, terpaksa pulang ke negara mereka. Kita boleh bayangkan publisiti buruk terhadap negara kita ini kalau pelajar-pelajar ini balik ke negara China.

Perkara yang kedua adalah masalah pasport pelajar ini disimpan oleh pihak kolej sebab saya faham banyak institusi pengajian tinggi swasta ini - saya nampak - terlalu amat pentingkan keuntungan. Jadi mereka risau pelajar ini akan berpindah ke kolej yang lain. Mereka bertindak demikian, menggunakan taktik-taktik sedemikian. Ada yang ugut kalau ada yang membuat aduan kepada kementerian, mereka akan batalkan pas pelajar. Jadi, saya pohon masalah ini boleh diambil perhatian.

Satu perkara lagi ialah berkenaan masalah pelajar negara China yang tidak membawa pasport, hanya membawa salinannya berjalan, mereka dijumpai oleh pegawai polis, selepas itu pegawai polis minta tunjukkan pasport, mereka bagi yang salinan selepas itu mereka diminta membuat bayaran, rasuah berlaku. Jadi saya tahu

baru-baru ini kementerian ada cadangan untuk menyediakan kad pelajar kepada mereka ini - kumpulan pelajar dari luar negara - agar mereka tidak akan risau kalau bawa pasport asal dan hilang, tetapi saya hendak ingatkan kemudian agar pastikan kalau kad pelajar ini diberi kepada pelajar dari luar negara ini, pastikan ia dikenal pasti oleh pihak polis. Kita tidak hendak cerita yang berlaku ke atas golongan profesional IT di Brickfields. Mereka kemukakan kad yang dikeluarkan oleh pihak imigresen tetapi pihak polis tidak mengakuinya. Jadi harap diberi perhatian tentang perkara ini.

Kita boleh nampak ada pertandingan untuk mengambil pelajar dari luar negara ini dari Singapura. Singapura telah *set a target* - dengan izin - untuk mencapai 150,000 pelajar luar negara di mana saya rasa Malaysia mempunyai satu suasana yang begitu baik untuk *accommodate* - dengan izin - pelajar-pelajar dari luar negara China tetapi saya risau peluang ini akan terlepas kalau berlaku lebih banyak kes-kes pelajar dari luar negara yang ditipu atau kurang penguasaan yang dijalankan oleh kementerian.

Jadi, dengan kata-kata ini saya berharap setiap kali ada aduan yang dikemukakan, kementerian dapat bertindak sebab sekarang zaman *information technology*, klik pada internet, kita sudah tahu apa cerita atau masalah di arena pendidikan negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

4.36 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd Khir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya sesi ini terlalu panjang, daripada pagi tadi sehinggalah lewat petang.

Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya sampaikan ucapan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah menyertai dalam perbahasan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2003 pada hari ini. Saya dapati seramai sepuluh orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dan boleh dikatakan keseluruhan atau saya boleh katakan kesemuanya bersetuju dengan pihak kita mengenai dengan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan dalam memperkasakan pendidikan swasta.

Jadi dalam hal ini saya minta maaf kalaulah saya tidak bangkitkan mengenai dengan IPTA, saya dapati ada Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai dengan IPTA yang mana kita membahaskan hari ini ialah mengenai dengan IPTS. Oleh itu saya berharap benar kalau yang mana tidak terjawab, kami tetap mengambil perhatian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya dapati ada banyak cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah mencadangkan mengenai dengan IPT memberikan keutamaan dalam bidang penyelidikan. Penyelidikan oleh pensyarah-pensyarah memang satu kriteria yang dinilai bila melihat kualiti kursus pengajian itu, namun kita menggalakkan. Malah peruntukan yang besar juga telah diberi kepada pihak universiti untuk mengendalikan bermacam-macam penyelidikan. Ini termasuklah apa yang kita panggil IRPA yang mana banyak kajian telah dijalankan. LAN juga memastikan institusi luar adalah sah dan mempunyai *good standing*, dengan izin. Kesahihan institusi akan dimaklumkan antara lain dari kedutaan negara dari mana institusi itu berdaftar. Memang apabila kita mengambil seorang pelajar itu ke institusi kita khususnya di IPTA, kita perlu mendapat terlebih dahulu pengiktirafan ijazah yang dibawa ke negara kita itu. Kita bukan ambil sembarangan daripada mereka. Begitu juga LAN telah meletakkan standard minimum bagi beberapa IPTS yang mengambil pelajar-pelajar yang tidak cukup syarat. Kita ada juga mengambil pelajar tetapi kita meletakkan syarat-syarat tertentu.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan penyelidikan tadi. Sudah saya katakan tadi bahawa banyak penyelidikan yang kita lakukan dan kita dapati Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menyediakan *research grant* kepada IPTS juga. IPTS pun kita bagi asalkan mereka mendapat geran itu untuk menjalankan kajian-kajian yang berkaitan dengan teknologi.

Kementerian juga akan terus berusaha supaya boleh banyak sumber geran di perolehi oleh IPTS. Ini kita akan usaha lagilah sekiranya permohonan mereka hendak lakukan *research* dan sebagainya untuk pengetahuan umum, kita akan sedia bantu pihak mereka. Kementerian juga terus menggalakkan penyebaran ilmu pengetahuan termasuk R&D. Selain daripada itu, Perancangan Strategik Pendidikan Swasta 2001-2010, ada ditetapkan di mana kita masukkan mengenai dengan R&D tadi.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat tadi oleh pihak kita. Kementerian Pendidikan sentiasa mengawal pemberian Ijazah Kedoktoran Kehormat bagi IPT dalam negeri, yang itu kita pastikan tetap. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan tidak mempunyai kuasa ke atas IPT luar negara, yang ini kita tiada kuasa langsung, dia orang hendak anugerah kepada siapa-siapa, itu kita tidak ada pengawalan. Kita tidak boleh sesebuah universiti di mana dari Australia, Britain, Kanada atau negeri China sekalipun, kita tidak ada halangan. Itu antara individu itu dengan universiti tetapi di dalam negara kita memang kita ada pengawalan.

IPT tempatan khususnya IPTA mempunyai kriteria yang ketat dalam penganugerahan, begitu juga dalam penganugerahan Profesor. Kriteria seperti penulisan dan penerbitan ilmiah R&D, khidmat masyarakat dan rekod akademik yang cemerlang, baru kita *confer* dia sebagai Profesor. Jadi, kalau ada universiti hendak *confer*

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang suka mendengar Yang Berhormat yang mengatakan sama ada Naib Canselor atau Profesor itu kita berteraskan kepada penyelidikan dan penemuan-penemuan yang dikeluarkan di dalam majalah dan sebagainya. Adakah kriteria? Adakah ini termasuk hanya majalah tempatan yang tidak diiktiraf oleh antarabangsa? Saya nampak ada setengah-setengahnya mungkin keluar sebagai iklan, di dalam akhbar pun dia masuk sebagai *paper*. Ini masalah yang penting sekali, sebab kita hendak tingkatkan ini.

Saya seriuslah di sini sebab saya hendak Yang Berhormat memastikan sebab Yang Berhormat ada peluang sekarang, semua jawatan termasuk Profesor VC berteraskan benar-benar kepada meritokrasi sebelum kita melantik mereka. Tidak seperti sekarang hampir semua VC itu dilantik kerana faktor politik.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak tahu adakah Yang Berhormat hendak bercakap mengenai dengan pelantikan Naib Canselor ataupun mengenai dengan penganugerahan Profesor berdasarkan kepada beberapa kriteria? Saya terus terang mengatakan soal pelantikan itu kita lakukan dengan rapi segala macam syarat berdasarkan beberapa nama dan sebagainya dan itu dipertimbangkan terlebih dahulu. Kita bukan calang-calang. Saya tahu, ada orang tidak suka orang itu tidak suka orang ini tetapi apabila kita melantik seseorang itu, itu harapan kita.

Satu lagi mengenai dengan R&D. Boleh saya

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, itu saya hendak lanjutlah, tolong. Hendak tolong Yang Berhormat sebenarnya. Ada penjelasan mengenai perkara ini. Adakah kemungkinan kita akan mengira seperti di Universiti Hong Kong?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, dia belum duduk lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia duduk sekarang. Sungai Petani ini lambat sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, boleh balik soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Idea memang lambat. Itulah masalah sekarang ini. Adakah kemungkinan di negara kita, kita dapat ahli akademik ataupun yang layak untuk menjadi Naib Canselor daripada luar negara, seperti Universiti Hong Kong? Kalau kita

kira taraf Universiti Hong Kong lebih tinggi dari universiti di Malaysia tetapi mereka sanggup menerima orang-orang di luar asalkan mereka layak.

Adakah kemungkinan Malaysia ini kelak akan melantik sesiapa sahaja yang mempunyai kelayakan, tidak kira daripada mana? Adakah kemungkinan sebab sekarang ini kita tidak mahu, cuma puak-puak yang disukai di dalam negara.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya faham, saya faham. Memang buat satu masa semasa penubuhan Universiti Malaya dahulu salah seorang Profesor dari Oxford University di jemput ke sini seperti Profesor Oppenheim, seorang *mathematician* di jemput ke sini. Kemudian sesudah kita merdeka dianggap bahawa kita sudah pun mempunyai calon-calon yang tersendiri, maka dengan itu kita melantik orang yang kita fikir layak.

Kalaulah kata begitu, saya faham seperti kata Yang Berhormat tadi, malah salah seorang saya namakan seperti Profesor Wong Kah Wu misalnya, menjadi Naib Canselor di Universiti Hong Kong, itu berlaku. Ada sesetengah universiti melakukan demikian tetapi secara amalan kita, kita lebih tertarik, berminat dengan orang dalaman. Selagi kita ada orang di dalam, mengapa tidak. Jadi janganlah kita ragu-ragukan mengenai dengan soal ini.

Begitu juga dengan soal penerbitan tadi, balik kepada soal penerbitan tadi. Kadang kala, ini saya terima hakikat ini, tidak banyak buku-buku ilmiah yang diterbitkan. Ada banyak profesor yang menghasilkan makalah-makalah mereka tetapi tidak diterbitkan untuk pasaran umum, tetapi kalau kita lihat di sesetengah universiti mereka membuat pameran, hasilan, tulisan profesor-profesor tadi.

Jadi, adalah tidak adil kalau kita hendak menegur ataupun memburuk-burukkan profesor, apakah hasilan mereka bahawa mereka tidak ada pun benda yang dikeluarkan tetapi mungkin kita tidak berminat ataupun kita bila lalu kedai buku kita nampak sahaja orang tempatan kita tidak berminat. Mungkin bukan dalam bidang kita. Saya tahu, saya lihat beberapa buah universiti dan saya diberitahu tentang hasilan kajian-kajian itu tapi setengah daripada kajian-kajian dilakukan itu tidak pernah dihasilkan untuk sebagai makalah ataupun buku di pasaran umum.

Ada yang diterbitkan di luar negara pun kita tahu ada. Walau bagaimanapun, saya akan bawa ini sekali lagi kepada pihak-pihak universiti supaya bagaimana dia hendak mencanangkan, menghebohkan ke seluruh dunia ataupun di Malaysia tentang penghasilan profesor-profesor, sekian, sekian banyak. Apakah banyak dia punya tulisan? Itu kita harus buat *publication*.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai siswazah menganggur tadi, saya katakan tadi ialah nisbah 60, 40 yang lebih daripada sains dan teknologi dalam melatih, kita akan melatih tenaga kerja ini. Saya berharap ini dapat kita atasi. Kadang kala Yang Berhormat, terus terang saya katakan, dahulu apabila kita dapat sebuah universiti, orang kata terlalu kecil. Apabila kita ada universiti yang begitu banyak orang kata, banyak pula.

Jadi, saya percaya balik kepada soal konsep yang saya katakan universiti adalah *universe*, alam sejagat. Bila kita kata alam sejagat, makna kita melatih seseorang anak muda itu dapat berdikari dengan segala macam ilmu yang telah kita perturunkan dengan segala apa kita kata kekuatan personalitinya seorang mahasiswa yang boleh keluar ke dunia. Ini bagi saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lupar.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Suara saya pun berlainan sedikit – makan ubat, tetapi tadi hendak bercakap, Tuan Yang di-Pertua nasihatkan saya tidak payahlah, tekak masih tidak baik.

Hendak bertanya juga dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berhubung dengan pendidikan tinggi ini, memang pada masa sekarang nampaknya secara tidak langsung kita membuat satu *public debate*, dengan izin, berhubung dengan apa sebenarnya konsep dan tujuan pendidikan tinggi ini.

Debate yang kita nampak sekarang ialah, walaupun tidak secara jelas tetapi nampaknya begitulah berlaku iaitu bahawa pendidikan ini hanya untuk dua perkara iaitu untuk menjanakan guna tenaga manusia negara, itu yang satu.

Yang kedua, apabila mereka ini lulus daripada universiti, mesti ada kerajaan, syarikat memberi kerja dengan mereka ini.

Jadi, satu lagi persoalannya, adakah universiti ini untuk orang menimba ilmu, menjadi manusia yang lebih terdidik, manusia yang lebih pandai, untuk mengolahakan masa hadapan ataupun keperibadian mereka itu sendiri dan dalam keadaan yang sedemikian kita hendak menjanakan jana kuasa untuk guna tenaga manusia, negara dan untuk menimba ilmu supaya menjadi manusia yang terdidik dan pandai, ataupun untuk apa sebenarnya pendidikan ini.

Kalau ini tidak menjadi satu *debate* sekarang, tidak mungkin rata-rata saya dengar banyak persoalan dibangkitkan ialah apa kita hendak buat dengan *graduate* yang menganggur di negara kita sekarang.

Graduate yang menganggur ini, dia tidak tahu, tunggu kerajaan kata okey, you kena kerja, tunggu syarikat ini terima pekerja, kalau yang tidak bekerja itu duduk di rumah, cangkul parit, pergi menangkap ikan, ataupun jadi petani.

Jadi, apa sebenarnya tujuan pendidikan ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar, nampaknya Ahli Yang Berhormat hari ini seperti orang ahli falsafah untuk berbincang.

Sebenarnya, benda ini selalunya berpusing-pusing dan berputar-putar dari segi apa yang kita panggil, telurkah atau ayamkah, telur ayam, ayam dahulukah telur dahulu. Jadi, ini masalahnya.

Macam saya katakan tadi, memang kita daripada segi Kementerian Pendidikan, kita tidak lari tanggungjawab kita, kita sentiasa memantau buat *assessment*, apa sepatutnya sekolah kita, apa peringkat sekolah, kemudian kepada peringkat IPTA sendiri, dan juga pusat-pusat pengajian tinggi yang lain.

Apa tujuan sebenarnya kita menghasilkan seseorang graduan, sebab itu kita telah menukar rancangan di mana kita menggalakkan seseorang pelajar itu untuk menggunakan sepenuh masa dia bukan sahaja mengambil kursus-kursus yang diwajibkan, juga kursus-kursus yang kita panggil ilmu bantu, ini apatah lagi kepada mereka apa yang kita panggil daripada kursus sains sosial, maksud saya.

Jadi, bagi mereka yang mengambil kursus-kursus yang bersifat profesional, mereka ini tidak banyak masalah, sekejap sahaja, umpamanya kalau kita ambil contoh macam UiTM, hari ini barulah orang ramai, orang yang benar-benar *appreciate* atau apresiasikan lulusan UiTM misalnya, sebab mereka banyakkkan ruang kursus-kursus yang bersifat kepada profesionalisme. Tetapi bagi universiti yang menekankan soal akademik, sebab itu kita katakan banyakkkan kepada kursus-kursus sains dan teknologi tadi, maka kita rasa ini dapat mengatasi masalah itu.

Begitu juga saya berbalik kepada soal tadi, katakanlah seseorang penuntut, apa yang kita panggil, pertanian misalnya, dia dapat Ijazah Pertanian. Harapan kita ialah bila dia balik di kampung dia membuka satu perusahaan pertanian, tetapi apa yang berlaku sebaliknya, dia hendak tinggal di Kuala Lumpur untuk mendapat pekerjaan dengan syarikat yang besar ataupun dengan pihak kerajaan.

Ini juga harus kita balik bincang dan saya berharaplah Yang Berhormat bersabarlah dengan saya, kerana saya tidak ada masa untuk membincangkan selanjutnya.

Jadi, saya teruskan dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tambun pula mengenai dengan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya minta penjelasan, walaupun ada satu perkara yang sudah berlalu, tetapi saya ingin mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah pendirian pihak kerajaan terhadap mereka yang dapat gelaran *Doctorate* Kehormat atau Profesor Kehormat daripada universiti-universiti di negara asing, walaupun tadi Yang Berhormat kata kita tiada dapat kawal dan adakah kita benarkan ini berleluasa kerana sekarang sudah menjadi satu perkara yang mana kita dapati ramai orang yang berbuat demikian dan tadi kita pun dengar bila Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran pun ada bertanya, mereka pun boleh mendapat *Doctorate* Kehormat atau Profesor Kehormat melalui *Internet* dan lain-lain.

Kita cuma dapat kawal daripada IPTS, daripada dalam negeri tetapi yang daripada negara luar, kita tidak dapat kawal. Adakah kita hendak bebas ini dibiarkan sahaja, apa pendirian pihak kerajaan.

Yang kedua, adakah kita memantapkan graduan daripada universiti kita supaya mereka bila keluar, mereka dapat kerja tidak ada menghadapi masalah pengangguran, adakah kita mengadakan latihan industri semasa mereka mengadakan pelajaran di universiti, supaya mereka bersiap sedia untuk bila-bila masa, bila mereka bekerja, mereka adalah sudah melalui latihan industri, mereka sudah mantap dan mereka pun dapat mempertingkatkan seperti dalam bahasa Inggeris, supaya mereka bila keluar, mereka senang mencari kerja. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Saya berkata begini, kita tidak ada kawalan kepada universiti-universiti luar negara untuk memberi Profesor Kehormat atau apakah itu. Cuma apa yang dapat kita pesankan kepada umum ialah bahawa mereka tidak boleh memakai yang setengah diberi gelaran Profesor, ataupun Doktor, jadi kita tidak boleh pakai. Jarang orang pakai, tetapi hari ini kita, orang beri kad kepada kita pun ada tulis di situ macam-macam.

Macam tadi, Ahli Yang Berhormat bagi Bandau kata, yang Datuk pun ada orang beli. Datuk daripada Filipina, pun ada orang beli, kita pun jangan pakai sangat ini orang yang ada Datukkah, ada profesorkah, ada apa itu semua.

Jadi, ini memang kita tidak boleh, misalnya kita boleh menahan, kalau dia buat kadnya, setengahnya tidak ada apa benda pun dia tulis kad dia, setengah pun dia bubuh Yang Berhormat, dia bubuh YB juga di depan nama, kita pun tidak faham. Yang ini penipuan ini boleh berlaku mana-mana, macam kad dia bubuh YB, kita tidak tahu YB itu Yang Berhormat ataupun yang berhutang, kita tidak tahu. *[Ketawa]*

Jadi, saya fahamlah Yang Berhormat bagi Gelang Patah memahami akan ini, tetapi pihak kementerian kami telah pun mengambil beberapa langkah, kalaulah orang yang pergi meminta kerja dan sebagainya, patut kita *check credentials* dia dahulu.

Saya pernah dapat satu kes macam ini dan saya telah meminta pihak kementerian supaya memberitahu pihak-pihak IPTA kita apabila hendak mengambil seseorang pensyarah itu, hendaklah pastikan *credentials* dia benar-benar tulen, ada orang sekali saya dapat, pergi *interview* dia dapat Ph.D daripada *Internet*. Memang *it is genuine* kita anggap, tetapi akhirnya pihak universiti buat *homework*, *check* balik dia dapat Ph.D daripada *Internet*. Itu dia.

Dan kalau dia hendak mencari kerja dan sebagainya, saya minta pihak-pihak majikan dan sebagainya buat *homework* sedikit *check* dia punya *degree* dan sebagainya. *Degree* pun ada orang tipu juga untuk minta kerja dan sebagainya. Ini kita minta pihak majikan ataupun bakal majikan *check certify* dahulu dia punya status, hah itu, supaya tidak kena tipu dengan calon itu.

Yang Berhormat bagi Tambun telah membangkitkan mengenai dengan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan. Memang strategi ini telah pun kita ambil oleh pihak Kementerian Pendidikan di mana satu pengantarabangsaan IPT untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa. Itu kita cuba dapatkan kerjasama beberapa buah universiti antarabangsa di mana mereka boleh mengiktiraf ijazah kita dengan harapan apabila penuntut daripada negara yang berkenaan apabila dia buat ijazah di negara kita, apabila mereka kembali ke negara mereka, dapat juga pengiktirafan.

Macam juga kita mengiktiraf penuntut-penuntut, katalah kelulusan daripada Britain, Australia, Kanada dan sebagainya juga kita beri pengiktirafan tetapi itu juga kita kawal.

Kemudian keduanya, kita meningkatkan promosi pendidikan. Promosi pendidikan di luar negara iaitu melalui bermacam-macam program dan saya rasa Yang Berhormat bagi Kepong juga bangkitkan tadi, kita memang ada buat lawatan untuk buat promosi, apatah lagi sekarang ini saya rasa amatlah bersesuaian untuk menggalakkan lebih ramai penuntut luar negara.

Ketiganya, kita juga meningkatkan kualiti pendidikan tinggi yang setara dengan mana-mana universiti yang dianggap *prominent*.

Begitu juga perkara keempat yang kita bangkitkan ialah penguatkuasaan dan pengawalan ke atas IPTS supaya ia benar-benar berkualiti. Sebab itu yang kita buat pindaan ini untuk mengemaskinikan akta ini supaya dapat kita melaksanakan tugas-tugas kita dengan baik serta juga tidak menimbulkan banyak kekecohan.

Yang Berhormat bagi Tambun tadi juga telah membangkitkan pengiktirafan. Saya telah katakan tadi kita sedang mengusahakan pengiktirafan ini di negara-negara luar untuk kita sama-sama boleh bekerjasama dalam hal pengiktirafan tadi.

Yang Berhormat bagi Tambun juga telah bangkitkan mengenai pengiktirafan juga dari segi soal LAN, telah saya sebutkan tadi. Umpamanya, LAN mempunyai kerjasama dengan Badan Jaminan Kualiti seperti New Zealand Qualification Authority (NZQA), Quality Assurance Agency dengan pihak Britain dan begitu juga usaha kerajaan dengan Mutual Recognition seperti G-to-G, Working Group Australia dan Malaysia-New Zealand dan sebagainya. Malah kita juga sedang bekerjasama dengan pihak Jepun, China dan Germany. Usaha badan profesional seperti bidang kejuruteraan juga oleh Lembaga Jurutera untuk menjadi ahli Washington Itu juga kita buat.

Yang Berhormat bagi Tambun juga telah bangkitkan mengenai dengan kawalan IPTS tadi. Saya telah pun sebut tadi, memang kita ada kawalan ke atas mereka merupakan antara perkara yang kita sebutkan di dalam akta kita tadi.

Seperkara lagi, Yang Berhormat bagi Tambun telah membangkitkan mana-mana universiti ataupun IPTS yang tidak ada standard. Penamaan IPTS dan universiti adalah berdasarkan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh KPM. Ketua Pendaftar boleh menolak sama ada mereka terima atau tidak terima tetapi kalau itu yang dianggap baik, maka baiklah dia.

Begitu juga Yang Berhormat bagi Tambun telah membangkitkan mengenai dengan *entry qualifications* dan juga pelajar yang tidak cukup syarat. Pihak Kementerian senantiasanya memastikan kelayakan masuk ke IPTS dipatuhi oleh IPTS yang berkenaan. Syarat kelayakan masuk ke program sijil, diploma dan ijazah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. IPTS pada masa ini mematuhi syarat kemasukan minimum. Ini kita hendak supaya penuntut-penuntut itu bukanlah *dropouts*, kemudian dia masuk IPTS, dia boleh, tidak.

Satu ialah pelajar yang terlibat tidak mendapat pinjaman PTPTN. Itu kita tidak bagi *recognition*. Begitu juga, keduanya, sekiranya dikesan semua pelajar terlibat diarah berhenti oleh KPM daripada meneruskan pengajian mereka. Itu juga kita dapati hari itu ada orang yang *qualification* dia begitu rendah, kemudian dia masuk ke IPTS, itu tidak kita benarkan.

Syarat-syarat kelulusan sesuatu IPTS. Sesuatu permohonan bagi penubuhan IPTS diluluskan oleh KPM setelah ia memberi syarat, satu, pemohon berkebolehan menyediakan kemudahan pendidikan yang mencukupi bagi sesebuah IPTS. Kedua, pemohon bolehlah menyediakan pengurusan dan pentadbiran yang cekap. Ketiga, langkah yang mencukupi diambil untuk memenuhi syarat-syarat yang saya sebutkan tadi. Seterusnya kita ada syarat-syarat yang ketat bagi sesebuah IPTS itu. Jika dia tidak mengikut syarat-syarat yang telah kita perturunkan, pihak kita tidak akan meluluskan lesen untuk menjalankan operasi sesebuah IPTS itu.

Isu LAN yang tidak memantau iklan tadi, terus terang saya katakan bahawa kita tidak benarkan mana-mana IPTS itu membuat iklan sesuka hati. Kita telah pun

mengawal tentang soal iklan tadi. Malah kalau ada cadangan lagi, kita sanggup terima apa-apa cadangan supaya dapat memastikan mana-mana pihak tidak tertipu dengan sebarang iklan yang dikeluarkan oleh IPTS. Malah sekarang ini kita kena ada nombor pun. Kita kena sediakan nombor-nombor iklan, kita hendak tahu ada orang kadang-kadang dia buat iklan kursus-kursus yang ditawarkan itu, sebenarnya apabila kita pergi ke situ, dia tidak ada kursus dia. Dia kata ambil kursus lain. Kalau ada laporan ataupun aduan, kita akan sedia mengambil tindakan. Kita tidak akan teragak-agak.

Saya tahu Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah bangkitkan kepada saya hari itu dan ini telah kita perketatkan lagi, *we ensure*, kita kunci betul-betul. Kalau ada aduan, sila buat aduan dan kita akan ambil tindakan. Kita tidak akan *hesitate*, dengan izin, untuk mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, ini banyak lagi. Kita ada akta lagi satu. Boleh saya teruskan?

Seorang Ahli: Ringkaskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, saya ringkaskan. Mengenai dengan soal bahasa, saya rasa kita juga dalam subseksyen-subseksyen itu diperuntukkan dengan soal bahasa.

Ini Yang Berhormat bagi Tumpat juga bangkitkan. Kalau tidak jawab, dia marah, dia tidak ada. Jadi, peruntukan untuk IPT tadi, kita kata ini juga kita pantau kursus-kursus yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya, saya dapati Yang Berhormat bagi Tumpat banyak membuat cadangan dan mana-mana cadangan itu akan saya bangkitkan sekali lagi.

Yang Berhormat bagi Bandau juga telah membangkitkan banyak perkara dan saya kira banyak perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini adalah mengenai dengan proses pengiktirafan. Seperti mana yang telah saya jelaskan tadi, pengiktirafan tetap akan dipantau oleh pihak LAN. Kalau dia tidak ada kelulusan ataupun perkara-perkara itu tidak akan kita benarkan.

Mengenai isu Jarak Jauh, kursus pengajian secara Pendidikan Jarak Jauh yang dipohon oleh IPTS akan melalui proses penilaian oleh LAN. Kalau dia memenuhi syarat, dia ada kemampuan dan keupayaan, itu baru diberi kelulusan.

Yang Berhormat bagi Bandau juga bangkit mengenai PTPTN hanya memberi pinjaman mengikut kadar yang ditentukan bagi pelajar mengikuti kursus di peringkat diploma dan ijazah sahaja. Ini yang kita buat. Ada orang hendak pohon mengenai *post-graduate*, itu tidak dapat kita izinkan. Kita tumpu kepada diploma dan ijazah sahaja.

Yang Berhormat bagi Bagan bangkitkan tadi, saya hendak jawab. Saya tahu Yang Berhormat bagi Bagan tunggu saya hendak jawab ini. Yang Berhormat, saya beritahu terus terang kepada Yang Berhormat tentang AIMS dan UTAR. Kedua-dua universiti, AIMS dan UTAR adalah merupakan universiti swasta, jelas, kerana ia ditubuhkan di bawah peruntukan Akta 555. Bantuan yang diterima daripada kerajaan adalah merupakan bantuan *one-off* iaitu sekali sahaja, bukannya bantuan berterusan. Bantuan itu untuk pelajar. Pelajar itu kita bagi bantuan, *one-off*.

Sekali lagi saya hendak jelaskan lebih lanjut. Universiti swasta ditubuhkan oleh syarikat yang diperbadankan dalam negeri seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 12 (1). Ini dia. *[Menunjukkan satu buku akta]* Ini Undang-undang Malaysia, Laws of Malaysia.

Kemudian, universiti swasta ditubuhkan atas pelawaan Menteri di bawah peruntukan Seksyen 22, Akta 555. Bagi UTAR dan AIMST, kedua-duanya ditubuhkan di bawah syarikat MIED bagi AIMST, tadi yang dia *[Menunjuk ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Telok Kemang]* bangkit hendak bertengkar dengan Yang Berhormat bagi Bagan. Betullah dia marah, Yang Berhormat tuduh dia macam itu. Tidak betul. Sementara UTAR ditubuhkan di bawah UTAR Sdn. Bhd.

Kemudian, pungutan derma, Yang Berhormat bangkit tadi oleh universiti swasta seperti AIMST dan UTAR dilakukan di bawah syarikat lain. Ia ada syarikat lain

pula. Jadi, Yang Berhormat janganlah tuduh kata mereka ambil duit di bawah parti. Parti tidak boleh tubuh, ia ada syarikat, syarikat lain yang juga mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Jadi, kami Kementerian Pendidikan tidak ada kawalan, itu syarikat di bawah Kementerian Kewangan.

Jadi, saya berharaplah penjelasan saya ini dapat Yang Berhormat sekurang-kurangnya, kalau Yang Berhormat tidak setuju pun tidak apa, saya tahu Yang Berhormat daripada DAP memang tidak setuju punya. Saya kira macam inilah, sama ada kita DAP, MIC, semuanya *concern* pasal pendidikan. Jadi, kalau syarikat itu hendak menubuh, secara kebetulan *group* ini daripada orang MIC, dia duduk dalam syarikat, dia buat universiti, teruskanlah. Jadi, ini baik, satu perkara yang baik hendak beri anak-anak muda kita dapat pendidikan yang lebih lanjut.

Jadi, saya berharaplah Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Dalam ucapan saya, saya ada sentuh apakah sebabnya parti-parti politik diminta untuk menubuhkan universiti. Mengapa UMNO tidak dipelawa untuk menubuhkan universiti?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang itu kita akan bincang dalam UMNO. Kalau UMNO hendak tubuh universiti dia boleh tubuh, tetapi saya tahu, saya dapat baca apa ada dalam Yang Berhormat, dan Yang Berhormat tak baca apa yang saya ada dalam diri saya. Tetapi saya baca begini. Yang Berhormat anggap bahawa bila buat universiti ini, UTAR, Yang Berhormat fikir semua yang masuk universiti ini, *sure* semua keluar akan jadi MCA. Itu yang saya baca daripada apa yang ada dalam Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh baca apa yang ada dalam diri saya. *[Ketawa]*

Jadi, saya balik kepada ini...

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Seputeh dan Bagan bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya tidak bagi jalan, pasal kita hendak habis, ada lagi satu akta.

Tuan Lim Hock Seng: Lagi satu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat, saya minta maaf, tadi saya sudah beri, saya beri sudah, saya beri sudah. Sudah habis, tadi sudah beri. *[Disampuk]* Saya susahlah, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya kata, "Boleh kita cakap di luarlah, sekejap lagi kita makan kue teow, kita habis semua, belanjalah. Habislah cerita ini." *[Ketawa]*

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Pendek sahaja.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkata, syarikat boleh menguruskan sekolah atau universiti atau kolej. Syarikat ada dua jenis, satu, syarikat sendirian berhad, satu syarikat berhad. Sekiranya syarikat berhad, dia boleh, sendirian berhad, dia tidak boleh. Yang Berhormat kata, Kementerian Kewangan ada memberi kelulusan untuk mengutip derma. Adakah ini bermakna, Kementerian Kewangan boleh *override* Akta Syarikat? Kalau dia boleh *override* kita tidak boleh cakap apa, kalau tidak boleh *override* memang ini ada peruntukan dalam Akta Syarikat bahawa sendirian berhad tidak berhak untuk merayu derma. Sekian.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Beginilah Yang Berhormat, saya tidak mahu daripada soal teknikal ini, boleh jadi saya tidak bijak sangat, Yang Berhormat bagi

Bagan bijak daripada saya, tetapi sama ada sendiriankah, berhadkah, saya kata dia syarikat, syarikat yang didaftar di bawah Kementerian Kewangan. Jadi, bila Kementerian Kewangan dia daftar, dia ikut pula syarat-syarat dia. Jadi, kami di kementerian ini tadi, kami hanya memberi kelulusan, dia boleh tubuh universiti ataupun tidak. Itu urusan kami, tak ada sangkut paut kami.

Jadi, bukanlah tadi *application* datang daripada MCA, datang daripada MIC, kami tidak buat macam itu. Jadi, dia tubuh syarikat dia. Kemudian syarikat ini tadi juga ada sebuah syarikat yang membuat kutipan derma itu yang didaftar di bawah Kementerian Kewangan. Itu yang saya cakap tadi. Jadi, saya rasa saya tidak bercanggah dengan cakapan saya. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak bangkit pula bengek-bengek tadi, sama ada, ada sendiriankah, tidak ada sendiriankah, yang itu di luar kuasa saya. Saya minta maaf kalau saya tidak dapat jelaskan kepada Yang Berhormat. Yang saya tahu dia ada syarikat. Syarikat itu kita tidak ada kawalan di bawah Kementerian Pendidikan. Dia boleh *apply* dan kita pertimbang, kita lulus. Itu sahaja. Saya rasa Yang Berhormat sudah bersetuju dengan saya. Terima kasih.

Yang Berhormat bagi Sri Aman telah bangkitkan mengenai dengan IPTS ada kursus *marketable* atau tidak. Sekarang terdapat 354 IPTS di seluruh negara yang menawarkan pelbagai kursus tadi. Saya harap ini dapat juga...Kemudian, Yang Berhormat bagi Sri Aman juga bangkitkan perkara kelayakan tenaga kerja. Ini juga bahawa mereka akan adakan kelayakan-kelayakan kepada guru ini dan mengenai diploma pendidikan itu saya akan bangkitkan dengan pihak universiti. Apakah ini akan diberi satu ganjaran ataupun tidak? Saya belum beri ini lagi.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai pensyarah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Lim Donald: Macam mana permintaan saya tadi untuk mengadakan nazir, *inspector of institutions of higher learning* untuk menentukan standard minimum ada di institusi pengajian tinggi swasta kita.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih. Saya faham Yang Berhormat. Yang sebenarnya kita ada pemantauan itu dilakukan di bawah Jabatan Pendidikan Swasta di kementerian, ada satu jabatan khas. Jabatan itu bekerjasama dengan LAN. LAN yang pantau, LAN boleh *strike off* dia ataupun lanjutkan dia punya lesen atau tidak, kita akan pastikan itu melalui nasihat oleh LAN. Ini kita lakukan. Mana yang *substandard, out they go*.

Yang Berhormat bagi Bachok juga telah bangkitkan mengenai dengan IKIP tadi, saya rasa perkara ini, kursus-kursus pendidikan yang dipohon oleh IPTS itu adalah hanya IPTS yang bertaraf universiti sahaja. Kita tidak benar ada orang yang kata hendak tubuh universiti kolej, yang itu kita harus adakan syarat-syarat tertentu. Kita tidak izinkan sembarangan dalam hal itu. Kalau mereka ada itu, soal-soal kewangan dan sebagainya itu di luar kawalan kita. Itu yang berlaku.

Begitu juga Yang Berhormat bagi Kepong, ada tidak Kepong? Kepong tak ada, belum kita jawab dia sudah balik, inilah yang payah. Mengenai dengan pelajaran *medical council* dan sebagainya, ini juga kita pastikan dengan LAN supaya IMU benar-benar menghasilkan *student* yang baik.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi mengambil tentang Kolej Utama. Isu ini juga telah ditangani oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah yang telah membangkitkan perkara ini. Yang Berhormat sendiri telah memaklumkan kepada saya, kita pun maklumkan kepada Menteri. Terima kasihlah Yang Berhormat mengenai perkara ini. Tidak apa kalau ada laporan kita ambil tindakan, kita tidak tidur. Kementerian Pendidikan tidak pernah tidur, kita berjaga siang dan malam.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga telah membangkitkan mengenai dengan isu passport dan pengeluaran kad pelajar. Kementerian sedang bekerjasama dengan pihak Jabatan Imigresen bagi mengeluarkan pas pelajar kepada pelajar antarabangsa, tetapi Yang Berhormat mesti ingat mengenai dengan pelajar-pelajar dari negeri China tadi pula. Aduan telah pun ditangani oleh pihak kementerian kita, di mana

kita harap bahawa daripada masa yang lampau kita adakan perjumpaan dengan pelajar-pelajar terbabit. Kita hendak buat. Jadi, kalau ada lagi laporan kita akan buat.

Masalahnya, Yang Berhormat, ialah agen-agen di negara China tadi. Ini yang sedang kita uruskan. Kadangkala dia hantar sahaja ke sini. Macam dahulu saya katakan, dia daftar di Ipoh tetapi *physically* dia dok ada di karaoke Johor Bahru. Ha, itu kita tidak boleh kawal. Ha, ini yang kita hendak tangkap. Ini, yang datang, masuk dengan Pas Pelajar, kemudian dia pergi karaoke. Ha, ini kita mesti tangkap. Ini yang tidak boleh, dia masuk dia mesti belajar dengan kolej.

Saya rasa inilah perkara-perkara yang kita akan ambil tindakan supaya negara kita pun tidak dapat nama busuk, Negara China pun tidak dapat nama busuk, kedua-duanya dapat nama yang harum. Jadi, saya haraplah pihak-pihak yang lain buat cadangan-cadangan tadi kita akan jadikan cadangan itu, kita akan bahas lebih lanjut lagi mengenai dengan perkara itu.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Akhir kata saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: dan saya tidak bagi, saya sudah hendak tutup, Yang Berhormat. Lain kalilah, kita makan *koey-teow* kita *discuss* benda itu.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya? Oh! Dak, dak. Tadi saya sudah kata, adakah apa-apa cadangan, saya rasa saya tidak perlu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, ya. Saya tahu Yang Berhormat telah bangkitkan tadi mengenai universiti kita sebagai pusat kecemerlangan. Itu saya sudah katakan dari awal tadi, okey, saya sebut sekali ini, ataupun Yang Berhormat duduk dahulu, duduk, duduk! Saya akan sebut. Tidak mengapalah, saya tahu Yang Berhormat berasa kecil hati saya tidak menyebut "Yang Berhormat Kota Melaka", iaitu Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai dengan pelajar-pelajar asing bahawa kita hendak buat promosi tadi.

Memang kita hendak buat promosi tadi dan kita pasti promosi kolej-kolej yang kita hendak *advertise* itu adalah kolej-kolej yang kita iktiraf. Kita tidak pernah beri peluang kepada kolej-kolej yang kita kata sebagai *substandard*, hendak buat *advertisement* di luar negeri, itu kita tidak bagi. Dan juga kita menarik pelajar-pelajar yang mempunyai kualiti, bukan kita kata pelajar yang datang dari luar negara, *anybody* sahaja boleh masuk.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi kita tidak buat macam itu. Mereka juga harus adakan kelayakan yang baik supaya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Melaka bangun.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Satu kali sahaja ya?

Tuan Kerk Kim Hock: Ya. Saya sudah isytiharkan tadi, hari ini tidak mahu gaduhlah, tidak cukup kita gaduh. Yang lain yang saya sudah cadangkan bolehlah dipertimbangkan. Cuma saya hendak memperbetulkan bacaan Yang Berhormat tadi berkenaan soalan saya. Itu adalah salah. Maksud saya ialah jelas sekali bahawa

UMNO tidak perlu menyebutkan ini bersih oleh kerana polisi pendidikan kita adalah tidak adil sehingga parti-parti politik lain terpaksa menubuhkan universiti, memungut wang, mengutip wang daripada rakyat. Ini bukan peranan dan tanggungjawab sesebuah parti politik di dalam demokrasi yang tulen, yang matang dan di mana kerajaannya melaksanakan polisi yang adil. Jadi, tidak payahlah jawab, cuma memperbetulkan bacaan itu silap.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yalah. Tidak mengapalah. Yang Berhormat memang ada apa-apa Yang Berhormat hendak cakap, Yang Berhormat telah pun cakap, dan saya terima apa Yang Berhormat kata, iaitu kita jadi pusat kecemerlangan. Mengenai dengan meritokrasi yang saya katakan tadi, saya telah pun jawab, dan sebab itu saya tidak jawab langsung fasal meritokrasi. Ini sudah pun kita lakukan. Sekali lagi saya katakan semua cadangan kami akan beri perhatian secukupnya bagi memperkasakan IPTS kita, dan IPTS adalah membantu pihak kerajaan dalam memberi pendidikan tinggi kepada anak-anak muda kita. Dengan itu saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA AKREDITASI NEGARA (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang bernama Suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 dan mengadakan peruntukan bagi fungsinya berhubung dengan pengawalseliaan kualiti di institusi pendidikan tinggi swasta dan bagi perkara-perkara berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua tujuan rang undang-undang ini dibentangkan adalah untuk meminda dan mengukuhkan Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 (Akta 556). Pindaan ini sejajar dengan perkembangan pesat pendidikan tinggi swasta di Malaysia di mana institusi pendidikan tinggi swasta atau IPTS menawarkan pelbagai program pengajian yang memerlukan jaminan kualiti dan seterusnya memastikan tahap daya persaingan yang tinggi sesuai dengan hasrat Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta 556 Lembaga Akreditasi Negara diberi kuasa untuk:

- (i) Merumuskan dasar kawalan standard dan kualiti kursus pengajian serta sijil, diploma dan ijazah yang dianugerahkan;
- (ii) Menetapkan, mengawasi, mengkaji semula dan menyelia standard dan kualiti kursus pengajian;
- (iii) Mengakredit sijil, diploma dan ijazah;
- (iv) Menasihati dan membuat syor kepada menteri berkaitan dengan permohonan untuk mengendalikan kursus pengajian oleh IPTS; dan
- (v) Menentukan tahap pencapaian bagi kursus-kursus wajib sebagai prasyarat penganugerahan sijil, diploma dan ijazah.

Semenjak penubuhannya lagi LAN ditugaskan untuk mengawal standard dan kualiti semua kursus yang ditawarkan oleh IPTS. Pindaan yang dibuat adalah untuk memastikan tidak ada kekeliruan mengenai tujuan ini dengan menentukan semua kursus termasuk program-program kerjasama dan berkembar dengan institusi pendidikan lain dan program profesional dalam dan luar negara dapat dinilai bagi menjamin kualitinya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akreditasi Negara (Pindaan) 2003 mempunyai tiga fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa akta yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui Warta.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda takrif akreditasi 'diploma, ijazah dan sijil'. Takrif akreditasi dipinda supaya meliputi "sijil, diploma dan ijazah" yang dianugerahkan oleh mana-mana institusi pendidikan tinggi lain yang bergabung, bersekutu atau bekerjasama dengan IPTS. Takrif "diploma, sijil dan ijazah" dipinda supaya tidak terhad kepada "diploma, sijil dan ijazah" yang dianugerahkan oleh IPTS sahaja.

Fasal 3 mengandungi peruntukan pengesahan bagi mengesahkan perbuatan yang dilakukan sebelum berkuatkuasanya pindaan yang dicadangkan ini. Pindaan yang dibuat kepada Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 adalah selaras dengan cadangan pindaan kepada Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Pindaan ini dapat menjamin kualiti semua jenis kursus yang dikendalikan oleh IPTS demi kepentingan pelajar dan perkembangan pendidikan tinggi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya maka pohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sokong.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupa dahulu. Saya ingat masa kita agak terhad, kalau boleh sependek mungkin ya.

5.35 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membahaskan rang undang-undang pindaan untuk Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 ini, menyambut baik tujuan dan matlamat kementerian iaitu untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan tinggi khususnya kepada pendidikan tinggi swasta di Malaysia.

Pendidikan Tuan Yang di-Pertua, adalah mempunyai beberapa sebab yang tertentu. Ada orang mengejar pendidikan ini ialah semata-mata untuk mendapat satu kertas. Pernah dahulu suatu ketika dibuatkan satu *movie* dipanggil "*Paper Chase*" iaitu mengejar satu kertas dan selepas itu kertas ini digunakan untuk mencari kerja sama ada dengan kerajaan ataupun dengan swasta.

Dalam keadaan sedemikian, kualiti ataupun jurusan yang diambil itu memang selaras dengan kehendak negara. Tak kisah sama ada di Malaysia ataupun di negara-negara mana penuntut itu datang. Ini adalah satu matlamat bukan sahaja subjektif tetapi juga objektif *view* untuk mengejar pengajian di institusi pengajian tinggi.

Yang satu lagi ialah untuk kerajaan menjanakan ataupun mengeluarkan a *cushioned-out human resource need* kepada negara tertentu. Dalam keadaan sekarang kalau kita lihat, kita masih banyak memerlukan orang-orang teknikal, *scientists*, para penyelidik, doktor dan bidang-bidang yang ada hubung kait dengan jurusan-jurusan ini.

Umpamanya doktor tidak mencukupi kalau kita tidak ada mempunyai pegawai-pegawai yang mempunyai latihan khusus di semua institusi kesihatan. Jadi ini juga kena dilihat oleh kerajaan iaitu apakah keperluan negara ini dan bagaimanakah kita dengan sebaik mungkin untuk menjanakan keperluan tenaga manusia di negara ini. Kini kita telah melangkah ke alam IT, ICT, kita hendak melangkah ke alam *biodiversity* dan mungkin apa lagi teknologi canggih masa hadapan.

Kita kena melihat jauh ke hadapan ke arah mana kita hendak melonjak. Jadi ini perlu dilihat oleh pihak universiti dan pihak kementerian. Kalau kita tidak melihat persoalan ini dengan sendirinya kita nanti akan kekurangan, ketandusan guna tenaga manusia untuk industri negara pada masa akan datang.

Saya telah menghadiri satu seminar berhubung dengan *biodiversity* yang pertama diadakan di Malaysia. Persoalan yang banyak dibangkitkan oleh bijak pandai, profesor daripada universiti dan pihak industri itu sendiri mempersoalkan kalau adalah tujuan kerajaan hendak membangunkan *biodiversity*, industri berhubung kait dengan *biodiversity*, persoalannya adakah kita mempunyai *scientists* yang mencukupi. Adakah kita mempunyai *researchers* yang mencukupi. Adakah kita mempunyai kemudahan-kemudahan ini mencukupi. Apakah galakan kerajaan yang bakal kita terima.

Ini adalah persoalan-persoalan yang relevan kepada tiap-tiap negara dalam menjanakan guna tenaga manusia. Ini dilihat daripada persepsi kerajaan, tetapi bagaimana pula dengan persepsi penuntut, ibu bapa penuntut. Apabila seseorang anak dimasukkan ke sekolah, sampai ke satu peringkat, mereka ini mempunyai satu angan-angan atau impian sendiri. Ada yang hendak jadi peguam, ada yang hendak jadi doktor, ada yang hendak jadi jurutera, ada yang hendak jadi *scientist*, bahkan ada juga di kalangan anak Malaysia sudah berangan-angan hendak menjadi *astronaut* hendak pergi ke bulan, pergi ke Marikh.

Jadi, cita-cita ini amat baik, menjadi satu matlamat kepada angan-angan ini, kadang-kadang apabila mereka ini hendak menuntut jurusan ini, tetapi oleh kerana sebab-sebab yang kecil sahaja umpamanya seorang anak yang mendapat 3.4 dalam *rating* dia hendak memasukkan jurusan perubatan, tetapi oleh kerana keperluan kerajaan ialah 3.3 iaitu 0.1 kekurangan dia, jadi universiti adalah tidak akan menerima oleh kerana pemilihan bukan lagi manusia, pilihan dibuat oleh komputer. Ini kemudahan ICT kita.

Jadi komputer yang *reject* orang ini dikatakan tidak layak. Tetapi dalam masa yang sama, kita perlu melihat kelulusan akademik, *pure* akademik, *academic per se* belum lagi boleh menentukan bahawa si penuntut ini akan menjadi seorang penuntut cemerlang di peringkat universiti nanti. Ada kadangkalanya seorang anak yang mendapat 9A umpamanya, bila sampai ke sistem pengajian tinggi yang mana sistem pengajiannya jauh berlainan daripada sistem pengajaran semasa di sekolah, dia telah jauh kebelakangan daripada segi pengajiannya.

Oleh kerana apa yang didapati di peringkat sekolah belum memastikan yang kecemerlangan itu boleh disusul dan boleh diikuti di peringkat pengajian tinggi. Dalam kita menggunakan satu *benchmark* untuk menerima masuk universiti jangan *rigid*

sangat. Kita sendiri akan mengalami kekalahan. Lima enam tahun lepas saya menyebut *open-certificate concept*, tetapi bila kementerian memperkenalkan *open-certificate concept* yang diperkenalkan oleh kementerian, jauh berlainan daripada apa yang saya sarankan.

Hari ini saya tidak mempunyai data, maklumat dan sebagainya untuk menunjukkan bahawa *rigid system of early school education* sampai ke peringkat STPM umpamanya ataupun di peringkat *A Level* belum dapat memastikan orang ini nanti mendapat kecemerlangan di peringkat ijazah di universiti sama ada peringkat awal ataupun peringkat *postgraduate* sekali sama ada *Masters* ataupun *Ph.D.*

Oleh kerana sistem pengajaran, *culture* pengajian adalah berbeza. Di sini kita melihat ada satu buku tetapi saya tidak bawa buku itu yang telah dibuat penyelidikan mengenai persoalan dalam peringkat sekolah bawahan, menengah tengah dan menengah atasan, berhubung dengan kecemerlangan dalam bidang matematik dan sains di mana seluruh dunia diselidik. Didapati bahawa negara Asia seperti China, Jepun dan Korea mempunyai kecemerlangan yang amat sangat dalam bidang sains dan matematik.

Akan tetapi dalam masa negara Eropah selain daripada negara macam Hungary, Switzerland mempunyai *result* yang begitu cemerlang dalam perkara ini, kita lihat negara Perancis dan British, Amerika umpamanya kurang kecemerlangannya bahkan Amerika boleh dikatakan yang terendah dalam bidang sains dan matematik, dalam *achievement* di peringkat sekolah untuk memasuki universiti. Dalam masa yang sama, perbandingan si penulis ini dalam satu penyelidikannya didapati *achievement* dalam bidang *Natural Sciences*, menunjukkan bahawa 75% orang yang menerima '*Nobel Peace Prize*' dalam bidang *Natural Sciences* semuanya dari Amerika, bukan daripada golongan negara-negara yang mendapat *top achievers* dalam bidang matematik dan sains. Jadi persoalannya, di mana salahnya? *Rigid discipline, rigid education system* dibandingkan dengan *very flexible* dan yang menjurus kepada kreativiti dan inovasi ini boleh mengeluarkan murid yang cemerlang dan akhirnya menjanakan manusia seperti Bill Gate dan sebagainya. Di mana letaknya?

Jadi, dalam kita membincangkan soal kualiti, dalam kita membincangkan soal akreditasi, kita kena bertanya kepada diri kita sendiri, ke arah manakah sebenarnya hala hendak dituju? Adakah kita hendak menjana guna tenaga manusia seperti Germany yang mengeluarkan teknokrat yang mengeluarkan kereta Mercedes dan BMW yang begitu cantik dan begitu *mechanically-sound machine*, ataupun kita hendak mengeluarkan manusia yang bijak dan pandai macam di Amerika yang boleh menghantar orang pergi ke bulan dan membuatkan negara mereka sebagai negara yang terkuat sekali di dunia. Yang mana satu yang kita hendak?

Jadi, kita kena *balance* perkara inovasi, kreativiti, dengan *achievement*. *Achievement* di peringkat sekolah belum tentu menjadikan seseorang itu sebagai seorang bijak pandai yang betul. Bahkan keluaran universiti itu sendiri seorang yang menjadi profesional umpamanya mendapat Kelas 3, yang satu lagi Kelas 1; belum tentu yang Kelas 1 ini menjadi seorang profesional yang handal, kalau dibandingkan dengan profesional yang Kelas 3 tadi, belum tentu. David Marshall umpamanya hanya Kelas 3, tetapi seorang peguam yang handal. Kenapa? Albert Einstein tidak pernah lulus universiti pun, seorang peguam yang handal. Kenapa? Isaac Newton pun memang begitu juga.

Jadi kalau kita bandingkan, lihat semua benda ini *then we come out with our own conclusion*. Jangan gunakan sangatlah kertas ini. *There is a lot of intelligent and wise children rejected by the university simply because of one miserable point*. Jadi *there must be a human touch in every selection of opportunity*, dengan izin. *Don't let us serve the computer, let the computer serve us*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya kadang-kadang rasa empat, lima kali *repeating* cerita yang sama, macam Kota Melaka selalulah *repeat* soalan Melaka, Melaka, Melaka, itu sahaja – jam buruk, tetapi saya hendak cerita benda yang baik.

Saya berharap pihak kementerian berubah sebagaimana pihak Eropah berubah semenjak tahun 1995. Bagaimana England mula berubah walaupun konservatif pada tahun 1999 dalam soal *education*. Macam mana Singapura yang

dahulunya hanya mengejar *champion 'A' class student* keluar dari sekolah-sekolah mereka, berubah tahun 2000 kerana melihat zaman hadapan, tahun hadapan, era hadapan, industri masa hadapan *is not based on 'A' class achievement* tetapi *based on 'A' class achievement* yang mempunyai pemikiran dan inovasi yang terbuka.

Tadi saya bertanya Setiausaha Parlimen, apakah sebenarnya tujuan *education* – pendidikan ini? Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan ini bunyi falsafah sains. Memang saya baca Austin, saya baca John Long, saya baca banyak. Masa saya belajar undang-undang dahulu, saya baca *Jurisprudence*, kadang-kadang persoalannya nampak ganjil. Jawapannya kadang-kadang satu buku boleh ditulis kerana dalam soal falsafah sebenarnya tidak ada jawapan. Jawapannya *lies with us*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam era inilah kita melihat satu lagi, tadi saya sebut menuntut ilmu hanya untuk ilmu, untuk *satisfaction* seseorang hamba Allah. Umpamanya saya dahulu semasa saya belajar di universiti, ada seorang hamba Allah yang turut belajar bersama saya, umurnya pada masa itu ialah 86 tahun – a retired British Army officer bernama Riad Morell. Masa dari London House, pergi ke Council of Legal Education, saya berjalan 10 minit, tetapi beliau memakan masa 40 minit, umur 86 tahun. Saya bertanya apa tujuan? Dia kata, "*I have never gone through the process of getting of this examination.*" Jadi dia kata *personal satisfaction*. Itu seorang.

Ada seorang lagi Beckon namanya, seorang peguam – *solicitor*. Masa dahulu di England, kalau hendak jadi *solicitor*, *just get through the examination*, sudah lulus *examination*, boleh ditauliahkan sebagai *solicitor*, tidak payah lulus LLB. Apabila belajar di universiti, saya berjumpa dengan beliau umurnya 57 tahun, driving Rolls Royce – *custom-made*, sudah kaya raya. Belajar lagi. Dia kata tiga puluh tahun lebih mempraktikkan undang-undang tetapi ingin hendak dapatkan LLB, juga kerana *personal satisfaction*.

Jadi dalam keadaan begini, kita melihat manusia. Yang Berhormat bagi Bandau tadi menyebut soalan Ph.D, saya bersetuju. Saya bersetuju bahawa *quality of education* itu penting untuk nama negara, kredibiliti negara dan kredibiliti institusi pendidikan tinggi negara ini. Akan tetapi ada di kalangan manusia ini di Eropah, di England, mana-mana sahaja orang Greek umpamanya suka mencuri idea orang daripada buku dan dijadikan satu bahan dan mendapat Ph.D England kerana Ph.D daripada British University adalah dianggap mulia di kalangan komuniti Greek pada abad ini. Jadi mereka selalu membuat *copy* benda macam itu dan mendapat ijazah yang tertentu bahkan mengupah orang menulis. Jadi memang kita tidak hendak perkara ini berlaku.

Dalam masa yang sama kita *cannot be chauvinist about our own education and qualification*. Jangan bantutkan perasaan dan minda orang lain. Oleh kerana saya daripada Universiti Malaya umpamanya, janganlah pandang kelulusan universiti lain rendah daripada saya. Oleh kerana saya menghadapi jawatankuasa panel untuk *evaluate* keputusan saya, jangan anggap orang lain itu tidak baik. Ini tidak baik. Negara kita baru membangun daripada segi universiti swasta ini. Oleh kerana kita berkehendakkan banyak universiti kerana kita tidak mahu anak kita terbantut, tidak boleh masuk universiti, tidak boleh pergi ke luar negeri dan sebagainya tetapi dalam masa yang sama kita kritik, kritik, kritik, sahaja. Apa benda yang orang lain buat tidak baik, saya punya yang baik.

Kalau ditanya orang yang baru balik dari England mungkin dia kata *my university is better. It is not so easy* mendapat *first class especially* undang-undang di *university di England*. Tanya berapa ramai rakyat *Malaysia who have gone to English Universities* dapat *first class*. Tetapi di sini, *a first class is like nobody's business*, tetapi *what I am going to say* is adakah kita hendak mengatakan keluaran ini tidak berkualiti, jadi jangan cuba *chauvinistic*. Kita terima hakikatnya, kalau you dapat ini *that's it*, tetapi kalau you hendak curi, kalau you hendak menipu *your own personal education*, asalkan *certificate* yang you pakai ini, jangan untuk menipu orang lain. Sebagaimana yang berlaku kepada satu syarikat IT di Semenanjung ini tidak lama dahulu, keluar dalam surat khabar bulan lepas, yang mana dia keluar Ph.D selepas itu syarikat itu menyuruh dia membuat satu kertas, kertas itu nampak tidak baik.

Bila ditest dia punya *paper* itu, mengeluarkan benda yang salah. Ini memang tidak betul, tetapi janganlah sangat menekan *qualification* orang lain oleh kerana bukan keluaran universiti.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhammad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat hendak beri jalan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lular. Saya mengikuti perbincangan dan saya ada sedikit kekeliruan dalam pemikiran saya ini, sama ada Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam cabaran kita menguruskan institusi pengajian tinggi kita terutama tadi baru kita luluskan tentang swasta, selepas itu Yang Berhormat menyebut supaya *satisfaction* ini untuk mendapat pendidikan jangan ada sebagai satu sekatan kerana orang umur 86 tahun pun belajar, orang yang dah boleh pakai *Rolls Royce, custom-made* pun dia belajar. Yang bab itu saya setuju, kerana *education is a never-ending process*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam kita hendak membangun, terutama hendak merealisasikan pendidikan ini sebagai satu industri kepada negara membangun Malaysia. Macam dahulu saya pergi ke universiti, universiti saya ditubuhkan pada tahun 1856.

Saya masuk universiti itu tahun 1978, maknanya universiti itu sudah hampir 100 tahun. Jadi, dia sudah melalui proses-proses yang panjang. Universiti kita yang Institusi Pengajian Tinggi Swasta ini habis lama saya pun rasa belum satu dekad lah, 10-15 tahun. So, mesti ada *benchmark* untuknya. Jadi, asas pertimbangan utama rang undang-undang Lembaga Akreditasi ini hendak mengadakan satu *benchmark*, yang ini mesti ada satu *benchmark* yang kita kena tentukan supaya ke hadapan dia akan lebih senang, dia boleh *confirm*. Jadi, nampaknya itu yang saya sebut keliru, satu *dimension* Yang Berhormat kata kena lepaskan, satu *dimension* lagi.... Jadi, apa penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang nampak keliru, tadi saya bercakap persoalan falsafah, kadang-kadang masa saya mengaji di universiti profesor saya bertanya, apa itu kerusi, dia tanya saya. Saya jawab kerusi itu macam itulah, benda yang, dia tanya, "*Who told you this is a chair.*" "*Oh! my father said so.*" "*Who told your father?*" *Then the question continues.* Jadi tidak sampai ke mana-mana. Dia kata *this* bandar "*What's this?*" "*This is London,*" "*Who told you that's London?*" "*Well, everybody says so,*" "*Who told everybody?*" Jadi, *this is an abstract situation*, mesti nampak keliru.

Jadi, memang saya setuju kita mengadakan satu *benchmark education must have the benchmarks*. Tetapi *benchmark* ini dia janganlah *dirigid* banyak sangat. Kalau kita lihat itulah sebab saya sebut awalan cakap saya kalau dibandingkan institusi pendidikan yang *rigid* macam di Jepun, di China, di Korea, bahkan Singapore sebelum 2000, bahkan di Hungary sebelum 1999, bahkan di France sebelum 2001, di England sebelum 1995, menjejarkan 'A' ini, bila sudah dapat 'A' itu baru sebagai *benchmark* untuk masuk universiti, Oxford University *requests straight A's*. Kenapa dikatakan *straight A's* di England? Sebab orang kena *study* satu *subject* satu tahun, tiga tahun tiga *subject*. Kalau buat macam itu dikatakan dapat 'A' Level tiga 'A'. Tetapi kalau *straight A's simply means you can get all the three A's at one sitting*. Jadi, itulah kenapa *straight A's* tidak ada di Malaysia kerana kita tidak boleh *acquire education in instalments* ataupun kelulusan.

Jadi, yang saya sebutkan tadi *benchmark* ada, *benchmark* kita kena, universiti punya *benchmark* mesti ada akreditasi ini penting, kualiti itu penting. Jadi, *there is no compromise on the* soalan. Tetapi persoalan yang kita sebutkan tadi, yang hanya mencaci persoalan orang lain hendak belajar Ph.D, universiti mungkin konsep *open university* yang *distance learning* umpamanya. Jadi, kita caci berterusan mungkin orang ini tidak tahu *how many hours a day* yang *devoted to study*. Tetapi, kita ini caci-caci sahaja, mungkin dia tidak hendak digunakan masuk kerja, mungkin tidak digunakan untuk jadi profesor. Tetapi *he is searching for personal satisfaction*. Kenapa kita caci?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhammad bin Abdullah]: Panjang lagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Cerita saya ini Tuan Yang di-Pertua barangkali sampai besok pun boleh, tetapi hendak dihabiskan sekarang insya-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Besok tidak boleh Yang Berhormat, kita habis pukul 12.00.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya habis sekarang pun boleh, tetapi saya sentuhkan yang dipersoalkan oleh Presiden *Back-benchers* tadi, Presiden saya. Soalan *benchmark* kualiti dan akreditasi yang diset oleh kementerian memang kita tidak kompromi Tuan Yang di-Pertua. Tetapi seorang yang menjejarkan *education*....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Batang Lupa kerana penjelasan yang diberi bahawa kita terima hakikatnya bahawa Lembaga Akreditasi perlu wujud dan rang undang-undang ini perlu dilaksanakan kerana kita hendak supaya ada satu spesifikasi terhadap institusi pengajian tinggi. Saya rasa bahawa perkara ini amat penting dan mustahak sekali, sebabnya kita bayangkan senario yang sebegini rupa. Salah satu asas pertimbangan utama untuk kita *generate*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ekonomi kita.

Kita beri *sectorial* yang akan menjadi sektor utama ialah kita panggil *educational tourism*. Ini selalu yang kita dengar dalam belanjawan yang ini dibentangkan. Kalau tidak silap saya punya statistik sekarang ini kita ada lebih kurang 30,000 pelajar-pelajar luar negara yang belajar di negara kita. Kita rasa bahawa angka 30,000 ribu ini kita bukan satu angka yang boleh mengukuhkan lagi industri ini. Kita hendak perbanyakkan lagi, kalau kata kita jadikan dia 300,000. Jadi, kalau 300,000 pelajar-pelajar yang akan duduk ini secara tiga, empat tahun, dia akan ada dengan izin, *value-added* dalam kita punya ekonomi. Tetapi kita hendak supaya bila dia datang ke sini dalam tempoh tiga atau empat tahun, dia akan dapat manfaat yang semaksimum mungkin.

Jadi, tidak adalah tadi timbul ada pelajar yang datang yang akhirnya dekat tempat dia tidak, dengan izin, *directly* macam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun, dia hendak ada satu usaha yang dijalankan oleh semua pihak supaya bagi negara-negara ini *recognize*. Saya yakin kalau ada Lembaga Akreditasi ini yang menjalankan tanggungjawab dan kita dengan izin, *upgrade* kita punya kurikulum, kita jadikan dia ada dia punya *benchmark*nya yang tinggi, secara tersendiri dengan peranan dan tanggungjawab Lembaga Akreditasi ini bahawa kursus yang ditawarkan itu ada dia punya *value*. Jadi, tidak ada masalah hendak dapat *recognition*, jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Masa saya membahaskan undang-undang sedemikian, enam tahun lepas, soalan *education*, saya bangkitkan soalan ini. Satu persoalan, mengapa Malaysia tidak menghantar orang pergi ke Amerika? Jawapannya senang sahaja, JPA tidak *recognize qualifications* dari Amerika pada ketika itu. Jadi soalan kualiti langsung tidak sebut.

Soalan saya yang kedua, Amerika boleh hantar orang pergi ke bulan, boleh terjun ke dasar laut walaupun di dasar laut yang paling dalam, mempunyai *scientists* yang begitu ramai. Pada masa itu saya belum tahu lagi yang Amerika telah menjana 75% daripada *Nobel Peace Prize (Natural Sciences)*, belum tahu lagi saya, saya belum baca lagi buku itu. Jadi ini menunjukkan bahawa *recognition* kadang-kadang tidak sehaluan dengan kualiti pendidikan.

Jadi di sini berbangkit, ha, ini baru hala ketiga Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja cerita yang ketiga ini. Tadi saya katakan untuk kesenangan, *personal satisfaction*, yang kedua untuk menjana guna tenaga manusia, ketiga untuk mendapatkan kerja dan sebagainya. Yang ketiga ini sebenarnya untuk *commercialization*. *Commercialization* ini penting. Ini satu industri negara. Kalau industri negara ini tidak mempunyai satu pendekatan yang baik, nescaya kita akan juga menemui jalan buntu. Umpamanya kita mengeluarkan graduan-graduan yang

berkualiti, *highly-qualified and very well-trained individuals*. Tetapi dalam masa yang sama negara-negara daripada mana *student* ini datang tidak *recognize*, tidak mengiktiraf kelulusan yang dikeluarkan daripada IPTS dan IPTA kita, dengan sendirinya kita tidak melihat *result* sekarang, kita akan melihat *result* empat tahun akan datang bila *student* ini balik ke negara mereka masing-masing cuba hendak cari kerja, orang kata tidak terima kerana *qualification* daripada Malaysia belum lagi diterima negara.

Jadi persoalan saya tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan sudah ada perhubungan dengan badan Akreditasi England yang sama tetapi adakah sudah berhubung dengan Badan Akreditasi England itu sudah mengatakan semua kelulusan daripada Malaysia ini boleh *directly* di seluruh *Commonwealth countries*. Kalau ya jawabannya, saya menyambut amat baik sekali tetapi kalau tidak apakah usaha kementerian untuk semua *qualification* yang kita dapat terutama sekali daripada negara-negara yang menghantar ramai *studentsnya* ke sini, daripada Afrika, daripada negara China bahkan dari Jepun pun ada yang boleh mengiktirafkan kelulusan negara kita ini.

Apakah perbincangan dan pengurusan G-to-G oleh kementerian supaya kelulusan ini tidak akan menjadikan satu benda negatif apabila *students* yang belajar di sini balik ke negara mereka sendiri yang *qualifications* diterima di sini tidak boleh dilakukan di negara mereka sendiri. Jadi ini adalah penting kalau kita hendak *commercialize*kan, kita hendak mempopularkan untuk memperkenalkan Malaysia sebagai *Center of Education Excellence* di rantau ini. Ini amat penting sekali, *recognition by the authority* di negara mana *students* ini datang.

Jadi saya berharap untuk memendekkan cerita saya, Tuan Yang di-Pertua, supaya tindakan untuk mengambil bukan sahaja kualiti ini tetapi *recognition* daripada negara-negara berdekatan bahkan kalau dapat seluruh dunia termasuk Amerika supaya kita senang orang Amerika datang sini, kita ajar dapat diploma, dapat *degree*, balik ke negara mereka sendiri dan akan menuntut di peringkat ijazah tambahan ataupun lanjutan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan saya tidak banyak. Itu sahaja, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Chang See Ten: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya dua orang lagi, kalau boleh 15 minit seorang. Ya, sila Yang Berhormat bagi Kepong.

6.04 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh kepada hanya perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Rang Undang-undang Akreditasi. Tadi Yang Berhormat bagi Batang Lupa menjelajah ke seluruh dunia dibenarkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sebab itu dia lama sedikit. Sebab Yang Berhormat bagi Kepong hendak cakap, khusus saya bagi 15 minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, kebetulannya rang undang-undang ini ada berkaitan dengan rang undang-undang yang telah diluluskan tadi dan saya hendak menekankan bahawa dengan adanya pindaan ini, saya berharap LAN akan menjadi lebih berkesan kerana setakat ini kita nampak kawalan oleh LAN tidak cukup sehingga ada kolej yang boleh mengambil pelajar-pelajar daripada misalnya negara China untuk bekerja dengan restoran dan tempat-tempat yang lain. Dengan adanya pindaan ini saya berharap hal seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Ada satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu mengapa LAN tidak begitu berkesan? Mungkin kita mesti kaji bilangan wakil di dalam LAN ini mungkin tidak cukup. Bagi saya hanya mempunyai wakil-wakil daripada IPTA untuk menganggotai LAN itu, tidak cukup kerana profesor-profesor di dalam IPTS tidak memahami apa yang

terjadi dengan IPTS. [Ketawa] Inilah masalahnya. Sebab itulah dengan ringkasnya saya menyeru supaya kita ambil wakil-wakil dari semua sektor termasuk IPTS untuk menganggotai LAN. Bolehkah Yang Berhormat terangkan hari ini bilangan anggota di dalam LAN ataupun *outsourcing* untuk LAN bagi menjalankan tugasnya sebab ini tugas yang paling penting dengan lebih 700 kolej yang ada sekarang.

Di sini saya pun hendak mencadangkan supaya LAN mempunyai sikap yang lebih *international* kerana Tuan Yang di-Pertua misalnya di dalam program-program yang diiktiraf bahawa LAN itu misalnya ada 32 IPTS yang mempunyai program 3+0 (*Three Plus Zero*), itu satu program yang begitu penting bagi IPTS. Di sinilah saya hendak menekankan LAN mesti mengira *load of contents* program-program yang dibuat oleh kolej-kolej tempatan yang dapat diterima bukan sahaja program-program daripada United Kingdom ataupun USA ataupun Australia sahaja kita boleh terima kerana kalau dia hendak program dari UK misalnya, kosnya sangat tinggi. Bukan semestinya sesuai untuk negara kita. Sebab itulah saya menyeru supaya LAN itu lebih *international*, lebih menumpukan juga perhatian kepada program-program yang diwujudkan oleh kolej-kolej kita sendiri, itu lebih penting kerana kita boleh menjimatkan wang.

Tuan Yang di-Pertua, di sinilah saya hendak mengetahui kriteria yang digunakan oleh LAN misalnya di kolej universiti swasta, saya nampak ada satu. KUTPM, PTPL – Pusat Teknologi Pendidikan dan Latihan yang menjadi kolej universiti swasta yang pertama dan sebelum ini kita ada dua kolej Universiti Islam Malaysia.

Apakah kriteria yang digunakan untuk meluluskan bagi status Kolej Universiti? Adakah ini berkisar kepada faktor yang lain ataupun dengan izin, *depends on who you know*. Itu di dalam kronilah. Saya berharap LAN itu menghasilkan sesebuah institut berdasarkan kepada merit bukan kerana kepada faktor-faktor yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha kita hendak meningkatkan *standard* di dalam IPTS ini, LAN memainkan peranan yang paling penting. Saya berharap daripada hari ini, kita dapat menyaksikan LAN sebagai badan yang benar-benar menganggap meritokrasi yang paling penting, bukan kepada kroni sahaja. Di sini belum jawab lagi daripada pihak kementerian, mengenai satu kejadian, Yayasan Mara yang ada kerjasama dengan Universiti Nanjing dan kemudian kerjasama atau perjanjian itu sudah tidak dipatuhi.

Ini bermakna kolej-kolej Malaysia di China ada imej sudah terjejas. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab, apakah yang terjadi dengan perjanjian di antara Kolej Yayasan Mara dengan Universiti Nanjing kerana ini menjejaskan imej, kerana janji tidak dikota. Ini bermakna, walaupun kita mendahului Singapura lebih 10 tahun di dalam IPTS, tetapi nampaknya Singapura lebih *international* dan sekarang orang-orang Singapura lebih daripada orang-orang Malaysia yang bekerja, berusaha, *operating the China* untuk IPTS di China. Sebab apa, kita mendahului Singapura, sekarang kita ke belakang daripada Singapura. Ini tidak munasabah.

Ini bermakna LAN itu, mestilah kerja dengan lebih kuat dan untuk menyelesaikan masalah-masalahnya. Tuan Yang di-Pertua, sebab tidak ada masa yang diberikan kepada saya, walaupun perkara-perkara yang saya bangkitkan itu sangat bernas dan membina. [Disampuk]

Di sini saya ingin menyoal mengenai caj yang dikenakan oleh LAN. Satu program di caj RM10 ribu. Itu sangat tinggi, Tuan Yang di-Pertua, sebab LAN tidak dapat bantuan kewangan daripada kerajaan, dia mesti mendapatkan wang sendiri dan sebab itulah satu program dikenakan RM10 ribu. Ini terlalu tinggi. Saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji sama ada ianya boleh dikurangkan. Yang pertama.

Yang kedua, saya nampak bilangan kolej yang diluluskan sekarang itu banyak, lebih 700. Ada baik juga kerana LAN sudah memberhentikan beberapa buah kolej yang tidak didaftarkan dengan betul. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan kolej sejak LAN ditubuhkan dan bilangan yang sudah diberhentikan oleh LAN setakat ini? Apakah cadangan, saya tidak tahu *central market force*, ini sama ada kita boleh menggalakkan mereka untuk bergabung ataupun tidak itu saya tidak tahu? Market force, saya pun tidak akan cadangkan hal ini. Bagi saya, selagi LAN berkesan untuk mengawal selia semua ini dengan pasaran sendiri, yang lemah akan hilang sama sekali. Bagi sayalah.

Tidak payah kita hendak galakan, hendak menggabung ataupun tidak menggabung. Kita benar-benar mengawal dengan ketat, yang lemah memang mati, memang di dalam persaingan pasaran. Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara, yang pertama, kesusahan untuk mendapat kelulusan program-program. Saya setuju LAN mesti mengkaji dengan baik sebelum diluluskan, tetapi janganlah ambil masa yang begitu panjang. Jangan, jangan. Kalau layak, kalau ada merit, kita luluskan sahaja, jangan kenakan faktor-faktor yang lain pula. Kalau LAN itu benar-benar bersih, cekap dan beramanah, kita tidak takut. Yang takutnya tidak beramanahlah.

Kelulusan ini nampaknya, dan Yang Berhormat boleh menerangkan sama ada betul atau tidak, kelulusan kadang kala oleh satu, dua orang sahaja, bukan melalui satu jawatankuasa. Adakah ini benar? Kalau melalui satu, dua orang sahaja itu tidak patut, kita mesti melalui satu jawatankuasa untuk meluluskan satu program.

Yang kedua, saya nampak ada terlalu banyak peraturan di dalam LAN untuk meluluskan birokrasi dan pita merah, *red tape*. Birokrasi dengan *red tape* di dalam meluluskan program-program, ini tidak betul. Saya berharap, mulai hari ini semua birokrasi dan *red tape* itu dikurang atau dihapuskan sama sekali.

Yang ketiganya, mengenai penguatkuasaan dan untuk memantau dan mengambil tindakan kepada kolej-kolej yang tidak mematuhi kepada syarat-syarat. Saya nampak, walaupun ada tindakan yang diambil tapi bagi saya tidak begitu ketat, tidak begitu berkesan. Bukan sahaja AIM yang di sebutkan di sini, Telok Kemang tidak ada, kalau Telok Kemang ada, memang sangat peka kepada AIM itu.

Walau bagaimanapun, kejadian dengan TAFE Kolej pun menunjukkan penguatkuasaan tidak begitu ketat. Sebelum kita meluluskan institusi dan sebagainya di dalam usaha untuk menguatkuasakan itu kita mesti mengkaji pensyarah-pensyarah, *teaching staff*, bilangan pengajar. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, terdapat 8,928 pensyarah atau pengajar di IPTS. Di antaranya hanya 362, 4.05% mempunyai Ph.D dan 2,269, 25.65% Master Degree.

Ini bermakna 70% tidak ada. Itu angka saya, saya hendak tahu angka Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalau kiralah angka mana, kita tahu kebanyakan tidak mempunyai Master Degree ataupun Ph.D.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi ada banyak masalah lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa depan.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa depan. Itu lahbeberapa cadangan saya, saya harap dapat diterima oleh pihak kementerian untuk kita sama-sama menjadikan LAN lebih berkesan bagi mengawalseliakan IPTS. Akhir sekali, kita menyeru supaya pihak LAN dan juga kakitangan kerajaan mempunyai semangat Malaysia Incorporated di dalam menangani IPTS dan pendidikan swasta hari ini.

Setengah-setengah kakitangan itu menjadikan IPTS seolah-olah IPTS itu musuh. Jadi perangai atau sikap ini tidak betul. Kita mestilah lebih mesra kepada IPTS sambil mengawal dengan ketat, kita mesra. Kalau dia betul, dia ada merit, kita berilah, menunjukkan sikap yang lebih mesra sedikit. Setakat ini ada sesetengah itu jadikan IPTS sebagai musuh. Itu tidak betul.

Akhir sekalilah, dua kali dah pada akhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dua kali, satu minit lebih sudah digunakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Lebih dua kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan dua minit sudah lebih digunakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Dua minit ya. Saya berharaplah LAN lebih berkesan dan kakitangan lebih mesra kepada IPTS, kita sama-sama dapat mewujudkan IPTS yang lebih bertaraf dunia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya dimaklumkan selepas Gelang Patah, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab, Yang Berhormat

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Dua minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dua minit. Baik, okey, selepas Gelang Patah.

6.22 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya memang menyokong pindaan kepada Akta Lembaga Akreditasi Negara iaitu Akta 556. Akta ini diwujudkan pada tahun 1996 dan saya harap dengan pindaan kali ini ia akan dapat mendatangkan keberkesanan dalam penguatkuasaan dan kerja-kerja yang dijalankan oleh Lembaga Akreditasi Negara supaya kita dapat mempertingkatkan kualiti pendidikan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini dan berharap mendapat maklumat daripada Kementerian Pendidikan. Sejak Lembaga Akreditasi Negara diwujudkan, apakah kelemahan yang dikenalpasti selama ini dan semasa pelaksanaan dan penguatkuasaan serta kawalan yang dijalankan, kes-kes penipuan oleh kolej atau IPTA terhadap pelajar-pelajar dari dalam negeri dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya pun harap kerana ada satu kes baru di Johor Bahru yang saya dapat baca dari surat khabar minggu lalu mengenai sebuah kolej swasta yang dikatakan ada berkaitan dan bergabung dengan universiti di United Kingdom. Bila salah seorang pengarah dari kolej itu membongkarkan kes ini kerana ada perselisihan antara pengarah dalam syarikat itu, baru orang ramai tahu ada kes ini dan sekarang ramai pelajar-pelajar yang lulus, yang ada memperolehi sijil atau diploma dari kolej itu, sekarang menghadapi banyak masalah dan saya pun sendiri sebagai wakil rakyat dari daerah Johor Bahru, telah menerima aduan melalui telefon. Dan besok malam saya akan berjumpa dengan seorang ibu yang akan membawa anaknya yang ada sijil dari kolej itu sebagai bukti kepada saya, kerana hari ini kita ada sentuh dengan kes ini, tentang Akta Lembaga Akreditasi Negara.

Oleh kerana perkara ini sudah keluar dalam surat khabar, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan terutama Lembaga Akreditasi Negara akan mengambil perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati selama ini bila ada kes-kes penipuan, kes-kes sijil palsu, tadi yang saya katakan itu bila dibongkarkan dan baru tahu bahawa memang kolej itu tidak bergabung atau bersekutu atau bekerjasama dengan sebuah universiti di UK. Ini sudah menunjukkan bahawa kes yang saya bawa tadi yang terjadi di Johor Bahru adalah penipuan. Sijilnya adalah sijil palsu. Nampaknya selama ini cuma bila ada kes-kes yang diadukan oleh pelajar dalam negeri atau pelajar dari negara asing, baru pihak Kementerian Pendidikan melalui Lembaga Akreditasi Negara mengambil tindakan.

Saya harap pihak Kementerian Pendidikan mengambil kaedah tindakan pencegahan, jangan tunggu ada kes baru mengambil tindakan. Ada lebih baik, lebih berkesan jika kita boleh mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan undang-undang yang kita luluskan dalam Dewan Rakyat. Kita dapati dalam negara kita ini, kita mempunyai banyak undang-undang, tetapi penguatkuasaan undang-undang masih lemah. Jangan tunggu ada kes baru ambil tindakan.

Saya harap kawalan terhadap IPTS mesti mengambil kaedah yang berterusan. Ini adalah supaya kita dapat memantapkan prestasi pendidikan negara kita ini kerana kita berhasrat untuk mendatangkan pendapatan kewangan untuk negara kita ini melalui pendidikan, untuk menjadikan Malaysia sebagai satu pusat kecemerlangan pendidikan, dan jika kita tidak membuat tindakan pencegahan kawalan yang konsisten,

jika imej negara kita terjejas dalam hal pendidikan ini, ia akan mendatangkan keburukan kepada pembangunan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin sentuh di sini lagi iaitu dengan memantapkan IPTS dan IPTA dalam negara kita ini, walaupun hari ini kita sentuh lebih kepada IPTS, kita berhasrat melahirkan graduan-graduan yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan cara yang lebih '*cost effective*'.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada kelembapan ekonomi yang melanda seluruh dunia, ramai graduan universiti telah menghadapi masalah untuk mendapatkan kerja selepas tamat pengajian. Pihak kerajaan telah menggubal program-program latihan semula untuk para graduan. Ini kononnya untuk memperlengkapkan mereka dengan kemahiran dan kepakaran yang diperlukan oleh para majikan.

Tuan Yang di-Pertua, kemahiran dan kepakaran yang perlu untuk mendapatkan satu pekerjaan sepatutnya telah dipelajari oleh para graduan semasa mereka menuntut di universiti. Kemahiran dan kepakaran ini termasuklah kebolehan menggunakan bahasa Inggeris dalam urusan kerja harus dengan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, mengadakan program-program latihan semula oleh pihak kerajaan untuk para graduan selepas tamat pengajian sebenarnya menunjukkan bahawa:

- (i) apa yang dipelajari ketika berada dalam kampus universiti adalah tidak relevan kepada dunia pekerjaan; dan
- (ii) para pensyarah universiti tidak peka terhadap kemahiran dan kepakaran yang diperlukan oleh para majikan dan program-program latihan semula bukan merupakan pendekatan yang *cost-effective* untuk melahirkan graduan-graduan yang diperlukan untuk pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kita dalam kaedah peratus komponen latihan industri, perlu diadakan dalam sukatan pelajaran kursus-kursus universiti dan ia perlu dipertingkatkan supaya kita tidak perlu adakan latihan semula kerana mengadakan latihan semula untuk para graduan yang gagal mendapat pekerjaan adalah membebankan kerajaan dari segi kewangan. Tambahan pula, lambat-laun universiti tempatan tidak akan memandang serius kualiti para graduan masing-masing.

Oleh yang demikian, adalah penting bagi kita mewajibkan latihan industri untuk semua kursus supaya mahasiswa-mahasiswi dapat memahami dengan lebih awal, apakah kemahiran dan kepakaran yang perlu dalam alam pekerjaan. Dengan cara ini, mereka akan dapat memperlengkapkan diri masing-masing dengan lebih sempurna sebelum meninggalkan universiti.

Insentif potongan cukai keuntungan. Saya harap pihak Kementerian Pendidikan boleh berunding dengan Kementerian Kewangan, harap boleh diberikan kepada majikan-majikan yang menawarkan tempat kepada mahasiswa-mahasiswi untuk menjalankan latihan industri semasa mereka menghadiri pengajian tinggi semasa di IPTA atau IPTS.

Adalah penting dan kita pun harap para pensyarah perlu sentiasa mendapatkan *input* daripada para majikan berkenaan kemahiran dan kepakaran yang diperlukan dalam dunia pekerjaan dari masa ke semasa. Kandungan syarahan perlu dirangka berdasarkan input daripada para majikan. Dengan ini, kita barulah boleh mendatangkan kerjasama melalui kaedah Malaysia Incorporated supaya kita dapat sama-sama bekerjasama untuk mempertingkatkan mutu pendidikan di negara kita ini.

Dengan kata-kata demikian, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tumpat.

6.33 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang ringkas kepada saya untuk membawa dua perkara tentang rang undang-undang meminda Akta Lembaga Akreditasi Negara ini.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita juga dengar daripada Yang Berhormat bagi Batang Lumar tadi tentang hendak mewujudkan graduan-graduan dan lulusan-lulusan yang berketerampilan yang boleh bekerja, yang menjadi peguam dan pemenang hadiah novel dan sebagainya. Saya bukan tidak bersetuju dengan beliau, tetapi saya fikir untuk mengharapkan Lembaga Akreditasi Negara untuk menyelesaikan semua masalah pendidikan yang beliau bangkitkan itu adalah tidak kena pada tempatnya.

Sebaliknya, sebagai cadangan, saya ingini menyarankan supaya kementerian memikirkan bagaimana hendak menjadikan LAN ini benar-benar berkesan, benar-benar mampu untuk meletakkan dan menetapkan taraf pendidikan yang layak untuk murid-murid atau *graduate* atau pelajar-pelajar mahasiswa itu mendapat kelulusan sijil, ijazah atau diploma olehnya.

Saya rasa satu daripada caranya ialah untuk kita menggabungkan tugas LAN ini dengan tugas-tugas Majlis Peperiksaan Malaysia, Lembaga Peperiksaan Malaysia. Sebabnya kalau LAN sahaja diamanahkan untuk menentukan kualiti lulusan-lulusan universiti, walhal universiti dan kolej-kolej kita tahu adalah mengambil pelajar-pelajar yang sebahagian besarnya sudah pun melalui proses pendidikan awalan yang bukan di bawah tanggungjawab LAN untuk menetapkan tahap kemajuan mereka, maka itu adalah satu harapan yang tidak adil.

Maka, saya mencadangkan supaya LAN diberi tugas diperbesarkan supaya meliputi Majlis Peperiksaan Malaysia, Lembaga Peperiksaan Malaysia. Mungkin Lembaga Akreditasi Negara ditukar namanya kepada Lembaga Akreditasi dan Peperiksaan Negara.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, bentuk soalan iaitu saya hendak bertanya sama ada penyelarasan antara LAN dengan universiti-universiti tempatan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) wujud sebab saya dengar ada beberapa kes bahawa pelajar-pelajar yang lulus daripada kolej-kolej IPTS, yang diluluskan oleh LAN hendak masuk universiti, misalnya daripada Institut Teknologi Darul Naim lulus di situ dengan kelulusan LAN, masuk ke UTM, nampak ada masalah.

Begitu juga ada pelajar-pelajar lulus IPTS hendak bekerja, masalah pengiktirafan tidak ada daripada pihak JPA. Jadi, sepatutnya ada penyelarasan pengiktirafan oleh pihak-pihak IPTS dengan LAN, dengan JPA, dengan universiti. Itu cadangan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 2.8 minit. [Ketawa] Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

6.36 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang begitu *patient*. Nampaknya sudah beberapa kali Tuan Yang di-Pertua ditukar, saya tidak ditukar di sini, terus-menerus untuk menjawab soalan.

Walau bagaimanapun, terus terang saya menyatakan sekali lagi segala apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan tadi, saya percaya banyak cadangan yang telah dikemukakan. Ada juga soalan-soalan yang bertindih dengan perkara-perkara yang telah kita bincang dalam IPTS tadi.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat bagi Batang Lumar, saya hendak menjawab beberapa perkara sahaja sebab yang lain saya anggap itu adalah cadangan. Kami akan mengambil kira itu sebagai cadangan dan kami akan terus menjadikannya sebagai perbincangan kami di kementerian nanti.

Yang Berhormat bagi Batang Lumar membangkitkan mengenai dengan *recognition* ataupun pengiktirafan bersama dengan universiti-universiti luar negara dan juga *studentsnya*. Di sini telah pun saya sebutkan tadi, kita ada *mutual recognition*

ataupun kita kata pengiktirafan bersama. Misalnya telah saya katakan tadi bahawa ijazah kita *directly* ataupun diiktiraf oleh negara-negara lain. Begitu juga beberapa ijazah kita di negara kita, kita beri pengiktirafan. Jadi, saya kata dalam hal ini, kita tidak ada banyak masalah. Walau bagaimanapun, kita akan pertingkatkan lagi.

Begitu juga Yang Berhormat telah bangkitkan mengenai dengan segala macam jenis penyelidikan dan sebagainya, memang pihak LAN telah mengambil kira soal untuk memberi sesuatu pengiktirafan kepada sesebuah universiti ataupun kolej swasta tadi dengan adanya bermacam-macam.

Yang Berhormat bagi Batang Lupa juga merasakan bahawa di mana arahnya falsafah pendidikan kita. Saya rasa yang ini memerlukan tajuk yang lain untuk kita sama-sama berbahas. Yang Berhormat bercakap mengenai dengan fleksibiliti dan sistem yang *rigid* dan sebagainya. Saya kira dalam sistem kita dari masa ke semasa memang mendapat perhatian yang khusus dari segi memberi peluang seluas-luasnya kepada semua pihak untuk dapat pendidikan. Sebab itu telah saya katakan IPTS sebenarnya adalah satu-satunya pihak yang membantu kita bagi menampung pelajar-pelajar yang tidak berpeluang ke pusat-pusat pengajian tinggi awam.

Saya juga mendapat pertanyaan-pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Kepong iaitu mengatakan bahawa kita punya LAN ini lebih bersifat *international*. Memang kita menggunakan ataupun *benchmark* kita adalah lebih bersifat antarabangsa yang mana boleh dikatakan satu pertiga daripada kursus-kursus telah mendapat kelulusan kerana kurikulumnya, gurunya dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat bagi Kepong bahawa kita memanglah satu-satunya badan yang saya anggap setakat adalah begitu efektif sekali.

Selain daripada itu, saya juga dapati Yang Berhormat bagi Kepong tadi telah pun bercakap mengenai dengan *market forces* dan sebagainya. Saya kira saya tumpukan sahaja kepada LAN dan saya percaya keberkesanan ini adalah bergantung benar kepada beberapa faktor selain daripada peraturan yang kita adakan. Anggota LAN yang saya katakan adalah terdiri daripada beberapa orang yang semuanya berkecayaan profesional dan sebagainya. Akhir kata saya ambil kira apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kepong dan saya berharaplah kita dapat mengkaji dengan sedalam-dalamnya.

Berbalik kepada soal Gelang Patah tadi, saya rasa banyak perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan saya akan ambil perhatian daripada ini dan satu kes itu saya berharaplah kalau Yang Berhormat boleh tulis kepada kita, kita akan menyasat perkara kes itu.

Akhir sekali, Yang Berhormat bagi Tumpat telah membuat respons kepada kita mengenai dengan LAN. Nampaknya Yang Berhormat Tumpat telah menyokong penuh mengenai dengan LAN telah mengemukakan beberapa cadangan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan kita akan beri perhatian secukupnya.

Akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian dan apa yang cadangan kita kemukakan kami tidak akan mengetepikannya, kami akan mengkaji sedalam-dalamnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN KAPAL LAYAR ANTARABANGSA LANGKAWI 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib:] Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan satu Pejabat Pendaftaran Antarabangsa di Langkawi untuk kapal layar dan entiti kapal layar termasuk pentadbiran dan pengendaliannya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu rang undang-undang yang bernama Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 bacaan bagi kali yang kedua. Rang undang-undang ini bertujuan bagi membolehkan penubuhan pusat pendaftaran bagi kapal layar antarabangsa dan entiti kapal layar di Pulau Langkawi serta membolehkan pusat pendaftaran kapal layar tersebut dilaksanakan.

Industri kapal layar (*yacht*) adalah satu industri yang baru berkembang di negara ini jika dibandingkan dengan pusat-pusat aktiviti *yachting*, dengan izin, yang terkemuka di dunia seperti di kawasan Mediterranean, Kepulauan Caribbean dan Florida, Amerika Syarikat. Walaupun begitu Malaysia adalah sesuai dan mempunyai kedudukan yang strategik menjadikan sebagai pusat aktiviti *yachting* yang menarik dan setanding dengan pusat-pusat *yachting* yang lain. Ini adalah berdasarkan bahawa Malaysia mempunyai pulau-pulau dan keindahan semula jadi serta tempat-tempat yang mampu menarik pemilik-pemilik kapal layar untuk datang mengunjunginya.

Bagi memajukan lagi industri ini kerajaan telah meluluskan pembinaan infrastruktur di 21 buah lokasi bagi menarik kunjungan kapal layar dari seluruh dunia untuk berlabuh di Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai pusat yang indah untuk kapal layar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM149.3 juga telah diperuntukkan untuk membina 21 marina. Satu daripada projek-projek marina yang disebutkan itu telah pun siap dibina di Batu Uban, Pulau Pinang pada Januari 2003, sementara yang lain masih dalam peringkat pelaksanaan.

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat aktiviti *yachting* yang unggul di dunia, adalah dicadangkan supaya ditubuhkan satu pusat pendaftaran kapal layar dan entiti-entiti kapal layar yang unik dan mempunyai sistem pendaftaran yang eksklusif. Sistem pendaftaran yang dicadangkan ini adalah berbeza dengan pusat-pusat pendaftaran yang terkemuka yang lain di mana sistem pendaftaran kapal layar yang beroperasi di pelabuhan-pelabuhan pendaftaran terkemuka di dunia seperti di Panama, Cayman Island dan juga di Monaco adalah diuruskan sebagai sebahagian daripada sistem pendaftaran untuk semua jenis kapal dagang.

Bagi menjayakan hasrat ini selanjutnya insentif-insentif fiskal dan perniagaan tertentu akan diwujudkan bagi menarik perhatian pemilik-pemilik kapal layar untuk memilih pendaftaran kapal layar mereka di Malaysia. Penubuhan pusat pendaftaran kapal layar dengan persekitaran menarik yang diwujudkan bersama-sama sistem ini bukan sahaja akan mampu menarik pemilik-pemilik kapal layar tempatan dan asing yang mana akan menyumbang kepada pembangunan industri di negara ini, malah ia akan turut menyumbang kepada kemajuan industri pelancongan negara. Di samping itu, faedah-faedah yang boleh dimanfaatkan oleh Malaysia secara keseluruhannya adalah sangat besar memandangkan *yachting* merupakan satu industri yang berkembang dengan pesat pada masa ini.

Secara asasnya semakin meningkat dan berkembangnya komuniti *yachting* antarabangsa, Malaysia akan turut mendapat faedah di dalam pertambahan bilangan kapal layar yang akan berdaftar di Malaysia dan pelawat-pelawat asing yang akan mengunjungi negara. Dengan penawaran yang inovatif melalui insentif-insentif fiskal

dan perniagaan serta kemudahan-kemudahan tertentu, Pusat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa yang akan diadakan di Langkawi akan dapat menandingi pusat-pusat pendaftaran lain di luar negara dan mampu memperolehi kelebihan dalam bersaing di pasaran antarabangsa melalui keunikan sistem pendaftaran yang dicadangkan itu. Berdasarkan sistem yang unik dan eksklusif ini, ianya dijangka akan menjadikan Malaysia memainkan peranan besar atau utama dalam aktiviti *yachting* di rantau ini, kerana belum lagi terdapat pusat pendaftaran kapal layar yang setanding dengan pusat-pusat *yachting* di Kepulauan Caribbean dan sebagainya. Ini membolehkan Malaysia menarik sebahagian besar aktiviti *yachting* dari negara-negara lain dan memberi kelebihan yang ketara dalam pasaran dunia *yachting* yang pada masa ini dianggarkan bernilai US1 bilion.

Sistem pendaftaran yang dicadangkan untuk diwujudkan ini, akan turut melibatkan pendaftaran entiti-entiti kapal layar, akan menarik dan menggalakkan pelaburan dalam industri ini. Pusat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi kelak akan menjadi satu pusat bagi semua aktiviti *yachting* di Malaysia.

Secara amnya, Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 diwujudkan bagi membolehkan pelaksanaan Pusat Pendaftaran Kapal Layar dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Rang Undang-undang ini mempunyai tujuh bahagian yang dipecahkan kepada 62 seksyen seperti berikut:

Bahagian I – Permulaan. Bahagian ini memperuntukkan kuasa kepada Menteri Pengangkutan untuk menetapkan tarikh mula kuat kuasa Akta Pusat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 melalui Pemberitahuan di dalam *Warta*.

Ianya juga memberikan tafsiran-tafsiran kepada perkara berkaitan termasuk yang berkaitan dengan kapal layar. Turut dirangkumi di bawah bahagian ini ialah kuasa Ketua Pengarah Jabatan Laut untuk melantik, mewakili perjalanan mana-mana kuasa, dan memberi kuasa kepada mana-mana orang.

Bahagian II - Penubuhan Pentadbiran dan Pengendalian Pejabat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi. Bahagian ini memperuntukkan mengenai penubuhan sebuah pendaftaran antarabangsa yang eksklusif di Langkawi bagi kapal layar dan entiti kapal layar. Bahagian ini juga menetapkan Langkawi dijadikan sebagai pelabuhan pendaftaran, dengan izin, *port of registry* untuk kapal layar.

Bahagian III - Pendaftaran Kapal Layar dan Entiti Kapal Layar. Bahagian ini dipecahkan kepada tujuh bahagian iaitu daftar, pendaftaran kapal layar, kehendak awal bagi pendaftaran kapal layar, pendaftaran entiti kapal layar, pendaftaran kapal layar yang di *charter* sebagai kapal kosong ataupun *bare boat* dan juga kepentingan ketuanannya mengenai kapal layar dan kenegaraan kapal layar.

Keseluruhannya, bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan dengan syarat serta tatacara pendaftaran kapal layar dan entiti-entiti kapal layar, kepentingan pemilik, gadai janji dan kenegaraan kapal layar.

Klaus 8 menetapkan syarat-syarat yang sesuatu kapal layar untuk didaftarkan, iaitu sekiranya kapal layar berkenaan dimiliki oleh rakyat Malaysia atau entiti kapal layar yang didaftarkan di bawah Akta ini, manakala Klaus 15 memberi kuasa kepada Menteri untuk melarang permohonan pendaftaran kapal layar.

Klaus 16 memberi kuasa kepada pihak Ketua Pengarah untuk menolak permohonan-permohonan yang tertentu.

Bahagian ini juga memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membuat pemeriksaan ke atas kapal layar bagi memastikan pematuan peraturan-peraturan keselamatan. Sesebuah kapal layar tidak akan didaftarkan sekiranya ia tidak mematuhi tahap-tahap keselamatan yang ditetapkan.

Klaus 21 hingga 24 memperuntukkan tatacara pendaftaran entiti kapal layar.

Klaus 34 sehingga 40 menyediakan peraturan-peraturan berkaitan gadaian kapal layar yang melindungi kepentingan pihak yang memberi pinjaman.

Bahagian IV – Anak Kapal Bagi Kapal Layar. Bahagian ini dipecahkan kepada empat bahagian kecil iaitu latihan, pensijilan dan kelayakan nakhoda dan anak kapal

dan keanggotaan kapal layar. Syarat-syarat perkhidmatan, dokumen dan penyata dan bantuan dan penghantaran balik.

Keseluruhannya bahagian ini mengandungi peruntukan mengenai latihan pensijilan dan peruntukan kelayakan bagi nakhoda dan anak kapal serta keanggotaan yang diperlukan bagi mengendali kapal layar yang didaftarkan.

Klausa 47 memperuntukkan satu perjanjian antara anak kapal dan pemilik kapal layar bagi melindungi kepentingan dan kebajikan anak kapal.

Klausa 48 menentukan bahawa pemilik kapal layar Langkawi dan nakhoda yang berkenaan mempunyai obligasi untuk menentukan kapal layar adalah *seaworthy*, dengan izin, layak untuk belayar/digunakan.

Bahagian ini juga menetapkan hal ehwal kebajikan anak-anak kapal, tatacara pengambilan dan penghantaran pulang anak kapal, dokumen sertanya. *[Disampuk]* Sedikit lagi.

Bahagian V - Pemindahan Fungsi. Bahagian ini mengandungi peruntukan bagi membolehkan Ketua Pengarah memindahkan fungsi kepada mana-mana orang untuk melaksanakan dan mengendalikan Pejabat Pendaftaran melalui pemberian lesen dan sebagainya.

Bahagian VI – Penyiasatan. Bahagian ini mempunyai peruntukan seperti seksyen 59, yang membolehkan pegawai yang ditauliahkan, menjalankan siasatan bagi sebarang pelanggaran peruntukan di bawah Akta ini.

Bahagian VII – Pelbagai. Bahagian ini memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta seperti di seksyen 60. Bahagian ini juga memperuntukkan keperluan perlindungan insurans terhadap risiko kerugian dan kerosakan kepada pihak yang ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara-perkara yang terkandung di dalam Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003.

Saya ingin turut memaklumkan bahawa Akta ini juga akan melibatkan perbelanjaan bagi maksud pewujudan sistem pentadbiran yang diperuntukkan. Walau bagaimana pun, kos sebenar yang terlibat belum dapat ditentukan pada masa ini. Namun demikian kos yang akan terlibat adalah minimum dan akan jauh melebihi oleh kebaikan yang akan diperolehi. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu Pejabat Pendaftaran Antarabangsa di Langkawi untuk kapal layar dan entiti kapal layar termasuk pentadbiran dan pengendaliannya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat bagi Sri Gading mana ada kapal Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak mengapalah. Dengar dahulu.

6.57 ptg

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum itu Yang Berhormat, saya ingin cadangkan, sebab masa pun lewat, setiap orang 15 minit

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya memerlukan satu jam Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: tiga orang berucap, setiap Ahli Yang Berhormat 15 minit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: untuk membahaskan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, 15 minit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi saya 15 minit tidak begitu cukup, jadi saya rasa saya simpulkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa yang mustahak sahajalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya menyokong Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 dan mudah-mudahan dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, Langkawi akan menjadi lebih terkenal di peringkat antarabangsa dan memberikan nama baik kepada negara Malaysia. Saya mohon menyokong. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tumpat.

6.59 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 ini. Saya amat terkejut, Tuan Yang di-Pertua, kapal layar ini sebagaimana yang ditakrifkan adalah suatu kapal layar yang digunakan untuk sukan keseronokan dan rekreasi. Masih terdengar di telinga saya bahawa budaya Eropah ini ialah "seronok". Inilah masalah budaya Eropah – seronok, seronok, seronok. Tiba-tiba kita hendak menjadi pendaftar "seronok".

Ini saya fikir yang memeranjatkan yang sentiasa menunjukkan bahawa kerajaan tidak mempunyai pendirian yang benar-benar ikhlas, *[Tepuk]* dalam berucap menentang tentang kononnya budaya Eropah, kononnya budaya keseronokan dan sebagainya. Oleh itu kita harus mengambil berat akan dasar-dasar yang seperti ini yang saya fikir menunjukkan bahawa kerajaan yang ada ini pura-pura apabila mereka bercakap tentang hendak majikan negara kita ini negara yang benar-benar kuat, maju, mempunyai jati diri, boleh menentang ancaman daripada budaya Eropah itu.

Yacht atau kapal layar ini kita bayangkan lakonan-lakonan asmara antara Lady Diana dan Doddy, anak Eropah dengan anak Mesir, di Lautan Mediterranean. Itu gambaran *yacht* atau kapal layar, tempat dan alat hiburan orang-orang kaya di seluruh dunia. Kita hendak menjadikan Langkawi, bumi Malaysia yang bertuah ini, tempat untuk mendaftar semua itu.

Jadi, saya fikir Tuan Yang di-Pertua, perkara ini mestilah diberikan perhatian yang lebih serius supaya implikasi-implikasi sebenar kapal layar ini kita ambil dengan berat. Saya tidak menentang usaha untuk mengadakan lumba, larian, regata kapal layar dan sebagainya, tetapi hendak menaikkan taraf negara kita kepada menjadi pendaftar untuk kapal layar ini, adalah sesuatu yang saya fikir perlu kita fikirkan lebih banyak lagi.

Kita ada kapal layar, saya tidak nafikan malah syarikat penerbangan ulung negara kita MAS, ada kapal layar mewahnya, tetapi saya bimbang. Saya harap Kementerian Pengangkutan buat lagi kajian supaya kita jelas bahawa kapal layar MAS itu kepunyaan MAS atau kepunyaan bekas pengerusinya Tan Sri Tajuddin Ramli. *[Tepuk]* Saya bimbang, takut kapal layar itu, yang dipunyai oleh MAS itu akan menyerupai konsep lapangan terbang kargo yang ada di negara Jerman, yang juga jelas kepentingannya bukan untuk MAS, tetapi untuk Pengerusi MAS kita itu dan sahabat-sahabat, kroni-kroni beliau sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Malaysia ini begitu sesuai untuk dijadikan pusat, sebagai pendaftar kepada kapal layar. Dari segi cuacanya, kapal layar perlu kepada tiupan angin yang agak kuat dan yang agak berjalannya sepanjang masa. Saya tak tahu, sama bumi negara dari segi geografinya sama dengan disebut tadi Mediterranean, Caribbean, Florida, Australia, yang mana mempunyai tiupan angin yang kuat sehinggakan regata atau perlumbaan kapal layar yang termasyhur di dunia, *America's Cup* boleh dilakukan sama ada di Amerika ataupun di Australia. Tetapi saya rasa lautan di sekitar Langkawi, mungkin tidak mempunyai kuasa angin yang sekuat itu untuk menjadikan pertandingan kapal layar benar-benar bererti untuk taraf antarabangsa. Pertama, masalah tiupan angin.

Kedua, masalah lanun. Di lautan kita masih ada masalah lanun yang tidak boleh kita nafikan. Lanun-lanun di kawasan kita ini, sama ada datangnya dari Indonesia atau dari negara-negara lain adalah masalah yang kita dengar dilaporkan ataupun tidak dilaporkan, tetapi masalah itu ada.

Ketiganya masalah penyeludupan. Kapal-kapal layar mungkin dalam konteks kononnya sah kerana didaftarkan di Pendaftar Kapal Layar Antarabangsa Langkawi, tetapi akhirnya mungkin digunakan untuk menyeludup sama ada menyeludup bahan-bahan letupan, menyeludup manusia, pendatang haram atau menyeludup dadah dan sebagainya. Ini mesti kita ambil kira.

Dan keempatnya, masalah pengganas (*terrorism*). Kapal-kapal kalau kita betul-betul bimbang seperti berlaku di Yaman dan sebagainya, digunakan untuk mendekat kapal yang lain untuk diletupkan kapal-kapal yang berkenaan.

Jadi, saya bimbang kalau Langkawi ini akan menjadi ibarat Liberia yang menjadi salah satu pusat pendaftaran kapal terkenal juga di dunia tetapi dipanggil akhirnya, mengikut istilah Inggeris, dengan izin, *flag of convenience* sahaja. Bendera Malaysia, Pendaftaran Malaysia digunakan untuk menjadikan alat bagi mengesahkan aktiviti-aktiviti yang mungkin tidak sealiran dengan selera kita sebagai negara yang merdeka dan bermaruah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu saya ingin juga menanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, mengikut kajian kementerian, berapa banyakkah jumlah kapal layar yang ada di seluruh dunia ini. Keduanya, berapakah jumlah kapal layar yang dipunyai oleh warganegara Malaysia, syarikatkah, individuakah warganegara Malaysia?

Keduanya, saya hendak menanyakan, jika rang undang-undang ini diluluskan nanti adakah kita bercadang untuk mewajibkan warganegara Malaysia yang mempunyai kapal layar wajib daftar di Langkawi, jangan daftar di Floridakah, jangan daftar di Australiakah. Adakah kita hendak mensyaratkan itu, supaya orang Malaysia yang tidak mendaftarkan kapal layarnya di Malaysia, di Langkawi, akan dikenakan hukuman dan sebagainya. Ini saya fikir suatu perkara yang penting.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil satu bab sahaja sebagai perbincangan iaitu nama kapal layar. Tidak ada di situ disebutkan syarat-syarat nama kapal layar itu. Saya bukan hanya hendak seronok-seronok cakap hal ini, kalau kita baca laporan berkenaan Prince Jefri, Brunei dalam kes kebangkrapan atau kemuflihan harta beliau yang begitu banyak dan kejatuhan Brunei Investment Authority kerana perbelanjaan Prince Jeffry ini, beliau mempunyai kapal-kapal layar yang mewah seperti ini.

Nama kapal layar mewah Prince Jefri itu kalau ingatan saya betul, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, namanya ialah "*Tits*" yang mana sudah tentu implikasi dalam bahasa Inggerisnya adalah amat tidak senonoh sekali. Jadi, adakah kerajaan nanti melalui, kalau diluluskan Pendaftar Kapal Layar Antarabangsa ini, dalam mengizinkan nama-nama, bukan sekadar membenarkan, membiarkan, namakanlah apa-apa untuk kapal masing-masing tanpa apa-apa garis panduan supaya nama-nama itu tidak menyalahi kesusilaan kita, tidak menyalahi Rukun Negara kita dan sebagainya. Jadi, inilah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

7.08 mlm.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003. Saya bangun untuk menyokong rang undang-undang ini dan saya berbeza sedikit dengan rakan saya, Yang Berhormat bagi Tumpat.

Pada hemat saya industri pelancongan berasaskan kapal layar adalah satu industri yang boleh dikembangkan, yang harus digalakkan, yang harus kita pupuk kerana ia akan menghasilkan pelbagai pulangan kepada negara kita, terutama dalam industri pelancongan dan kerana itu saya menyokong rang undang-undang ini. Adalah jelas bagi kita bahawa sesuatu kegiatan ekonomi, riadah atau apa sahaja yang tidak bersalahan dengan tatasusila yang telah ditetapkan adalah boleh digalakkan berbeza dengan perkara-perkara yang secara terang telah dilarang oleh tatasusila dan juga agama kita. Bahkan industri kapal layar ini membuktikan bahawa kita mampu mengembangkan industri pelancongan berasaskan aktiviti-aktiviti sihat dalam bentuk riadah kapal layar seperti yang disebutkan oleh rakan saya.

Industri ini biasanya dipunyai ataupun dikuasai oleh orang-orang kaya. Kalau kita lihat pemimpin kesatuan dan kelab-kelab kapal layar yang berdaftar di Malaysia pada waktu ini, ialah kebanyakan orang kenamaan termasuk daripada golongan keluarga diraja dan juga seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tumpat iaitu Tan Sri Tajuddin. Orang-orang seperti inilah yang mempunyai peluang untuk memiliki kapal-kapal yang mewah seperti ini.

Kami dan juga rakan-rakan seperti Yang Berhormat bagi Sri Gading dan lain-lain hanya boleh tengok sahajalah, buat masa ini tidak mampu untuk membeli kapal layar ini. Yang saya hendak tunjukkan ialah bahawa jika kita boleh mengembangkan industri yang baik, yang sihat, yang tidak bertentangan dengan tatasusila, mengapakah pada masa yang sama dalam negara kita kerajaan memberikan izin untuk pengembangan industri-industri baru yang bertentangan dengan tatasusila, seperti kelulusan mini kasino di Pulau Tioman yang diberikan kepada Tioman Island Resort.

Kalau di Langkawi kita boleh membina satu asas pelancongan yang memberikan pulangan yang begitu besar dengan industri kapal layar ini, mengapa kita biarkan ataupun benarkan pertumbuhan Pulau Tioman berasaskan industri lesen mini kasino? Mengapa tidak kapal layar juga? Jadi banyak lagi cabang-cabang dan peluang-peluang ekonomi yang boleh kita kembangkan selain daripada kita bergantung semata-mata kepada industri yang pada hemat saya boleh merosakkan ekonomi dan masyarakat kita pada keseluruhannya, bahkan nama balik kita seperti kelulusan Bukit Tinggi Resort Berhad, kelulusan mesin slot, yang kemudiannya - mengikut Perdana Menteri - telah disalahgunakan untuk membuka kasino.

Ini adalah satu perkara yang sangat memalukan lebih-lebih lagi Menteri ada saham dalam Bukit Tinggi Resort dan kini sampai sekarang Dewan ini tidak menerima penafian dari Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini tidak berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, sebab itu saya hendak sokong kapal layar walaupun memang kapal layar ini adalah satu parti yang dahulunya banyak menghakis hak-hak asasi manusia.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Boleh tanya?

Tuan Husam bin Haji Musa: Dahulunya adalah....

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Boleh tanya?

Tuan Husam bin Haji Musa: Nanti sekejap, saya hendak habiskan dahulu. Dahulu Barisan Nasional, simbolnya ialah kapal layar. Ya, saya berikan laluan kepada Bachok.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Kemungkinankah, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, berlakunya aktiviti *gambling* dalam masa pakej percutian ataupun berseronok-seronok dalam kapal layar ini? Ini adalah kerana kita tahu banyak *cruises* yang beroperasi di lautan ada operasi sedemikian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, pada saya jika sekiranya mereka buat secara *private* dan tidak ada satu kegiatan yang berterusan, kita boleh izinkan terutama jika sekiranya pengguna ini orang luar negara yang bukan beragama Islam. Akan tetapi Menteri ada saham dalam syarikat judi, ini satu penilaian moral yang sangat memalukan. Kalau sayalah, saya sudah pecat Menteri ini. Itu kalau saya, tetapi Malaysia adalah berbeza.

Oleh kerana itu saya sekali lagi mengulangi industri kapal layar ini adalah satu industri yang sangat besar bermula dari pembuatannya, bermula daripada segi kelengkapan-kelengkapannya dan industri-industri sokongan yang lain. Saya pernah melawat pulau yang menempatkan marina dan juga menempatkan kapal layar di Langkawi. Saya lihat sendiri bagaimana kumpulan yang datang ialah kumpulan yang benar-benar mempunyai kemampuan kewangan yang sangat besar. Perdana Menteri kita juga ada kapal layar. Kapal layar ini dihadiahkan oleh seorang anak Kelantan dan dibuat di kawasan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Temerloh bangun.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih. Sekejap sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya mula-mulanya cukup seronok mendengar Yang Berhormat menyokong Rang Undang-undang ini satu industri yang baik, tetapi di waktu yang sama Yang Berhormat *throw* juga fakta-fakta yang saya kira tidak betul. Contohnya, Yang Berhormat kata di Pulau Tioman ada mini kasino, Yang Berhormat kata Menteri ada saham dalam industri judi.

Ini kalau saya tidak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, mengelirukan. Saya ingat saya hendak taulah, Yang Berhormat, fakta-fakta ini saya ingat tidak sepatutnya dilemparkan. Kalau Yang Berhormat hendak bercakap pasal Rang Undang-undang ini, saya kira baik sekali. Saya gembira sungguh Yang Berhormat sokong tadi. Minta penjelasan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat dari Lipis. Saya sangat gembira dengan.... [Disampuk] Temerloh, minta maaf.dengan penjelasan yang diminta.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Saya dari Temerloh, Yang Berhormat, bukan Lipis.

Tuan Husam bin Haji Musa: Minta maaf, minta maaf. Ya, Temerloh, Temerloh. Iaitu yang pertama adakah kerajaan telah meluluskan lesen mini kasino? Adakah ini benar ataupun tidak? Saya pun hairan ahli *backbenchers* macam BN ini tidak pergi pada laman web Kementerian Kewangan, laman rasmi. Saya boleh berikan alamat, kita boleh pergi ke pusat sumber dan kita boleh *access* laman web rasmi Kementerian Kewangan sekarang - Lesen mini kasino di Pulau Tioman. Jadi saya terkejut benda ini dibangkitkan dalam Dewan ini.

Berkenaan Menteri ada saham. Saya telah minta pusat sumber mendapatkan maklumat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia bertarikh 20 Mei 2003, di mana seorang Menteri ada 63 juta saham yang bersamaan dengan RM63 juta. Daripada mana Menteri ini dapat wang ini untuk beli saham ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara Kapal layar sudah habiskah?

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, saya balik kepada kapal layar. Kapal layar ini, Perdana Menteri ada kapal layar yang dihadiahkan oleh seorang anak Kelantan yang dibina sepenuhnya di kawasan Yang Berhormat bagi Tumpat. Kalau kita pergi melawat ke Pantai Tujuh dan juga di Pengkalan Kubor, ada satu industri pembuatan kapal oleh orang-orang Kelantan yang diwarisi turun-temurun. Mengikut sejarah, orang Kelantan ini buat kapal yang disebut sebagai "Katar" (k-a-t-a-r) daripada model kapal

British "Carter". Dan orang Terengganu. Kedua-dua negeri ini, orangnya memang kreatif, berlainan dengan orang Selangor. Di Selangor mereka naik sampan sahaja.

Orang Terengganu buat "Pinacae" - saya pun tidak tahulah *pronunciation* saya betul ataupun tidak - ditiru dari kapal Perancis "Nessie" yang diperolehi model ini apabila seorang kelasi Perancis terdampar di Terengganu pada abad ke 19 dan berkahwin dengan orang tempatan. Siapa yang menjadi bakanya pun, saya tidak periksa lagi, dan benda ini ada dalam - kalau Temerloh tanya nanti mana saya dapat ini - "Cargo Boats of East Coast of Malaya" keluaran M.B.R.A.S. Ada disebutkan nama-nama kapal dan asal usul. Ada sejarah bagaimana kapal-kapal ini telah dibina dengan jayanya oleh anak-anak Melayu termasuk terutama sekali daripada Kelantan dan Terengganu dan mereka ini membina kapal dengan tidak mempunyai lukisan kejuruteraan.

Mereka boleh bina kapal yang 100 kaki panjang, 70 kaki lebar, belayar dengan selamat. Kalau tidak, macam mana Perdana Menteri boleh terima kapal ini belayar daripada Pengkalan Kubor di Kelantan yang dikatakan mundur, yang dikatakan tidak reti pembangunan, yang dikatakan naik unta lagi? Mereka sudah buat kapal lama dah. Unta ini orang tidak cakap dah. Ini tiap-tiap kali perhimpunan UMNO, unta, unta, unta. Sejak saya di Tingkatan 6, saya ingat, tiap-tiap tahun mesti sebut unta dan [Disampuk] isunya tidak bertambah, unta itulah juga.

Jadi ini yang berlaku dan ditulis oleh seorang lagi pengkaji barat Gibson Hill, pada tahun 1948 bagaimana industri perkapalan ini begitu maju di negeri Kelantan dan Terengganu. Jadi saya hendak sebut bahawa industri kapal adalah industri yang besar tetapi kalau kita sekadar buat satu Rang Undang-undang untuk daftar nama sahaja, itu bukan kemajuan. Itu bukan kemajuan. Betul tak Kepong? Setakat daftar nama sahaja. Kapal dibina daripada negara lain, kita beli daripada negara lain tetapi kita hanya mendaftarkan namanya di Malaysia, iaitu di Langkawi. Sepatutnya pada masa yang sama kita mengembangkan industri ini dengan mengambil bakat-bakat tempatan ini.

Jadi saya hendak tahu apa rancangan kementerian? Bahkan Kementerian Belia dan Sukan, juga Kementerian Pembangunan Usahawan? Bagaimana kita mengembangkan semula bakat-bakat yang boleh membina kapal ini dengan tidak ada satu lukisan kejuruteraan, kapal ini tidak tenggelam. Kalau kita pergi ke Pengkalan Kubor, kapal ini dibina di atas daratan, sudah siap baru tolak masuk ke dalam lautan dan kapal belayar dengan baik, kemudian di Langkawi kita daftarkan kapal-kapal ini dan kapal ini sebahagiannya dibeli oleh orang-orang yang kaya raya.

Saya menyokong industri ini supaya orang-orang kaya - orang kaya pun tidak apa, dia kaya kita tidak boleh dengki dengan dia - boleh menggunakan riadah ini. Akan tetapi kalau dia beli kapal ini dengan duit Tabung Haji yang dia bawa lari, itu tidak betul. Bahkan seperti kata Yang Berhormat bagi Tumpat tadi, kita hendak pengesahan. Kalau Tan Sri Tajuddin beli kapal itu daripada duit emas, berat kita, tidak betul itu. Tan Sri Tajuddin juga saya difahamkan dia ada satu landasan di Pulau Pangkor dan juga landasan untuk kapal terbang kecil, juga chalet dan sebagainya di Pulau Pangkor termasuk kapal layar yang mewah. Jadi, seperti kata Yang Berhormat bagi Bachok juga tadi, adakah kapal-kapal ini dimiliki melalui sumber-sumber yang sah, yang halal. Ini, dari segi undang-undang kita payah hendak kaji. Tetapi, saya rasa industri ini jika dikembangkan, boleh membawa orang kaya berlabuh di negara kita dan menghasilkan pulangan-pulangan kepada negara kita.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tumpat dari segi keselamatan. Bila saya melawat di Langkawi, ke tempat kapal-kapal layar ini berlabuh, kita boleh naik kolek yang kecil, kita boleh masuk ke dalam, boleh melihat-lihat kapal-kapal yang cantik ini termasuk kapal yang dinaiki oleh Datuk Azhar yang telah belayar. Kita boleh masuk dengan begitu senang, tidak ada siapa kawal, tidak ada siapa periksa kita. Kalau kita hendak jadi *terrorist*, memang kita boleh taruh bom situ, boleh taruh dadah situ.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung.

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh taruh macam-macam perkara di situ. Jadi, keselamatan adalah satu perkara yang patut ditekankan dalam rang undang-undang ini bagaimana kita hendak *regulate* kapal-kapal yang berlabuh ini.

Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tumpat iaitu dalam muka surat 14 ataupun dalam Seksyen 16 1(iii) "*nama yang dicadangkan bagi kapal layar itu;*" mestilah nama yang sesuai dengan identiti kita dan juga tidak terlalu menonjol kesilapan-kesilapan ini. Saya terbaca satu kapal didaftarkan sebagai 'Dewa Suci' umpamanya, satu contoh. Jadi, Ketua Pengarah boleh dengan ini, enggan mendaftarkan sesuatu kapal layar jika dia berpuas hati bahawa nama yang dicadangkan bagi kapal layar itu adalah tidak bersesuaian.

Tetapi, kalau nama itu sesuai, tetapi tidak sesuai bagi pihak kerajaan, umpamanya kalau Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, suatu hari beli kapal layar, dia taruh kapal layar dia nama 'Sabu' adakah itu tidak boleh didaftarkan? Jadi, *clause* ini adalah terlalu longgar. Begitu juga dengan kapal layar itu mungkin digunakan untuk tujuan jenayah. Jadi, mungkin adalah satu perkara yang sangat subjektif. Jadi, adakah kerana seorang syak bahawa kapal itu ada tujuan jenayah, maka dengan sendirinya pendaftarannya akan ditolak. Saya rasa, adalah terlalu luas dan terlalu longgar. Berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu minit.

Tuan Husam bin Haji Musa: Satu minit? Saya terbaca satu makalah iaitu tentang perlumbaan kapal layar ini walaupun angin tidak berapa kuat, seperti kata Yang Berhormat bagi Tumpat iaitu Regatta ini, iaitu satu perlumbaan kapal layar menangi Trofi Cabaran Perdana Menteri yang dianjurkan oleh *The Royal Langkawi Yacht Club* yang dipengerusikan oleh Tengku Abdullah Tengku Abdul Rahman. Saya bacakan apa yang disebutkan oleh Tengku Abdullah iaitu dia rasa sedih bahawa Perdana Menteri akan meletakkan jawatan Oktober ini, sedangkan trofi ini dinamakan sempena dengan nama beliau. Jadi, saya pun tidak tahu, adakah Perdana Menteri betul-betul hendak berhenti Oktober ini ataupun tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sekian, terima kasih.

Datuk Napsiah binti Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berucap?

Datuk Napsiah binti Omar: Kuala Pilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak berucapkah?

Datuk Napsiah binti Omar: Hendak menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, berucaplah. Ambil bahagian dalam perbahasanlah. Sila.

Datuk Napsiah binti Omar: Okey, terima kasih. Keponggah saya?

Datuk Napsiah binti Omar: Ooh!!

Dr. Tan Seng Giaw: [Berjalan keluar Dewan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong hendak keluar.

7.27 mlm.

Datuk Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil untuk bangun, untuk menyokong usul ini. Saya hendak ucapkan syabas kepada kerajaan kerana mengambil peluang ini untuk membawa Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003, sebab saya fikirkan ini sudah lama patut diadakan. Ini kerana negara kita ini adalah negara yang dinamakan *maritime* yang dikelilingi oleh laut. Di mana-mana kita pergi ada laut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hendak ganggu sedikit. Selepas Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, Timbalan Menteri menjawab.

Datuk Napsiah binti Omar: Sekejap sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengatakan di sini iaitu dengan adanya undang-undang ini nanti, saya berharap kita akan dapat lagi menggalakkan industri perkapalan ini berkembang di negara kita ini, dan juga rasa saya, bila kita ada kapal layar ini, dikatakan kapal layar. Saya agak tersinggung tadi bila Yang Berhormat bagi Tumpat mengatakan, katanya hanya orang kaya sahaja yang boleh naik kapal layar dan kapal layar ini hanya untuk keseronokan.

Tetapi, apa yang saya baca dalam ini ialah kapal layar ertinya juga sebuah kapal layar yang digunakan untuk sukan, keseronokan atau rekreasi dan termasuk kapal layar perdagangan dan juga kapal layar persendirian. Ini juga, saya harap akan membuahkan industri perdagangan dalam bidang kapal layar. Jadi, saya berharaplah Tuan Yang di-Pertua, kita jangan salah anggap. Ini, saya berharap akan dapat mempertubuhkan juga industri membuat kapal. Betul kata Yang Berhormat tadi, buat kapal ada di sebelah Terengganu, di Kelantan tetapi, MSE di Johor Bharu pun ada juga satu perindustrian yang besar atau untuk membuat kapal.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya baca kamus, *yacht* ini ia tidak boleh muat barang-barang dagangan. Ia kapal layar untuk riadah, bukan kapal layar perdagangan. *[Ketawa]*

Datuk Napsiah binti Omar: Saya faham Yang Berhormat tetapi di sini juga kapal layar perdagangan termasuk juga, bukan tidak masuk. Termasuk juga kapal layar perdagangan. Rasa saya, ini adalah penting bagi kita menubuhkan dan juga bila adanya tempat digunakan Langkawi ini sebagai tempat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi, ini buat permulaan. Bila kita dapat menggalakkan anak-anak kita untuk mengambil bahagian dalam sukan ini, akan juga menimbulkan kasihnya untuk mengadakan nanti industri ataupun membangunkan ekonomi dalam menggunakan persekitaran kita yang ada hari ini.

Jadi, saya harap janganlah pandang rendah tentang perkara ini. Saya juga agak tersinggung. Saya tahu masa tidak cukup. Tetapi, saya ingat Datuk Azhar Mansor menggelilingi dunia menggunakan kapal layar. Mungkin ini mewujudkan satu, rasa saya penghormatan bagi negara kita, terkenal Malaysia, harum nama Malaysia. Janganlah digunakan keseronokan itu, sukan itu untuk hanya menghina orang. Saya agak tersinggunglah bila Yang Berhormat berkata itu. Bila disebut juga tadi, katanya Perdana Menteri mempunyai kapal layar. Tidak bolehkah Perdana Menteri mengadakan satu kapal layar? Tidak bolehkah dia belayar? Ya, dia Perdana Menteri, kita bagilah dia. Kalau 'Mat Sabu', saya tidak sebut 'Mat Sabu' dalam Dewan ini, ramai orang yang nama 'Mat Sabu'. Kalau dia ada kapal layar pun, saya seronok, saya tumpang seronok. Orang Melayu ada kapal layar. Jadi, saya tidak hendak cerita banyaklah, jasa Perdana Menteri banyak. Dapat kapal layar, dia belayar pun, tidak bolehkah?

Beberapa Ahli: *[Bercakap sesama sendiri]*

Datuk Napsiah binti Omar: Haa, tidak bolehkah dia belayar? Jadi, Tuan Yang di-Pertua masa tidak cukup. Saya bangun menyokong rang undang-undang ini dan saya hendak minta..... *[Disampuk]*

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

Beberapa Ahli: Langkawi, Langkawi.

Datuk Napsiah binti Omar: Ya?

Beberapa Ahli: *[Membuat bising] [Tepuk]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat tidak ada *yacht* ataupun kapal, yang disediakan ialah untuk Perdana Menteri dan disimpan dalam galeri-galeri sebagai bukti, ini sebagai makluman. Jadi, mungkinlah yang diterangkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian itu tidak betul semata. Terima kasih.

Datuk Napsiah binti Omar: Okey Yang Berhormat, terima kasihlah atas sokongan itu, ya. *Yacht* ini tadi, yang di Port Dickson pun ada *yacht*. Jangan menghina kami ya, kapal layar *yacht* ini. Di Port Dickson, sudah bertahun ada satu *Yacht Club*. Sudah lama sudah, ya. Ramai juga anak-anak Melayu pergi ke situ kerana bukan sahaja hendak keseronokan tetapi ia dalam sukan air ini tadi, ia menguji daya ketahanannya, fizikalnya dan mentalnya juga. Bagaimana hendak mengimbangkan bila belayar atas laut itu. Jadi beginilah, saya menyokong rang undang-undang ini, memandangkan masa tidak cukup ya, saya menyokong.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Napsiah binti Omar: Ya, ya, saya menyokong. Ooh, hendak balik ya? Saya tidak payah balik. Jadi, saya ingin jugalah menyatakan kepada pihak yang sana, jangan lupa. Bagilah peluang kepada Perdana Menteri kita belayar, ya. Saya hendak bagi Ahli-ahli Yang Berhormat di situ dengar, bawa balik penghujung sesi Parlimen ini satu pantun.

*Anak haruan berlima-lima,
Mati ditimpa ikan gelama,
Jasa Perdana Menteri rakyat terima,
Menjadi kenangan selama-lama.*

[Tepuk] [Dewan gamat seketika]

Dengan ini saya sokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

7.30 mlm.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk berucap, menyokong serta setengah-tengahnya menegur tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengenai yang dimaksudkan oleh rang undang-undang ini.

Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah juga Yang Berhormat bagi Sri Gading yang telah menyokong rang undang-undang ini. Benarlah kata Yang Berhormat bagi Kuala Pilah bahawa amat sesuai sekali kita mengadakan perundangan yang sedemikian dan menggalakkan industri *yachting* atau kapal layar.

Oleh kerana Malaysia negara kita mempunyai tradisi yang begitu lama dan nenek moyang kita juga belayar dari satu kepulauan ke satu kepulauan yang lain hingga ke Madagascar dan juga bukan sahaja mempunyai tradisi yang begitu lama tetapi juga dari segi praktikalnya. Negara kita seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah itu tadi dikelilingi oleh laut. Oleh itu sesuai sangatlah kita mewujudkan industri seperti ini.

Begitulah Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada kerajaan, daripada Kuala Pilah, Sri Gading yang menyokong mempunyai pandangan yang jauh dan luas. Ini termasuklah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang mempunyai pandangan yang jauh dan luas dan sikap-sikap seperti inilah yang dikehendaki untuk membangun negara kita ke arah Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tumpat telah membangkitkan perkara-perkara bahawa ini merupakan satu perkara yang pura-pura ataupun satu perkara yang menekankan kepada keseronokan, satu perkara yang menekankan kepada rekreasi sahaja dan satu perkara yang mengikut sikap dan sifat-sifat yang ada

pada orang Eropah, yang baru-baru ini kita sebut dalam satu ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sebenarnya memanglah pendaftaran industri ini adalah tujuannya untuk menyelaraskan pendaftaran kapal-kapal layar dan memberi kemudahan-kemudahan kepada kapal-kapal layar ini termasuklah kemudahan-kemudahan membina 21 lokasi di seluruh negara dan juga kemudahan-kemudahan yang lain supaya kapal-kapal layar seluruh dunia akan mengunjungi negara kita ini. Ini adalah bertujuan untuk membangunkan industri di bidang ini dan menarik pelancongan serta juga meningkatkan lagi imej kita sebagai satu negara yang mampu mengadakan riadah yang sedemikian dan meningkatkan lagi pelaburan.

Selain daripada itu, kita berupaya dan berpeluang pula untuk memberi latihan kepada anak-anak negara kita untuk menjadi kelasi, menjadi anak kapal, nakhoda yang terlatih dan diharapkan dengan adanya perwujudan pusat-pusat pendaftaran ini negara kita akan menjadi satu pusat pelayaran dan juga pusat latihan kepada anak-anak kapal dan nakhoda-nakhoda kapal yang akan memberi pengalaman dan pendedahan kepada mereka di masa-masa yang akan datang. Sememangnya ini adalah merupakan satu rekreasi.

Saya tidak menafikan bahawa ada elemen-elemen keseronokan di sini. Apa salahnya ada keseronokan, banyak perkara-perkara riadah yang kita lakukan yang telah dilaksanakan mempunyai elemen-elemen keseronokan, begitu juga sukan-sukan yang lain. Tetapi apa yang kita hendak tekankan di sini, bukanlah keseronokan semata-mata, rekreasi semata-mata.

Apa yang hendak kita tekankan di sini di sebalik tujuan yang kita kehendaki yang lebih-lebih lagi adalah supaya menjadikan negara ini sebagai satu pusat kapal layar. Kapal layar ini bukan kapal yang mempunyai layar sahaja tetapi kapal layar ada juga enjin dan ada juga kapal yang ada enjin tidak ada layar, dua-dua bukan kapal layar, juga tidak ada bersangkut paut sangat dengan tiupan angin, kadang-kadang tiupan angin yang di sebaliknya pun kapal layar boleh berjalan.

Jadi, kita mesti faham sedikit tentang aspek-aspek ini. Apa yang kita hendak tekankan adalah bahawa ianya akan meningkatkan lagi keupayaan kita untuk menarik pelancong, kerana ianya akan membawa aura, akan meningkatkan lagi moral kita, bahawa kita mempunyai kebolehan untuk mengadakan sistem seperti ini, mengadakan riadah dan rekreasi seperti ini. Ini akan membawa keyakinan kepada pelancong-pelancong di negara lain untuk datang ke negara kita. Sambil itu kita akan dapat membina industri pelancongan, industri di bidang ini dan juga berupaya dan berpeluang untuk meningkatkan lagi keupayaan kita untuk melatih warganegara sebagai kelasi yang mampu.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya dasar seperti ini yang saya percaya satu dasar yang digalakkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan satu dasar yang liberal dan kita masih ingat, banyak Ahli-ahli Yang Berhormat di sini juga masih ingat bahawa dasar yang liberal juga telah menjadikan Melaka sebagai satu pelabuhan yang ulung yang pernah dikatakan oleh seorang *chronicler* Portugis yang terkenal iaitu Tom Pyres yang mengatakan bahawa Melaka setanding dengan Venice atau mengatakan Melaka adalah *Venice of the East*.

Ini telah terjadi sedemikian kerana adanya dasar-dasar Kesultanan Melayu pada masa itu yang liberal, yang menggalakkan pendatang-pendatang asing datang, berdagang, segala para pedagang datang mengunjungi Melaka dan diberikan dengan kemudahan-kemudahan yang tertentu dan dengan itu rakyat aman, damai, sejahtera dan makmur.

Begitu jugalah dengan perkara yang hendak diwujudkan ini merupakan satu dasar yang liberal yang akan membawa negara-negara lain untuk warganegara lain, pelancong-pelancong negara lain untuk datang dan seterusnya mewujudkan dan memantapkan lagi industri di bidang ini. Kedatangan pelancong dan sebagainya dan sudah tentulah ini akan mendatangkan pendapatan yang lebih dan akhirnya membawa kesejahteraan kepada rakyat.

Tidak seperti umpamanya orang-orang Barat Eropah yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pada masa itu Melaka aman, makmur, maju dengan adanya orang-orang pedagang daripada India, daripada China, daripada Jawa dan yang lain berdagang maju. Tetapi apabila orang Portugis datang, dia lihat matanya tamak, melihat bahawa inilah kepunyaannya, maka dirampasnya. Perang berlaku, orang dibunuh dan sampai kebelakangan ini barulah Melaka pulih. Selepas itu Melaka tidak pulih, selepas diserang dan ditakluk, dijajah oleh Portugis, Belanda dan selepas itu British. Selepas itu Melaka tidak pulih, selepas diserang dan ditakluk dan dijajah oleh Portugis, Belanda dan selepas itu British. Memang tepat sekali kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan dari segi sejarahnya bahawa inilah sikap dan sifat orang-orang yang berketurunan Eropah. Orang lain bekerja mengukir hidup dengan berdagang dan sebagainya, mereka datang merampas harta orang dan membunuh. Jadi saya tidak salahkan sesiapa malah kita puji sikap dan pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai orang Eropah ini, memang tepat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan perkara-perkara yang lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi sama ada lanun, penyeludupan dan sebagainya, *terrorism* dapat dikawal, ini memang di antara salah satu daripada tujuan untuk mengadakan pusat pendaftaran ini supaya segala aktiviti-aktiviti ini dapat dikawal. Bukan sahaja itu dapat dikawal tetapi juga nama-nama seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, nama-nama Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi juga dapat dikawal dan sekiranya ini berlaku dan jikalau mereka tidak mengikut kehendak-kehendak menteri dan ketua pengarah mengenai perkara-perkara ini ataupun perkara-perkara yang di syak berlaku maka pendaftaran mereka boleh ditolak ataupun jikalau sudah didaftar, maka mereka boleh ditamatkan pendaftarannya.

Perkara-perkara yang lain ada juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai banyak kapal layar. Negara kita 51 kesemuanya yang ada sekarang dan mereka akan didaftarkan dan juga bilangan kapal layar di seluruh dunia adalah 4,382. Ingatlah bahawa industri ini, industri mega *yacht* ini sekurang-kurangnya adalah menjana putaran perbelanjaan lebih daripada USD1 bilion, hampir RM4 bilion. Jadi kalau kita tidak memainkan peranan dalam bidang ini, amat rugi sekali tambah-tambah lagi negara kita sudah mempunyai tradisi yang sedemikian dan mempunyai satu kedudukan fizikal yang dikelilingi oleh laut serta juga adanya beberapa *marina* yang sekarang terbina, lapan *marina* yang dibina sekarang dan kerajaan akan membina 21 lagi, satu telah siap, satu hampir siap dan 19 lagi akan dilaksanakan dan sudah tentulah ini akan menggalakkan lagi *yacht*, tuan punya *yacht* (kapal layar) daripada negara asing datang ke mari untuk mendaftar dan seterusnya menikmati kemudahan-kemudahan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, sekian jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN**AKTA TABUNG ANTARABANGSA BAGI
PEMBANGUNAN PERTANIAN 1992****Sumbangan Dana Tambahan Malaysia Kepada Tabung Antarabangsa Bagi
Pembangunan Pertanian Sebanyak USD250,000**

7.47 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Mengikut Seksyen 5 Akta Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian 1992. Dewan ini membuat ketetapan bahawa sumbangan Malaysia sebanyak USD250,000 atau lebih kurang RM950,000 kepada tambahan Dana Keenam Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian diluluskan.”

Tujuan ketetapan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan Dewan Rakyat bagi Malaysia membuat sumbangan berjumlah USD250,000 atau lebih kurang RM950,000 kepada tambahan Dana Keenam Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian.

Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian ataupun *International Fund For Agriculture Development* ringkasnya IFAD adalah sebuah agensi khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditubuhkan pada tahun 1977 untuk memberi bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman kepada negara-negara yang sedang membangun bagi membiayai projek-projek pertanian khususnya pengeluaran makanan.

IFAD memperolehi sumber kewangan melalui sumbangan daripada negara-negara ahli yang diminta menerusi penambahan Dana IFAD untuk pembiayaan bagi setiap tempoh tiga tahun.

Keahlian IFAD terbahagi kepada tiga kategori iaitu kategori pertama – negara-negara maju sebanyak 23 buah negara. Kategori kedua ialah negara-negara pertubuhan pengeksport minyak OPAC sebanyak 12 buah negara dan kategori ketiga ialah negara-negara membangun sebanyak 127 buah negara. Malaysia adalah dalam kategori ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menganggotai IFAD pada 23 Januari 1990 setelah permohonan rasmi dikemukakan pada 24 November 1989. Sehingga kini sumbangan Malaysia kepada IFAD berjumlah USD750,000 iaitu USD500,000 dalam tahun 1995 dan USD250,000 dalam tahun 2001. Tambahan Dana Keenam adalah bagi keperluan sumber kewangan IFAD bagi tempoh 2004 dan 2006. Malaysia dicadangkan menyertai tambahan Dana Keenam dengan sumbangan sebanyak USD250,000. Ini adalah wajar bagi menunjukkan komitmen yang berterusan dari Malaysia ke atas pembangunan negara-negara dunia ketiga yang miskin. Ia juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kerjasama di antara negara-negara Selatan atau *South-South Corporation* melalui sumbangan kepada institusi multilateral.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini disyorkan supaya Malaysia menyumbang sebanyak USD250,000 atau lebih kurang RM950,000 kepada tambahan Dana IFAD Keenam dan ini adalah sumbangan ketiga Malaysia kepada IFAD.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd Khir]: Saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah satu usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi terbuka untuk dibahas.

Ya Kepong. Selepas ini Setiausaha Parlimen menjawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya dengan secara pendeknya akan mengulas sesuatu mengenai tabung ini kerana kita minta Dewan Rakyat untuk meluluskan sesuatu jumlah peruntukan bagi Tabung Antarabangsa. Di sinilah saya hendak bertanya, daripada ketiga kategori yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, apakah formula yang digunakan untuk menetapkan bagi Malaysia 250,000 Dollar Amerika?

Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas pun kita diminta untuk meluluskan peruntukan untuk sumbangan juga. Waktu itu saya ada juga bertanya, apakah wang yang kita sumbang kepada tabung tersebut digunakan? Kalau kita ambil daripada tiga kategori ini termasuk yang termaju 23, OPEC 12, dan sebagainya, apakah jumlah yang terdapat di dalam tabung tersebut? Apakah kena mengena dengan Bangsa-bangsa Bersatu? Bila kita salurkan wang ini kepada tabung, adakah itu melalui aktiviti-aktiviti yang ditetapkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu?

Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila jawab.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong di atas pertanyaan-pertanyaan beliau. Yang pertama tentang formula yang ditetapkan iaitu untuk sumbangan kita kali yang ketiga ini ialah USD 250,000. Ini adalah dilakukan atas permintaan yang ditetapkan oleh IFAD sendiri di atas permintaan iaitu bagi kita untuk menyumbang sebanyak USD 250,000. Itulah formulanya. Jumlah yang terdapat bagi tabung ini, saya tidak ada angkanya, Yang Berhormat, dan kita akan cuba dapatkan berapa banyak *fund* untuk tabung ini.

Dan apa kena mengenanya dengan PBB? IFAD adalah di bawah pengawasan PBB, jadi kerana itu maka PBBlah yang akan menentukan apakah kegiatan ataupun PBB akan memantau dan menentukan perjalanan IFAD ini dan pentadbirannya sekali gus. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah di setujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Diputuskan,

“Mengikut Seksyen 5 Akta Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian 1992. Dewan ini membuat ketetapan bahawa sumbangan Malaysia sebanyak USD250,000 atau lebih kurang RM950,000 kepada tambahan Dana Keenam Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian diluluskan. “

AKTA KAWALAN PERTUKARAN WANG 1953

- i) Peraturan-Peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi ke atas Dana yang Direpatriasi oleh Bukan Pemastautin) (Pindaan) 2002;
- ii) Peraturan-Peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi ke atas Dana yang Direpatriasi oleh Bukan Pemastautin) (Pindaan) (No. 2) 2002; dan
- iii) Peraturan-Peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi ke atas Dana yang Direpatriasi oleh Bukan Pemastautin) (Pembatalan) 2002 diluluskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut seksyen 46(2) Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 supaya Dewan ini membuat ketetapan bahawa:

- i) Peraturan-Peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi ke atas Dana yang Direpatriasi oleh Bukan Pemastautin) (Pindaan) 2002;
- ii) Peraturan-Peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi ke atas Dana yang Direpatriasi oleh Bukan Pemastautin) (Pindaan) (No. 2) 2002; dan
- iii) Peraturan-Peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi ke atas Dana yang Direpatriasi oleh Bukan Pemastautin) (Pembatalan) 2002 diluluskan.

Tujuan ketetapan ini adalah untuk mendapat kelulusan Dewan Rakyat bagi peraturan-peraturan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, pada 1 September 1998 kerajaan telah mengenakan larangan kepada seseorang bukan pemastautin daripada merepatriasi dana iaitu jumlah wang pokok dan keuntungan yang dipegang olehnya di dalam akaun luaran ke luar Malaysia untuk tempoh 12 bulan kerana tempoh dana itu di bawa masuk ke Malaysia, tertakluk kepada beberapa pengecualian bagi dana-dana yang ditetapkan. Langkah-langkah ini adalah salah satu langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengawal spekulasi mata wang ringgit.

Bermula dari 15 Februari 1999, kerajaan telah menguatkuasakan Peraturan-peraturan Kawalan Pertukaran Asing iaitu levi ke atas dana yang direpatriasi oleh Bukan Pemastautin 1999. Melalui peraturan-peraturan ini kerajaan telah memberi kelonggaran kepada seseorang bukan pemastautin untuk membawa keluar dana pokok dan keuntungannya dari Malaysia tertakluk kepada pembayaran levi di antara 30% hingga 10%. Langkah ini bertujuan untuk membolehkan bukan pemastautin membawa keluar dana mereka di samping menggalakkan pelabur asing yang sedia ada untuk meneruskan pelaburan jangka panjangnya di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada 21 September 1999 sistem levi telah dilonggarkan dengan mengenakan kadar levi seragam sebanyak 10% ke atas setiap repatriasi keuntungan portfolio yang dibuat selepas 15 Februari 1999. Kelonggaran ini di buat bagi memudahkan pentadbiran dan pengiraan ke atas pelaburan portfolio.

Pada 1 Februari 2001, sistem levi telah dilonggarkan lagi di mana bayaran levi sebanyak 10% hanya dikenakan ke atas repatriasi keuntungan portfolio yang telah direalisasikan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pelaburan. Repatriasi keuntungan potfolio yang telah direalisasikan selepas tempoh 12 bulan dari tarikh 12 bulan dikecualikan dari levi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pada 2 Mei 2001, sistem levi telah dimansuhkan. Apabila negara dapat mencapai kestabilan ekonomi dan kewangan, pembatalan sistem levi itu juga menggalakkan pelaburan asing di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini disyorkan supaya peraturan-peraturan tersebut diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

8.02 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tidak mengapa.

Dr. Tan Seng Giaw: Walaupun Usul ini adalah penting untuk negara ini. Ahli-ahli Parlimen mestilah peka kepada soalan levi ataupun kawalan pertukaran asing kita.

Kerana kita di Malaysia ini ialah negara yang berdagang, *trading nation* dan pertukaran asing memang penting bagi Malaysia, bukan sahaja pertukaran wang dengan pihak Amerika Syarikat dan Dollar Amerika Syarikat bahkan juga dengan Euro.

Saya pun berharap kita akan menggunakan kesempatan untuk menyalurkan kepada Euro juga supaya kita tidak bergantung semata-mata kepada Dollar Amerika Syarikat dan mungkin bukan sahaja Dollar Amerika Syarikat kepada Euro, kepada mata wang yang lain juga, satu *basket* untuk kita, supaya kita tidak terlalu bergantung kepada satu mata wang asing.

Dan ada pada prinsip ekonominya apabila kita mengenakan satu kawalan pertukaran asing, waktu itu tahun 1997 dan 1998, itu memang untuk menyelamatkan ekonomi, kita perlu berbuat demikian.

Tetapi setelah kita adakan kawalan sedemikian, susah hendak kita batalkan sama sekali dan usaha pihak kerajaan saya nampaknya ada dengan sedikit sebanyak ada longgarkan sedikit bagi menggalakkan pelabur-pelabur asing.

Di sini saya hendak menanya Yang Berhormat, setakat manakah walaupun ada longggaran sedikit kawalan tukaran asing ini sudah menjejaskan pelaburan dan juga pasaran modal kita.

Memang sekarang dengan nilai Dollar Amerika sudah merosot dan kita - memang pembesar suara kita pun ada merosot sedikit pendengarannya. *[Ketawa]* Nilai Dollar Amerika Syarikat merosot sedikit, dan ini bagi kitalah Shah Alam itu, ini satu perkara yang sangat penting bagi negara.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Hmm, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Bolehkah beri penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya minta penjelasanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Kepong. Tadi dia bercakap - saya bantu dia ini kerana dia kurang faham ini - sebab isu yang kita hadapi ini bahawa tentang dahulu kawalan kewangan (*capital control*), dahulu kalau orang yang melabur bukan *permanent residence* pun dia boleh bawa duit itu keluar kerana ada kawalan pertukaran.

Jadi, ini longggaran yang telah pun diberi, jadi ini dia hendak dilanjutkan. Dengan usaha ini akan boleh lagi menarik pelaburan asing ke negara. Itu sahaja isu yang kita hadapi. Apa yang pembesar suara Yang Berhormat hendak pusing-pusing ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak ada masalah, apa masalahnya?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bergantung kepada Shah Alam, kita akan muflis. *[Ketawa]* Akan muflis sama sekali negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah, ya, tidak mengapa, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Biar Setiausaha Parlimen menjawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, pihak Setiausaha Parlimen lebih faham lagi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa yang maksud saya itu. Kalau Shah Alam tidak faham, jangan kita kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Memang kita perlu buat sesuatu untuk menghalang daripada ekonomi kita menghadapi bencana yang besar, waktu itu tahun 1997, tahun 1998, tetapi dengan keadaan yang kian pulih, saya nampak pihak kerajaan sudah melonggarkan syarat-syarat bagi bukan pemastautin yang hendak merepatriasikan wang yang keuntungan yang didapati di negara ini.

Walau bagaimanapun, setelah kita adakan kawalan sedemikian, susah hendak kita batalkan. Walaupun sedikit sebanyak kita buat untuk melonggarkan syarat-syarat tetapi tidak semestinya ini kita boleh kekalkan, sebab Tuan Yang di-Pertua, kalau nilai Dollar Amerika meningkat dengan banyak, kita memang susah.

Sekarang kerana merosotnya Dollar Amerika maka kita untung, kita memang untung. Saya pun ada sebutkan kalau *reserve* negara kita meningkat kepada US\$40 billion, saya tidak hairan, tidak hairan hah. Di sini saya hendak tekankan bahawa dan Shah Alam perlu faham, apabila kita kenakan kawalan yang sedemikian, susah hendak kita batalkan.

Kalau Dollar Amerika meningkat dengan dahsyat, apakah hendak kita buat? Adakah waktu itu kita akan batalkan dengan begitu sahaja, kita tidak boleh. Tidak boleh, saya cadangkan supaya pihak kementerian ada strategi yang cukup untuk masa akan datang.

Bilakah boleh kita batalkan sama sekali, memansuhkan kawalan ini sama sekali. Kita tidak boleh buat dengan terkejut, kalau kita berbuat demikian pun akan menjejaskan ekonomi.

Tetapi cuba

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Shah Alam, Shah Alam.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong yang cuba jadi profesor kepada *foreign exchange* dalam masa sekelip mata ini kerana selalu pemikiran dia terkepung. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa setiap apa yang kita lakukan dan untuk memberhentikan secara *abruptly*, tentu akan merosakkan keadaan.

Tetapi apa yang saya faham daripada penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian tadi, bahawa dahulu kita adakan kawalan modal untuk menentukan keadaan supaya terkawal, kita buat satu ketetapan dan dengan izin, ia *very rigid* ya. Lepas itu kita lihat dalam satu masa yang terdekat dengan sistem yang *rigid* ini, kita menghadapi masalah supaya pelabur tidak boleh masuk dalam pasaran kita kerana dia tidak boleh bawa keluar dia punya duit atas ketetapan yang dibuat.

Justeru kerana itu, kerajaan mengambil langkah yang lebih fleksibiliti mengadakan kelonggaran perkara tersebut. Ini akan lebih memudahkan supaya pelabur yang bukan pemastautin tetap, ia dapat hasil yang dia buat dalam pelaburan.

Jadi, sebagai contohnya kita menyediakan iklim dan suasana yang sihat supaya kita punya *market* boleh digerakkan dan orang boleh bawa duit keluar ya, yang ini yang saya faham. Jadi, saya fikir bahawa Usul yang dibawa oleh pihak kerajaan ini

adalah Usul yang baik, yang perlu kita sokong. Jadi, saya tengok apa yang masalahnya Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Kalau saya fahamlah, saya tidak tahulah kalau Yang Berhormat tidak faham, tetapi saya faham.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Saya mencadangkan supaya jangan ambil Shah Alam untuk menjadi Menteri Kewanganlah, *[Ketawa]* kalau begitu kita bankrap. Kita bankrap sama sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak mengapa, teruskan Yang Berhormat, kita tunggu apa jawapan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila teruskan Yang Berhormat kalau ada lagilah.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang, kalau kita longgarkan, tidak, tidak, hanya itu sahaja, saya hendak buat beberapa cadangan, supaya masa depan kita boleh senang sedikit. Itu maksud saya, kerana kita tidak boleh mengawal pertukaran asing untuk selama-lamanya, kerana kita di dalam dunia global, kita di dalam pasaran antarabangsa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat. *[Disampuk]* Ya, kalau hendak cepat, jangan kacau Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, jangan kacau, jangan kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Lagi dikacau, lagi panjang.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak beri cadangan sahaja, sebab saya tahu itu banyak pakar di dalam Kementerian Kewangan, mereka memang tahu apa maksud saya. Tetapi Sri Gading dan Shah Alam tidak tahu tidak mengapalah, jangan kacau sangat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tadi mahu balik.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak balik juga, tetapi ini melibatkan berbilion-bilion ringgit Dollar Amerika, itu kewangan wang Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah habis Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Dak lagi, tidak lagi, ada sedikit. Tuan Yang di-Pertua,

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tahu, hendak habis dah. Saya pun hendak balik juga.

Seorang Ahli: Berpusing-pusing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak pusing, tak pusing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Hmm, teruskan Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak pusing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak kurangkan, syarat itu betul. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengadakan satu strategi. Strategi yang membolehkan kita selamat daripada keadaan, apabila nilai Dollar Amerika meningkat dengan banyak dan akan menjejaskan kawalan ini.

Seperti berlaku dengan Amerika Latin beberapa tahun yang lepas dan juga Argentina dan sebagainya, kerana pengurusan ekonomi tidak cekap, maka terkenallah mereka dengan ekonomi yang merosot sangat, yang bankrap dan mufliis. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, apakah strategi pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah kawalan ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila jawab.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Sebenarnya seperti yang saya bacakan tadi bahawa sistem levi telah pun dimansuhkan pada 2 Mei 2001. Ertinya telah dimansuhkan apabila ekonomi negara kita telah mula stabil, maka kita rasa tidak perlu lagi kita memiliki sistem levi ini.

Dengan pemansuhan sistem levi ini juga adalah untuk menggalakkan pelaburan asing ke Malaysia. Oleh kerana itu, apabila ekonomi kita sudah mula stabil, kita mansuhkan sistem ini pada 2 Mei 2001. Dengan cara itu, maka kita menggalakkan kemasukan pelaburan asing ke Malaysia.

Pengenalan dan pelaksanaan sistem levi ini hanyalah bertujuan sebagai langkah sementara kerajaan untuk menangani krisis ekonomi pada masa itu. Dengan pencapaian kestabilan ekonomi dan kewangan, peraturan-peraturan tersebut tidak lagi perlu dikekalkan.

Yang Berhormat bagi Kepong, usul pada hari ini ialah untuk meminta Dewan ini meluluskan pemansuhan sistem itu yang telah pun kita bentangkan di Parlimen pada sesi 2002 yang lalu.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada apa Yang Berhormat bagi Kepong?

Tuan Hashim bin Ismail: Sekejap lagi, sekejap lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan?

Tuan Hashim bin Ismail: Nanti dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Tunggu dulu, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Tetapi oleh kerana sesuatu sebab teknikal, maka usul mengenainya telah tidak dapat dikemukakan kepada pihak Parlimen. Dengan yang demikian, tata cara tersebut telah tidak mematuhi peruntukan Seksyen 46(2), Akta Kawalan Pertukaran Wang. Jadi, pada hari ini kita mahu supaya Dewan ini mengesah dan meluluskan pembatalan tersebut. Ini saya kira sebagai retrospektif, kebelakangan. Pada hari ini kita minta supaya Dewan ini meluluskan pembatalan tersebut yang telah pun kita lakukan. Ini ialah *things of the past*, Yang Berhormat bagi Kepong. Perkara yang sudah lepas. Kita cuma minta Dewan ini meluluskan tentang pembatalan tersebut sahaja. Itu sahaja yang kita minta pada hari ini, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, penjelasan apa Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Cuma satu sahaja. Bolehkah Yang Berhormat terangkan sejak 1 September 1998, jumlah wang yang telah direpatriasikan oleh pihak bukan pemastautin dan jumlah levi yang kita dapati.

Tuan Hashim bin Ismail: Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa jumlah wang yang direpatriasi atau dikeluarkan, saya tidak ada Yang Berhormat. Nanti saya cuba dapatkan. Tetapi jumlah levi yang kita perolehi daripada bulan Februari 1999 sehingga April 2001 ialah RM237.38 juta. Itu sahaja angka yang dapat saya berikan setakat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Cukuplah.

Tuan Hashim bin Ismail: Jumlah repatriasi saya akan cuba dapatkan dan akan saya berikan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Jumlah ini tidaklah besar Yang Berhormat kerana kita bukanlah hendak cari untung daripada sistem ini. Kita cuma hendak menyekat supaya pengaliran wang tidak begitu berleluasa.

Dalam keadaan yang gawat itu, kita rasa ini perlu dan walaupun jumlahnya tidak besar, tetapi kita berjaya mengekang atau menyekat pengaliran wang keluar dari negara kita dan itu adalah merupakan satu langkah yang bijak. Kerana itulah maka negara kita agak cepat pulih daripada kegawatan. Itu adalah di antara sebab mengapa negara kita cepat pulih daripada kegawatan kerana langkah-langkah ini yang saya sebutkan tadi.

Lain-lain Yang Berhormat sebutkan ialah tentang formula bagaimana kita hendak menyelesaikannya, ini kerajaan akan mengawasinya dari masa ke semasa supaya kenaikan nilai Dolar Amerika tidak menjejaskan ekonomi negara kita.

Sekarang ini seperti kata Yang Berhormat nilainya turun, maka kita mempunyai *advantage* tetapi kerajaan akan memantau perkara ini. Dari masa ke semasa, pemantauan akan dibuat supaya negara kita sentiasa berada dalam stabil ekonominya dan kerajaan sentiasa *forward-looking* dan memastikan supaya negara kita sentiasa berada di atas landasan yang sebaik-baiknya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 15 yang telah dibentangkan sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 183, 184 dan 185 tahun 2003 hendaklah disahkan dan hendaklah dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan dipersetujui.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut seksyen 46(2) Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 supaya Dewan ini membuat ketetapan bahawa:

- i) Peraturan-Peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi ke atas Dana yang Direpatriasi oleh Bukan Pemastautin) (Pindaan) 2002;
- ii) Peraturan-Peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi ke atas Dana yang Direpatriasi oleh Bukan Pemastautin) (Pindaan) (No. 2) 2002; dan
- iii) Peraturan-Peraturan Kawalan Pertukaran Asing (Levi ke atas Dana yang Direpatriasi oleh Bukan Pemastautin) (Pembatalan) 2002 diluluskan.

AKTA KASTAM 1967

(i) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2003; dan**(ii) **Perintah Duti Kastam (Pindaan)(No.2) 2003.**

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:
Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967 supaya perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2003, PU(A) 131 bertarikh 8 Mei 2003; dan
- (ii) Perintah Duti Kastam iaitu barang-barang berasal dari PU(A) 164 bertarikh 29 Mei 2003.

Yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 132 dan 133 tahun 2003 disahkan.”

Tuan Yang di-Pertua, perintah ini bertujuan untuk menurunkan duti import ke atas barang-barang berikut:

- (i) *woven levels, badges of all shapes*, dengan izin, dari 25% kepada 20%;
- (ii) lain-lain *level of textile materials* dari 30% kepada 25%; dan
- (iii) *slight fasteners and parts thereof* dari 30% kepada 20%.

Langkah ini bertujuan bagi mengurangkan perlindungan secara berperingkat-peringkat ke atas keluaran ini supaya pengeluar tempatan bersedia untuk menghadapi persaingan luar.

Yang kedua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) No. 2, 2003, PU(A) 164 bertarikh 29 Mei 2003. Perintah ini bertujuan untuk memenuhi komitmen Malaysia kepada Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di bawah Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA) supaya kadar duti import ke atas produk teknologi maklumat yang telah dikenal pasti diturunkan ke paras duti terikat, iaitu 0% secara berperingkat mulai tahun 1997 hingga tahun 2005.

Produk-produk yang perlu diturunkan pada tahun 2003, di antaranya ialah:

- (i) *facsimile machines* dan *teleprinters*;
- (ii) *telephone apparatus*;
- (iii) *walkie-talkies*; dan
- (iv) *radio telephonic receivers*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Kepong, selepas itu Setiausaha Parlimen menjawab.

8.18 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa yang pendek untuk memberi pandangan saya mengenai usul ini.

Yang pertamanya mengenai *textile materials*. Saya pun tidak begitu faham kerana tahun lepas ada satu usul sedemikian dan bolehkah Yang Berhormat terangkan

apakah *textile materials* yang disebutkan tadi? Saya setuju kita mesti kurangkan perlindungan ke atas industri tekstil kerana kita tidak boleh untuk selama-lamanya mengenakan duti import ke atas kilang-kilang kita.

Yang keduanya mengenai alat-alat ICT tadi itu. Daripada 29 Mei iaitu bulan yang lepas, mengikut apa yang tercatat di sini ialah semua yang disebutkan, iaitu mesin faks, *teleprinters*, alat telefon dan sebagainya sudah pun dikurangkan duti import kepada sifar. Saya pun hairan juga mengapa begitu banyak alat komputer ini tidak dimasukkan di dalam usul ini kerana semua sudah mencapai satu tahap duti sifar untuk *softwares*, *hardwares* dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. *Textile materials* Yang Berhormat bagi Kepong tanyakan tadi ialah merupakan salah satu aksesori yang digunakan untuk membuat pakaian siap, aksesori permainan dan sebagainya. Ia adalah untuk sebagai aksesori kepada industri pakaian syarikat luar yang berada di Malaysia dan mereka ini membuat aksesori yang saya sebutkan tadi dan mereka membekalkan aksesori ini untuk industri pakaian tersebut.

Yang kedua tadi apa Yang Berhormat, saya tidak begitu jelas.

Dr. Tan Seng Giaw: Mengenai ICT, alat-alat ICT sekarang dimaksudkan untuk mesin faks, teleprinter, alat telefon dan saya tidak nampak mengenai *computer softwares* dan sebagainya, sama ada komputer, *softwares* dan *hardwares* itu sudah mencapai duti import yang sifar.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya segala peralatan ICT sekarang ini sedang berlaku penurunan secara berperingkat. Hingga tahun 2005 ia akan tiba ke tahap zero sifar, bukan 0 hingga 5%, bukan zero sebenarnya. Ertinya, kita boleh mengenakan duti import di antara 0 hingga 5%, itu tahap yang paling rendah bagi semua bahan-bahan alat-alat elektronik, teknologi maklumat dan sebagainya hingga tahun 2005. Sekarang ini ia sedang berjalan secara berperingkat-peringkat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tahun bila?

Tuan Hashim bin Ismail: Tahun 2005.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Tahun 2005.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 16 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bil. 132 dan 133 Tahun 2003 disahkan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967 supaya perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2003, PU(A) 131 bertarikh 8 Mei 2003; dan
- (ii) Perintah Duti Kastam iaitu barang-barang berasal dari PU(A) 164 bertarikh 29 Mei 2003.

Yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 132 dan 133 tahun 2003 disahkan.”

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA (MMC)
TIDAK MENYIASAT ADUAN SEORANG PESAKIT KANSER****8.24 mlm.**

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membangkitkan perkara yang telah berlaku tetapi tidak dapat perhatian dan tindakan segera pihak berkuasa yang bertanggungjawab.

Ada seorang pesakit kanser mulut yang bernama Wong Yoke Cheng berumur 48 tahun yang mengadu pada 17 Mei 2002 kepada Majlis Perubatan Malaysia (MMC) bahawa akibat kecuai, ketidakjujuran serta tidak bertanggungjawab seorang doktor pakar, keadaan pesakit bertambah teruk dan beliau semakin menderita.

Pihak MMC tidak pun menjalankan siasatan dan tindakan ke atas doktor terbabit meskipun mengadu berulang kali memperingatkan MMC. Akhirnya, pesakit ini meninggal dunia pada 30 Oktober 2002 dalam keadaan kesal dan kecewa. Sungguh sedih bagi keluarga mendiang Wong Yoke Cheng kerana keadilan ke atas ketidakjujuran doktor tersebut yang menyebabkan pesakit bertambah menderita tidak diberikan kepada mendiang.

Melihat dari situasi ini, di manakah keluarga mendiang atau pesakit-pesakit lain yang ditimpa nasib yang sama akibat sikap MMC untuk mengadu jika MMC sebagai badan profesional kerajaan gagal bertindak segera atas aduan awam. Ketidakberkesanan MMC yang dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan masalah dan aduan berbangkit dari perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang tidak memuaskan oleh para doktor perubatan adalah amat dikesali.

Saya masih ada masa. Untuk makluman, saya ingin meminta nasihat juga daripada Setiausaha Parlimen yang akan menjawab kepada saya nanti. Pesakit dalam soal ini dia telah dipedaya oleh doktor pakar ENT apabila dia melawat Hospital Gleneagle dengan hasrat untuk mendapatkan rawatan seorang pakar ENT di situ.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat baca apa yang ditulis.

Tuan Tan Kok Wai: Saya masih ada masa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak kiralah itu. Baca yang tulis sahajalah, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Masalahnya ialah doktor pakar itu memperdayakan pesakit ini kerana doktor pakar itu walaupun kliniknya berada di Hospital Gleneagle dan doktor itu memiliki klinik itu, tetapi doktor itu dilarang menggunakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat baca yang ditulis sahajalah, Yang Berhormat. Kalau bagi peluang berucap begini, panjanglah nampaknya.

Tuan Tan Kok Wai: Saya diberikan masa tujuh setengah minit, belum sampai lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak kiralah, yang tulis itu tidak sampai tujuh setengah, tak kiralah. Ya, sila jawab.

8.26 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Perubatan Malaysia menerima satu surat aduan daripada Encik Wong Yoke Cheng pada 23 Mei 2002. Beliau membangkitkan aduan mengenai pelanggaran tataetika oleh seorang pengamal perubatan swasta, Dr. Yau Pak Chen yang berkhidmat di Pusat Rawatan Gleneagle dan Pusat Perubatan Taman Desa.

Oleh kerana permohonan Encik Wong Yoke Cheng tidak mempunyai dokumen-dokumen yang lengkap seperti *Statutory Declaration*, Majlis Perubatan Malaysia terpaksa menangguh tindakan prosedur tatatertib terhadap pengamal perubatan tersebut. *Statutory Declaration* hanya diterima pada 16 Ogos 2002. Di samping itu, Penasihat Undang-undang Majlis Perubatan Malaysia perlu menyediakan *Substance of Complaints* sebelum prosedur tatatertib dapat diuruskan.

Majlis Perubatan Malaysia mendapat maklumat melalui siaran akhbar *The Malay Mail* bertarikh 31 Oktober 2002 mengenai kematian Encik Wong Yoke Cheng pada 30 Oktober 2002. Memandangkan prosedur tindakan Jawatankuasa Kecil Penyiasatan Permulaan ataupun dipanggil *Preliminary Inquiry Committee* memerlukan kehadiran pengadu sendiri untuk membentangkan kes, maka PIC dikehendaki memberitahu kepada waris si mati mengenai prosedur tindakan PIC dan juga pendirian mereka sama ada kes aduannya diteruskan juga.

Balu simati Puan Ng Noi Siang hanya mengesahkan secara bertulis mengenai kesudian mewakili simati melalui surat yang bertarikh 27 Februari 2003. Keutamaan dan perhatian khas akan diberi untuk mengadakan tindakan prosedur PIC dan tarikh pendengaran bagi kes ini akan ditetapkan dengan segera. Majlis Perubatan Malaysia telah pun menyediakan semua dokumen untuk membantu Puan Ng Noi Siang mencapai keadilan yang berpatutan.

MASALAH INSINERATOR DI BROGA

8.29 mlm.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan kerajaan untuk membina insinerator di Broga sekali lagi telah mencetuskan kemarahan dan kerisauan penduduk di kawasan Semenyih dan Broga. Kebimbangan mereka yang pertama adalah lokasi insinerator tersebut dan kedua adalah *track record* Ebar Corporation yang kononnya telah ditawarkan projek pembinaan insinerator di Broga.

Broga merupakan kawasan yang berbukit dan mempunyai pemandangan yang cantik. Ia juga merupakan tempat takungan air ataupun *water catchment area* yang membekal air kepada 1.5 juta penduduk di Lembah Klang dan Putrajaya. Memandangkan cadangan insinerator di Broga merupakan insinerator yang terbesar di Asia yang mana boleh membakar 1,500 tan sampah sehari, dan kebimbangan terhadap insinerator di merata-rata tempat di dunia adalah mengenai dioksin yang dibebaskan oleh insinerator tersebut, jadi pembinaan insinerator yang terbesar di Asia di tempat simpanan air ini pun berkemungkinan mengancam nyawa 1.5 juta penduduk di Lembah Klang dan Putrajaya.

Masalah kedua, *Ebara Corporation* merupakan syarikat yang mempunyai banyak masalah. *Ebara* kini menghadapi tindakan undang-undang daripada orang Jepun, di mana salah satu lojinya telah melepaskan *volume of dioxin* yang tinggi serta bahan toksik lain ke dalam Sungai Hikichi selama tujuh tahun. Menurut sampel yang dikutip daripada sungai berkenaan, pencemaran *dioxin* didapati lapan ribu kali lebih tinggi daripada tahap yang dibenarkan oleh undang-undang alam sekitar terbaru di Jepun. Ini merupakan skandal terbesar syarikat tersebut. Selain itu, *Ebara Corporation* juga mengalami kerugian sebanyak US\$225 juta pada tahun lepas disebabkan kegagalan *incinerator* buatannya, dan kos pembinaan *incinerator Ebara* didapati jauh lebih rendah daripada kos sebenarnya.

Para penduduk di Broga ingin bertanya kerajaan, memandangkan *Ebara* mempunyai rekod yang dipersoalkan, kenapakah kerajaan masih ingin menawarkan kontrak *incinerator* Broga kepada *Ebara*?

Tibalah masanya bagi kerajaan untuk mengamalkan dasar “sisa kosong” ataupun “*zero waste policy*”, iaitu satu pendekatan total yang mengambil kira proses pengeluaran barangan dari mula hingga akhir. “*Zero Waste Policy*” merangkumi prinsip *Extended Producer Responsibility* (EPR), di mana pengeluar ataupun *manufacturers* mengambil tanggungjawab penuh terhadap hayat produk mereka dan pembungkusan produknya. Sekiranya sesuatu produk dan bungkusannya tidak boleh diguna semula,

kitar semula ataupun dibuang, maka pengeluar haruslah memikul kos pengambilan dan pembuangan yang selamat. Tibalah masanya bagi kerajaan untuk menggalakkan rakyat untuk mengurangkan penggunaan plastik dan pembungkusan barangan dengan plastik.

Selain itu, kerajaan juga sepatutnya melaksanakan konsep kitar semula yang menyeluruh dan bukan ditekankan di sekolah sahaja. Konsep *incineration* ataupun pembakaran bukannya konsep paling istimewa untuk mengendalikan sampah sahaja. Justeru, saya menyeru kerajaan membatalkan projek *incinerator* di Broga dan memulangkan keselamatan, kesihatan dan ketenteraman kepada penduduk di Broga. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

8.32 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek loji rawatan *thermal* yang dicadangkan adalah tidak dikecuali dari keperluan bagi kajian penilaian kesan alam sekitar (EIA) terperinci. Kajian EIA akan meramal dan mengenal pasti impak pelaksanaan projek kepada alam sekitar dan memperlicinkan kaedah-kaedah yang boleh dilaksanakan bagi mengurangkan kesan pembinaan loji tersebut kepada alam sekitar. Pematuhan kepada syarat-syarat kelulusan kajian EIA yang ditetapkan, akan memastikan loji rawatan *thermal* yang akan dibina adalah tidak membahayakan kepada kesihatan penduduk di sekitar.

Keselamatan kawasan tadahan air juga akan turut diambil kira dalam kajian ini kelak. Sekiranya kajian yang dilaksanakan mendapati projek ini masih memberikan impak kepada alam sekitar termasuk kawasan tadahan air yang dipersoalkan dan tiada langkah pencegahan yang boleh dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini, kerajaan tidak akan meneruskan pembinaannya. Oleh yang demikian, soal pembinaan loji ini yang mengancam nyawa penduduk tidak seharusnya timbul.

Syarikat *Ebara* telah dipilih untuk pelaksanaan projek ini melalui proses tender. Semua syarikat termasuk Syarikat *Ebara* yang menyertai tender ini telah melalui proses penilaian tender yang ketat. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa kerajaan telah menawarkan tender pembinaan loji ini kepada syarikat yang tidak berkeupayaan adalah tidak benar. Dari maklumat yang diterima oleh kementerian ini, pencemaran di Sungai Hikichi, Fujisawa, di Jepun adalah sebenarnya disebabkan kesilapan pentadbiran dan bukan berpunca dari kelemahan teknologi loji rawatan *thermal* itu sendiri.

Kerajaan juga sedang giat melaksanakan kempen kitar semula sebagai langkah untuk mengurangkan pelupusan sisa pepejal. Walau bagaimanapun, seperti yang dibuktikan di negara-negara lain, ia memerlukan masa yang panjang untuk mencapai kejayaan yang diharapkan. Di samping itu, pergantungan kepada kitar semula sahaja tidak berkesan bagi mendapatkan pengurusan sisa pepejal yang efektif kerana tidak semua sisa pepejal yang dijana boleh dikitar semula.

Berbagai kombinasi kaedah pengurusan sisa pepejal adalah diperlukan bagi memastikan pengurusan sisa pepejal negara dapat dipertingkatkan. Sebenarnya inilah pendekatan yang sedang diambil oleh kerajaan, iaitu mengambil pendekatan secara bersepadu yang mengambil kira kaedah-kaedah pengurusan sisa pepejal yang berbeza mengikut kesesuaian tempat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk rekod, sebelum persidangan ditangguhkan, sukacita dimaklumkan bahawa Tun Speaker, saya dan Timbalan Speaker, Datuk Lim Si Cheng mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Parlimen, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan kementerian-kementerian yang terlibat, kerana telah memberikan kerjasama bagi menyelesaikan persidangan kita dengan jayanya kali ini.

Saya ucapkan selamat balik ke kawasan dan rumah masing-masing dengan selamatnya. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan persidangan kita ke satu tarikh yang belum ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.36 malam.